



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 46

Selasa

4 Disember 2018

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 7)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 34)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2019	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
<u>Jadual:-</u>	
Maksud B.43	(Halaman 35)
Maksud B.42	(Halaman 113)
Maksud B.45	(Halaman 187)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 34)
Usul Anggaran Pembangunan 2019	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
Maksud P.43	(Halaman 35)
Maksud P.42	(Halaman 113)
Maksud P.45	(Halaman 187)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA

Selasa, 4 Disember 2018

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah pembangunan di sekitar kawasan Pasir Gudang, Johor termasuk kepentingan Pelabuhan Johor akan tergugat susulan daripada keinginan Singapura untuk merencanakan lagi operasi penerbangan komersial di Lapangan Terbang Seletar yang terletak hanya dua kilometer dari sempadan negara dan bilakah kerajaan akan mengambil balik '*delegated airspace*' kami di selatan Johor dari Singapura demi kepentingan negara.

Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]: Salam sejahtera dan selamat pagi Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya hendak merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Gudang kerana membangkitkan persoalan yang cukup penting untuk negara kita.

Bagi tujuan penaiktarafan sistem dan prosedur pendaratan Lapangan Terbang Seletar adalah menjadi keperluan kepada Singapura untuk menyiarkan tatacara *instrument learning system* ataupun ILS baharu untuk lapangan terbang tersebut. Dalam *aeronautical information publication* (AIP) Singapura selaras dengan piawaian *pihak international civil aviation organization* iaitu sebuah agensi khas di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang bertanggungjawab terhadap penetapan piawaian, saranan dan dasar berkenaan penerbangan awam.

Tatacara ILS merujuk kepada kaedah penerbangan yang dibantu oleh alat pandu arah (*navigation aids*) di lapangan terbang yang menyediakan panduan menegak dan mendarat kepada juruterbang semasa penerbangan turun mendekati landasan. Tatacara ILS menyediakan jalan masuk yang menjamin ketepatan dan kecekapan penerbangan lantas meningkatkan kebarangkalian untuk mendaratkan pesawat di sesuatu lapangan terbang.

Bagi membolehkan pesawat menggunakan tatacara ILS baharu untuk Lapangan Terbang Seletar, maka butiran terperinci tentang peraturan, kaedah dan maklumat lain yang berkaitan dengan jalan masuk tersebut perlu disiarkan secara rasmi dalam AIP Singapura yang dikeluarkan pihak *Civil Aviation Authority Singapore* (CAAS). Tanpa penyiaran tatacara ILS baharu untuk Lapangan Terbang Seletar dalam AIP Singapura, maka jalan masuk tersebut

adalah bersifat tidak lengkap dan tidak boleh digunakan. Penyiaran AIP Singapura sekiranya dibenarkan akan merencatkan pembangunan di kawasan Pasir Gudang kerana setiap bangunan atau apa-apa struktur binaan perlu mematuhi had kawalan galangan dan ketinggian yang ditetapkan mengikut piawaian antarabangsa.

Di samping itu, penyiaran AIP Singapura ini juga akan turut menjejaskan operasi perkapalan di Pelabuhan Pasir Gudang. Bagi menjamin kedaulatan ruang negara dan memastikan pembangunan di sekitar kawasan Pasir Gudang, Johor tidak tergugat, maka kerajaan telah membuat keputusan untuk tidak membenarkan Singapura menyiarkan tatacara ILS baharu tersebut. Keputusan ini telah dimaklumkan kepada pihak Singapura pada 28 November dan 29 November 2018.

Walau bagaimanapun pihak Singapura telah menyiarkan tatacara ILS tersebut pada 1 Disember 2018 iaitu minggu lepas, dan akan berkuat kuasa pada 3 Januari 2019 tanpa kebenaran Kerajaan Malaysia. Penyiaran ini adalah bertentangan dengan prinsip hak kedaulatan negara yang diperuntukkan di bawah *Convention on International Civil Aviation* (Chicago Convention 1944).

Sehubungan itu, Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Luar Negeri akan mengeluarkan nota bantahan serta-merta kepada pihak Singapura berhubung pelanggaran prinsip hak kedaulatan negara tersebut. Pihak Kerajaan Malaysia sentiasa komited dalam mempertahankan kedaulatan dan memastikan kepentingan negara terus terpelihara. Isu-isu yang melibatkan kepentingan strategik pengurusan ruang udara negara akan terus diberikan perhatian yang paling utama.

Merujuk tindakan mengambil balik *delegated airspace* Malaysia di Selatan Johor yang selama ini semenjak tahun 1974 diwakilkan kepada Singapura untuk tujuan penyediaan perkhidmatan kawalan trafik udara melalui *operational letter of agreement between Kuala Lumpur and Singapore, area control centre concerning Singapore arrivals, departures and war flight* (LOA 1974), Kerajaan Malaysia pada 29 November 2018 juga telah memaklumkan kepada Singapura berkenaan rancangan Kerajaan Malaysia untuk mengambil balik ruang udara kedaulatannya secara berperingkat iaitu peringkat pertama dijangka sekitar akhir tahun 2019 dan peringkat seterusnya pada tahun 2023.

Perancangan mengambil balik *delegated airspace* Malaysia di selatan Johor perlu dilakukan secara berperingkat bagi menyelaraskan tatacara perkhidmatan kawalan trafik udara antara penyedia perkhidmatan pengemudian udara (*air navigation service provider*) di kedua-dua negara demi menjamin pergerakan pesawat yang selamat, cekap dan teratur. Pihak Kerajaan Malaysia akan berbincang secara lebih terperinci dengan Singapura berkenaan rancangan mengambil balik *delegated airspace* di selatan Semenanjung Malaysia dan sekiranya perlu akan merujuk kepada pihak ICAO untuk saranan selanjutnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa jika operasi penerbangan komersial di Lapangan Terbang Seletar itu berjalan seperti yang dirancang oleh

Republik Singapura, maka kehidupan penduduk-penduduk kawasan Pasir Gudang dan pelabuhan Johor yang terletak di Pasir Gudang terdedah dengan gangguan penerbangan rendah pesawat-pesawat kapal terbang di atas rumah mereka di atas Pelabuhan Johor. Pencemaran bunyi bising, ancaman risiko kemalangan dan tiada bangunan melebihi ketinggian lima tingkat boleh dibina di laluan kapal terbang yang akan mendarat di Lapangan Terbang Seletar tersebut. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar tentang hal itu?

■1010

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya mudah sahaja. Memang kita sedar dan itu sebabnya kita bantah. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua, ini tentunya tentang masyarakat di Johor, bangsa Johor. Pertama, kita memberi sokongan atas nota bantahan yang dikeluarkan oleh kementerian kepada pihak Singapura melalui Wisma Putra.

Isu ini ialah isu penting lagi sensitif. Dalam konsep kita berjiran, kita juga mengamalkan apa yang dipanggil sebagai memakmurkan jiran. Adakah Malaysia akan membuat rundingan susulan bagi memastikan perkara ini dapat diselesaikan? Adakah perkara yang sensitif ini akan mengganggu pembinaan-pembinaan cadangan seperti Jambatan Bengkok Johor Bahru – *Singapore, Rapid Transit System (RTS)* dan juga HSR, kereta api berkelajuan tinggi? Ini tiga projek penting. Terima kasih.

Tuan Loke Siew Fook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Pontian kerana menyokong tindakan kerajaan kita menghantar nota bantahan dalam isu ini.

Namun begitu, untuk makluman Yang Berhormat Pontian, memang bukan pendirian kita untuk mengambil satu pendekatan konfrontasi dengan mana-mana pihak, lebih-lebih lagi dengan negara jiran kita. Kita tidak sesekali akan mengambil satu pendekatan yang keterlaluan ataupun konfrontasi.

Akan tetapi dalam isu ini, ini merupakan soal kedaulatan negara yang Kerajaan Malaysia akan pertahankan dengan sekuat-kuatnya kedaulatan negara kita. [*Tepuk*] Ini melibatkan ruang udara negara kita yang kita perlu pertahankan dan kebajikan serta kepentingan rakyat Johor terutamanya di Selatan Johor. Itu sebabnya kita akan terus berunding dan kita akan mengambil pelbagai pendekatan untuk memastikan kepentingan dan kedaulatan negara terjamin dan terpelihara. Sekian, terima kasih.

2. **Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan bagi mengatasi masalah pengangguran di negara ini terutama yang melibatkan pelajar lepasan universiti tempatan dan luar negara. Serta apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian bagi mengatasi masalah pemberhentian pekerja oleh syarikat-syarikat GLC dan pihak swasta.

Menteri Sumber Manusia [Tuan M. Kulasegaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar

pengangguran suku ketiga tahun 2018 mencatatkan kadar 3.4 peratus tidak berubah berbanding tempoh sama bagi tahun 2017. Berdasarkan juga kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran graduan pada tahun 2017 adalah sebanyak 137,400 orang, meningkat sedikit 4.4 peratus berbanding daripada sebanyak 131,600 orang pada tahun 2016. Golongan ini berada di dalam proses transisi daripada alam pembelajaran kepada pasaran pekerjaan juga akan melalui proses untuk mendapatkan pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menggugurkan lagi kadar pengangguran dan membantu penganggur terutamanya di kalangan graduan untuk mendapatkan pekerjaan, kerajaan sentiasa melaksanakan program-program bagi membantu pencari-pencari kerja termasuk lepasan universiti tempatan mahupun luar negara untuk memperoleh kerja sebagai salah satu usaha untuk membendung masalah pengangguran serta memastikan guna tenaga penuh dalam pasaran buruh.

Di antara program-program yang akan dan telah dilaksanakan adalah:

- (i) sistem pekerjaan *JobsMalaysia* telah dinaiktarafkan sebagai salah satu projek pembangunan kementerian;
- (ii) Program Penempatan Pekerjaan (3P) yang antara karnival kerjanya temu duga terbuka dan sebagainya;
- (iii) *Graduate Enhancement Program*;
- (iv) Program *Future Workers Training* (FWT) oleh PTPK;
- (v) Program pentauliahan *Professional Finishing School Apprenticeships*, *bridging gap* dan sebagainya;
- (vi) *Graduate Employability Taskforce* (GET) oleh Kementerian Pendidikan; dan
- (vii) membantu program-program lain yang melibatkan siswazah seperti *Talent Corporation Graduate Employability Scheme*.

Berdasarkan laporan pemberhentian oleh majikan yang diterima oleh JTK dari 1 Januari 2018 sehingga 30 September 2018, jumlah pemberhentian pekerja adalah seramai 15,903 orang. Jumlah pemberhentian bagi tempoh ini adalah lebih rendah bagi tempoh yang sama tahun 2017, yang mana seramai 31,945 orang pekerja diberhentikan.

Kerajaan juga telah memperkenalkan sistem insurans pekerjaan mulai 1 Januari 2018 sebagai satu bentuk perlindungan keselamatan sosial kepada golongan pekerja yang kehilangan pekerjaan melalui SIP. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Tuan Yang di-Pertua, dalam Buku Harapan, terkandung Iltizam 1 yang menyebutkan hasrat untuk mewujudkan satu juta peluang pekerjaan dengan gaji sekurang-kurangnya RM2,500. Adakah janji itu hanya di atas kertas sahaja atau hanya gimik kosong kerana janji-janji berkenaan bukan dari kitab suci?

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat, bila kita menulis terma-terma dalam manifesto, itu semestinya akan dilaksanakan. Jangan anggap ia tidak akan dilaksanakan. Nombor satu.

Nombor dua, meningkatkan gaji ke RM1,500 adalah dasar kerajaan. Itu semestinya boleh dicapai dalam tempoh lima tahun. [*Tepuk*] Usaha pertama telah dibuat di mana ditingkatkan gaji dari RM1,000 ke RM1,100. Ia akan dilaksanakan mulai 1 Januari 2019.

Pekerjaan 1 juta, itu adalah angka yang kita dapat capai. Pada masa ini, masalah bukan setakat angka tersebut atau *jobs availability*. Apa yang menjadi masalah adalah *full employment* yang kita hadapi di mana peratusan yang tidak bekerja, Tuan Yang di-Pertua, adalah hanya 3.4 peratus. Ini menjadi masalah di mana kekurangan tenaga kerja di negara ini. Usaha-usaha sedang dibuat supaya kita mendapat lebih tenaga yang boleh meningkatkan pendapatan di negara ini. Terima kasih.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, meneliti jawapan Yang Berhormat Menteri, ini soalan tambahan saya.

Apakah langkah kementerian memastikan setiap renti kerja sentara dilakukan oleh GLC yang terpinggir seperti Tabung Haji, KWSP, SOCSO, Bank Simpanan Nasional dan swasta dilakukan mesti mengikut undang-undang dalam Akta Kerja 1955 di bawah seksyen 60 dalam erti kata "*first come, last go*"? Itu perlu diimplementasikan. Mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kulasegaran: Soalan yang cantik oleh pakar pekerja. Saya berpendapat bahawa ini akan diimplementasikan dan sedang diimplementasikan oleh kementerian di mana kita memberi arahan-arahan yang tertentu iaitu kepada majikan termasuk GLC jangan memberhentikan pekerja secara sewenang-wenangnya. Perlu ikut, kalau ada, *collective agreement*. Seperti Yang Berhormat terlibat dengan TV3 baru-baru ini di mana arahan telah diberi dan mereka juga setuju bahawa perlu ikut arahan tersebut.

Saya setuju "*last in, first out*" adalah satu prinsip yang bagus yang patut diikuti oleh majikan. Tidak ada kompromi mengenai perkara tersebut. Jika ada mana-mana majikan yang tidak mengikut lunas undang-undang, tindakan tegas akan diambil. Terima kasih.

3. Datuk Christina Liew Chin Jin [Tawau] minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan adakah pemandu pelancong yang fasih berbahasa Mandarin mencukupi bagi mengatasi peningkatan pelancong dari China. Apakah usaha kementerian bagi memastikan pemandu pelancong yang fasih bahasa Mandarin cukup untuk menampung keperluan ini khususnya di Sabah.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Mohamaddin bin Ketapi]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Oktober 2018, MoTAC telah melaksanakan seramai 18,113 pemandu pelancong di seluruh negara dan seramai 6,885 pemandu pelancong adalah berbahasa Mandarin, seramai 894 berbahasa Kantonis dan seramai 90 berbahasa Hokkien.

■1020

Bilangan pemandu pelancong berlesen bagi bahasa Mandarin di Sabah bagi tempoh yang sama adalah 1,092 orang. Manakala 109 pula adalah berbahasa Kantonis. Bilangan ini adalah mencukupi untuk menampung peningkatan kehadiran pelancong dari negara China. Dalam hal ini, usaha kerajaan bagi mengatasi bilangan peningkatan pelancong dari negara China, MoTAC telah meluluskan sebanyak 71 lesen Institut Latihan Pelancongan atau singkatan dia ILP. Untuk mengendalikan kursus-kursus pemandu pelancong dan khususnya bagi negeri Sabah. Terdapat enam ILP yang sedang menjalankan kursus pemandu pelancong dalam pelbagai bahasa termasuk bahasa Mandarin. Sekian, terima kasih.

Datuk Christina Liew Chin Jin [Tawau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah pelancongan kepada Menteri, terima kasih. Pelancongan merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi di Wilayah Sabah. Apakah bentuk sokongan *directly* dengan izin, dari Kementerian Persekutuan kepada kerajaan negeri atau agensi-agensi di Wilayah Sabah dalam meningkatkan membantu pelancong yang fasih bahasa Mandarin dan lain-lain punya dialek di Wilayah Sabah? *Direct* sokongan dari kementerian *Federal* kepada negeri Sabah. Sekian.

Tuan Mohamaddin bin Ketapi: Terima kasih Yang Berhormat daripada Tawau. Yang telah bertanya tentang *direct* atau sokongan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah. Sokongan ini Tuan Yang di-Pertua, bergantung kepada permintaan Kerajaan Negeri Sabah. Kalau ada permintaan Kerajaan Negeri Sabah, kita akan lihat sekiranya perlu disokong, kita akan beri. Akan tetapi, kalau tidak ada permintaan, macam mana pula kita boleh menyokong? Ini masalah dia.

Akan tetapi, Yang Berhormat daripada Tawau ini sebetulnya ada pernah berjumpa sama saya, ada *few things* lah dia bincang-bincang dengan saya dan saya telah memberi sokongan tetapi saya belum menjawab. Saya akan jawab atas permintaan Ahli Yang Berhormat daripada Tawau. Saya memberi sokongan, tetapi saya tidak ingat semuanya apa yang telah ditulis dan diminta daripada kementerian saya. *Insyallah*, saya akan nanti pertimbangkan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, negara kita menerima kebanjiran pelancong bukan sahaja daripada negara China, tetapi juga kita daripada negara Asia Barat, khususnya daripada Timur Tengah. Jadi, sejauh mana persiapan pihak kementerian untuk menyiapkan pemandu pelancong di kalangan fasih berbahasa Arab? Terima kasih.

Tuan Mohamaddin bin Ketapi: Tentu sekali kita memang bersedia untuk, saya sekadar melihat dulu berapa yang sebetulnya— jumlah yang fasih berbahasa Arab untuk *cater* pelancong-pelancong daripada *Middle East*, Timur Tengah sebanyak 113 orang. Jumlah ini sekiranya ada permintaan, sekiranya ada permintaan kita bersedia untuk tambah Yang Berhormat. Akan tetapi, setakat ini kita ada 113 orang sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat-yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih kepada semua.

[Sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Rozman bin Isli [Labuan]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan adakah kementerian sedar bahawa arahan pemberhentian aktiviti *transshipment* beras di semua pelabuhan seluruh negara akan membuatkan Labuan mengalami keadaan ekonomi seperti '*sudah jatuh ditimpa tangga*'. *Transshipment* beras dari Vietnam ke selatan Filipina adalah satu peluang penting untuk membantu Labuan bertahan dalam kemelut ekonomi yang sedang dialaminya sekarang ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Haji Salahuddin bin Ayub]:
Bismillahir Rahmanir Rahim Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya daripada Labuan. Tuan Yang di-Pertua, apa pun alasannya Kerajaan Pakatan Harapan tidak mengamalkan apa yang dikatakan *the end justifies the means*. Kita tidak boleh dalam mencapai satu objektif walaupun nampak bagus, tetapi kita melanggar segala peraturan-peraturan yang boleh mencemarkan negara kita. Di bawah MoA, kita menguatkuasakan Akta 522 yang memperuntukkan semua beras, import beras yang masuk dan sampai kepada 11 pelabuhan kita termasuk Labuan mestilah memiliki AP ataupun *import permit* yang diperuntukkan kepada mana-mana mereka yang berhasrat untuk mengimport beras ke dalam negara kita.

Apa pun yang dikatakan tentang isu *transshipment* ini, pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia akan mengizinkan *transshipment* ini setelah mereka meneliti semua dokumen dan apabila mereka mendapati *players* ataupun syarikat itu memiliki AP, maka *transshipment* itu tidak akan ada apa-apa masalah. Maka dengan itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan hanya memastikan import ataupun beras yang sampai ke mana-mana pelabuhan dalam negara kita ini memiliki AP. Sekian, terima kasih.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan. Jadi yang saya faham, import perlu AP, *transshipment* pun perlu AP ataupun *transshipment* dia lain, dia tidak masuk ke dalam negara dan dia tidak memerlukan AP.

Saya hendak cerita *background* sedikit Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Sejak kejatuhan sektor minyak dan gas di pertengahan 2015, Labuan sudah kehilangan lebih 10,000 penduduk dalam 10 *percent*. Banyak *business* tutup, ramai hilang pekerjaan dan jatuh miskin. Kami di Labuan merasa cemas dan saya mengharapkan Ahli-ahli Kabinet Kerajaan Persekutuan berkongsi kecemasan ini.

The sense of urgency, sebab Labuan ini *Federal*. Jadi *Federal Cabinet* lah yang mewakili kepada Kerajaan *Federal*. Dulu Labuan ini cuma bendera Sabah sahaja yang berkibar, sekarang semua bendera negeri-negeri lain pun turut berkibar. Bukan seperti KL dan Putrajaya, tidak ada sebab besar pun Labuan dijadikan Wilayah Persekutuan melainkan untuk menjadikan ia wilayah yang istimewa.

■1030

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya Yang Berhormat Labuan?

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Jadi, sebenarnya...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan?

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: *Transshipment* beras ini, kami sangat mengharapkan supaya Labuan itu diberikan keistimewaan. *Exclusivity* untuk ia dapat melakukan *transshipment* untuk selatan Filipina sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat Labuan?

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Itulah.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalnya?

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Bolehkah ia dijadikan satu kes, yang mana Labuan itu perlu diberikan keistimewaan. Begitu juga dengan potensi-potensi yang lain seperti industri tuna dan sebagainya. Ia boleh dimajukan, tetapi dengan tanpa ada *special treatment* kepada Labuan. Maka, pelabur-pelabur tidak datang sebab ia sama juga di kawasan lain. Dengan *background* tadi, Labuan sepatutnya *special*, bolehkah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Kerajaan Persekutuan melihat dan memberikan keistimewaan supaya objektif penyerahan Labuan kepada Kerajaan Persekutuan itu berjaya? Terima kasih.

Datuk Haji Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua? Bagan Serai.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Haji Salahuddin bin Ayub: Setelah mendengar ulasan daripada Yang Berhormat Labuan, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa masuk beras dalam negara kita itu memerlukan Permit Import (AP). Kemudian apabila mahu membuat *transshipment*, beras daripada kapal itu akan masuk ke dalam gudang. Maka, daripada gudang itulah nanti akan berlaku *transshipment* sama ada pecah pukat ataupun seumpamanya. Itu adalah di bawah bidang kuasa kastam, di bawah Akta 235, seksyen 76. Penguatkuasaan ini penting untuk kastam dan eksais, seksyen 135 untuk mengelak berlakunya *smuggling*. Saya faham akan hasrat Yang Berhormat Labuan.

Sememangnya kita sedari, apabila kejatuhan industri *oil and gas*, maka *business* dalam bidang *transshipment* ini perlu. Akan tetapi, setelah yang saya katakan tadi, bahawa apa pun hujahnya, kita tidak boleh mengamalkan apa yang dikatakan 'matlamat menghalalkan cara'. Jangan nanti pula, Sabah, Labuan ataupun negara kita digelar 'darul penyeludup'. Kita tidak mahu jadi macam itu. Apa pun peraturannya, saya sudah sebutkan tadi, bahawa *transshipment*

boleh berlaku setelah Jabatan Kastam puas hati, beras yang dimasukkan ke dalam gudang itu ada AP. Kemudian, sama ada berlaku penyeludupan atau tidak, kita mengamalkan *good governance*. *Insyah-Allah*, kalau kita mengamalkan *good governance*, eksport kita ke pulau-pulau selatan Filipina itu akan berjalan mengikut peraturan dan undang-undang yang sedia ada.

Jadi, itu jawapan yang saya boleh berikan dan sama ada Labuan ini diberikan keistimewaan, maka, itu memerlukan kepada satu perbincangan peringkat Kabinet. Bukan hanya kuasa MoA, tetapi kita kena ada perbincangan dengan MITI, dengan MoF dan seumpamanya untuk memberikan status baru ataupun dasar baru kerajaan terhadap Labuan. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan. Cuma, saya ingin mendapatkan kepastian tentang perkara ini, iaitu apabila kerajaan melakukan tindakan sedemikian, sudah pastilah sebahagian daripada para peniaga kita ini akan mengalami kerugian.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah pilihan-pilihan yang disediakan oleh pihak kerajaan untuk membantu para pengimport ini terutama dalam produk pertanian supaya mereka dapat keluar daripada masalah yang mungkin dihadapi oleh sebahagian besar daripada para peniaga yang terlibat ini? Terima kasih.

Datuk Haji Salahuddin bin Ayub: Yang Berhormat Jerantut, Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini, saya rasa *business* ini berjalan dengan baik. Memang selatan Filipina kita bantu, kita *facilitate* selagi mana semua *players* itu mematuhi undang-undang. Ada kes-kes tertentu yang MoF terpaksa mengambil tindakan, ada pula satu kes di mana beras masuk tanpa AP, disimpan di dalam satu gudang dalam jangka masa yang lama. Jadi, MoA memberikan tempoh masa untuk berlakunya *clearance*. Saya sudah berikan jaminan bahawa, *insyah-Allah* kerajaan akan sentiasa pro *business*, selagi mana *transshipment* itu berlaku dengan mematuhi semua peraturan. Kalau *players* itu ia *company*, ada AP, masuk ke dalam pelabuhan kita, simpan dalam gudang dan *transshipment* berlaku untuk dihantar ke pulau-pulau Filipina itu tidak ada masalah.

Jadi, itu jaminan yang diberikan oleh MoA. *Insyah-Allah*, kalau semuanya mematuhi peraturan. Terima kasih.

2. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta Menteri Luar Negeri menyatakan hala tuju dan peranan berterusan yang akan dimainkan oleh Malaysia berkaitan usaha penyelesaian kemelut konflik serantau dan antarabangsa terutama isu Rohingya, Syria dan Palestin.

Menteri Luar Negeri [Dato' Saifuddin Abdullah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Beluran. Berhubung isu Rohingya, pendirian Malaysia adalah jelas bahawa kita menggesa Kerajaan Myanmar untuk mencapai penyelesaian dengan segera dan mapan kepada isu etnik Rohingya di Myanmar demi kepentingan keselamatan dan kestabilan rantau ini. Seperti yang pernah kita sebutkan dalam Dewan yang mulia ini, ada tiga perkara yang melibatkan isu Rohingya. Pertama, ialah soal kerakyatan, kewarganegaraan bagi orang Rohingnya di Myanmar.

Selaras dengan itu, ialah membawa penjenayah-penjenayah ke muka pengadilan. Kedua, penghantaran pulang atau dengan izin, *repatriation* orang Rohingya dari Bangladesh ke Myanmar. Ketiga, ialah bagaimana kita boleh meningkatkan bantuan-bantuan kemanusiaan yang diberikan oleh kerajaan dan rakyat Malaysia kepada etnik Rohingya sama ada di dalam negara kita sendiri ataupun melalui contohnya, Hospital Medan yang diuruskan oleh MINDEF di Cox's Bazar, Bangladesh.

Ini akan kita teruskan, misalnya, hospital di Cox's Bazar, Kabinet telah membuat keputusan hospital ini akan diteruskan sehingga bulan Disember 2019. Di peringkat antarabangsa, kita terus mengetengahkan isu Rohingya sama ada kerangka ASEAN dalam OIC dan juga di PBB. Mengenai situasi di Syria pula, ia merupakan salah satu isu yang kerap dibincangkan dalam Majlis Keselamatan PBB. Konflik negara ini telah bermula pada kira-kira tahun 2011 dan kini berkembang menjadi krisis bersenjata yang memberikan ancaman serius kepada kestabilan serantau dan antarabangsa.

Malaysia amat peka dan prihatin terhadap krisis di Syria yang telah memasuki tahun yang kelapan. Konflik ini telah mengorbankan ratusan ribu nyawa orang awam dan kesengsaraan yang berpanjangan kepada rakyat Syria. Malaysia berpendapat bahawa usaha pendamaian antara semua pihak yang terlibat di Syria boleh dicapai melalui pendekatan kesederhanaan serta sikap bertolak ansur antara semua pihak yang terlibat di sana.

Malaysia sentiasa konsisten menyuarakan konflik di Syria bahawa ia hanya dapat diselesaikan secara rundingan dan dialog yang dipersetujui oleh semua pemegang taruh, dengan izin, *stakeholders* di Syria. Dalam hal ini, Malaysia menyokong usaha-usaha yang dilaksanakan di bawah naungan PBB termasuk usaha-usaha pengantaraan atau dengan izin, *mediation*.

Malaysia juga menggesa, pihak-pihak yang bertelagah di Syria untuk menghormati undang-undang kemanusiaan antarabangsa termasuk menyediakan laluan bantuan kemanusiaan yang tidak terbatas dan melindungi infrastruktur awam dan orang-orang awam terutama kanak-kanak, wanita dan orang tua, konvoi misi kemanusiaan, sekolah dan hospital. Dari segi Palestin, sejak zaman berzaman, Malaysia terus merupakan antara suara yang lantang memperjuangkan nasib rakyat Palestin. Kita sentiasa dan akan terus memberikan sokongan padu kepada Palestin dan perjuangan rakyatnya sama ada dari segi politik, ekonomi dan moral.

Kita akan terus menyokong hak mutlak rakyat Palestin ke atas penubuhan sebuah negara Palestin yang bebas dan berdaulat berdasarkan penubuhan dua negara, dengan izin, *two-state solution*, Palestin dan Israel yang wujud secara sebelah menyebelah dengan aman berdasarkan kepada sempadan sebelum tahun 1967 dengan Baitulmaqdis ataupun East Jerusalem sebagai ibu negara Palestin.

■1040

Usaha terkini Malaysia di peringkat antarabangsa adalah semasa mesyuarat jawatankuasa enam OIC mengenai Palestin yang telah diadakan pada 26 September 2018 di sela-sela Perhimpunan Agung PBB yang ke-73. Dalam mesyuarat tersebut, Malaysia telah mengutuk semua tindakan rejim Israel yang menghalang segala usaha untuk mencapai

keamanan melalui penyelesaian dua negara atau *two-state solution*. Malaysia juga menggesa negara-negara anggota OIC untuk mengutuk tindakan kejam Israel serta bersama-sama mempertahankan hak asasi rakyat Palestin dan kedaulatan Baitulmaqdis.

Selain itu, Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Terbuka OIC untuk membincangkan keputusan sidang kemuncak tergepar kali keenam dan ketujuh telah diadakan pada 26 September 2018 dan dalam mesyuarat ini negara-negara anggota OIC bersetuju untuk mengenakan tekanan yang berterusan kepada Israel sebagai tanda sokongan kepada Palestin dan memaksa Israel untuk menghentikan pencabulan undang-undang antarabangsa di Palestin serta kekejaman Israel terhadap rakyat Palestin, terutamanya di Khan al-Ahmar. Kehadiran Malaysia ke mesyuarat ini adalah bagi menyatakan sokongan berterusan Malaysia kepada perjuangan rakyat Palestin.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang berpegang kepada prinsip keadilan sejagat, kedaulatan undang-undang serta akauntabiliti, Malaysia sentiasa menyokong sepenuhnya sebarang langkah untuk membawa penjenayah-penjenayah yang telah menyalahi prinsip-prinsip keadilan antarabangsa ke muka pengadilan. Malangnya, Malaysia tidak dapat melakukan apa-apa yang lebih daripada itu. Antaranya kerana kita bukan negara pihak kepada Mahkamah Jenayah Antarabangsa atau *the International Criminal Court* (ICC). Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kagum ke atas pendirian kerajaan dalam— yang konsisten dalam isu-isu yang melibatkan Rohingya, Syria dan Palestin. Begitu juga pendirian kerajaan terhadap genosid yang pernah berlaku, pernah berlaku di Kosovo dan *ethnic cleansing* yang dikatakan berlaku di kalangan etnik Rohingya. Saya juga melihat bahawa Malaysia telah mencadangkan kepada UN *Security Council* untuk mewujudkan mekanisme kehakiman terhadap mereka yang menjadi penjenayah-penjenayah terhadap etnik-etnik yang kecil iaitu minoriti dalam dikatakan perang yang mereka wujudkan. Tentu sekali penglibatan Malaysia ini satu penglibatan yang konsisten dan rakyat Malaysia menghargai pendirian kerajaan terhadap ini.

Saya ingin, soalan tambahan saya. Saya ingin tahu sama ada status penglibatan Malaysia secara positif dalam apa yang berlaku genosid yang berlaku di kalangan etnik Yazidi di Iraq sama ada Malaysia terlibat secara langsung untuk memastikan pendirian kerajaan yang konsisten terhadap genosid yang berlaku di mana dan di kalangan siapa tanpa mengira membezakan antara yang berlaku di Iraq ataupun yang berlaku di tempat yang lain. Sama ada Malaysia terlibat secara langsung dalam menentukan mereka yang melakukan jenayah genosid, *ethnic cleansing* di kalangan masyarakat etnik Yazidi di Iraq akan diambil perhatian secara khusus oleh Malaysia dalam misi antarabangsa mereka. Terima kasih.

Dato' Saifuddin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Beluran. Ada dua perkara di sini. Pertama, ialah kita sebagai— bukan kita. Kerajaan harus dan buat masa ini belum ada dasar ini. Di mana, tahap mana yang kita akan membuat keputusan yang jelas tentang sesuatu perkara. Saya sebutkan begini kerana saya yakin Yang Berhormat Beluran lama di Dewan yang mulia ini faham bahawa prinsip utama Dasar Luar Malaysia ialah berkecuali dan tidak campur tangan.

Dalam konteks ASEAN, kita sebenarnya membenarkan genosid berlaku di Kemboja satu ketika dahulu dan kita tidak banyak berbuat. Dalam konteks Myanmar, kita lebih lantang bersuara tetapi sampai ke satu had sahaja yang kita dapat laksanakan. Dalam kes-kes sama ada di Iraq ataupun di tempat-tempat yang lain, ada dua pendekatan yang kita lakukan. Pertama dan ini belum menjadi dasar. Ini berlaku secara *ad hoc*. *Case by case*, dengan izin. Kita akan bersuara, kita keluarkan kenyataan dan sebagainya.

Kedua, ialah ada waktu menggunakan pendekatan yang lebih diplomatik. Maksudnya, kita tidak menggunakan apa yang disebut sebagai— kita tidak begitu lantang bersuara tetapi tidak bermakna kita tidak melakukan apa-apa dan ada waktunya Tuan Yang di-Pertua, yang ini agak sukar untuk diumumkan kepada khalayak. Akan tetapi, berbalik kepada yang pertama tadi. Di mana dan di sini yang saya selalu kata, kalau ada *caucus* Ahli Parlimen, perkara ini boleh dibahaskan. Di mana keadaan yang kita harus buat keputusan, yang kita harus lantang atau lebih lantang kerana berlaku empat perkara. Saya meminjam empat perkara yang dianggap kesalahan jenayah antarabangsa dan ini saya gunakan *Statute Rome* sebagai panduan Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

Pertama, berlaku jenayah genosid. Kedua, berlaku jenayah terhadap kemanusiaan. *Crime against humanity*, dengan izin. Ketiga, berlaku jenayah perang dengan izin, *war crimes*. Keempat, berlaku jenayah pencerobohan dengan izin, *crime of aggression*. Adakah Malaysia dan saya mohon panduan dari Dewan yang mulia ini, adakah kita sudah bersedia sebagai sebuah negara demokratik dengan menyatakan bahawa dalam dasar luar kita, apabila berlaku salah satu dari empat kesalahan jenayah antarabangsa ini, kita akan buat *exception* dengan izin kepada dasar berkecuali dan tidak campur tangan.

Jadi, saya sebutkan ini sekali lagi Tuan Yang di-Pertua dengan harapan mungkin Yang Berhormat Beluran dan teman-teman boleh memulakan perbincangan tentang membantu kita dalam membentuk dasar luar yang lebih aktif di peringkat antarabangsa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Di sebelah kanan, silakan Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menanya soalan tambahan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Saya mohon.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Kubang Kerian.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Siapa *turn*?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu Rohingya— Palestin ini ialah isu yang sangat kronik yang berlaku begitu lama sekali dan kita dengar tekanan demi tekanan dianjurkan oleh PBB dan sebagainya. Perbincangan dan dialog-dialog berterusan di peringkat *ASEAN Parliamentary* dan juga di peringkat PBB. Bagan Serai berpeluang untuk dua perkara ini bersama dengan Yang Berhormat Beluran baru-baru ini ke Rohingya, melihat sendiri keadaan di sana dan juga saya bersama dengan Yang Berhormat Parit Buntar ke Iran dan mendengar, hadir dalam *PUIC Conference* berkenaan dengan Palestin.

Bagan Serai ingin bertanya, apakah peranan Malaysia yang disuarakan di PBB selama ini tidak cukup kuat? Tidak cukup kuat hingga nampak macam tidak ada kesan yang jelas. Apakah PBB tidak cukup kuasa untuk buat sesuatu yang lebih konstruktif, menghentikan kekejaman yang berlaku hari ini dan apakah status terkini PBB untuk menghentikan derita Rohingya dan Palestin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua. Dalam isu Palestin, PBB dah luluskan satu siri resolusi di Perhimpunan Agung tahunannya dan ada beberapa resolusi Majlis Keselamatan. Antara yang terakhir ialah yang di *co-sponsor* oleh pentadbiran Malaysia yang sebelum ini beberapa tahun yang lalu. Itu antara resolusi berkaitan Palestin yang tidak di veto oleh Amerika Syarikat. Amerika Syarikat cuma berkecuali dalam kes tersebut.

■1050

Akan tetapi, membawa Palestin ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa itu melibatkan pendekatan yang sedikit berbeza. Kita boleh memujuk ataupun mendapatkan undi daripada Majlis Keselamatan PBB untuk merujuk Israel ke misalnya ICC tetapi ada kemungkinan besar Amerika akan veto dan benda itu tidak akan berjalan. Pada waktu yang sama kita boleh berharap kepada negara-negara pihak yang menjadi anggota ICC misalnya untuk membawa Palestin ke ICC.

Begitu juga Rohingya, yang terbaru yang dilakukan oleh PBB ialah dengan izin *fact-finding missions* yang dilaporkan beberapa bulan yang lalu yang dengan jelas menunjukkan berlaku *genocide* di Myanmar dan melibatkan— yang mangsanya ialah golongan Rohingya. Berdasarkan kepada *fact-finding missions* itulah di persidangan antarabangsa, Perdana Menteri telah menyuarakan bantahan kita terhadap apa yang berlaku yang dilakukan oleh Kerajaan Myanmar.

Menteri-menteri Luar ASEAN mencadangkan supaya ASEAN melakukan sesuatu yang lebih serius contohnya untuk membantu repatriasi. Sekarang ini *ASEAN Secretariat* dengan izin sedang menyediakan *term and reference* supaya diberikan mandat kepada *ASEAN Coordinating Centre for Humanitarian Assistance on Disaster Management* (AHA Centre) dengan izin supaya mereka boleh secara fizikal berada di Myanmar untuk membantu repatriasi dan selanjutnya.

Akan tetapi, sebagaimana yang saya katakan apa yang dilakukan oleh Malaysia selama ini walau selantang mana pun kita bersuara sama ada di PBB, OIC, ataupun ASEAN tetapi secara langsung Malaysia tidak dapat berdiri untuk membawa penjenayah-penjenayah itu ke pengadilan antarabangsa kerana kita tidak mempunyai kedudukan yang membolehkan untuk kita melakukan melainkan kita membuat keputusan kita ingin mempunyai kedudukan yang kita boleh secara langsung melakukan dan membawa penjenayah-penjenayah itu ke pengadilan antarabangsa seperti yang saya cuba katakan tadi. Terima kasih.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Memandangnya betapa pentingnya tajuk ini. Saya membenarkan satu lagi soalan tambahan.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Kubang Kerian, Kubang Kerian.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Satu lagi tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Kubang Kerian

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Terima kasih. Pertama sekali kepada Menteri yang telah menjawab soalan ini berhubung dengan kemelut konflik serantau yang melibatkan negara kita dan beberapa tindakan yang telah kita ambil.

Saya fikir kita di antara negara yang lantang memperjuangkan isu-isu Rohingya, Syria dan Palestin. Cuma saya ingin merujuk kepada satu kes yang berlaku di negara kita pada 23 April yang lalu iaitu berlaku pembunuhan kepada seorang warga Palestin di Malaysia Fadi Al-Batsh. Beliau dikatakan bahawa dibunuh oleh ejen Mossad yang diseludup di Malaysia.

Saya ingin mendapatkan penjelasan status siasatan terkini. Apakah *stand* kerajaan terhadap kerajaan dan perjuangan Hamas? Apakah Malaysia mengiktiraf? Oleh sebab Hamas dipilih oleh rakyat Palestin secara demokrasi. Walaupun peringkat awalnya kerajaan seolah-olah tidak mengiktiraf duta luar negara yang dihantar oleh Kerajaan Palestin yang mewakili Hamas di negara kita pada waktu itu.

Cuma saya ingin mendapat penjelasan apakah status terkini *stand* kerajaan terhadap perjuangan rakyat dan perjuangan Hamas di Palestin? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan lari sikit daripada tajuk asal.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk saya tidak menjawab soalan bahagian yang kedua itu kerana memang lari betul. Untuk soalan yang pertama itu saya yakin pihak berkuasa sedang melakukan siasatan. Terima kasih.

3. Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan adakah kementerian melaksanakan "bank makanan" di kawasan-kawasan yang mencatat angka kemiskinan yang tinggi.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]: Tuan Yang di-Pertua, saya perlukan sedikit masa untuk menjawab soalan ini tapi saya akan pergi terus kepada poin pertama.

Tuan Yang di-Pertua, JKM tidak melaksanakan bank makanan (*food bank*) di kawasan yang mencatatkan angka kemiskinan yang tinggi disebabkan; satu, memberi fokus kepada perkhidmatan teras iaitu penyediaan bantuan kewangan kebajikan secara bulanan atau sekali gus serta program-program memperkasakan ekonomi penerima bantuan. Berdasarkan kepada kajian keberkesanan bantuan JKM pada tahun 2017 yang dijalankan oleh UPM mendapati pemberian wang adalah lebih efektif bagi memenuhi keperluan asas untuk kelangsungan hidup penerima bantuan.

Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua kementerian kita melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN) ada menyediakan bantuan *food bank*. Kementerian ini melalui Projek Anjung Singgah dan Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur yang ditadbir oleh YKN telah mengadakan kerjasama strategik bersama beberapa Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti *Kechara Soup Kitchen, Food Aid Foundation* yang merupakan pengendali bank makanan.

NGOs yang lain termasuk Pertubuhan Kulinari Amal Selangor, *Charity Right Mercy Mission, Food Aid Foundation, FOOD4U, TheGagaks, Hindu Sevai Sangam dan Sewa Ashram Foundation*, Misi Sedekah Jumaat, *Street Shepherd Outreach, Street Feeders of Kuala Lumpur*, Dapur Jalanan Ipoh, Nasi Lemak Projek, Raymau Famillia, USRAH BIRU, Pertubuhan *Wellness, We Love Charity* dan banyak lagi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada penglibatan NGO yang mempunyai bank makanan. Pihak Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandar raya Kuala Lumpur juga telah memilih Anjung Singgah Kuala Lumpur, Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur dan Pusat Khidmat Gelandangan Medan Tunku sebagai pusat agihan makanan sumbangan daripada pelbagai pihak. Dengan membuat agihan makanan di pusat-pusat khidmat di atas, agihan makanan dapat disalurkan dengan baik, teratur dan sistematik.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini telah mengambil inisiatif menubuhkan Anjung Singgah yang ditadbir oleh Yayasan Kebajikan Negara bertujuan membantu golongan gelandangan dan memberikan perkhidmatan yang meliputi tempat penginapan sementara, makan minum, program intervensi kaunseling dan motivasi, pusat rujukan bantuan sosial, serta bantuan mendapatkan pekerjaan melalui kerjasama agensi-agensi.

Sekarang ini kita mempunyai lima Anjung Singgah yang beroperasi di Kuala Lumpur, Sarawak, Johor, Pulau Pinang dan Perak. Dengan kapasiti 288 buah katil di Anjung Singgah dan 150 buah katil di Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur dari sejak ia ditubuhkan pada tahun 2011 dan diperluaskan di seluruh negara. Sehingga Ogos tahun ini, seramai 6,102 orang gelandangan telah mendaftar masuk dan menerima perkhidmatan di anjung singgah secara suka rela dan seramai 2,082 orang gelandangan telah mendaftar sebagai penghuni di pusat transit bermula pada tahun 2016 sehingga 5 November 2018.

Antara faedah yang mereka boleh dapati di Anjung Singgah adalah memudahkan golongan gelandangan dikesan dan dihubungi serta profil mengenai mereka dapat dikumpulkan bagi tujuan peranan program pembangunan sosial pada masa hadapan. Ini adalah untuk pastikan sistematik dan *organize*.

Kedua, memudahkan bantuan dan perkhidmatan kepada golongan gelandangan disalurkan dan diselaraskan di pusat-pusat ini di Kuala Lumpur. Pengalaman pekerja-pekerja di Yayasan Kebajikan Negara adalah apabila terlalu banyak NGO melakukan *food bank* di kawasan Kuala Lumpur. Saya bagi contoh semasa bulan Ramadan, saya difahamkan golongan gelandangan, satu orang boleh dapat sehingga 18 pek makanan. *One person, 18 packs of food* kerana tidak ada koordinasi. Terlalu banyak NGO melakukan *food bank*. Saya juga diberitahu ada yang mengumpul roti-roti Gardenia sampai boleh jadi bantal kerana terlalu banyak yang membantu.

Ketiga, meningkatkan lagi kesedaran dan penyertaan masyarakat dalam memainkan peranan untuk menyelesaikan isu dan masalah masyarakat. Keempat, membolehkan jalinan kerjasama antara agensi secara berpusat melalui jawatankuasa khas ini.

Apa yang pentingnya julat umur penghuni yang mendapat khidmat di Anjung Singgah dan pusat transit adalah dalam lingkungan berumur 31 tahun hingga 50 tahun. Ini bermaksud kebanyakan mereka terdiri daripada golongan yang tiada ada kemampuan untuk menyewa rumah ataupun bilik setelah mendapat pekerjaan. Pihak majikan tidak dapat menyediakan asrama penginapan dan golongan yang sentiasa memerlukan sistem sokongan.

Selain itu, golongan ini juga menghadapi kekangan untuk mengubah kehidupan dan sukar mendapat penempatan pekerjaan atas faktor ketagihan dadah, alkohol, masalah kesihatan dan sikap sendiri segelintir daripada mereka yang masih tidak mahu berubah.

Jadi usaha sama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersama Kementerian Wilayah Persekutuan dalam menubuhkan pusat transit gelandangan.

■1100

Baru-baru ini juga, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah pun mengumumkan bahawa mereka akan melaksanakan Program *Food Bank Malaysia* yang akan mengumpulkan makanan berlebihan daripada pasar raya untuk diagihkan kepada mereka yang memerlukan. Ini merupakan satu inisiatif peduli rakyat bagi meringankan beban yang terpaksa ditanggung kesan kenaikan kos sara hidup dan mengurangkan pembaziran makanan di Malaysia. Golongan sasaran bagi program ini adalah penerima yang terdiri daripada isi rumah berpendapatan kurang, RM 930 sebulan. Berdasarkan maklumat eKasih, seramai 186, 354 orang ketua isi rumah yang berada dalam paras garis kemiskinan.

Di samping itu, program ini juga akan menyalurkan bantuan kepada rumah kebajikan yang berdaftar dengan JKM yang menempatkan anak yatim dan warga emas. Program ini akan dilaksanakan di seluruh negara pada awal tahun 2019 dengan kerjasama pasar raya-pasar raya utama di seluruh negara. Jadi kalau ada soalan tambahan ini, kita kena salurkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana program ini adalah bersama mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di dunia kita ini rusuhan tidak terhenti, melainkan jika orang ramai tidak mengalami kelaparan. Saya menganggap Projek *Food Bank* ini merupakan satu projek yang baik kerana ia dapat meringankan beban golongan miskin dan juga mengurangkan pembaziran makanan.

Akan tetapi saya ada satu persoalan di sini, saya mendapati juga bahawa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna juga melancarkan satu Program *Food Bank*. So, ingin saya mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri, adakah ini merupakan satu usaha sama antara dua kementerian ataupun satu pertindihan yang akan menimbulkan keraguan ataupun masalah mengenai program yang berbentuk dana–bercorak sama ini. Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. tiada pertindihan kerana Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ini adalah mengumpulkan makanan berlebihan daripada pasar raya, macam sayur semua dan diberikan kepada rumah-rumah perlindungan dan rumah-rumah kebajikan yang berdaftar dengan JKM. Jadi, ini adalah

satu usaha sama antara kementerian. Jadi, memang kita nampak jelas ada tiga kementerian utama yang terlibat dalam membantu golongan sasaran ini, Kementerian Wanita, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita melihat isu gelandangan dalam negara kita, banyak punca selain daripada masalah konflik keluarga, lari daripada rumah, masalah mental, masalah dadah termasuk juga isu pelacuran dan yang paling terkesan adalah kebajikan anak-anak mereka. Saya pernah mengunjungi rumah Anjung Singgah ini dan kita melihat memang terutama anak-anak yang berkeliaran, yang ada sebahagian besar yang tidak ada kad pengenalan, IC dan tidak bersekolah secara formal. Jadi, saya ingin tahu apakah perancangan kementerian untuk menangani golongan miskin ini supaya bukan sahaja kebajikan makan minum sahaja, tetapi yang paling penting ialah pelajaran sebab mereka manusia yang perlu diberi didikan. Apa perancangan kementerian? Minta penjelasan.

Puan Hannah Yeoh: Terima kasih Yang Berhormat. Perancangan ataupun fokus Anjung Singgah adalah untuk memberikan kaunseling, untuk membantu mereka memulakan semula kehidupan mereka. Jadi bagi warga negara Malaysia, kita tidak ada masalah. Akan tetapi yang bukan warganegara ini adalah satu masalah kerana Anjung Singgah hanya boleh mengambil masuk warganegara Malaysia. Ada usaha yang telah dilakukan oleh Kementerian Pendidikan yang telah pun mengumumkan bahawa kanak-kanak *stateless* ya, mulai tahun depan mereka boleh masuk ke dalam sekolah di sekolah-sekolah kerajaan.

Jadi, ini adalah satu langkah pertama yang saya lihat baik tetapi isu kewarganegaraan inilah yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri semalam bahawa satu jawatankuasa akan bermesyuarat untuk membincangkan antara Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menyelesaikan masalah.

Jadi, isu kewarganegaraan yang menyentuh kebajikan kanak-kanak ini kita tidak boleh lihat secara – yang ada perbezaan politik. Jadi saya mengundang bersama kerajaan negeri di Sabah dan Sarawak untuk turut membantu menyelesaikan masalah ini. Apabila kita hendak bantu memberi kewarganegaraan kita dituduh pula – okey, projek IC 2.0 dan semua ini. Akan tetapi kita kena duduk bersama untuk menyelesaikan kerana golongan ini semakin bertambah setiap hari, kan? Jadi, ini adalah yang kita lihat. Untuk golongan bukan kanak-kanak daripada kajian yang telah dilakukan oleh YKN ya, golongan umur 31 tahun hingga 50 tahun ini adalah golongan majoriti yang masuk. Mereka ada kerja tetapi tidak ada tempat tinggal.

Jadi, baru-baru ini lah ya, tahun 2016 sehingga tahun 2018 Yayasan Kebajikan Negara juga telah mewujudkan Program Rumah Bimbingan Gelandangan. *This is* adalah *the next step* ya, untuk memberikan sewaan kepada gelandangan yang telah selesai Program Transit di Pusat Transit dan Program Intervensi di Anjung Singgah, mereka boleh kembali ke pangkuan komuniti dan masyarakat melalui Program Sewaan.

Jadi, sepuluh unit rumah di Perumahan Awam Seri Negeri Sembilan dan Perumahan Awam Sri Selangor telah diberikan kepada golongan ini dan mereka boleh sewa RM1 sehari dan unit berkenaan boleh memuatkan seramai empat orang penghuni. Semenjak beroperasi pada 1 September 2016 hingga 12 November tahun ini, seramai 58 orang gelandangan telah menyewa di perumahan awam tersebut dan telah mendapatkan kerja. Jadi saya difahamkan ada sepuluh unit lagi akan ditambah untuk program ini untuk membantu golongan ini. Terima kasih.

4. Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan:

- (a) bilangan suri rumah yang disasarkan akan menerima caruman KWSP melalui program i-Suri menjelang tahun 2020; dan
- (b) setakat ini berapakah bilangan suami yang telah memberikan caruman KWSP secara sukarela kepada isteri mereka yang merupakan suri rumah.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]: Tuan Yang di-Pertua ini soalan saya juga. Untuk soalan Yang Berhormat Beaufort, saya mohon izin untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Hulu Selangor pada 4 Disember 2018 kerana pertanyaan tersebut saling berkait.

Tuan Yang di-Pertua, Skim Caruman Insentif Suri atau i-Suri adalah program usaha sama kerajaan yang melibatkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) dan Kementerian Kewangan melalui agensi di bawahnya iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Fasa 1 i-Suri yang telah dilancarkan pada 8 Ogos 2018, mula berkuat kuasa dan dibuka untuk pendaftaran pada 15 Ogos. Pelaksanaan i-Suri dijalankan secara berfasa iaitu, fasa pertama caruman secara sukarela. Fasa kedua caruman secara sukarela dengan peluasan liputan perlindungan sosial iaitu PERKESO dan fasa ketiga adalah caruman wajib. Kita masih sekarang berada dalam fasa pertama sahaja.

Menurut statistik pendaftaran ahli bagi i-Suri yang diselenggarakan oleh KWSP, dalam masa lebih kurang tiga bulan, i-Suri diperkenalkan iaitu bermula 15 Ogos hingga 3 Disember baru-baru ini terdapat seramai 40,923 ahli telah berdaftar. Fasa satu dan fasa dua i-Suri dijalankan secara caruman sukarela dan pendekatan adalah secara bersasar, *targeted* iaitu wanita yang berdaftar dalam Pangkalan Data Kemiskinan Nasional, eKasih, kendalian ICU di JPM sehingga 30 Jun 2018 serta memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan. Ini termasuk suri rumah yang merupakan isteri kepada ketua isi rumah, ketua isi rumah wanita dalam kalangan ibu tunggal, balu dan wanita belum berkahwin.

Pelaksanaan fasa 1 dan 2 tidak melibatkan caruman daripada suami tetapi ahli sendiri. Jangkaan tempoh masa pelaksanaan fasa 1 dan fasa 2 ialah selama dua tahun iaitu pada tahun ini dan tahun depan. Seterusnya, dijangkakan pada tahun 2020, pelaksanaan i-Suri fasa tiga iaitu caruman secara wajib akan diperkenalkan. Berbeza dengan fasa 1 dan fasa 2, fasa 3 i-Suri dan

fasa-fasa seterusnya lebih bersifat menyeluruh di mana sasaran adalah untuk membina asas keselamatan sosial terhadap 45.4 peratus wanita yang berada di luar pasaran buruh. Namun begitu tempoh masa pelaksanaan caruman wajib ini adalah tertakluk kepada dapatan dan hasil semakan terhadap kekangan perundangan yang dihadapi dari segi akta, dasar dan peraturan sedia ada.

■1110

Setelah kekangan perundangan diselesaikan, mekanisme yang bersesuaian akan dikenal pasti bagi membolehkan fasa 3 dan fasa seterusnya dijalankan. Kementerian juga amat teruja kerana i-Suri turut menjadi pemangkin yang telah berjaya membuka kesedaran kepada golongan wanita yang bekerja sendiri dan tiada pendapatan tetap.

Ini termasuklah suri rumah yang bukan terdiri daripada kumpulan sasaran fasa 1 i-Suri yang kini telah mula menyimpan di dalam akaun KWSP sebagai persediaan pelan persaraan mereka melalui satu lagi inisiatif yang telah diperkenalkan KWSP iaitu i-Saraan. Konsep i-Saraan adalah bagi menggalakkan caruman secara sukarela ke dalam akaun KWSP mengikut kemampuan. Simpanan ini turut akan menerima sumbangan padanan daripada kerajaan sebanyak 15 peratus daripada amaun caruman tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM250 setahun. Bilangan pendaftaran i-Saraan suri rumah adalah sebanyak 22,000 bermula 15 Ogos sehingga 3 Disember 2018.

Jadi, bagi golongan wanita sekarang, apabila mereka pergi ke KWSP untuk *check* sama ada mereka layak program i-Suri ataupun tidak, kalau nama mereka tidak ada dalam i-Suri, KWSP akan memperkenalkan program i-Saraan kepada mereka dan kita boleh lihat daripada statistik yang telah saya peroleh, sebelum 15 Ogos, sebelum i-Suri diperkenalkan, program i-Saraan hanya mempunyai 26,393 pendaftaran. Akan tetapi selepas i-Suri diperkenalkan, i-Saraan telah meningkat pendaftarannya 86.9 peratus. Daripada jumlah 26,000 sekarang telah mencecah 49,342. Bermaksud, kesedaran di kalangan wanita sekarang untuk menjimatkan duit mereka telah wujud kerana ada program i-Suri dan yang tidak layak sekarang mereka boleh dapatkan program i-Saraan.

Jadi akhir sekali, sebagai rumusannya, melalui pelaksanaan i-Suri, hasrat kerajaan untuk menyediakan satu bentuk jaringan keselamatan sosial yang asas melalui inisiatif khusus untuk kaum wanita telah dapat diwujudkan dan ia bertujuan untuk memperkasakan hak wanita dan melindungi suri rumah dan ahli keluarga yang lain. Bahkan turut dapat diperluaskan kepada golongan yang bekerja sendiri dan tiada pendapatan tetap termasuklah suri rumah yang bukan terdiri daripada kumpulan rentan iaitu *vulnerable*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang telah diberikan tadi. Tahniah saya ucapkan.

Difahamkan bahawa sejumlah 359,065 orang wanita yang berdaftar dengan sistem eKasih yang mungkin layak untuk mendapat caruman ini. Juga difahamkan bahawa terdapat syarat yang, untuk mendapatkan manfaat ini di mana wanita tersebut perlulah mencarum

sekurang-kurangnya RM5 sebulan ataupun RM60 setahun. Memandangkan ramai bilangan yang berdaftar dengan eKasih ini berada di luar bandar dan tidak mudah untuk mendapat akses kepada pejabat KWSP yang terletak di bandar-bandar utama.

Jadi, dengan itu pertanyaan saya, apakah pendapatan kementerian untuk membantu mereka supaya dapat menikmati caruman daripada kerajaan ini? Sementara menanti pindaan dibuat kepada perundangan-perundangan tertentu untuk mewajibkan caruman oleh suami untuk isterinya, apakah pendekatan dan strategi kerajaan untuk memujuk para suami agar mencarum untuk isteri mereka secara sukarela ini? Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Terima kasih Yang Berhormat. Izinkan saya untuk memberikan data spesifik mengenai jumlah ketua isi rumah berdaftar dengan eKasih setakat 30 Jun 2018, jumlahnya adalah 612,749 orang, kumpulan sasar mengikut kriteria berdaftar dengan eKasih, 217,837. Bermaksud, 217,000 daripada 612,000 orang dalam eKasih ini layak untuk program i-Suri, jika mereka datang untuk berdaftar. Penerima bantuan aktif JKM yang layak program i-Suri adalah 27,523 orang. Mengikut data pendaftaran mengikut negeri yang kita lihat, pencapaian terbaik setakat ini adalah negeri Terengganu. Walaupun di luar bandar tetapi kesedaran di negeri Terengganu sangat tinggi kerana peratusan berdaftar dalam *database* eKasih ini telah mencecah 52 peratus iaitu 8,616 orang daripada *database* 16,000 telah pun berdaftar dengan i-Suri.

Saya difahamkan JKM turun setiap negeri untuk memberikan maklumat program i-Suri kepada penerima-penerima bantuan JKM yang berdaftar dalam eKasih. Ini kerana fasa pertama sekarang kita hanya boleh menumpukan kepada *database* eKasih dulu. Jadi, memang ada program kesedaran. JKM turun, KWSP semua membantu. Setakat ini yang telah berdaftar, negeri pertama paling tinggi adalah negeri Sarawak sebenarnya tetapi peratusan daripada jumlah *database* eKasih di negeri masing-masing yang paling tinggi adalah Terengganu dengan 52 peratus tetapi Sarawak mendahului dengan bilangan. Eh! Maaf lah. Negeri Terengganu paling tinggi setakat ini iaitu seramai 8,616 bilangan berdaftar diikuti dengan negeri Sarawak, 6,830 orang dan diikuti dengan negeri Sabah 6,706 orang. Terima kasih.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya *simple* sahaja. Sebab saya lihat soalan yang (b) tadi, berapakah, sejauh mana para suami secara sukarela, *percentage* di negeri mana yang tertinggi yang mencarum untuk isteri? Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Buat masa ini kita tidak ada data tersebut kerana sekarang masih sukarela. Jadi, RM5 yang datang daripada setiap bulan itu, caruman itu boleh datang daripada suami ataupun wanita itu sendiri. Jadi, kita tidak ada data sama ada suami yang beri RM5 itu ataupun isteri yang beri. Ini adalah fasa pertama tetapi apabila kita masuk ke fasa ketiga, caruman secara wajib, baru kita ada data tersebut.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Kalau boleh, sambutan. Maksud saya sambutan. *Overwhelming* ataupun biasa, biasa sahaja?

Puan Hannah Yeoh: Kalau kita lihat pendaftaran untuk i-Suri, memang agak tinggi sekarang. Dalam beberapa bulan sudah ada 40,000 lebih yang memberi. Cuma saya selalu

percaya, program kesedaran ini kena bermula daripada Dewan Rakyat. Jadi, saya minta Ahli-ahli Parlimen tolong sampaikan program ini kepada golongan wanita dan kita juga mintalah program caruman simpanan seperti ini kita memang galakkan supaya kita tidak bazirkan wang. Jadi, selalunya kalau ada program kebajikan yang diturunkan oleh pelbagai pihak, selalunya kita hendak beri dalam bentuk macam beg sekolah, kita hendak beri hamper. Akan tetapi kalau kita boleh fokus program kebajikan yang berbentuk simpanan seperti ini, kita galakkan. Terima kasih.

5. Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) boleh mempertimbangkan untuk membuka Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) kepada penyertaan sukarela kepada orang-orang yang bekerja sendiri (selain pemandu teksi) sebagai mencontohi Ireland.

Menteri Sumber Manusia [Tuan M. Kulasegaran]: Terima kasih Yang Berhormat Merbok. Patutlah nampak ramai orang daripada Kedah.

Kementerian Sumber Manusia melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sentiasa berusaha memberikan perlindungan keselamatan sosial kepada semua lapisan pekerjaan sama ada di sektor formal mahupun sektor tidak formal. Kebanyakan negara melaksanakan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) secara konservatif, pekerjaan yang bergaji tetap di sektor swasta.

Walau bagaimanapun, terdapat negara-negara yang telah meluaskan liputan kepada individu yang bekerja sendiri termasuk kategori pekerjaan tertentu secara sukarela, *voluntary basis with certain conditions* seperti di negara Denmark dan Jerman. Di bawah beberapa konvensi Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), liputan ini tidak meliputi individu yang bekerja sendiri adalah disebabkan kesukaran menjalankan pengurusan serta memeriksa keadaan pekerjaan mereka. Di kebanyakan negara ini juga, menghadapi kesukaran meliputi pekerja-pekerja di sektor tidak formal, sebilangan besar daripada mereka bekerja sendiri, yang lain yang boleh digunakan dalam aktiviti yang tidak berdaftar.

Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO mengambil inisiatif memperkenalkan jaringan keselamatan sosial kepada individu yang bekerja sendiri melalui Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 yang memberikan perlindungan kemalangan sewaktu bekerja. PERKESO berpegang kepada konsep *solidarity* iaitu *pooling of resources sharing of risk* dan perhatian itu.

■1120

PERKESO juga mengkaji implikasi perluasan liputan dan pelaksanaan daripada segi kebolehhidupan skim tersebut dan *nature* terhadap komponen-komponen SIP secara menyeluruh. Terima kasih.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Maksudnya pihak kementerian memang tidak akan melaksanakan atau tidak akan membuka ruang kepada pekerja sendirilah?

Tuan M. Kulasegaran: Itu betul. Itu adalah kerana risiko yang besar, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana jika dia pekerja sendiri menamatkan pekerjaan dan lepas itu dia mendapat manfaat dengan SIP— buat masa sekarang, tidak ada liputan untuk mereka selain daripada

pembawa teksi dan *e-hailers*. Ini adalah satu di antara yang kita sedang lihat cara adakah ia akan dikembangkan. Untuk jawapan soalan itu adalah tidak buat sementara waktu.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Setakat ini memang SIP ini telah pun dilaksanakan kepada pemandu teksi tetapi saya difahamkan pencapaiannya, prestasinya agak tidak menggalakkan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, apakah kejayaan sekarang ini dan berapa peratuskah di kalangan pemandu-pemandu teksi ini telah menyertai SIP ini?

Soalan kedua saya, Tuan Yang di-Pertua, setakat ini berapa ramai pekerja sendiri dalam negara kita? Kalau tadi dimaklumkan bahawa ada beberapa negara melaksanakan SIP kepada pekerja-pekerja sendiri ini, jadi kalau andai kata kita hendak melaksanakan demi kepentingan rakyat, berapakah kos yang dijangka terlibat daripada jumlah pekerja sendiri yang terdapat di negara kita ini?

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih atas soalan tambahan itu. Nombor satu, kita kenal pasti bahawa SIP ini hanya khusus kepada yang menyumbang. Lagi satu, ia adalah kepada yang sedang bekerja iaitu ada majikan. Kalau tidak, ia tidak akan diperluaskan. Itu nombor satu.

Nombor dua, mengenai berapakah pekerja pemandu teksi yang diliputi oleh SIP. Saya difahamkan ada lebih kurang 100,000 pemandu teksi yang termasuk *e-hailing*, hanya dalam lingkungan 5,000 sahaja yang menyumbang kepada SIP. Ini sangat-sangat menyusahkan. *The risk factor is very great*, di mana penyumbang ini tidak banyak dan ini adalah perkara yang perlu diambil dalam hal ini.

Kita mengetahui mengenai hal ini dan kita sedang berbincang dengan Kementerian Pengangkutan supaya memastikan bahawa semua pemandu teksi termasuk *e-hailers* diliputi oleh SIP kerana risikonya sangat tinggi bila membawa teksi. Ini adalah satu di antara yang kita *approach* kepada mereka. Terima kasih.

6. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan rasional kerajaan ingin menurunkan had umur pengundi kepada 18 tahun.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Sim Chee Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas atas soalan yang telah diberikan.

Sebelum saya menjawab soalan, izinkan saya mengambil sedikit masa untuk mengiktiraf pencapaian anak muda Malaysia dalam tempoh beberapa hari ini iaitu saudara Muhammad Ridwan Wahid berumur 20 tahun dari IKBN Dusun Tua yang telah berjaya memenangi pingat emas dalam *WorldSkills Asia Competition*. [Tepuk]

Dalam acara boling pula, kita ada pemenang pingat emas dalam *Men Single* dalam *World Men Championships 2018* iaitu saudara Rafiq Ismail berumur 21 tahun. Emas dalam *Men Double*, Andrian Ang berumur 20 tahun dan Tun Hakim berumur 19 tahun. Dalam acara berbasikal, sudah

tentu *'The Pocket Rocketman'* kita, saudara Azizulhasni Awang berumur 30 tahun telah memenangi gangsa dalam Acara Keirin Lelaki di *UCI Track Cycling World Cup 2018*.

Tidak adil jika saya tidak sebut seorang anak muda Malaysia, Syed Saddiq, Yang Berhormat dari Muar berumur 26 tahun telah berjaya memenangi *World Youth Awards* daripada *International Youth Committee*. [Tepuk] Itulah pencapaian anak muda kita, anak muda dari Malaysia.

Bagi menjawab soalan daripada Ahli Parlimen Pasir Mas tersebut, antara rasional kerajaan ingin menurunkan had umur mengundi kepada 18 tahun ialah kerajaan kini ingin melihat peranan belia sebagai rakan strategik negara dan mengiktiraf belia sebagai sumber dan aset negara terutamanya dalam membentuk acuan negara pada masa depan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, para belia berumur 18 hingga 20 tahun di Malaysia pada hari ini berjumlah kira-kira 1.56 juta orang iaitu lebih kurang lima peratus daripada jumlah penduduk di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, kalau dilihat mengikut daftar pengundi sehingga 31 Mac 2018, jumlah anak muda berumur 18 hingga 20 tahun itu ialah lebih kurang 10 peratus daripada jumlah daftar pengundi. Jadi, tidak adil kalau kita mengasingkan ataupun kita menidakkan hak membuat keputusan secara formal dalam sistem demokrasi di Malaysia ini kepada lima peratus daripada populasi di negara kita.

Selain itu, kerajaan juga berpandangan bahawa menurunkan had umur untuk belia ini adalah untuk memastikan had umur mengundi adalah setara dengan piawaian antarabangsa. Sebagai contohnya, majoriti negara di Eropah, di Amerika Selatan, negara-negara Arab dan juga majoriti negara-negara anggota ASEAN telah pun menetapkan had umur mengundi pada umur 16 dan 18 tahun sejak tahun 1970-an lagi.

Kita juga ingin meningkatkan penyertaan belia sebagai warga bertanggungjawab dalam membangun dan menyumbang kepada pembangunan negara dengan menggalakkan penglibatan belia dalam proses demokrasi negara.

Selain itu, akhirnya, langkah ini juga dilihat sebagai langkah untuk memantapkan lagi proses pembangunan belia, proses untuk membangunkan anak muda, golongan belia ini sebagai satu golongan pelapis dan pewaris kepada negara kita di masa depan. Proses ini memerlukan satu perancangan strategik yang bersifat jangka panjang. Justeru, dengan membolehkan mereka menyertai secara langsung proses membuat keputusan, proses demokrasi di negara ini, kita berharap dan kita yakin kita mampu membina satu generasi anak muda yang lebih mantap dan berwibawa. Sekian, terima kasih.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan sebentar tadi. Soalan tambahan daripada saya ialah jika kita melihat kepada umur 18 tahun ini, ia adalah umur pelajar yang biasanya di Tingkatan 6. Adakah kerajaan bersedia untuk membenarkan kempen-kempen politik di sekolah-sekolah sebagaimana kerajaan benarkan pemimpin-pemimpin parti politik untuk memasuki universiti?

Dalam masa yang sama, kerana janji berkenaan dengan 18 tahun ini termaktub dalam Buku Manifesto Harapan, di perenggan yang sama juga dijanjikan pendaftaran automatik. Maka,

bagaimanakah komitmen kerajaan untuk melaksanakan pendaftaran pemilih secara automatik? Saya juga minta pandangan Timbalan Menteri berkenaan dengan penetapan tarikh pilihan raya terlebih awal. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan kedua itu lari sikit ya. Silakan Timbalan Menteri.

Tuan Sim Chee Keong: Lari sikit, boleh masuk dalam acara pecutlah. *[Ketawa]* Sebelum saya menjawab soalan, izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengiktiraf kehadiran daripada rombongan kawasan Parlimen Labis yang berada di Galeri Tetamu. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Parlimen mengalu-alukan kehadiran anda sekalian. *[Tepuk]*

Tuan Sim Chee Keong: Ada beberapa lapis soalan tersebut termasuk soalan yang lari daripada tajuk, tetapi saya rasa saya boleh simpulkan jawapan saya dengan menunjukkan ataupun mengetengahkan kepada Yang Berhormat Pasir Mas tersebut kepada sebuah suruhanjaya khas yang dipimpin oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) melalui kerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Peguam Negara dan Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-undang Pilihan Raya Malaysia iaitu *Electoral Reform Committee* (ERC) yang sedang membuat penelitian terhadap reformasi-reformasi dalam sistem pilihan raya di negara kita termasuklah isu-isu tentang penurunan had umur undi kepada 18 tahun, isu-isu tentang pendaftaran automatik kepada pengundi dan juga pelaksanaan sistem pilihan raya di negara Malaysia. Sekian, terima kasih.

■1130

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Secara prinsipnya pada dasarnya saya rasa langkah pindaan Perlembagaan ini wajar disokong atas sebab memberi kepercayaan kepada generasi muda memperkasakan golongan belia dalam penyertaan dalam demokrasi dan sebagainya.

Namun demikian kita hendak pastikan bahawa apabila rumah sudah siap, pahat tidak lagi berbunyi. Maksudnya bila kita sudah melaksanakan perkara ini kita berhadapan dengan satu generasi pemilih ataupun pengundi yang dapat membuat pilihan yang berpengetahuan ataupun *inform decision*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Maka dengan itu saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah langkah-langkah pendidikan dan langkah-langkah pendedahan terhadap generasi muda terutamanya kepada soal politik, soal Perlembagaan, soal demokrasi, soal sivik dan sebagainya. Saya tidak mahu buat satu kenyataan umum, *generalization* tetapi ada anak muda kita usia 18 ke atas yang sangat berpengetahuan.

Ada yang saya rasa tahap pemahaman mereka tentang politik sangat cetek sekali. Jadi apabila kita mengambil kira perkara tersebut mestilah ada satu perancangan pendidikan dan pendedahan sebelum pindaan ini dikemukakan kepada Dewan Rakyat, terima kasih.

Tuan Sim Chee Keong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat daripada Rembau yang saya kira mempunyai banyak pengalaman terutamanya dalam isu hal ehwal anak muda. Saya rasa pada peringkat ini seperti yang saya sudah maklumkan kepada Dewan ini kita juga sudah ada Jawatankuasa Khas Pembaikan Sistem dan Undang-undang

Pilihan Raya Malaysia yang akan mengkaji beberapa isu tentang pelaksanaan pilihan raya di Malaysia termasuklah isu-isu berkaitan dengan pelaksanaan undi 18 yang sudah tentu akan merangkumi perkara-perkara seperti pendedahan politik dan juga penglibatan dalam arena politik kepada anak muda.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, termasuklah Ahli Yang Berhormat Rembau, satu Jawatankuasa Khas Anak Muda di peringkat kementerian juga telah ditubuhkan dan mesyuarat pertama telah diadakan pada 13 November yang lepas. Objektifnya ialah untuk meneliti ataupun memperhalusi dasar undi 18 ini supaya kita boleh melaksanakan dasar ini dalam keadaan yang paling efisien dan cekap.

Keanggotaan jawatankuasa ini termasuklah pemimpin-pemimpin sayap, pemuda-pemudi daripada semua parti termasuk parti pembangkang dan saya nampak daripada senarai kehadiran pada mesyuarat pertama tersebut, wakil daripada sayap pemuda UMNO juga turut hadir. Jadi saya ucapkan syabas dan saya minta semua kerjasama daripada semua Ahli-ahli Dewan ini dan juga parti-parti politik di luar sana untuk kita sama-sama menjayakan dasar undi 18 yang saya anggap sebagai satu dasar yang progresif.

Jangan bimbang tentang faktor kematangan sebab memang kita da kematangan yang dinamik dalam semua peringkat umur. Ada yang tidak matang pada umur 18 tahun tetapi ada juga yang tidak matang pada umur 40-an, 50-an. Jadi kira rasa inilah masa yang sesuai dan saya percaya antara Ahli Parlimen yang menyokong dan memberikan sumbangan, pandangan terhadap isu ini ialah Ahli Parlimen Rembau. Saya minta semua Ahli Parlimen Pembangkang untuk mencontohi sikap sedemikian. Terima kasih.

7. Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan berapakah peruntukan (mengikut pecahan negeri) yang telah disalurkan kepada negeri-negeri untuk tujuan industri pelancongan dan apakah kaedah, kriteria dan proses yang digunakan untuk menentukan peruntukan ini.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Mohamaddin bin Ketapi]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia telah memperuntukkan sejumlah peruntukan dalam pelbagai program untuk peningkatan pelancongan seperti Program Penyediaan atau Peningkatan Kemudahan Pelancongan, Program Ekopelancongan, Program Naiktaraf atau Penyelenggaraan dan Program Kemudahan Inap Desa atau *Homestay*.

Peruntukan pembangunan pelancongan di negeri-negeri bagi tahun 2017 adan 2018 adalah seperti berikut:-

Negeri	Jumlah Peruntukan (RM)
Sabah	6,519,000
Sarawak	3,923,900
Perak	2,110,000
Selangor	1,920,000

Negeri Sembilan	1,580,100
Pulau Pinang	1,510,530
Terengganu	1,100,000
Kedah	1,000,000
Perlis	92,007
Kelantan	56,940
Pahang	Tiada
Wilayah Persekutuan Labuan	Tiada
Johor	Tiada
Melaka	Tiada
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Tiada
Jumlah Keseluruhan	18,301,947

Kementerian juga melaksanakan program-program pelancongan, seni dan budaya di seluruh negara, menerusi pelaksanaan oleh Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Kementerian melaksanakan Program Pelancongan seperti Visit MyKampung, Program Galakan MyTQA sesi *engagement* bersama penggiat industri mengenai Tabung Pelancongan, MoTAC *Volunteer Tourism* dan latihan kepada penggiat industri dengan penyaluran kewangan kepada pejabat-pejabat negeri MoTAC.

Sehingga September tahun 2018, sejumlah RM1,704,547.20 telah disalurkan kepada 15 Pejabat MoTAC Negeri dengan jumlah peruntukan yang telah disalurkan mengikut negeri-negeri berikut:

Negeri	Jumlah peruntukan (RM)
Sarawak	241,600
Perlis	180,000
Pahang	159,500
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Putrajaya	155,742.20
Perak	124,825
Sabah	124,305
Johor	123,700
Selangor	118,500
Melaka	92,000
Pulau Pinang	92,000
Terengganu	92,000
Kelantan	62,775
Kedah	59,950

Negeri Sembilan	57,650
Wilayah Persekutuan Labuan	20,000
Jumlah Keseluruhan	1,704,547.20

■1140

Kriteria yang digunakan adalah dengan mengambil kira kapasiti pembangunan latihan industri di semua negeri. Bilangan *homestay* yang berdaftar dengan kementerian dan pembahagian mengikut zon bagi program *engagement* bersama penggiat industri untuk hebahkan MyTQA dan Tabung Pelancongan.

Selain daripada peruntukan tersebut, pelbagai program juga dilaksanakan oleh agensi-agensi kementerian untuk program-program seni dan budaya di seluruh negara. Kementerian juga menyelaraskan dua kemudahan Tabung Pelancongan berbentuk pinjaman iaitu Tabung Pembangunan Infrastruktur Pelancongan atau TPIP dan Tabung Khas Pelancongan (TKP).

Kedua-dua tabung tersebut bertujuan untuk membantu para pengusaha yang ingin membangunkan atau mengembangkan produk-produk pelancongan seperti premis penginapan pelancongan, kemudahan-kemudahan dan lain-lain projek pelancongan di seluruh negeri. Pada tahun 2018, sebanyak 19 permohonan telah disokong dengan jumlah RM800,802,048.94 yang melibatkan 10 permohonan TPIP.

Sejumlah RM673,003,744 dan sembilan permohonan TKP berjumlah RM...

[*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya panjang, jadi jawapan pun panjang. [*Ketawa*] Mungkin boleh diberikan jawapan bertulis. Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Bukan jawapan panjang, lambat.

Tuan Mohamaddin bin Ketapi: Okey, okey.

Tuan Yang di-Pertua: Itu gaya menteri, bagilah kesempatan dia.

Tuan Mohamaddin bin Ketapi: Permohonan TKP sejumlah RM120,798,304. Sokongan ini melibatkan sembilan negeri iaitu Johor, Kedah, Melaka, Pahang, Perlis, Pulau Pinang, Sarawak, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan silakan.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan. Dia bukannya lambat, dia *slow and steady*. Yang Berhormat Pontian, dia *slow and steady*.

Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan saya. Berdasarkan kepada jawapan yang telah dibekalkan sebentar tadi di mana kita melihat kepada peruntukan untuk pembangunan. Terdapat beberapa negeri tidak dapat sebarang peruntukan contohnya Pahang, Wilayah Persekutuan, Johor dan Melaka.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah mekanisme dan juga kriteria yang digunakan supaya kementerian dapat memberikan peruntukan kepada setiap negeri

termasuk di negeri Melaka. Untuk maklumat Yang Berhormat Menteri di mana Melaka telah memilih tahun 2019 tahun depan sebagai tahun melawat Melaka.

Jadi saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada terdapat dana khas untuk Kerajaan Negeri Melaka untuk melancarkan Tahun Melawat Melaka 2019. Ini juga sudah pasti berkaitan dengan cukai pelancongan yang telah dikutip oleh Kerajaan Persekutuan yang dikutip oleh pihak kastam. Bagaimana mekanisme dan kriteria seperti yang telah dijanjikan oleh kerajaan, di mana 50 peratus kutipan daripada cukai pelancongan ini akan dikembalikan kepada setiap negeri. Dengan itu, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri. *Gear empat.*
[Ketawa]

Tuan Mohamaddin bin Ketapi: Kaedah pengagihan peruntukan pembangunan ke negeri-negeri ditentukan berdasarkan kepada kebolehlaksanaan projek-projek yang dicadangkan mengikut keutamaan. Permohonan juga dinilai dari segi komitmen agensi pemohon dalam mengoperasi dan menyelenggarakan projek-projek sedia ada. Cadangan projek yang telah di senarai pendek seterusnya akan dibentangkan kepada EPU atau MEA untuk pertimbangan dan kelulusan.

Untuk menjawab *tax tourism*, pembahagian kepada negeri sebetulnya ini Yang Berhormat Kota Melaka sudah menjawab sendiri berasaskan pengagihan 50 peratus yang disebutkan. Sebetulnya untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, cukai pelancongan ini adalah di dalam simpanan MOF atau *Ministry of Finance*, bukan dengan MoTAC.

Jadi bila masa pengagihan dan sebagainya, ini akan dibuat oleh Kementerian Kewangan, bukan kita ambil duit dan bagi-bagi, tidak. Jadi berdasarkan kepada 50 peratus. Sekian terima kasih.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya yakin bahawa sasaran kedatangan 33.1 juta pelancong ke Malaysia pada tahun ini. Ketibaan pelancong luar daripada Januari hingga April lepas adalah seramai 8.47 juta. Ini satu kadar yang agak rendah bagi Malaysia sebagai destinasi pelancongan.

Di Semenanjung, destinasi ini sememangnya dikenali di dunia pada tahun 2017. Negara juga menerima sejumlah 25.9 juta kedatangan pelancong luar negara. Jumlah perbelanjaan sebanyak RM82.2 bilion. Malaysia juga menyasarkan berada dalam kedudukan 10 destinasi pelancongan utama dunia menjelang pada tahun 2019 berbanding kedudukan 12 yang direkodkan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya sejauh manakah sasaran kedatangan 33.1 juta pelancong ke negara ini tercapai dan apakah strategi jangka panjang kementerian bagi memastikan angka kemasukan pelancong terus meningkat dan mampu memberi sumbangan kepada pendapatan negara pada tahun hadapan dan juga mencapai 10 destinasi pelancongan dunia pada tahun 2019.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan...

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Soalan saya yang kedua Tuan Yang di-Pertua ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan utamanya ialah mengenai peruntukan. Ini luar tajuk ya. Mungkin ...

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Boleh? Saya teruskan, apakah inisiatif kementerian

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan saya kata luar tajuk. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamaddin bin Ketapi: Yang Berhormat, saya mendengar dan memerhati soalan ini terkeluar daripada sasaran sedikit

Tuan Yang di-Pertua: Ya memang.

■1150

Tuan Mohamaddin bin Ketapi: Jadi biar saya menjawab dulu secara yang tepat. Jadi bagi saya peluang sedikit untuk menjawab.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Jadi boleh saya teruskan dulu atau Yang Berhormat Menteri dulu jawab?

Tuan Mohamaddin bin Ketapi: Sekarang ini tinggal hanya 10 minit. Saya jawab dulu Yang Berhormat. *[Dewan Ketawa]* Kalau ada lebih masa saya bagi ruang kepada Yang Berhormat untuk soalan tambahan dengan izin dari Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Okey, okey.

Tuan Yang di-Pertua: Okey secara ringkasnya. Saya ingat Yang Berhormat Bintulu sedang menunggu giliran. Silakan.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Gear tiga.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Gear lima ya.

Tuan Mohamaddin bin Ketapi: Terima kasih banyak. Yang sebetulnya bukan 33 juta Yang Berhormat pelancong yang untuk dianggar kedatangan pada tahun ini bukan 33 juta. Apa yang sebetulnya 26 juta bukan 33 juta. Kita mengambil kira juga pada tahun 2020 Tahun Melawat Malaysia menganggarkan 30 juta juga. So, 33 juta jauh sikit sasaran dia.

Walau bagaimanapun, strategi kita untuk menaikkan pelancong-pelancong ini seperti promosi di luar negara dan promosi di dalam negara. Ini semuanya akan kita buat melalui pengiklanan di luar negara mahupun di dalam negara. Manakala yang lain tentang *connectivity*. *Connectivity* ini bersasar kepada penerbangan-penerbangan.

Baru-baru ini saya ke London, Amsterdam dan Frankfurt WTM. *[Dewan riuh]* Ini cerita untuk menaikkan pelancong. *[Ketawa]* Saya telah berbincang dengan Condor Airlines untuk membawa pelancong daripada Eropah ke Malaysia. Ini satu cara dia. Cara yang kedua kita

berunding dengan IndiGo Airlines daripada India kerana pelancong banyak masuk daripada India. Saya telah memberitahu kepada mereka, *you* hendak bawa pelancong masuk Malaysia tetapi *you* lekat sticker “Visit Malaysia 2020”. [Tepuk]

Ini cara Menteri Pakatan Harapan untuk membuat pasaran yang tinggi ke Malaysia. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Mohamaddin bin Ketapi: Saya telah memberitahu juga kepada CEO *Malaysia Airlines System* untuk membawa dan juga untuk memasarkan Malaysia di luar negara dan membawa pelancong masuk. Tolonglah lekat pelekat “Visit Malaysia 2020” di semua kapal terbang *Malaysia Airlines*. [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Mohamaddin bin Ketapi: Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Kereta kita pun boleh lekat.

Tuan Mohamaddin bin Ketapi: Terima kasih banyak kalau ada sumbangan seumpama itu. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

8. Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) adakah pihak kementerian melaksanakan penyelenggaraan jalan raya lama yang sedia ada ketika melaksanakan projek Lebuhraya Pan Borneo; dan
- (b) jika ya, berapakah peruntukan telah disediakan untuk penyelenggaraan jalan raya lama tersebut dan apakah piawaian keselamatan yang digunakan oleh pihak kementerian untuk penyelenggaraan jalan raya lama tersebut.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bintulu yang soalnya bertanya apakah pihak kementerian melaksanakan penyelenggaraan jalan raya lama yang sedia ada ketika melaksanakan projek Lebuhraya Pan Borneo. Selanjutnya beliau bertanya, kalau ia berapa peruntukan untuk penyelenggaraan jalan raya lama tersebut. Beliau juga bertanya, apakah piawaian keselamatan yang digunakan oleh pihak kementerian untuk penyelenggaraan jalan raya lama tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bintulu adalah seorang yang sepanjang saya perhatikan sangat komited dalam isu Pan Borneo, terutamanya melibatkan kawasannya di Bintulu. Rekod kegiatan beliau dan *Hansard* yang ada dan sejak saya percaya daripada Menteri sebelum ini lagi beliau begitu aktif dan sentiasa mendesak memastikan bahawa Bintulu mendapat perhatian istimewa yang tersendiri di dalam projek Pan Borneo.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya tidak menjalankan program penyelenggaraan Jalan Persekutuan bagi projek Lebuhraya Pan

Borneo memandangkan skop penyelenggaraan rutin telah dikira sebagai sebahagian daripada skop pembinaan dan tempoh tanggungan kecacatan dengan izin *defect liability period*.

Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Yang Berhormat Bintulu, prosedur-prosedur keselamatan tetap diambil kira seperti yang tersenarai seperti berikut dalam tempoh pembinaan tersebut;

- (i) prosedur pelan pengurusan trafik di tapak bina sepanjang pembinaan jalan raya berpandukan kepada piawaian arahan teknik JKR;
- (ii) Akta Kilang dan Jentera 1967 Peraturan BOWEC dengan izin *Building Operations and Works of Engineering Construction 1986*;
- (iii) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994; dan
- (iv) garis panduan keselamatan dan kesihatan pekerjaan awam di tapak bina tahun 2007.

Jadi Yang Berhormat, kita memberikan perhatian kepada soal keselamatan, soal *safety*. Untuk pengetahuan tuan-tuan dan puan-puan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian hari ini adalah Hari Teknik Negara yang kita sambut. Sebentar tadi saya meninggalkan majlis itu dan turut hadir juga Yang Berhormat dari Kuala Kangsar. Ya, hari ini adalah hari pengiktirafan kepada para profesion teknik *by engineers* dan sebagainya. Mereka ini tak mahulah kita jadikan sebagai perwira yang tidak didendang. Mereka ini punya jasa yang besar.

Jadi, saya percaya Yang Berhormat dalam menjawab soalan Yang Berhormat ini saya ingin menegaskan bahawa semua petugas dari profesion teknik akan memberikan sumbangan yang sebaik dan terbaik dan kita harus mengakui tentang sumbangan mereka kepada pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua bagi jalan persekutuan bukan di bawah skop pembinaan projek Lebuhraya Pan Borneo, penyelenggaraan jalan persekutuan adalah di bawah kementerian yang dilaksanakan oleh— kerja-kerja oleh kementerian ini dilaksanakan oleh konsesi penyelenggaraan yang dilantik. Itu jawapan saya Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga terima kasih atas pujian kepada saya.

■1200

Akan tetapi, saya sedih hari ini. Sepatutnya Yang Berhormat Menteri sepatutnya datang menjawab soalan ini, fasal dia punya kawasan pun tepi jalan Lebu Raya Pan Borneo. Saya kalau mahu bising, mahu marah tidak sedap. Fasal kemungkinan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tahu masalah-masalah Lebu Raya Pan Borneo, Bintulu - Miri, Bintulu - Sibu sudah beberapa *excident* sudah berlaku. Berapa nyawa pun sudah terbang. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri punya jawab daripada bekas kerajaan saya pun sudah dengar. Saya tahu ini jawapan-jawapan daripada pegawai kerajaan memang ini jawapan *kongkalikung* punya, tanya

kita punya pegawai, bila lah ada ikut itu undang-undang melaksanakan ini pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo? Lebuh Raya Pan Borneo sekarang *signal* dia pun tidak ada. Malam-malam kalau hujan kuat, kalau tidak percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mengikut sama saya, saya bawa kita jalan satu kali. Kalau orang tidak faham itu jalan, memang langgar, memang masuk longkang. Jadi kalau matahari yang kuat, berhabuk.

Tuan Pengerusi: Soalan Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Macam mana, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak terangkan dia tidak faham. Ini lah masalah rakyat, rakyat minta saya persoalkan fasal saya punya kawasan banyak *motorist*. Pergi rumah panjang, mereka pulang balik bekerja tiap-tiap hari. So, mereka tidak boleh nampak. Yang Berhormat Kapiti dia pun faham, fasal dia punya keluarga pun ada di Bintulu. Masalah dia, saya mahu tanya. Tadi kata penyelenggaraan tidak di bawah Lebuh Raya Pan Borneo punya kontraktor, jadi di bawah siapa? Ya, kementerian. Akan tetapi, saya difahamkan kementerian ini *concession* sudah ambil alih daripada kontraktor Lebuh Raya Pan Borneo. Tadi macam mana putar belit, pusing sini sana. Ini bukanlah Pakatan Harapan kerajaan baharu, macam mana putar belit?

Sekarang *confusing*, fasal sekarang hujung tahun pohon kiri, kanan, depan, belakang, semua. Jadi siapa mahu bina? Kalau hujan, air tutup habis orang tidak tahu. Langgar satu kali, orang punya nyawa terbang. Saya mahu tanya, bagi satu – bilakah ataupun kementerian akan menyediakan peruntukan menjalankan penyelenggaraan disegerakan Lebuh Raya Bintulu - Miri, Bintulu - Sibul.

Tuan Pengerusi: Ha, itu soalan

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya minta jawablah yang tepat. Jangan *kongkalikung*, bang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir]: Saya pun tidak faham apa dia *kongkalikung* itu. [Ketawa] Baru belajar.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kalau tidak *kongkalikung*, tidak faham saya bagi tahu. Jangan jawab syok sendiri, jawab kosong saja.

Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun tidak faham, tidak pernah dengar. Silakan.

Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir: Saya diberitahu oleh pegawai-pegawai saya nanti tunggulah perkataan *kongkalikung* akan keluar, rupanya betul. Yang Berhormat, saya *appreciate* betul kesungguhan Yang Berhormat, bukan sekadar main-main kerana saya dengar memang kesungguhan Yang Berhormat ketara sekali. Hari ini Yang Berhormat juga mengemukakan isu kemalangan yang berlaku di jalan-jalan yang kita bina termasuklah yang dimasukkan tadi. Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini khususnya Menterinya sangat komited. Beliau tidak dapat hadir bersama dan beliau mewakilkan saya untuk menjawab dan beliau memang sentiasa akan memberikan perhatian apabila isu itu isu yang menyentuh Bumi Kenyalang.

Akan tetapi, hari ini kerana beliau merasmikan Hari Profesion Teknik Negara bagi yang kita buat bagi pihak semua kementerian-kementerian yang lain yang kita dahulukan dan acara

ini sangat-sangat penting. Kurang sedikit sahaja barangkali daripada MAHA yang baru-baru ini dihadiri lebih daripada 3 juta pengunjung. Kalau Yang Berhormat - Yang Berhormat sudi, Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya dekat sangat dengan Bangunan Parlimen kita. Pameran-pameran akan berlangsung hari ini dan esok. Jadi Menteri bukanlah saja tidak mahu datang, tidak mahu jawab soalan daripada Yang Berhormat Bintulu. Dia sangat *respect* Yang Berhormat Bintulu, tetapi oleh sebab dia kena merasmikan – saya tinggal majlis tengah berjalan kerana hendak jawab soalan bagi pihak Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi, soal jalan yang menyebabkan nanti berlaku pra-kemalangan. Ini bukan sahaja hanya di Bintulu, tetapi di mana-mana juga. Dia ada banyak faktor, sudah tentulah tidak cuma faktor kontraktor ataupun pemegang konsesi ataupun Lembaga Lebu Raya ataupun kementerian. Akan tetapi, dia banyak faktornya. Pada jalan-jalan yang sedang dibina, yang sedang dibangun, had laju yang diputuskan hanya 60 kilometer sejam. Akan tetapi, tidak semua pengguna-pengguna jalan raya mematuhi hal ini. Ada yang lebih laju daripada peruntukan 60 kilometer per jam itu dan ini bukan sahaja tidak baik kepada jalan yang sedang dibina, tetapi juga dari segi keselamatan. Kelajuan ini lebih daripada had adalah antara punca kemalangan iaitu yang berpunca daripada kecuaiannya manusia sendiri. Selalunya manusia ini adalah sejenis makhluk yang cuai. Jadi antaranya kecuaiannya itu, kecuaiannya di jalan raya.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir: Dan juga kadang-kadang..

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, itu tidak apa. Saya paling mustahak mahu tanya bila ada peruntukan pulih penyelenggaraan ini?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, jawab terus.

Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir: *Okey, okey* saya teruskan dulu jawapan tidak terputus-putus. Selain daripada itu, faktor cuaca juga menyebabkan itu dan faktor alam sekitar dan kadang-kadang faktor mekanikal. Jadi banyak faktor yang menyebabkan berlakunya kemalangan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, faktor dia sekarang jadi jalan rosak. Fasal sekarang kontraktor-kontraktor mengguna ini jalan lama untuk dia – lori-lori melalui bawa itu batu, pasir, tanah untuk membina ini jalan. Itulah dia buat itu rosak.

Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir: *Okey*, terima kasih Yang Berhormat Bintulu.

Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Semua itu jalan *overload* itu semua lori itu *overloading*. Itulah buat jalan rosak.

Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir: *Okey*, terima kasih Yang Berhormat atas maklumat tambahan tersebut. Kita akan beri perhatian dan kita sentiasa turun beri perhatian. Sejak dari Menteri yang lama kita turun ke Bintulu sampai kepada Menteri kita yang sekarang ini pun kita turun untuk melihat apa-apa yang di *complaint* oleh Yang Berhormat. Dalam bulan November yang lepas, kita 24 Menteri saya turun lagi untuk berbincang, untuk melihat. Jadi, berilah apresiasi sedikit, berilah apresiasi sedikit kepada usaha....

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Sudah lamalah, hujung tahun lah. Saya tidak mahu lambat, saya punya kawasan banyak lagi orang *excident* lah, kemalanganlah.

Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat-yang Berhormat, malang sekali tidak ada masa sudah sekarang. Kita telah kehabisan masa untuk jawapan lisan dan seterusnya.

[Sesi untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

**USUL
WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

12.09 tgh

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahaskan dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Belia dan Sukan bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2019 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2019 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu, 5 Disember 2018.”

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md.

Ramli]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

■1210

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

**RANG UNDANG-UNDANG UNIVERSITI DAN
KOLEJ UNIVERSITI(PINDAAN) 2018**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG INSTITUSI PENDIDIKAN
TINGGI SWASTA (PINDAAN) 2018**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG INSTITUSI-INSTITUSI
PELAJARAN (TATATERTIB) (PINDAAN) 2018**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2019

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2019

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2019 dan Anggaran Pembangunan 2019 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". **[Hari Ketujuh]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Jawatankuasa]

Maksud B.43 [Jadual] -

Maksud P.43 [Anggaran Pembangunan 2019] -

Tuan Pengerusi: Sekarang ialah giliran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kepala Bekalan B.43 dan Kepala Pembangunan P.43 di bawah giliran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Pontian.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Dapat awal sahaja Yang Berhormat Pontian ini.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Asal Tuan Pengerusi yang *chair*, mesti Yang Berhormat Pontian.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan Jawatankuasa]

12.12 tgh.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Pontian baca apa ini?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Dia hari-hari rajin tunggu sampai malam.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Perkara pertama yang saya ingin tanyakan ialah mengapa peruntukan untuk Butiran 00110 – PR1MA daripada RM500 juta diturunkan hanya kepada RM100 juta? Sehingga kini, berapa banyak projek PR1MA ini? Berapa dalam pembinaan? Adakah ia akan ditambah baik? Apakah contoh-contoh penambahbaikan untuk projek PR1MA ini?

Perkara kedua, Butiran 40000 – SPNB sejumlah RM84 juta. Antara projek utama SPNB ini ialah Rumah Mesra Rakyat. Ia adalah satu projek yang cukup popular terutama kepada orang-orang kampung yang berpendapatan rendah. Syaratnya asal ada tanah, jika mereka tiada rumah untuk dibina, maka mereka mengisi borang dan ada subsidi yang banyak, tidak silap saya RM20,000 untuk sebuah rumah. Kemudian dibayar bulanan antara RM200 hingga RM250 dan rumah itu mereka akan miliki.

Saya ingin bertanya, berapa banyak Rumah Mesra Rakyat ini yang sudah dibina? Berapa permohonan yang tertunggak? Saya difahamkan ada banyak permohonan tertunggak. Di kawasan saya, sampai sekarang pun ada ditanya bila perumahan Rumah Mesra Rakyat ini akan diteruskan. Saya ingin menggesa kementerian meneruskan Rumah Mesra Rakyat (RMR) ini kerana ia amat diperlukan oleh penduduk kampung terutamanya.

Perkara yang ketiga ialah Butiran 01513 – Program Perumahan Rakyat. RM667 juta. Apa pandangan kementerian tentang skim *FundMyHome*, *P2P crowdfunding* yang dikemukakan oleh Kementerian Kewangan? Adakah ia akan dilaksanakan dalam Program Perumahan Rakyat RM667 juta ini? Bagaimana rakyat untuk mendapatkan 20 *percent* deposit? Kalau mereka ada duit 20 *percent* untuk deposit, tentulah mereka tidak ada masalah ya. Bagaimana untuk mengatasi kegagalan? Sebab, projek ini gagal di negara China. Atau pandangan kita ialah perlu diperbanyakkan *rent-to-own (RTO)* yang kita telah mulakan sebelum ini iaitu kaedah sewa beli. Perkara itu lebih popular dan lebih selamat untuk dilaksanakan.

Perkara yang keempat ialah tentang Butiran 38000 – PPAM. Dahulu ada '1', sekarang dah tak ada '1' nya. Perumahan Penjawat Awam Malaysia ya. RM622 juta. Rumah ini RM300,000 seunit. Adakah kementerian bercadang untuk memperluaskan ke semua bandar utama? Ini

kerana penjawat awam ada di bandar-bandar utama dan ia perlu disebarluaskan termasuklah ke kawasan Pontian.

Kerajaan terdahulu dalam masa lima tahun kita berjanji untuk menyediakan satu juta rumah. Kerajaan sekarang dalam masa 10 tahun untuk mencapai satu juta itu. Dalam Bajet 2018, Yang Berhormat Menteri, kita menyediakan— ini bukan tahun 2019 tetapi tahun 2018— RM2.2 bilion, 210,000 rumah PR1MA, 25,000 - Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia, 17,300 - PPR dan 3,000 - Rumah Mesra Rakyat. Setakat hari ini 4 Disember, saya ingin tahu dalam Bajet 2018 ini, RM2.2 bilion ini, berapa banyak yang telah dilaksanakan?

Sila, Yang Berhormat Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Janji satu juta unit rumah yang dibuat oleh Barisan Nasional pada PRU-13, setahu saya, 139,338 unit disiapkan, 311,281 unit dalam pembinaan. Ini pada awal tahun ini. Melainkan yang lain dalam proses kelulusan dan sebagainya. Apakah Yang Berhormat Pontian setuju supaya kita dapat diberitahu dan dikemas kini maklumat tersebut tentang apakah status tersebut terutamanya unit-unit yang dalam perbincangan, perancangan dan sebagainya?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Sebanyak 139,000 siap, sebanyak 311,000 dalam pembinaan dan ada lagi dalam perbincangan, perancangan dan perencanaan. Ia kalau kita letakkan satu juta *target* dalam masa lima tahun, maka kita akan mencapai satu angka yang besar. Akan tetapi kalau kita letakkan satu juta dalam masa 10 tahun, ia tidak setinggi mana hasrat itu. Oleh itu, apa yang dibuat oleh kerajaan terdahulu ialah biar kita letakkan tinggi supaya pencapaian juga kemungkinan akan tinggi. Kita juga inginkan, sebagaimana Yang Berhormat Rembau sebut, status terkini terhadap segala projek-projek itu.

Perkara kelima ialah Bomba dan Penyelamat. Apakah langkah-langkah kementerian agar dua peristiwa yang tidak pernah berlaku sebelum ini kepada anggota bomba dapat dielakkan? Peristiwa pertama, tentunya pada 3 Oktober yang lalu di mana enam anggota bomba kita lemas. Peristiwa kedua, tentunya pada beberapa hari yang lepas, Muhammad Adib yang dipukul teruk. Saya ingin tahu, apakah langkah-langkah Jabatan Bomba dan kementerian untuk memastikan perkara seumpama ini tidak berlaku? Kerana ia tidak pernah berlaku seorang anggota bomba yang membuat khidmat tetapi dipukul begitu teruk. Mudah-mudahan beliau selamat.

Seperkara tentang bomba ini, saya ingin bertanya tentang bomba sukarela. Bomba sukarela ini ada di kawasan-kawasan pekan misalnya, kawasan-kawasan bandar kecil. Ia boleh membantu apabila Pejabat Bomba di bandar utama itu lambat datang, maka bomba sukarela akan dikerahkan terlebih dahulu. Saya ingin tahu, apakah hasrat kerajaan untuk memastikan bomba sukarela ini akan bergerak dan akan banyak lagi dibuat di semua tempat di seluruh negara?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh sikit nak tanya?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, silakan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Pontian, saya nak tumpang kalau boleh ditanyakan kepada Yang Berhormat Menteri. Projek bomba di Kampung Gajah, Pasir Salak sudah dipecah tanah. Besar punya majlis kita buat hari itu. Akan tetapi sekarang saya dapat tahu dia nak panggil tender semula. Sudahlah kita tolong dahulu meratakan tanah pun tidak dibayar sampai sekarang, kontraktor cari saya. Jadi, bolehkah tolong majukan kepada Yang Berhormat Menteri? Minta tolonglah dalam perkara ini.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Kita menyokong hasrat Yang Berhormat Pasir Salak itu dan harap ia akan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Anggap itu juga ucapan saya, bukan celahan.

■1220

Perkara keenam, ialah projek kecil di PBT, RM342 juta. Adakah Ahli-ahli Parlimen akan dilibatkan untuk mengenal pasti projek-projek kecil ini Yang Berhormat Menteri? Contoh, tempat-tempat menunggu bas, misalnya, dewan-dewan terbuka, gelanggang-gelanggang futsal, premis-premis niaga yang strategik. Memang sudah ada, termasuklah di Pontian dan di banyak semua tempat. Akan tetapi, ia perlu ditambah. Antara cadangan untuk projek kecil di PBT ini, Yang Berhormat Menteri, ialah mengecat bangunan usang di kawasan-kawasan pekan kecil. Kalau ia boleh diberikan peruntukan, memberikan Ahli Parlimen kita untuk mengenal pasti, maka ia boleh menceriaikan seluruh kawasan PBT yang muram. Ini di mana, pekan-pekan kecil itu akan ceria dengan dicat bangunan-bangunan yang usang.

Perkara ketujuh, Pengurusan Sisa Pepejal, RM921 juta. Setakat mana kejayaan kitar semula di negara ini, *reuse, recycle* dengan izin? Ini supaya sisa pepejal boleh dikurangkan. Apa yang penting ialah, pendidikan kepada rakyat supaya sisa pepejal ini tidak bercampur. Pada ketika yang sama, kemudahan tempat untuk buangan kitar semula itu perlu ada, Yang Berhormat Menteri. Kalau kita suruh rakyat kita kitar semula, tetapi alat tong-tong yang berbeza-beza itu tidak ada di pelbagai tempat, maka ia tidak akan dapat mencapai kejayaan.

Perkara kelapan, Pemulihan Penyelenggaraan, RM30 juta dikurangkan kepada RM10 juta. Saya beberapa kali pergi ke PPR, menantu saya pun orang PPR. Jadi, saya tahu kawasan PPR ini lif-lifnya rosak, perlu dibaiki, kawasan-kawasan riadah perlu ditambah, lampu awam dalam bangunan itu perlu menyala, jangan pula tidak menyala, sistem pembuangan sampah perlu teratur, bangunan perlu dicat, tempat letak kereta perlu ditambah, surau perlu dalam keadaan yang baik, kedai-kedai yang teratur. Jadi, RM10 juta ini mana cukup, Yang Berhormat Menteri. Saya harap pemulihan dan penyelenggaraan terutama kawasan PPR perlu ditambah peruntukan, bukan hanya RM10 juta.

Perkara terakhir, Institut Latihan Kesejahteraan, Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya ingin bertanya tentang Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP), apakah yang telah terjadi yang telah dibuat oleh kerajaan terdahulu. JPP ini cukup baik, ia perlu diteruskan. Ia menjaga dan juga menghubungkan masyarakat dengan pihak kerajaan tentang sosial, sukan, keselamatan, kebajikan, pendidikan, ekonomi, kemasyarakatan, alam sekitar,

landskap, keceriaan, kebersihan dan ia tidak melibatkan politik. Saya kira, JPP ini perlu diteruskan jangan dihentikan walaupun ia dimulakan dengan kerajaan terdahulu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih, Yang Berhormat Pontian. Yang Berhormat Kapar, selepas itu Yang Berhormat Arau.

12.22 tgh.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyinggung Bekalan 43, di bawah Butiran 030300 bersekali dengan Pembangunan 43, di bawah Butiran 01513 – Program Perumahan Rakyat. Di atas beberapa perkara yang berlaku di kawasan saya, iaitu di Kampung Delek, Selat Klang, Kapar. Projek perumahan flat ada lebih kurang 12 buah blok. Sebelum pilihan raya, saya diberitahu bahawa sudah ada pengumuman dan juga sudah ada peruntukan sebanyak RM5.5 juta untuk penambahbaikan tangki air yang sudah berusia hampir 12 tahun dan menunggu saat ia pecah.

Begitu juga dengan cat dan bumbungnya. Apabila berlaku penambahbaikan itu hanya dibuat enam tangki blok sahaja. Setelah pilihan raya berlaku, maka ada lagi enam blok yang tidak ditambahbaik atau diganti kerana usia itu bila-bila masa akan pecah. Ini akan mengakibatkan mungkin nyawa, harta benda, kecederaan dan juga akan merosakkan lif. Maka, saya hendak beritahu dengan kementerian supaya siasat ke mana duit itu pergi? Jangan duit itu sudah diberikan peruntukan tetapi bila tidak dibuat projek itu, maka akan berlakulah kemalangan atau ketidakseimbangan di antara peruntukan dan juga implementasi.

Jadi saya mahu minta kementerian supaya menyiasat dan kalau perlu laporkan kepada SPRM, laporkan! Ini kerana enam blok lagi iaitu dalam keadaan tangki yang kritikal, cat yang usang, bumbung yang bocor dan mengganggu ketenteraman penduduk-penduduk di perumahan Seri Perantau di Kampung Delek. Jadi, saya mahu mengambil satu sahaja perkara yang saya mahu beritahu, kalau berlaku pecah tangki akan mengakibatkan jiwa. Ini tanggungjawab, haruslah kementerian tanggung. Begitu juga dengan kecederaan dan kerosakan harta benda haruslah diberikan perhatian. Saya tidak mahu berlaku – Kalau sekiranya betul berlaku penyelewengan, maka hukumlah mereka yang mengkhianati amanah rakyat ini. Selamatlah penduduk Sri Perantau yang *balance* ada enam blok tangki yang kritikal, cat yang usang dan bumbung yang bocor itu digantikan segera. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau. Sila.

12.25 tgh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi, yang pertama sekali ini berkenaan dengan "along" ya, Butiran 030200. Sebab tajuknya adalah Pemberi Pinjam Wang, jadi...

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Along, along.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, alonglah. Along. Saya selama in 'dok' ingat along ini *illegal*.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Halal kan?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi, nampaknya ini macam di sini ada 'halal' sedikit. Jadi, kalau along halal apakah...

Seorang Ahli: Tidak ada haram...

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Dia tidak ada haram lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apakah syarat-syarat ketat yang dikenakan supaya kadar faedah itu tidak berlainan di antara satu dengan yang lain? Sekarang ini kita lihat untuk sampai kepada along ini ada broker-broker kecil ya. Sampai ke along, mungkin along akan caj lapan *percent*. Akan tetapi, di pertengahan itu ada orang yang kutip, kemudian ke bahagian 'tukang pukul', akhirnya sampai kepada along. Jadi, inilah kadar faedah.

Jadi, kalau betul pemberi pinjam wang ini sah, kita kena berikan syarat tertentu. Oleh sebab, kita lihat masalah sosial yang berlaku sekarang ini ialah kepada peminjam along. Orang mahu kenduri pun cari along, masuk sekolah, cari along, dalam keadaan ekonomi tertekan sekarang orang cari along. Kita tahu bahawa ia akan menimbulkan pelbagai masalah dan tekanan. Ada kes bunuh diri dan juga lain-lain lagi. Kalau betul ianya sah, kita kena tetapkan syarat supaya pinjaman itu di tahap berapa yang dibenarkan. Contohnya pada tahap RM5,000 sahaja dan sebagainya. Oleh sebab, tajuk ini, tajuk ini "Pajak Gadaai". Sekarang pajak gadaai tentulah kita berikan barang dia bagi duit. Akan tetapi, yang tajuk ini, seolah-olah macam kita mengesahkan along. Jadi, kalau saya pergi di beberapa tempat di- Tidak payah sebut negeri. Saya terkejut along itu dia kata sah di negeri ini.

Saya tanya siapa yang keluarkan lesen? Dia kata, kerajaan tempatan. Saya tidak mahu sebut negeri sebab nanti kawan-kawan sensitif pula. Oleh sebab saya kata sekarang saya mahu pinjam, saya pun berikan IC, dia kata nak pinjam berapa? Saya kata mahu pinjam RM30,000. Dia kata, RM10,000 bagi serta-merta. Selepas itu dia tengok lama-lama, ini Menteri – Pada masa itu saya Menteri ya. "Ini Menteri". Dia kata, mahu siasatkah?, saya kata tidak apalah. Saya saja seronok-seronok untuk ambil tahu.

Jadi, saya mahu tanya, apakah dengan tajuk ini, kita telah memberikan pengesahan kepada along? Kedua, Yang Berhormat Menteri, saya tengok ada sedikit pemikiran kerajaan sekarang ini suka tukar nama. Yang Berhormat Menteri, tidak payah tukar nama. Tukar orang cukup. Macam Klinik 1Malaysia, tidak payah tukar nama. Tukar orang cukup. Orang tidak ada masalah. Rakyat Malaysia ini boleh terima, tidak ada masalah. Tukar orang dan ambillah semua orang-orang Yang Berhormat Menteri suka. Saya percaya ini bukan polisi kerajaan yang dibincangkan tetapi mungkin di peringkat Menteri ataupun di peringkat pegawai. Pegawai pula kita tahu bahawa hampir semua pegawai menyokong Barisan Nasional. Akan tetapi, tiba-tiba bila berlaku perubahan, jadi sesetengahnya cepat-cepat menonjolkan diri yang dia ini lebih Pakatan Harapan daripada Pakatan Harapan. Dia mulalah ambil tindakan kepada pegawai-pegawai yang dia tidak suka. Bukan kerana parti, tetapi lebih kepada peribadi.

Hal ini berleluasa. Di beberapa kementerian, yang pegawai itu dia mengaku dia Pakatan Harapan terus ambil tindakan kepada orang bawah...

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Yang Berhormat Arau minta penjelasan?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya?

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Hulu Terengganu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Di mana kamu ya?

■1230

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bertanya pendapat Yang Berhormat Arau berkaitan dengan ah long tadi. Sekarang ini masalah iklan ah long atau pinjaman wang ini berada di merata-rata, ditampal di tiang-tiang elektrik, di *signboard* dan sebagainya. Apakah tindakan pihak kementerian untuk mengatasi masalah ini supaya tidak mendorong masyarakat untuk meminjam daripada ah long-ah long ini. Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, masukkan sebahagian daripada ucapan saya iaitu berhubung dengan iklan di mana-mana. Tuan Pengerusi pun tahu. Kita bawa kereta dekat *highway* mesti ada ditampal nombor-nombor telefon. Jadi ini tugas siapa sebab ini adalah masalah yang sebenarnya cukup besar di kawasan sawah padi, di mana-mana sekarang ini banyak sudah tanah tergadai kerana pinjam daripada ah long. Pinjam sedikit, kena bayar banyak. Ini berlaku.

Sejarah ah long ialah daripada penubuhan negara Israel bahawa *money changer* ini dimulakan oleh orang-orang Yahudi, Temple of Jerusalem dengan izin. Kita tengok dalam sejarah, mereka itu ialah *money changer* yang memperkenalkan sistem pinjaman wang yang cukup hebat dan selepas itu dengan menggunakan pendekatan yang sama, mereka bagi pinjam kepada orang Palestin, akhirnya orang Palestin tergadai tanah, akhirnya terjadilah negara Israel.

Ini sejarah menunjukkan bahawa sebuah negara hilang kerana pendekatan ah long tadi. Yang Berhormat, sekarang ini masalah yang berlaku di bawah ini harus diberi perhatian. Okey, tajuk saya...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau ini Ahli Parlimen kah penglipur lara?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Tak adalah, tak apa. Teruskan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi menggunakan bahasa kiasan kepada saya. Yang Berhormat berhati-hati, saya baik Yang Berhormat. Yang Berhormat tuduh saya duri dalam daging, sebenarnya daging dalam duri. [*Dewan ketawa*] Okey.

Yang Berhormat, yang saya cerita ini ialah benda yang berlaku Yang Berhormat belum baca buku. Yang Berhormat baca buku, berhubung dengan Jesus of Nazareth. Yang Berhormat baca buku itu, Yang Berhormat tengok tentang kisah *money changer* ya. Saya akan hadiahkan satu buku ini, buku ini tak banyak, ada dalam Kumpulan Amazon, tak banyak. Saya akan bagi kepada Yang Berhormat satu *copy*, tetapi saya kena order daripada London.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, mari tajuk ini balik. Berhubung dengan peminjam wang tadi. Kemudian yang kedua ialah Bomba dan Penyelamat yang telah disebutkan. Saya setuju dengan Yang Berhormat Pontian dan saya minta supaya kita beri perhatian yang serius kepada penyelamat kita supaya tidak jadi insiden yang telah berlaku. Ini ialah berlaku kepada anggota bomba. Ada juga yang berlaku yang melibatkan orang awam meninggal.

Yang Berhormat, saya ada rekod kalau Yang Berhormat nak tengok tentang apa yang berlaku semasa banjir dan sebagainya. Kita kena ada – satu pendekatan yang memberi amaran kepada mereka dari masa ke semasa. Semasa nak selamatkan orang, mesti pakai *life jacket*, mesti bawa bot dalam keadaan yang bukan dia tekan minyak dengan cara laju macam itu, sehingga ada berlaku insiden dulu, dua orang awam meninggal dunia yang tidak pakai *life jacket*. Tiba-tiba berlaku benda itu. Memang tidak ada *report* di sini, tetapi itu berlaku.

Sekarang ini anggota sendiri yang terlibat dengan kematian di mana apabila untuk nak selamatkan orang, mereka menggunakan tali. Adakah wajar digunakan tali semasa banjir dan sebagainya. Ini SOP ini, kena terang dan Yang Berhormat berjanji untuk menerangkan kepada orang-orang ramai dan juga Parlimen. Jadi saya minta Yang Berhormat berbuat demikian.

Kemudian, yang berikutnya ialah tentang PR1MA. Apa dosa PR1MA ini yang kita *pi* hukum daripada RM500 juta tinggal RM100 juta, Tuan Pengerusi? Inilah penglipur lara – iaitu menurunkan wang daripada RM500 juta ke RM100 juta. Ini penglipur lara kalau Yang Berhormat Tuan Pengerusi nak tahu. Rakyat terkejut ini apa cerita. Lebih baik – kalau sekiranya PR1MA mungkin gagal untuk – contohnya bagi orang yang tidak boleh beli rumah kerana masalah kewangan dan sebagainya, *rent-to-own*.

Rent-to-own telah pun diperkenalkan, dan saya setuju dengan Yang Berhormat Pontian. *Rent-to-own* ini jadikan satu pendekatan yang popular, bagi mereka yang tidak mendapat pinjaman kewangan. Akan tetapi janganlah orang yang layak pun nak buat *rent-to-own*. *Rent-to-own* ini satu pendekatan yang luar biasa yang diperkenalkan oleh kerajaan dahulu. Kerajaan yang sekarang pun sama juga, orang yang sama. Tak payah kira dulu dan lama, yang paling penting ialah supaya PR1MA ini diberikan perhatian yang serius. Kita sudah belanja begitu banyak, berbilion ringgit. Tiba-tiba peruntukan kita kurangkan daripada RM500 juta ke RM100 juta. Ini adalah suatu pendekatan penglipur lara yang luar biasa. Oleh sebab itu Tuan Pengerusi jangan guna bahasa kiasan kepada saya sebab saya akan ulang tayang sehingga menimbulkan kesakitan jiwa bagi manusia yang mendengarnya.

Jadi, jangan ambil pendekatan penglipur lara Yang Berhormat untuk peruntukan – kerana Yang Berhormat dulu selalu sebut bertanya kepada saya fasal PR1MA. Saya jawab. Yang Berhormat, PR1MA sudah ada semua cukup. Bukan – kalau ada penyelewengan, ambil tindakan. Akan tetapi dia beli tanah dan juga yang lain-lain lagi benda ini terbukti ada di sana. Sekarang dia tidak boleh buat dengan cepat sebab masalah rumah ini – kita bukan, kita buat dengan manusia. Kita belum buat dengan Aladdin.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Kota Melaka minta mencelah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi, kita tak buat dengan Aladdin. Kita buat dengan manusia sudah tentulah prosesnya lambat dan sebagainya. Saya minta supaya kerajaan beri balik duit kepada PR1MA. Kalau tidak, perkataan penglipur lara ini akan berlegar di Parlimen ini selama lima tahun...

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Arau. Boleh minta penjelasan, minta sedikit laluan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: PR1MA telah membelanjakan hampir RM8 bilion semasa kerajaan yang lepas. RM8 bilion telah dibelanjakan dan mereka tidak capai sasaran mereka. Banyak kes apabila kita tinjau, tanah-tanah yang dibeli kononnya untuk membina projek PR1MA itu semua tanah-tanah lokasinya adalah memang tidak sesuai. Akan tetapi telah dibeli oleh PR1MA dengan harga yang lebih mahal daripada harga pasaran. Itulah akibatnya yang menyebabkan PR1MA gagal. Hari ini kerajaan baharu kita perlu cari cara penyelesaian untuk mengatasi masalah rakyat supaya rakyat dapat rumah untuk tinggal.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya setuju Yang Berhormat Kota Melaka. Yang Berhormat Kota Melaka dahulu kawan baik saya. Sekarang ini belum pasti lagi. Dahulu Yang Berhormat Kota Melaka puji PR1MA, sebab saya beri perhatian betul-betul kepada PR1MA di Kota Melaka. Yang dulu lah, yang kawan kita dahulu.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Arau, dekat Melaka satu projek PR1MA pun belum siap lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi dalam perancangan Yang Berhormat.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Satu pun belum siap.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sudah cangkul.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Ikut perancangan sepatutnya sudah siap tetapi sampai hari ini tiada satu pun siap dan kontraktor-kontraktor semua dihutang tak dibayar sehingga ratusan juta. Belum bayar lagi. Itu masalah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey. Jadi Yang Berhormat sebagai...

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Mana itu wang sudah pergi? RM8 bilion, mana itu wang sudah pergi?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, *very good*. Habis? Dah habis dah? Yang Berhormat, cara Yang Berhormat menjawab ini seolah-olah Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan yang kedua, okey lah. Saya beri pengiktirafan. Kalau Menteri tak nak jawab, Menteri kata masuklah ucapan itu kepada ucapan Yang Berhormat. *[Dewan ketawa]*

Akan tetapi saya nak beritahu kepada Yang Berhormat, kita kalau betul ada penyelewengan, Yang Berhormat ambil tindakan. Sudah cukup untuk mengulang tayang, ini – duit ini dicuri, ini semua. Ambil tindakan. Saya tak pernah *complaint* pun kata DAP kutip duit untuk

Kota Melaka. Apa, untuk – DAP kutip duit untuk menyelamatkan Kota Melaka, *something like that in the past*. Tak ungkit pun.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Masa sudah tamat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sudah tamat, cukup. Jadi Tuan Pengerusi, terima kasih. Tuan Pengerusi tarik balik perkataan penglipur lara. Kalau tidak nanti ia akan menjadi *branding* dengan izin, polemik politik yang berpanjangan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Bawa usul, bawa usul. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pasir Gudang. Sila.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Selepas itu Kuala Krai.

12.38 tgh.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pasir Gudang ingin membahaskan anggaran belanjawan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Ada dua perkara sahaja.

Perkara pertama iaitu di bawah B.43, Butiran Kerajaan Tempatan 020100 muka surat 364. Saya melihat anggaran tahun 2019 menurun. Jika tahun 2018 RM50 juta lebih, tahun 2019 turun kepada RM47,623,500 satu penurunan. Manakala P.43, Butiran Kerajaan Tempatan – 00100 pada muka surat 366, nampak menaik. Ucap tahniah kepada kementerian KPKT. Anggaran tahun 2019 lebih besar berbanding tahun 2018.

■1240

Dalam konteks kerajaan tempatan ini, saya ingin membawa isu rakyat di Pasir Gudang yang saya rasa ada kaitannya dengan tempat-tempat lain di seluruh negara. Saya membaca pada muka surat 360, berkenaan Prestasi Outcome Program. *Outcome* yang pertama disebut persekitaran kehidupan yang berkualiti. Disebut dalam buku belanjawan itu, peratusan tahap kepuasan pelanggan di kawasan PBT terhadap perkhidmatan yang diberikan, sasaran kementerian ialah untuk mencapai 90 peratus.

Di sini saya ingin membawa satu contoh yang konkrit kepada Yang Berhormat Menteri. Sila ambil perhatian iaitu ada satu kes di Pasir Gudang yang melibatkan 780 pemilik harta di Bandar Baru Permas Jaya, kawasan yang dipanggil Ikatan Flora di D'Ambiance Residence. Seramai 780 pemilik harta ini tidak puas hati kepada PBT iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru kerana pihak MBBJ telah mengenakan kadar cukai komersial iaitu 0.27 peratus berbanding kadar cukai kediaman iaitu 0.12 peratus. Ada perbezaan. Pihak pemilik harta ini, tuan-tuan rumah ini telah mengemukakan bantahan kepada MBBJ iaitu mereka rasa tidak puas hati mereka dikenakan cukai komersial yang tinggi berbanding cukai kediaman. Oleh sebab rumah mereka ini untuk kediaman, bukannya untuk komersial dan mereka tidak mendapat apa-apa faedah pendapatan komersial.

Apa yang ingin saya nyatakan di sini, pemilik-pemilik harta seramai 780 orang ini telah membawa kes ini ke Mahkamah Tinggi di Johor Bahru. Saya ada di sini ia punya Perintah-perintah Mahkamah ini dan pihak Mahkamah Tinggi Johor Bahru telah membuat keputusan yang

memihak kepada pemilik-pemilik ini iaitu pihak Mahkamah Tinggi Johor Bahru memberi kebenaran perintah supaya pihak MBBJ melakukan kajian tentang taksiran cukai harta itu. Jadi perkara ini daripada Mahkamah Tinggi, kemudian pergi ke Mahkamah Rayuan oleh pihak PBT iaitu MBBJ dan kemudian sampai ke *Federal Court*, Mahkamah Persekutuan di mana kes rayuan pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru itu telah ditolak akibat teknikal, masa telah luput dan sebagainya. Jadi ertinya, keputusan Mahkamah Tinggi Johor Bahru itu yang dipakai sekarang. Akan tetapi pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru tidak memenuhi Perintah Mahkamah Tinggi Johor Bahru.

Isu yang saya hendak sebutkan di sini iaitu rakyat ini berada di kawasan Pasir Gudang ataupun penduduk-penduduk di sana, mereka rakyat yang mengikut undang-undang. Mereka bantah ikut prosedurnya, pergi mahkamah, sampai ke mahkamah yang paling tinggi dan akhir sekali keputusan memihak kepada pemilik-pemilik harta supaya cukai ditentukan iaitu cukai komersial yang terlalu tinggi itu, tidak dipersetujui oleh penduduk-penduduk itu. Ini tidak dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru. Jadi mereka menghantar rayuan dan satu daripada surat mereka sampai kepada saya sebagai Ahli Parlimen Pasir Gudang. Pada kesempatan ini, saya membawa ke Dewan ini untuk membentangkan iaitu ini rakyat kita. Ertinya tolonglah selesaikan masalah ini, cukai komersial yang tinggi, 0.27 peratus. Akan tetapi mereka ini hanya menduduki rumah itu untuk tempat tinggal yang sepatutnya 0.12 peratus dan dia berharap Yang Berhormat Menteri dapat memberi perhatian dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, perkara kedua yang saya hendak sebut, bahas di sini iaitu perkara berkenaan bomba, P.43, muka surat 367 Butiran 32000 – Penyelenggaraan Bangunan dan Jentera Bomba. Saya melihat anggaran tahun 2019 meningkat berbanding tahun 2018, naik. Jadi maknanya peruntukan penyelenggaraan bangunan dan jentera bomba itu meningkat. Ini bagus. Saya mengucapkan syabas kepada kementerian. Hanya dalam penyelenggaraan bangunan dan jentera bomba ini, saya ingin menyatakan satu contoh yang konkrit, Balai Bomba Pasir Gudang. Saya ada melawat di sana. Ia ada dua enjin, mesin bomba untuk memadamkan api. Satu, rosak. Tinggal satu sahaja yang boleh berfungsi.

Kedua, kekuatan atau *strength* staf kakitangan bomba itu ada kekosongan yang perlu diisi. Ini penting Tuan Yang di-Pertua iaitu Pasir Gudang ini, peranan bomba ini sangat penting. Pasir Gudang merupakan kawasan *industrial*, kawasan perusahaan yang besar di Johor. Banyak kilang-kilang yang berbahaya dan mudah terbakar. Ada dua pelabuhan di sana, Pelabuhan Johor dan Pelabuhan Tanjung Langsat dan banyak kawasan perumahan rakyat di situ. Jadi, perlulah dilengkapi peralatan dan aset-aset balai bomba di Pasir Gudang.

Kedua, Butiran 39000 – Penyelenggaraan Kuarters, muka surat 367. Terima kasih kepada pihak kementerian. Anggaran meningkat sebanyak RM50 juta tahun 2019 berbanding dengan tahun 2018 yang saya lihat dalam buku itu, laporan itu kosong sahaja. Dalam hal ini, penyelenggaraan kuarters ini, saya rasa ramai bomba di seluruh negara juga mungkin menghadapi masalah yang sama. Akan tetapi di Pasir Gudang, daripada lawatan saya, keadaan fizikal bangunan itu uzur dan daif, sempit, tangki air rosak dan karat dan sebagainya. Jadi

mungkin jika ada peruntukan tahun 2019 yang ada ini, boleh diagihkan untuk di baik pulih. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Krai. Selepas itu Yang Berhormat Pengerang.

12.48 tgh.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, [Berselawat]* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 17400 – Program Pembangunan Kampung Baru. Persoalan yang saya hendak tahu ialah apakah kategori Kampung Baru ini? Adakah termasuk sekali penempatan-penempatan baru yang diwujudkan sama ada oleh pihak kerajaan ataupun swasta, bukan kawasan perumahan tetapi kawasan-kawasan lot-lot? Jika tidak termasuk, saya cadangkan pihak kementerian dapat memikirkan mekanisme untuk memasukkannya kerana penempatan-penempatan baru ini banyak diwujudkan mutakhir ini.

Saya beri contoh. Dalam kawasan saya ada beberapa perkampungan baru yang diwujudkan oleh pihak kerajaan negeri seperti di Sungai Durian, Kampung Pehi, Pasir Gajah, dan terbaru di kampung dalam *estate* Kampung Kuantan dan juga *estate* Pehi. Perkampungan-perkampungan ini asalnya adalah *estate* milik swasta dan dibuat pengambilan oleh pihak kerajaan untuk ditempatkan pekerja-pekerja *estate* dengan bayaran yang terlalu minimum. Contohnya saya beri ialah *estate* Kampung Kuantan. Bilangan lot di sini sekitar hampir 400 lot rumah. Kedua ialah *estate* Pasir Gajah, sekitar 200 lot. Kedua-dua penempatan baru ini bukan sahaja untuk masyarakat Melayu tetapi termasuk juga masyarakat India yang merupakan asalnya pekerja *estate*.

Untuk makluman Yang Berhormat, perkampungan-perkampungan baru seperti ini sudah tentu memerlukan kepada pelan infrastruktur yang menyeluruh agar dapat didiami dengan sempurna oleh peserta. Contohnya sistem perparitan, sistem jalan dan termasuk kemudahan-kemudahan awam seperti surau dan juga padang permainan.

■1250

Walaupun sudah beberapa tahun penempatan ini telah diwujudkan kecuali di Kampung Kuantan tadi yang saya sebut tetapi infrastrukturnya belum cukup sempurna. Dibuat secara berperingkat oleh sama ada pejabat tanah dan jajahan dan juga oleh pihak majlis daerah.

Jadi saya amat mengharapkan agar pihak kementerian dapat memikirkan penyelesaian secara menyeluruh. Jika pihak kementerian bersetuju saya boleh mencadangkan kepada pihak Majlis Daerah Kuala Krai khususnya untuk mengemukakan cadangan dan juga permohonan kepada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua saya hendak sentuh ialah Butiran 30000 – Pembinaan Bangunan Jabatan Bomba Penyelamat Malaysia di Semenanjung Malaysia. Saya ambil kesempatan ini untuk merakamkan rasa simpati kepada Adib dan juga mendoakan supaya

beliau sembuh dengan secepat mungkin dan juga bersimpati dengan apa yang berlaku kepada yang meninggal dunia di tapak lombong. Semoga mereka diampuni oleh Allah SWT.

Saya meneliti peruntukan pembangunan telah berkurangan sebanyak sekitar RM17 juta. Saya ingin tahu mengapakah berlakunya pengurangan ini? Saya ingin merujuk kepada pembinaan balai bomba di Kuala Krai dan juga di Dabong. Dalam penelitian saya kedua-dua balai bomba ini terlalu kecil dan saya yakin kemudahan juga tidak akan mencukupi. Adakah balai ini adalah termasuk dalam kategori bomba sukarela ataupun sebagainya?

Saya bagi contoh di Kuala Krai, kawasan untuk balai bomba di Kuala Krai. Balai sedia ada terletak dalam Bandar Kuala Krai, betul-betul di tengah bandar. Kawasannya sempit mungkin tidak lagi sesuai dengan suasana perkembangan bandar-bandar baharu yang ada pada hari ini yang semakin berkembang, penduduknya semakin padat. Tambahannya pula siapnya hospital baharu yang sudah pasti pembangunan di sekitarnya akan turut membangun dengan cepat. Itu di Kuala Krai. Jadi, balai yang ada pada hari ini ada di dalam bandar yang lama dan ada pembinaan baharu yang juga saya rasa tidak mencukupi dengan suasana yang ada di Kuala Krai.

Kedua ialah Balai Dabong yang dalam pembinaan. Walaupun penduduknya tidak sepadat di Kuala Krai tetapi keperluannya amat-amat mendesak kerana kedudukannya yang agak jauh dengan balai-balai lain. Yang paling dekat pun ialah balai di Jeli iaitu jarak sekitar dari Dabong ke Jeli ini sekitar 60 kilometer dan Dabong ke Kuala Krai sekitar 80 kilometer. Itu jarak balai-balai yang terdekat.

Jadi saya cadangkan pihak Yang Berhormat Menteri dapat mengambil perhatian dalam isu ini supaya persediaan kepada balai-balai bomba ini khususnya dalam kawasan saya dapat diberikan perhatian dan dapat disediakan dengan kelengkapan yang secukupnya.

Terakhir Tuan Pengerusi ialah Butiran 40000 –Peruntukan kepada SPNB sebanyak RM84 juta. Saya ingin tahu berapakah bajet 2018 dan kenapa tidak ada penambahan untuk SPNB dalam Belanjawan 2019. Adakah kerajaan masih mengekalkan subsidi sebanyak — saya difahamkan ialah RM20,000 kepada setiap pembinaan Rumah Mesra Rakyat untuk tahun 2019.

Kedua, berapakah Rumah Mesra Rakyat bakal dibina pada tahun 2019? Saya harap tidak akan berlaku penyelewengan dalam pelaksanaan projek ini sebagaimana teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara dalam isu Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia iaitu subsidi sebanyak RM279 juta lebih telah diguna untuk tujuan lain.

Di kawasan saya perhatikan terdapat Rumah Mesra Rakyat diberikan kepada bukan sasaran yang sebenar. Ada rumah-rumah ini diberi sewa kerana pemiliknya sudah pun ada rumah sendiri— rumah kecil diberi sewa kepada orang lain dan mereka dapat rumah mungkin dengan harga yang begitu murah dengan subsidi lagi. Bahkan ada rumah-rumah ini yang terbiar naik semak-samun ditinggalkan begitu sahaja kerana pemiliknya tidak perlukan kepada rumah tetapi diberi ataupun mendapat rumah ini dengan mungkin cara bagaimana *Allahu a'lam*.

Ada juga yang terbiar selepas banjir 2014 yang melanda di Kuala Krai kerana rumah baru sahaja siap tiba-tiba berlaku banjir besar. Tuan rumah tidak sempat lagi duduk, tidak sempat

lagi tinggal di rumah baru ini tiba-tiba pihak SPNB pun tidak mengambil tanggungjawab untuk membaiki kerana kita pun tahu pemilik ataupun sebenarnya penerima ataupun orang yang dapat Rumah Mesra Rakyat ini adalah di kalangan orang-orang miskin yang sudah pasti tidak mampu untuk membaiki dan juga memuliharanya.

Akhirnya saya amat mengharapkan agar Ahli-ahli Parlimen termasuklah pembangkang juga dapat memainkan peranan supaya bantuan-bantuan seperti ini dapat diberikan kepada sasaran yang sebenar. Isu pemilikan rumah adalah isu yang amat mendesak khususnya kepada golongan yang berpendapatan rendah yang tidak ada cara lain untuk mendapat komitmen memiliki rumah. Tanah ada tapi hendak bina rumah tidak ada duit. Maka dengan cara Rumah Mesra Rakyat yang diwujudkan oleh pihak kerajaan ini sudah pastilah ini lah cara yang terbaik dan saya harap Ahli-ahli Parlimen termasuklah Ahli-ahli Parlimen pembangkang dapat memainkan peranan kerana mungkin sebelum ini Ahli-ahli Parlimen pembangkang tidak dapat memberi saranan yang sebaiknya dalam isu pemilikan rumah mampu milik ini.

Saya akhiri dengan hadis Nabi SAW [*Membaca sepotong hadis*], hadis ini diriwayatkan Imam Ahmad. '*Termasuk kebahagiaan seseorang ialah jiran yang baik, kenderaan yang selesa, dan tempat tinggal yang luas*'. Terima kasih, Tuan Pengerusi, *Wassalam warahmatullahi wabarakatuh*.

12.56 tgh.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya diberi peluang untuk melibatkan diri dalam bagi Maksud Pembangunan P.43. Saya merujuk kepada Butiran 00110 Yang Berhormat Menteri. Ini berkenaan dengan projek PR1MA.

Seperti yang diketahui projek RAPID dan Desaru Coast begitu membangun di kawasan Johor Selatan yang bertempat di kawasan Parlimen Pengerang dan harga perumahan begitu tinggi disebabkan oleh pembangunan di peringkat antarabangsa.

Jadi saya ingin menyoal kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan bercadang untuk membantu masyarakat dalam kawasan Parlimen Pengerang untuk mewujudkan banyak lagi rumah mampu milik kerana perumahan di kawasan Parlimen Pengerang disebabkan oleh projek antarabangsa perumahan dalam harga yang begitu tinggi dan sewa yang begitu tinggi.

Saya juga ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk mewujudkan dasar perumahan luar bandar supaya dapat membantu masyarakat di kawasan luar bandar yang berhadapan dengan keinginan untuk bertempat di kawasan bandar tetapi boleh menggunakan perumahan di kawasan luar bandar sebagai tempat kediaman mereka disebabkan oleh isu transportasi yang begitu hebat dalam negara kita.

Saya juga merujuk kepada Butiran 00100 – Kerajaan Tempatan. Ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan pilihan raya bagi kerajaan ketiga iaitu *the third-government*— [*Disampuk*]

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Pengerang, mohon sikit?

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Sekejap — pilihan raya untuk kerajaan tempatan. Silakan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerang. Di kesempatan ini saya melihat tidak cukup masa untuk semua Ahli-ahli Parlimen hendak berbahas, saya hendak minta tumpang sedikit tanya dengan Menteri.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Boleh silakan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ini berkaitan dengan Perumahan Rakyat Baling yang mana untuk makluman Yang Berhormat Menteri, pada awal tahun 2018 kementerian telah hadir ke Baling, telah buat program majlis pecah tanah untuk membina 500 buah unit rumah untuk rumah teres dan tanah-tanah juga telah dibeli daripada orang-orang kampung dan telah dibayar.

Jadi saya pohon kalau boleh ada ruang Yang Berhormat Menteri tolong beri laporan tumpang dengan Yang Berhormat Pengerang. Adakah status program perumahan tersebut sama ada akan dapat diteruskan? Terima kasih, Yang Berhormat, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Tuan Pengerusi, masukan dalam ucapan saya. Saya akan menimbulkan pada poin ketiga iaitu Butiran 30000 hingga Butiran 32000 iaitu Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: [Bangun]

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Silakan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Ringkas sahaja sebab ada kurang daripada satu minit.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Okey.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Antara sebab pilihan raya kerajaan tempatan mungkin ditangguhkan adalah kerana apabila berdepan dengan realiti menjadi kerajaan — Kerajaan Pakatan Harapan tahu bahawa pilihan raya di peringkat *local government* ini menimbulkan pelbagai masalah.

Antaranya masalah perwakilan di kalangan masyarakat yang berbilang kaum di kawasan-kawasan bandar. Kerisauannya adalah perwakilan yang tidak seimbang, tidak mewakili semua kaum. Apakah pandangan Yang Berhormat Pengerang berkenaan dengan masalah ini?

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Terima kasih, Yang Berhormat tentang soalan. Bagi saya kemungkinan perlu adanya pro-rata ataupun *proportionate representation* dalam pemilihan kerajaan tempatan — tertakluk.

Saya juga harap Yang Berhormat Menteri, kerajaan akan mengadakan pilihan raya untuk kerajaan tempatan secepat mungkin kerana ia akan membantu isu-isu tempatan.

Dua poin yang akhir saya ialah berkenaan dengan bomba. Saya hendak menimbulkan pada Yang Berhormat Menteri adakah kerajaan bercadang hendak mewujudkan insurans bagi ahli bomba. Kalau kita tengok sejak kebelakangan bukan sahaja apa yang berlaku mereka menjadi mangsa kepada tragedi tetapi kadang-kadang mereka walaupun hendak

menyelamatkan, mereka akan menjadi mangsa. Jadi adakah kerajaan bercadang untuk membantu dari segi insurans, terutama sekali dari segi kematian dan juga kecederaan?

Akhir sekali, berkenaan dengan Butiran 36000 – Kempen Mencegah Kebakaran. Saya berharap Yang Berhormat Menteri, Ahli-ahli Parlimen kedua-dua pihak diguna oleh pihak kerajaan untuk membantu memberikan kesedaran berkenaan dengan mencegah kebakaran dalam setiap kawasan Parlimen kerana ia dapat membantu terutama sekali hubungan kita dengan rakyat-rakyat. Dengan itu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerang kerana menepati waktu. Kini sudah pukul 1.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Majlis Mesyuarat ditangguhkan ke pukul 2.30 petang.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempengerusikan Jawatankuasa]

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Paya Besar.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Paya Besar.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya tengok senarai ini sepatutnya Yang Berhormat Bagan Serai. Akan tetapi, Yang Berhormat Bagan Serai tidak masuk lagi.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Ha! Ganti Setiu.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Kemaman.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Beaufort, Yang Berhormat Rasah ataupun Yang Berhormat Parit Sulong. Saya jemput.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Eh! Paya Besar.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Kemaman.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya akan ambil nama tetapi saya jemput Yang Berhormat Rasah dahulu. Saya akan ambil nama.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Paya Besar.

2.33 ptg.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana peluang yang diberikan sebagai pembahas pertama pada petang ini. Terlebih dahulu saya ucapkan tahniah

kepada pihak kementerian KPKT kerana walaupun peruntukan untuk mengurus telah berkurangan tetapi yang penting adalah peruntukan untuk pembangunan telah naik daripada RM1.847 bilion kepada RM2.392 bilion yang menunjukkan komitmen daripada Kerajaan Pakatan Harapan dalam memberikan pembangunan sebagai fokus utama di bawah KPKT.

Saya berharap dengan peruntukan yang besar sebegini ia bukan sahaja akan membolehkan semua agensi, semua sektor di bawah KPKT dapat bergerak dengan lebih tersusun dan untuk kepentingan rakyat. Sebab KPKT sendiri banyak melibatkan tidak kira pihak PBT, pihak bomba dan penyelamat dan sebagainya. Semuanya berkaitan terus menerus dengan kehidupan harian dan perkhidmatan perbandaran yang mana ia secara terus akan mempunyai pengaruh yang sangat besar terhadap impak kehidupan harian penduduk kita.

Perkara pertama yang saya hendak sebut adalah di bawah Butiran 030500 – Bahagian Kampung Baru. Saya nampak di bawah Butiran 030500 ini, sebanyak RM16.2 juta diperuntukkan. Saya percaya ia berkaitan dengan elaun daripada— elaun untuk setiap MPKK di bawah Kampung Baru dan saya hendak tanya, bilakah elaun untuk Ketua Kampung dan Setiausaha dan juga elaun mesyuarat Ahli Jawatankuasa dalam MPKK akan dapat diturunkan. Sebab setakat yang saya dapat maklumat dua tiga hari ini daripada MPKK di kawasan saya, di Parlimen Rasah dan Negeri Sembilan belum dapat.

Berkaitan dengan Kampung Baru. Saya hendak menyentuh juga Butiran 17400 – Program Pembangunan Kampung Baru. Kalau setahun sebelum ini, di bawah Belanjawan 2018, ketika itu saya difahamkan di bawah JPM sebanyak RM70 juta diperuntukkan. Akan tetapi, kali ini selepas dipindahkan ke bawah KPKT nampak jelas terdapat kenaikan peruntukan daripada RM70 juta kepada RM85.5 juta. Jadi, persoalan saya di sini adalah bagaimanakah agihan dan cara untuk setiap MPKK untuk Kampung Baru mendapatkan dana tersebut.

Saya percaya dana pembangunan ini sangat penting untuk menjalankan aktiviti di setiap kampung baru. Kalau MPKK untuk kampung tradisi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar bahawa RM10,000 untuk setiap MPKK. Saya hendak tanya, berkenaan dengan kampung baru ini, apakah ia mempunyai satu geran ataupun peruntukan yang tetap untuk setiap MPKK ataupun peruntukan untuk setiap MPKK itu berbeza berdasarkan keperluan untuk infra dan sebagainya.

Sebab di kawasan saya sendiri, terdapat empat MPKK, khusus saya hendak sebutkan banyak infra yang perlu kita berikan peruntukan untuk diperbaiki dan sebagainya. Saya bagi contoh untuk Balai Raya Kampung Baru Rahang yang usang. Walaupun hari itu bulan Oktober itu saya menggunakan peruntukan di bawah projek-projek kecil Ahli Parlimen tetapi masih banyak yang perlu diperbaiki. Sebab kalau macam hari itu gunakan peruntukan di bawah projek kecil, ia hanya melibatkan projek kecil bawah RM20,000.

Jadi, kalau dapat peruntukan *direct* daripada KPKT sudah tentunya lebih banyak yang boleh dilakukan. Berkenaan dengan kampung baru, saya juga mohon penjelasan daripada pihak KPKT berkenaan dengan pelantikan penyelia untuk kampung baru. Penyelia yang akan memantau MPKK setiap kampung baru. Saya difahamkan di Negeri Sembilan ada tujuh orang,

hampir setiap daerah itu ada seorang. Jadi, bilakah lantikan? Sebab ini lantikan kontrak, yang dahulu itu memanglah daripada kerajaan yang lepas. Saya difahamkan mereka telah tamat ataupun akan tamat dalam bulan ini. Jadi, sudah pastinya lantikan baru akan dibuat bila dan macam manakah mekanisme pelantikan tersebut.

Perkara seterusnya yang saya hendak bangkitkan adalah berkenaan dengan Butiran 020200 – *Solid Waste* dan *Public Cleansing Corporation* (SWCorp). Saya nampak ada peruntukan RM87 juta dan seterusnya Butiran 020300 – Pengurusan Sisa Pepejal Negara terdapat RM921 juta. Satu peruntukan yang besar. Tahniah untuk Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian sebab peruntukan yang sebegini besar, saya percaya ia akan dapat mengatasi masalah sampah sarap, pelupusan sisa pepejal dan sebagainya yang sudah pastinya ia bukan sahaja berkaitan dengan kebersihan malahan jauh lebih berkenaan adalah kesihatan dan kesejahteraan hidup penduduk.

Saya hendak tanya berkenaan dengan bagaimanakah agihan tersebut. Jadi, daripada hampir RM1 bilion tersebut, bagaimanakah agihan untuk setiap PBT ataupun untuk Negeri Sembilan. Jadi, kalau boleh saya hendak dapatkan fakta, berapa banyak kah agihan untuk Negeri Sembilan khasnya untuk Majlis Perbandaran Seremban dan Majlis Perbandaran Nilai.

Butiran seterusnya adalah berkenaan dengan 00100 – Projek Kecil di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Saya nampak terdapat kenaikan peruntukan dari kalau tahun sebelumnya hanya sebanyak RM259 juta sahaja. Sekarang ini RM342 juta. Kenaikan hampir 30 peratus. Syabas. Sebab saya percaya projek-projek kecil di setiap PBT ini sangat penting untuk memastikan pembangunan di kawasan setiap PBT dapat dilakukan sepanjang masa.

Saya hendak tanya bagaimanakah dengan agihan tersebut? Kalau tadi, Yang Berhormat Pontian sebagai pembahas pertama ada menyatakan bahawa beliau bertanya, apakah setiap Ahli Parlimen yang dipilih terlibat? Saya hendak tanya, terutama untuk Ahli Parlimen peringkat di sebelah kerajaan, macam Ahli Parlimen Rasah ini, kalau boleh saya mohon budi bicara daripada Yang Berhormat Menteri kalau yang melibatkan Parlimen Rasah, biar Ahli Parlimen sendiri terlibat untuk sama-sama turun. Sebab dalam banyak isu yang berkenaan dengan PBT, orang hanya nampak Ahli Dewan Undangan Negeri tetapi tidak nampak Ahli Parlimen.

■1440

Saya rasa agensi lain dia tidak apa sangat, tetapi PBT banyak. Saya sendiri pun terasa juga. Saya nampak agensi lain, dia memberikan perhatian kepada Ahli Parlimen, tetapi PBT banyak kepada ADUN. Terutamanya kalau melibatkan dana peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, sudah pastinya Ahli Parlimen yang sepatutnya diberikan peluang untuk sama-sama kalau ada cadangan daripada Ahli Parlimen kerajaan terutamanya.

Berkenaan dengan satu lagi butiran iaitu di bawah Butiran 01513 – Program Perumahan Rakyat, saya nampak ada kenaikan peruntukan yang cukup mendadak daripada RM371 juta kepada RM667 juta. Syabas, sebab saya rasa Program Perumahan Rakyat ini sangat penting. Kita tahu kalau pemaju, ia banyak yang melibatkan keuntungan dan sebagainya. Bila daripada

kementerian, daripada kerajaan, ia lebih memikirkan keperluan daripada rakyat kita untuk mendapatkan perumahan.

Jadi, saya hendak tanya, daripada RM667 juta tersebut, berapakah yang diperuntukkan untuk Negeri Sembilan, khasnya Parlimen Rasah?

Seterusnya berkenaan dengan PR1MA. Kalau tadi Yang Berhormat Kota Melaka ada mengatakan PR1MA berhutang banyak dengan kontraktor-kontraktor di Melaka, saya hendak maklumkan juga kepada Yang Berhormat Menteri bahawa bukan sahaja di Melaka tetapi di Negeri Sembilan, di Parlimen Rasah juga. Sebab, di kawasan saya di Bukit Tembok sedang rancak dalam pembinaan projek PR1MA dan saya pun kedengaran ada aduan daripada bukan seorang tetapi banyak kontraktor yang mengatakan bahawa PR1MA gagal membayar. Malahan, ada yang sudah tertunggak berbulan-bulan lamanya tanpa bayaran dengan pelbagai alasan.

Jadi, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, terutamanya selepas PR1MA ini dimasukkan di bawah bidang kuasa KPKT.

Perkara terakhir yang saya hendak sebutkan di sini adalah berkenaan dengan Butiran 020100 – Kerajaan Tempatan. Saya nampak RM47 juta diperuntukkan di bawah butiran ini. Lebih kurang sama dengan tahun sebelum itu. Cuma, saya mohon satu sahaja. Sebab, di kawasan saya di bawah Majlis Perbandaran Seremban, baru-baru ini ada kejadian di mana pihak MPS telah mengkaji semula unit-unit rumah yang ada *renovation* ataupun tambah pulih ataupun tambah keluasan dan nilai rumah tersebut. Padahal, *renovation* tersebut telah dilakukan sejak 20 tahun dahulu. Di bawah rejim lama, MPS tidak ada buat kenaikan ataupun hendak *adjust* semula kenaikan nilai tersebut. Akan tetapi di bawah kerajaan baharu, MPS buat. Jadi, berlaku situasi di mana rakyat marah. Rakyat salah faham, rakyat tuduh kerajaan baharu naikkan cukai taksiran.

Sebenarnya cukai taksiran asal tetap sama sebagaimana komitmen daripada Pakatan Harapan Negeri Sembilan yang kata lima tahun penggal ini tidak naik cukai taksiran. Akan tetapi disebabkan kenaikan yang diakibatkan oleh *renovation*, rakyat marah.

Jadi, saya mohon cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, boleh tidak...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sepuluh saat lagi.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Dua ayat terakhir. Boleh tidak pihak kementerian memberikan dana khas kepada MPS supaya MPS boleh menanggukkan sekurang-kurangnya kenaikan tersebut untuk dua tahun yang pertama supaya dapat meredakan kemarahan daripada pihak rakyat? Sebab, saya tahu kalau tahun pertama naik harga, orang mesti tuduh kita. Akan tetapi saya faham juga keadaan kewangan yang dihadapi oleh MPS.

Jadi, saya mohon satu dana khas daripada KPKT untuk Majlis Perbandaran Seremban supaya mereka boleh menanggukkan kenaikan tersebut.

Sekian sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Beaufort kerana masuk awal tadi. Yang lain datang lambat tadi, kita kena aturkan lewat sedikit.

2.43 ptg.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum saya meneruskan perbahasaan, saya ingin mengalu-alukan kehadiran ke Dewan Parlimen ini rakan sebaya daripada Parlimen Setiawangsa dan juga pelajar-pelajar daripada Fakulti Sains Sosial Universiti Malaya. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi, saya merujuk terus kepada Butiran 00100 – Projek Kecil di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Saya melihat bahawa ada RM342,657,000 peruntukan yang agak besar juga. Tahniah saya ucapkan kepada kementerian dan Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya di sini bagi pihak kawasan saya bahawa pada sebelum ini ada projek-projek kecil yang telah pun diluluskan di kawasan PBT Kuala Penyu dan kawasan PBT Beaufort di dalam Parlimen Beaufort.

Antaranya ialah baik pulih dan juga naik taraf Dewan Palu-Palu di Kuala Penyu, bina baharu dewan terbuka bagi Taman Wawasan di Beaufort, baik pulih Dewan Serba Guna Kota Klias yang juga di Beaufort. Kesemua ini telah pun diluluskan sebelum ini tetapi setakat ini belum lagi dilaksanakan. Jadi, saya harap sangatnya untuk meminta kepada Yang Berhormat Menteri supaya peruntukan dapat diturunkan supaya kemudahan rakyat ini dapat kita baik pulih untuk mereka gunakan.

Saya merujuk yang kedua kepada Butiran 01513 – Program Perumahan Rakyat. Saya melihat bahawa di sini ada RM667,920,800 peruntukan yang tersedia. Juga tahniah saya ucapkan. Saya ingin bertanya kedudukan status PPR Selagon di Beaufort, yang mana ada 67 buah yang dibina. Saya ingin bertanya, bilakah rumah-rumah yang telah dibina ini boleh diduduki oleh mereka yang memerlukan? Saya difahamkan bahawa ada sebuah dua unit yang menghadapi masalah yang setakat ini masih lagi belum selesai. Jadi, saya ingin meminta kerjasama dan budi bicara, budi baik Yang Berhormat Menteri supaya perkara ini dapat diselesaikan segera. Jadi, mereka yang menunggu sekian lama ini dapatlah duduk ke rumah yang dibina ini.

Saya juga mohon supaya kementerian memberikan perhatian agar permohonan saya rumah ini dapat dijadikan rumah *rent-to-own rather than* untuk disewakan sahaja. Terima kasih.

Seterusnya saya pergi kepada Butiran 30002 – Pembinaan Bangunan JBPM di Sabah. Saya lihat di sini peruntukannya turun daripada RM7 juta tahun ini kepada RM5.7 juta pada tahun hadapan. Saya ingin bertanya sebab saya telah juga mengemukakan permohonan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat sebelum ini. Bangunan Jabatan Bomba yang berada di Beaufort sekarang ini ada dalam keadaan yang tidak berapa baik dan kedudukannya juga adalah sulit sangat untuk dia keluar dalam keadaan *emergency*. Payah untuk dia keluar. Tanah pun telah kita sediakan untuk mereka membina. Jadi, saya harap supaya ini juga diberikan perhatian. Terima kasih.

Seterusnya saya pergi kepada Butiran 00500 – Pengurusan Sisa Pepejal. Ini Yang Berhormat Menteri pun sudah tahu juga, saya sudah berkali-kali mengatakan. Saya tahu telah diluluskan *sanitary landfill* di Beaufort ini. Ia adalah keperluan rakyat. Tempat yang ada sekarang

ini bukan *sanitary* tapi ia adalah tempat pembuangan sampah biasa. Bau sangat dan penduduk yang berdekatan di situ memang kesianlah kehidupan mereka. Jadi, saya berharap sangatlah supaya ini dapat dipercepatkan demi kesejahteraan rakyat kita.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Beaufort. Saya jemput seterusnya Yang Berhormat Setiu.

2.47 ptg.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Saya pergi kepada Butiran 030100 – Bomba dan Penyelamat. Negara kita telah dikejutkan dengan kematian enam orang anggota bomba ketika operasi mencari dan menyelamatkan di lombong Taman Putra Perdana, Puchong ketika mencari remaja lelaki berusia 17 tahun yang dilaporkan lemas di lokasi kejadian. Dengan kematian enam anggota dalam satu operasi jelas membuktikan anggota bomba dan penyelamat ini sangat penting demi keselamatan masyarakat.

Selain itu, isu terbaru, anggota bomba Muhammad Adib yang tercedera ketika operasi memadam kebakaran yang dibakar oleh perusuh di luar Kuil Sri Maha Mariamman membuktikan kepada kita kerja anggota bomba ini teramat berisiko dan berdepan dengan pelbagai bahaya dan ancaman.

Walau bagaimanapun, emolument bagi anggota bomba yang berjumlah 14,751 anggota diturunkan daripada RM619.2 juta ketika Bajet 2018 kepada RM613.2 juta, mengalami penurunan sebanyak RM6 juta dalam anggaran Bajet 2019 baru-baru ini. Nyata bagi kita bahawa kerajaan masih lagi tidak memberi perhatian serius kepada anggota bomba dan penyelamat.

Sehubungan itu, saya mencadangkan kepada pihak kerajaan agar menaikkan elaun kepada anggota bomba dan penyelamat yang mempertaruhkan nyawanya bagi keselamatan masyarakat.

Kedua, Tuan Pengerusi, Butiran 030600 – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA). Tuan Pengerusi, sebelum ini saya telah membangkitkan isu Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) di Setiu.

■1450

Projek ini merupakan projek yang pernah dijanjikan pada pertengahan tahun 2017 di Kampung Sungai Bari, Linggi, Langkap dan dijangkakan sejumlah 600 buah rumah akan dibina. Walau bagaimanapun, sehingga kini status projek ini masih lagi tidak dapat diketahui.

Kekurangan projek perumahan di Setiu sebagaimana yang saya sebut dalam perbahasan Titah Diraja yang lepas, kekurangan projek perumahan di Setiu menyebabkan rakyat terpaksa tinggal jauh dari tempat kerja dan berulang alik ke pejabat masing-masing yang terletak jauh dari tempat tinggal mereka.

Selain itu, rakyat juga terpaksa hidup dalam keadaan serba daif dan serba kekurangan. Saya ingin bertanya pihak kerajaan dengan bajet RM100 juta untuk PR1MA ini, adakah ia telah merangkumi seluruh projek dalam negara kita. Adakah dengan jumlah RM100 juta ini dikira mencukupi untuk projek perumahan di seluruh negara.

Setakat itu Tuan Pengerusi. *[Berucap dalam bahasa Arab] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *Walaikumussalam warahmatullah.* Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Saya jemput Yang Berhormat Bagan Serai. Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Parit Sulong, kemudian Yang Berhormat Paya Besar, kemudian Yang Berhormat Tampin, Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Kemaman, Yang Berhormat Kuala Kangsar, Yang Berhormat Alor Setar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Arau.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Akan masuk urutan selepas itu.

2.51 ptg.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Maksud B.43, Butiran 030100 iaitu bomba. Saya juga, Bagan Serai ingin menyentuh tentang tragedi ataupun kisah sedih yang berlaku akhir-akhir ini terhadap anggota bomba.

Pertamanya tentang saudara Mohd Adib yang dipukul semasa menjalankan tugas. Keduanya tentang enam anggota yang lemas semasa menolong menyelamatkan satu nyawa yang lemas juga dan juga banyak lagi sebenarnya insiden di mana apabila bomba dipanggil dan siren dibunyikan tetapi terlibat dalam *accident*, kemalangan. Jadi ini kita kena beri perhatian. Saya harap kerajaan tumpukan bagi perhatian bagaimanakah SOP yang lebih ketat dapat diperkenalkan ataupun kesedaran kepada rakyat perlu ditingkatkan tentang kepentingannya anggota bomba ini. Dan yang...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Bagan Serai, sedikit pecelahan. Sedikit.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Silakan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Bagan Serai. Saya lihat dalam butiran dalam belanjawan ini tiada ditetapkan elaun kritikal yang perlu dibayar untuk ahli bomba kita yang telah dijanjikan oleh kerajaan sebelum ini.

Jadi saya mohon tanya, di manakah peruntukan untuk elaun kritikal ini dibayar dan sama ada skim penggajian untuk abang-abang dan kakak-kakak bomba kita akan dipertimbangkan untuk dinaikkan lagi? Terima kasih.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Saya setuju dengan Yang Berhormat Batu Kawan. Jadi saya pun juga tadi hendak tanya tentang bantuan yang kerajaan hendak bagi, skim penggajian ataupun insurans. Bagaimana

kalau jadi apa-apa hal, bagaimana bantuan kepada keluarga mereka dan anak-anak mereka? Ini yang perlu diberi perhatian.

Jadi, keduanya ialah tentang bomba sukarela. Ini satu lagi isu yang penting. Di Bagan Serai, ada tiga bomba sukarela iaitu di Lembah Beriah, Alor Pongsu dan juga di Pekan Bagan Serai. Akan tetapi kita hendak tahu sekarang ini, adakah bomba sukarela ini mempunyai keperluan yang mencukupi dari segi lorinya. Tambah di kampung, di kawasan Bagan Serai ada jalan yang besar, ada jalan kampung, jalan kecil. Lori besar tidak boleh masuk. Umpamanya kalau keperluan-keperluan lorinya atau pam yang lebih baik ataupun adakah disediakan elaun untuk mereka. Adakah juga disediakan insentif untuk mereka ataupun bagaimana juga tentang insurans yang saya sebut tadi.

Ini kerana mereka juga sama penting dengan bomba. Kadang-kadang mereka sampai lebih awal, mungkin lebih dekat, mungkin lebih cepat. Jadi ini memberikan keselesaan juga kepada rakyat di kawasan itu.

Jadi ini yang saya harap kerajaan memperkasakan bomba sukarela ini dan memberi kesedaran yang lebih lagi supaya rakyat lebih mahu lagi buat kerja sukarela terutamanya tentang kebakaran inilah. Kita sudah buat macam-macam untuk tingkatkan ekonomi, untuk tingkatkan pendapatan, untuk bagi hidup senang. Tiba-tiba rumah terbakar, habis semua. Jadi ini penting.

Jadi saya lihat isu ini penting. Malah saya pernah kata kalau boleh kerajaan pastikan, tentukan boleh tak kita adakan alat pemadam api di setiap rumah supaya sebelum bomba dapat datang pun kita sendiri dapat bantu diri kita sendiri. Ini penting.

Butiran 00110 – PR1MA juga. Di Bagan Serai ada 100 ekar, ada 1,248 unit rumah teres. Bagan Serai ini kawasan luar bandar. Kebanyakannya pesawah-pesawah. Kalau rumah berharga RM258,000 ke atas ini, saya tidak tahulah berapa orang yang boleh beli. Jadi sebab itu dari dulu lagi saya sudah kata, kalau boleh rumah macam ini, buat rumah satu tingkat, buat rumah teres satu tingkat, bukan dua tingkat ataupun yang berharga RM150,000 dan ke bawah untuk bagi peluang kepada mereka untuk dapat.

Jadi, saya hendak tahu berapa banyak yang telah dijual PR1MA di Bagan Serai? Berapa banyak rumah daripada 1,248 ini yang telah terjual? Berapa banyak orang yang telah ditawarkan rumah ini tetapi bank *reject*, maknanya *loan* tidak dapat, *loan* tak *clear*. Ini juga penting. Jadi macam saya kata kita hendak tolong rakyat. Baguslah kita buat ini supaya rakyat boleh beli dan bermakna program-program yang macam ini. Jangan kita '*lepaskan batok di tangga*'.

Tuan Pengerusi, Butiran 00500 – Pengurusan Sisa Pepejal. Ini juga satu lagi pengurusan sisa pepejal ini. Di Parlimen Bagan Serai, di Daerah Kerian itu lebih kurang 200,000 orang penduduk, ada satu sahaja tapak pelupusan iaitu di Alor Pongsu, mukim Beriah. Tapak pelupusan ini sudah lebih daripada 30 tahun. Di Parlimen Bagan Serai ini ada gunung nama Gunung Semanggol tetapi yang ini juga ada gunung nama gunung sampah.

Masalahnya mereka telah panggil, saya pernah ke situ, baunya, monyetnya. Tuan Pengerusi, Bagan Serai banyak monyet. Berselerak monyet. Macam-macam jenis monyet ada.

Jadi monyetnya, penyakit yang kita risau takut-takut ada penyakit pula disebabkan sampah yang berleluasa ini. Jadi keadaan tidak bagus.

Jadi bantuan diminta sama ada kita hendak luaskan tapak pelupusan ini atau kita pindahkan tapak pelupusan ini atau gunakan kaedah yang lebih baik lagi, kaedah yang lebih selamat lagi. Oleh sebab sekarang *open dumping*. Kita lihat adakah ada SOP yang ketat tentang cara membuang ini, atau adakah ada pemantauan yang ada di situ.

Jadi sekali lagi Bagan Serai mengucapkan terima kasih Tuan Pengerusi memberikan saya keizinan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Saya ikut apa yang telah saya sebut tadi dan yang baru saya akan masukkan.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Kalabakan tolong.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya jemput Yang Berhormat Parit Sulong.

2.57 ptg.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Maksud B.43, Butiran 030100 iaitu Bomba dan Penyelamat. Di negeri Johor ini ada 27 balai bomba tetapi tiada satu pun yang terletak di kawasan Parlimen Parit Sulong. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri yang berada dalam Dewan ini, jauh kita ada satu di Jalan Mohd Khalid, Batu Pahat yang terletak di dalam Parlimen Batu Pahat dan jauh lokasi balai bomba ini dengan sempadan di kawasan Parlimen saya dengan Parlimen Bakri adalah 50 kilometer. Kalau hendak ke kawasan Muar pula, ke kawasan Semerah lebih kurang 20 kilometer dan hendak pergi ke satu lagi tempat dalam kawasan Parlimen saya iaitu di bawah satu DUN Seri Medan 24 kilometer.

Jadi apabila terdapat kebakaran, apa yang berlaku Yang Berhormat Menteri adalah kebanyakan daripadanya akan menghadapi kes kemusnahan secara total. Sebelum ini memang ada permohonan yang telah diutarakan kepada pihak KPKT mengenai pembinaan satu balai bomba yang terletak di kawasan Parlimen Parit Sulong bagi membantu mengurangkan risiko kebakaran yang melibatkan harta benda dan juga nyawa. Oleh sebab pernah dahulu sekali disebabkan bomba lambat sampai menyebabkan kehilangan nyawa.

Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri mengenai apakah status kelulusan perancangan untuk membina satu balai bomba di dalam kawasan Parlimen Parit Sulong. Kemudiannya adakah yang berkaitan juga dengan yang sama di bawah tajuk yang sama, saya juga hendak bertanya adakah sama ada terdapat perancangan untuk memberikan latihan-latihan asas kepada sukarelawan-sukarelawan di dalam suatu Parlimen mengenai persiapan terutamanya yang berkaitan dengan kecemasan.

Seterusnya di bawah tajuk yang sama. Kita maklum mengenai baru-baru ini dan kita mengucapkan takziah saudara Adib yang terlibat dalam kecederaan parah, yang melibatkan anggota bomba. Jadinya berdasarkan fakta pula, kes ini sukar untuk kita pastikan sama ada

anggota itu cedera sebab dipukul ataupun dilanggar memandangkan tiada kamera keselamatan yang merakam kejadian.

■1500

Jadinya, soalan saya kepada pihak kementerian pula adalah adakah kementerian ada perancangan untuk mewajibkan pemasangan *dashcam* kepada setiap kenderaan bomba untuk tujuan keselamatan. Kalau sekiranya ianya terjadi lagi *in future*, akan datang kita dapat mengenal pasti apakah yang menyebabkan kemalangan tersebut.

Saya juga bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain juga ingin bertanya kepada pihak kementerian mengenai perancangan kementerian untuk menambah baik insentif kepada anggota-anggota yang bertugas, bomba yang bertugas dan sebelum ini pernah diutarakan dan saya harap bawah kementerian, di bawah kerajaan baru ianya dapat diteruskan.

Seterusnya bagi Butiran 020100 – Kerajaan Tempatan. Ini ada satu perkara yang saya hendak bangkitkan mengenai projek menaik taraf seperti longkang 'U', membina gelanggang serba guna, dewan terbuka di bawah peruntukan BP1 yang telah diluluskan sebelum ini oleh pihak kementerian yang melibatkan Majlis Perbandaran Batu Pahat dan Majlis Daerah Yong Peng untuk kepentingan mereka, untuk masyarakat dalam kawasan Parlimen Parit Sulong.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, Yang Berhormat Menteri ada. Apakah status pelaksanaan projek-projek pembangunan BP1 di kawasan Parlimen Parit Sulong ini secara khususnya dan sejauh manakah projek pembangunan ini telah dijalankan oleh pihak kementerian memandangkan ianya telah diluluskan sebelum ini.

Seterusnya saya ingin bertanya di bawah tajuk yang sama adakah pihak kementerian juga boleh memperuntukkan sejumlah peruntukan tambahan kepada kedua-dua PBT yang berada di dalam kawasan Parlimen Parit Sulong. Tujuannya untuk menaik taraf sistem saliran di kawasan saya dengan menjalinkan satu kerjasama secara *Blue Ocean Strategy* bersama Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Batu Pahat. Ini adalah tujuannya untuk mengurangkan kemungkinan-kemungkinan berlakunya banjir yang terlalu kerap di dalam kawasan Parlimen Parit Sulong.

Seterusnya bagi Butiran 01605 – Kemudahan Insentif Perumahan. Di bawah butiran ini peruntukan dia ada peningkatan sebanyak RM55 juta daripada tahun sebelumnya. Soalan saya pula adalah apakah jenis insentif yang akan diberikan oleh pihak kementerian kepada pengguna. Adakah program yang dinamakan MyDeposit untuk membeli rumah pertama yang dahulu diperkenalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional akan diteruskan dan apakah insentif baru yang akan dilaksanakan oleh pihak kementerian bagi mempermudah pembelian rumah pertama untuk rakyat Malaysia dan adakah peruntukan di bawah butiran ini termasuk peruntukan pelaksanaan Skim *Fund MyHome* yang telah diumumkan di dalam pembentangan Bajet baru-baru ini.

Mengenai Butiran 01402 – Kajian Penyelidikan dan juga Perumahan. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian mengenai Dasar Perumahan Negara Baru yang telah diumumkan oleh pihak kementerian sebab saya ada membaca mengenai kenyataan Yang Berhormat Menteri Oktober yang lepas yang mengatakan bahawa kerajaan memperkenalkan

Dasar Perumahan Baru pada bulan Disember ini yang merangkumi polisi lengkap pemilikan dan pembiayaan kediaman.

Dasar baru tersebut akan memudahkan rakyat untuk memiliki rumah termasuk dengan polisi agar harga rumah ini dapat diturunkan. Ini kalau ianya dapat dilakukan, kita mengalu-alukan perancangan yang dibuat dan pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri. Jadinya selaras dengan itu saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh memaklumkan mengenai dasar-dasar yang telah dikaji dan apakah inisiatif baru yang akan diperkenalkan oleh pihak kementerian untuk makluman kita bersama.

Terakhirnya ini mengenai Butiran 020300 – Pengurusan Sisa Pepejal Negara. Saya percaya di bawah tajuk ini masih ramai lagi rakyat Malaysia, isi rumah yang tidak mengamalkan pengasingan sisa pepejal dan saya juga mengalu-alukan hasrat pihak kementerian untuk sentiasa memberi pengetahuan kepada rakyat agar ianya dapat dilaksanakan.

Soalan saya kepada pihak Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian adalah apakah sebenarnya cabaran dan juga halangan yang dihadapi oleh kementerian bagi memastikan kejayaan usaha ini. Satu usaha yang *very noble*, dengan izin tetapi agak sukar untuk dilaksanakan terutamanya dan saya harap Yang Berhormat Menteri boleh berkongsi mengenai perkara ini.

Apakah juga cadangan penambahbaikan daripada pihak kementerian agar program pengasingan sisa pepejal ini juga dapat dijayakan dan seterusnya saya rasa di bawah tajuk yang sama, saya ingin Yang Berhormat Menteri untuk maklumkan juga mengenai status terkini program ataupun projek di Bukit Payung, Batu Pahat walaupun ianya bukan di dalam kawasan Parlimen saya ianya adalah sempadan antara Parlimen Batu Pahat, Parlimen Parit Sulong dan Parlimen Sri Gading.

Jadinya saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memaklumkan dalam Dewan ini untuk kepentingan ketiga-tiga kami di Parlimen di Daerah Batu Pahat. Terima kasih banyak-banyak. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Parit sulung, menyebut juga kawasan saya, terima kasih. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Paya Besar kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Tampin, Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Kemaman, Yang Berhormat Kuala Kangsar, Yang Berhormat Alor Setar, Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat Taiping dan Yang Berhormat Jeli.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Bagi Sibuti juga.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar, Papar, Papar.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Papar..

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Bagi Sibuti jugalah.

Puan Hajjah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Tidak nama kah? Bagi sudah tadi, Yang Berhormat Rantau Panjang tidak ada nama ya.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Sibuti juga.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Rantau Panjang dan Yang Berhormat Papar.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Sibuti.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Kota Kinabalu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sibuti baik.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Kota Melaka, Kota Melaka.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kota Melaka. Sila, Yang Berhormat Paya Besar.

3.06 ptg.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Saya juga ingin membangkitkan beberapa perkara berkaitan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pertamanya berkaitan Butiran 030100 – Bomba dan Penyelamat. Bagaimana seperti yang telah disebut oleh beberapa Ahli Yang Berhormat berkaitan bomba dan penyelamat, saya juga ingin menyinggung berkaitan penurunan harga atau penurunan peruntukan daripada tahun 2018 kepada 2019.

Apa yang saya lihat Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi, perjawatan pada tahun 2018 sama seperti mana perjawatan pada tahun 2019 seperti yang tercatat dalam buku yang dibekalkan kepada Ahli Yang Berhormat, 14,751 tetapi apabila saya pergi secara terperinci, saya melihat Kod Objek Am 10,000 iaitu Emolumen telah dikurangkan sebanyak RM6 juta. Jadi saya risau berkaitan gaji dan upah, elaun dan imbuhan tetap, bayaran lebih masa ini juga dikurangkan seolah-olahnya menampakkan kementerian Yang Berhormat Menteri pada tahun 2019 akan mengurangkan bayaran lebih masa, gaji dan upah ini. Jadi, saya minta penjelasan daripada kementerian Yang Berhormat Menteri.

Juga kejatuhan peruntukan sebanyak RM64 juta ini juga melibatkan Kod Objek 20,000 iaitu Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak lebih kurang RM59 juta yang melibatkan perbelanjaan perjalanan dan sara hidup dan juga perhubungan dan utiliti. Saya, Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi risau sebab apa bagaimana data yang berada di dalam laman web kementerian Yang Berhormat Menteri telah menyatakan sepanjang tahun 2017 bomba dan penyelamat menerima panggilan daripada orang awam sebanyak 86,992.

Jadi saya kira apabila ramai orang membuat panggilan kepada anggota bomba dan penyelamat bermaknanya bomba dan penyelamat ini amat sangat diperlukan oleh masyarakat di Malaysia ini dan saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi penekanan dan penjelasan di Dewan yang mulia ini agar tidak ada penindasan dilakukan kepada anggota bomba dan penyelamat walaupun ramai Ahli Yang Berhormat tadi membangkitkan kes anggota bomba yang telah meninggal semasa menjalankan amanah dan anggota bomba yang terlibat dalam rusuhan tempoh hari.

Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkaitan panggilan orang awam kepada anggota bomba terdapat sebanyak 350 panggilan palsu, 99 daripada Johor dan

Pulau Pinang 82 panggilan. Bagaimana kementerian Yang Berhormat Menteri mengambil kira berkaitan perkara ini. Saya juga harap dan jaminan daripada Yang Berhormat Menteri dan saya yakin kepimpinan Yang Berhormat Menteri ini akan memberi sinar yang baru kepada anggota bomba dan penyelamat agar satu skim bantuan kebajikan yang bukan sahaja diperuntukkan kepada anggota bomba tetapi ia juga melibatkan keluarga yang berada kerana apa saya yakin keluarga juga akan terkesan apabila ada masalah berlaku kepada anggota bomba.

■1510

Saya juga ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat semasa Yang Berhormat menjawab persoalan saya semasa Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas. Yang Berhormat ada menyatakan bahawanya pembinaan balai bomba Gambang di kawasan saya dibuat secara pembelian bangunan. Kosnya adalah sebanyak RM4 juta. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah status terkini? Apakah jangka masa ini? Oleh sebab saya masih belum tahu apa-apa perkembangan berkaitan projek ini. Saya harap dapat diberikan secara bertulis kekuatan anggota bomba dan bagaimana proses adakah ia selepas dibina mungkin mengambil masa setahun atau dua tahun ia mencukupi kapasiti masyarakat yang berada di kawasan khususnya di kawasan Gambang.

Saya juga Tuan Pengerusi ingin menyentuh Butiran 030200 – Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai. Saya yakin Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi ramai khususnya orang Melayu menggunakan pajak gadai ini sebagai salah satu jalan keluar untuk mendapat duit dengan cepat untuk menyelesaikan masalah anak-anak pergi sekolah, pelbagai masalah yang mereka hadapi. Cumanya saya mengharap sangat dan saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri bagaimana *interest* atau bunga yang dikenakan apabila mereka memajukan barang kemas mereka. Adakah setiap kedai telah ditetapkan satu peratusan yang sama supaya tidak ada penindasan berlaku.

Kalau di kawasan bandar itu hanya ada satu kedai pajak gadai mungkin *interest* itu akan dinaikkan. Kalau ada *competition among the* pajak gadai mungkin *interest*-nya kurang dan saya mohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

Saya juga ingin menyentuh berkaitan 030300 – Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata. Saya ada satu kes yang spesifik Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi berkaitan isu taman perumahan Putera Perwira Balok, Kuantan, Pahang. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi kes ini melibatkan ramai anak muda di kawasan saya walaupun projek perumahan ini di luar kawasan saya berada di kawasan Indera Mahkota.

Akan tetapi apa masalah yang berlaku Yang Berhormat Menteri *the completion project* dengan izin telah berlaku pada tahun 2013. Akan tetapi sehingga hari ini mereka tidak dapat masuk ke rumah kerana tidak ada CF. Rumah ini mereka telah bayar semenjak tahun 2008 lagi sehingga tahun ini lebih kurang RM96,000 mereka telah bayar. Ada bayar RM500 sebulan sehingga ke RM800 sebulan. Ini melibatkan 200 pembeli. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat melihat perkara ini kerana ia telah memberi kesan yang tidak elok kepada anak-anak muda.

Kalau mereka bayar gaji, mereka bayar ansuran RM800 Yang Berhormat Menteri dan mereka terpaksa menyewa nampaknya mereka mempunyai *double cost*.

Saya juga ingin menyentuh berkaitan tentang Butiran 030400 – Perumahan Negara. Saya harap sangat Yang Berhormat Menteri, dalam dasar yang akan Yang Berhormat Menteri bentangkan pada bulan ini atau awal bulan tahun depan apa yang paling pentingnya adalah kita mesti melihat jumlah indeks harga rumah ini. Bagaimana kita melihat indeks harga rumah ini tidak memberi kesan, jangan melihat *one size fits for all* dengan izin. Maknanya di bandar-bandar besar harus dilihat berbeza dengan di bandar-bandar kecil. Ini kerana saya lihat asas yang diambil dalam menentukan *House Price Index house* ini nampaknya agak kecelaruan dari segi itu.

Saya juga ingin menyentuh Butiran 040300 – Sumbangan Membantu Kadar. Saya hendak tahu kenapa berlaku pengurangan RM18 juta berkaitan dengan sumbangan membantu kadar? Apakah penambahbaikan standard yang diambil oleh kementerian Yang Berhormat? Betul *Federal* bantu PBT tetapi bagaimana tidak berlaku ketirisan dalam penilaian jumlah kadar yang dibantu di setiap PBT ini.

Butiran 040400 – Sewaan CCTV. Saya hendak tahu apakah sewaan CCTV ini? Adakah seperti mana yang kita sedia maklum untuk kawal keselamatan atau apa sahaja yang dilakukan dengan duit sewaan CCTV di bawah butiran tersebut.

Saya hendak sentuh dua poin yang terakhir Yang Berhormat Menteri berkaitan Rumah Mesra Rakyat. Pada 31 Ogos 2018, 94,256 jumlah permohonan yang telah diterima. Apa yang mengecewakan saya 34,252 jumlah permohonan yang telah ditolak. Apakah sebab? Bagaimana kementerian membantu mereka ini? Saya harap kementerian harus apabila SPNB duduk di bawah kementerian Yang Berhormat, apa kata Yang Berhormat Menteri bantu untuk buat satu SOP yang baru iaitu kita mesti beritahu dalam tempoh tiga bulan kalau tak dapat jawapan daripada SPNB maknanya permohonan itu tidak dapatlah. Ini kenapa apa yang berlaku di bawah Yang Berhormat Menteri mereka seolah-olahnya tidak tahu apa yang terjadi pada permohonan mereka.

Saya harap sangat maklum balas inilah yang akan menghilangkan kekusaran rakyat Tuan Pengerusi. Ini kerana Rumah Mesra Rakyat ini memang kita bantu secara berfokus. Kalau ini dapat diberikan satu piagam pelanggan atau apa nama sekalipun Yang Berhormat Menteri, ia akhirnya akan melegakan rakyat. Ini kerana rakyat hendak tahu apa jawapan dan apa *update*. Bukan mereka hendak tahu lulus atau tidak lulus sahaja. Sekurang-kurangnya mereka dapat menyelesaikan keresahan dan kekusaran mereka. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Tampin.

3.16 ptg.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi ruang kepada saya untuk terlibat sama membicarakan soal Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya akan mengemukakan beberapa isu sahaja. Pertamanya ialah soal

anggota bomba. Cuma saya ingin telah disebut oleh ramai pembahas awal. Cuma saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian melihat kembali soal elaun-elaun yang harus diberikan kepada pihak bomba yang telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang amat berbahaya yang menyebabkan kematian dan sebagainya. Kalau kita dapati hanya sebahagian kecil sahaja di antara unit-unit bomba itu mendapat elaun-elaun tertentu tetapi ada unit yang lain tidak mendapat. Bagi saya kita berharap supaya kementerian melihat semua anggota bomba itu diberi kemudahan-kemudahan yang setara.

Perkara yang kedua yang saya hendak sebut ialah perkara 01513 – Program Perumahan Rakyat. Saya amat bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Paya Besar yang mengatakan bahawa mesti ada SOP di dalam kita memberi ataupun permohonan yang diajukan oleh masyarakat yang memohon rumah rakyat ini. Ini kerana kadang-kadang kita dapati bukan hanya sebulan atau dua bulan, kadang-kadang mencecah beberapa bulan masyarakat ataupun pemohon tidak mendapat maklumat tentang permohonan mereka sama ada dapat ataupun tidak. Sedangkan mereka memerlukan rumah yang perlu bagi mereka untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Perkara yang sama juga saya hendak sentuh ialah terdapat juga rumah-rumah pada peringkat awal dahulu yang dibina hanya dua bilik tetapi oleh kerana pertambahan anak, pertambahan keluarga dan sebagainya apakah ada cadangan daripada pihak kementerian untuk menambah bilik bagi rumah mesra ataupun rumah rakyat ini supaya kehidupan masyarakat ataupun masyarakat yang memerlukan rumah ini dapat kita lebih selesa dan juga dapat dia hidup dalam keadaan yang lebih aman. Di dalam keluarga yang semakin bertambah.

Perkara yang ketiga saya hendak sentuh ialah 00110 - PR1MA.

■1520

Cuma saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, apakah harga rumah PR1MA ini betul-betul mampu dibeli oleh masyarakat yang memang memerlukan rumah? Walaupun daripada segi iklannya rumah mampu milik tetapi apakah betul-betul harga yang ditawarkan itu mampu milik yang mampu dibeli ataupun dimiliki oleh masyarakat. Jadi, oleh sebab itulah kalau harga yang ditawarkan itu tidak mampu, hanya mampu dilihat tidak mampu dibeli, maka sudah pastilah kalau saya mencadangkan supaya harga ini dinilai semula, dilihat semula supaya semua masyarakat mendapat kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan.

Perkara seterusnya yang saya hendak sentuh ialah Butiran 040400 – Sewaan CCTV. Memandangkan apa yang berlaku apabila kecederaan yang berlaku kepada anggota bomba baru-baru ini dan tidak ada kepastian macam mana ianya berlaku, maka sudah pastilah pemasangan CCTV ini di pelbagai tempat yang strategik adalah diperlukan kerana ia boleh menyebabkan ataupun boleh mengurangkan tentang berlakunya kes-kes jenayah di mana-mana yang perlu kita selesaikan itu.

Jadi oleh sebab itulah bagi pandangan – saya mencadangkan supaya pihak kementerian memikirkan supaya memasang CCTV ini di tempat-tempat yang strategik supaya dapat kita mengurangkan jenayah yang boleh menyebabkan kehidupan ataupun kesejahteraan hidup

masyarakat di negara kita ini dapat kita pertingkatkan dan kita dapat mengawal kes-kes yang tidak dapat kita bendung secara manual. Akan tetapi dengan adanya CCTV ini akan mengurangkan kes-kes yang sedemikian rupa. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tampin. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Kota Tinggi.

3.22 ptg.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada tiga perkara sahaja yang hendak saya bangkitkan untuk Kementerian KPKT.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tidak, takut orang lain ambil peluang. Pertama Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Butiran 01513 – Program Perumahan Rakyat. Saya hendak minta maaf dengan Yang Berhormat Menteri yang lain ini kerana ini memang Yang Berhormat Menteri yang bekerja. Jadi terpaksa saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang tahu buat kerja dengan baik. Jadi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana tetap meneruskan agenda...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Puji ada makna itu.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: ... tetap meneruskan agenda rakyat, kesinambungan daripada apa yang telah dilakukan terutama apa yang dilakukan oleh mantan Menteri saya, Yang Berhormat Tanjong Karang dahulu. Jadi terima kasihlah. Walaupun agenda itu diteruskan tetapi Yang Berhormat Menteri pun ada mencadangkan banyak perkara yang baharu. Jadi, contoh menyediakan kuota khas untuk anggota bomba, ibu tunggal, OKU dan warga emas sebatang kara. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan saya juga nak ucapkan tahniah kerana sepanjang sebelum – dahulu ada cadangan tetapi belum dapat dilaksanakan dan Yang Berhormat Menteri telah pun membuat keputusan iaitu keluasan rumah PPR ini akan dibesarkan. Kalau dahulu 700 kaki persegi, sempit. Kadang tiga bilik pun sempit.

Jadi cadangan Yang Berhormat Menteri untuk diluaskan daripada 700 kaki persegi kepada 900 kaki persegi. Jadi ini adalah satu perkara yang amat menggembirakan terutama kepada mereka yang berpendapatan RM3000 ke bawah. Soalan saya Yang Berhormat Menteri, adakah dengan keluasan yang dah ditambah ini daripada 700 kaki persegi kepada 900 kaki persegi, adakah harga jualan kita itu masih lagi pada kadar RM35,000 ataupun mungkin ada cadangan harga lain yang lebih sesuai untuk menampung keluasan 900 kaki persegi tadi.

Seterusnya Tuan Pengerusi, di bawah Program Perumahan Rakyat ini juga. Satu pendekatan baharu yang saya baca daripada *statement* yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri. Maknanya anak-anak yang layak, anak-anak yang telah berkeluarga, anak-anak yang berkelamin, dah berkeluarga yang layak dalam kategori kelayakan memohon PPR dan kebetulan ibu bapa juga layak memohon kategori perumahan PPR dapat duduk bersebelahan antara anak yang dah berkeluarga dengan ibu bapa yang dua-dua mempunyai kelayakan permohonan PPR ini. Jadi ini antara pendekatan yang baik, Yang Berhormat Menteri kerana kita tahu banyak

sangat masalah sosial berlaku terutama daripada segi peranan dan tanggungjawab anak-anak ke atas ibu bapa yang mungkin duduk di tempat lain, jauh dan sebagainya.

Jadi saya memuji inisiatif yang akan dilakukan daripada segi kelangsungan peranan tanggungjawab anak-anak yang telah berkeluarga menjaga ibu bapa yang duduk dalam satu kawasan PPR dengan syarat dia menepati syarat kelayakan untuk menduduki PPR. Seterusnya saya ucapkan tahniah juga kerana dulu PR1MA dengan SPNB ini ia di bawah kementerian yang lain. Yang Berhormat Menteri amat maklum. Saya ingat lagi dulu dalam persidangan Dewan yang dulu, tiap kali Yang Berhormat Menteri pun bangkitkan kenapa PR1MA dengan SPNB tak diletakkan di bawah Kementerian KPKT dan hari ini dapat dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri. Kalau dahulu PR1MA di bawah Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Arau pakar. Kalau dahulu SPNB di bawah MOF. Jadi bila ada keputusan-keputusan yang perlu dibuat oleh KPKT selaku Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di mana akta, di mana Dasar Perumahan Negara dan juga akta diletakkan di bawah kementerian tapi kita tidak ada kuku untuk kita menentukan kedua-dua projek di bawah kerajaan ini dapat mematuhi kepada apa yang telah diletakkan oleh kementerian.

Waktu itu kementerian sekadar memberikan kelulusan APDL sahaja, lain daripada itu mereka akan meneruskan agenda mereka. Jadi, saya ucapkan tahniah kerana sekarang dapat didudukkan di bawah satu kementerian. Bila sebut PPR ini Yang Berhormat Menteri, saya nak minta tolong. PPR di Kluang ini, saya orang Kluang, Yang Berhormat Menteri walaupun kawasan saya di Kota Tinggi. Dah dilancarkan, tanah dah ada jadi kalau dapat Yang Berhormat Menteri kerana di Kluang ini banyak permintaan untuk perumahan mampu milik bagi mereka yang berpendapatan RM3000 ke bawah. Saya harap mudah-mudahan Yang Berhormat Menteri dapat menterjemahkan harapan rakyat. Kluang itu ialah kerusi DAP. Jadi, dapat menterjemahkan harapan rakyat untuk mereka juga memiliki rumah di bawah Program Perumahan Rakyat di bawah kementerian.

Seterusnya di bawah Butiran 39000 – Penyelenggaraan Kuarters. Saya tidak mahu sebutkan hari ini di sini Yang Berhormat Menteri, saya mohon nanti kalau senarai saya sampai kepada Yang Berhormat Menteri, mungkin Yang Berhormat Menteri boleh pertimbangkan untuk Butiran 39000 di bawah Penyelenggaraan Kuarters. Kepada persoalan di bawah butiran, ia banyak butiran tetapi mungkin ada yang tak kena dengan butiran ini di bawah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Saya juga nak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri. Menteri wanita, berani. Menteri wanita *al/ert*, bertindak pantas kes enam anggota bomba mati lemas ketika bertugas. Turun ke lokasi kuil untuk selesaikan masalah tersebut dan bersama dengan Timbalan Menteri daripada Tanjong Piailai uruskan, memindahkan anggota bomba, saudara Muhammad Adib dari SJMC ke IJN.

Kadang-kadang Menteri-menteri ini kadang dia tak tahu yang dia kena buat perkara-perkara seperti ini. Kadang bercakap entah apa-apa. Jadi saya harap Menteri-menteri yang lain ini belajarlah macam mana Yang Berhormat Ampang ini sebagai Menteri dapat melaksanakan tugasnya. Jadi, prihatin. Kita ada 13,342 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Hero yang tidak di dendang. Persoalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, saya nak hendak tahu elaun khas RM200 yang sepatutnya dibayar pada April yang lepas itu agaknya macam mana kedudukannya Yang Berhormat Menteri? Itu yang pertama.

Keduanya, pembelaan kepada anggota-anggota yang terkorban nyawa demi menyelamatkan nyawa dan harta benda awam untuk operasi *search and rescue* ini, *search and rescue* (SAR). Agaknya apa pembelaan yang kita berikan? Mungkin pampasan, ex-gratia, insurans kelompok dia ke atau sebagainya dan agaknya apa SOP untuk SAR ini.

■1530

Terakhir Tuan Pengerusi, di bawah tajuk 00100 – Projek kecil di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Saya ucapkan terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana saya perhati peruntukan naik dan tidak ada diskriminasi ke atas negeri-negeri yang bukan Pakatan. Itu satu pendekatan yang baik dan saya berharap mudah-mudahan Yang Berhormat Menteri, di bawah peruntukan BP 1 ini Yang Berhormat Menteri juga boleh mempertimbangkan Ahli-ahli Parlimen pembangkang yang juga bekerja untuk rakyat, bersama membantu menjaga kepentingan rakyat terutama dalam kawasan pihak berkuasa tempatan.

Saya juga berharap pilihan raya PBT dalam masa tiga tahun ini agaknya dapat dilaksanakan. Apa yang paling penting, kuota 30 peratus wanita sebagai Ahli Majlis. Jadi, harap Yang Berhormat Menteri boleh terus memperjuangkan supaya kerajaan-kerajaan negeri akan dapat mengambil pendekatan yang sekarang Selangor buat ini supaya di setiap PBT - Kita ada lebih kurang 148 pihak berkuasa tempatan. Jadi mungkin sudah sampai masa, letakkanlah 30 peratus wanita dalam kerajaan. Kalau dahulu kita tak sempat nak buat, Yang Berhormat Menteri boleh laksanakan.

Terakhir Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 00500 – Pengurusan Sisa Pepejal. Ini pun saya hendak minta pertimbangan daripada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, kawasan saya Kota Tinggi ini ada 29 perkampungan dan rata-rata perkampungan ini duduk dalam kawasan kawalan pihak berkuasa tempatan...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Satu minit lagi.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Apalah kiranya Yang Berhormat Menteri boleh masukkan kawasan-kawasan kampung dalam kawasan kawalan untuk dapat menerima perkhidmatan kutipan sisa pepejal ini pada kadar yang munasabah yang mampu dibayar oleh orang kampung supaya kampung juga berada dalam keadaan yang terbaik. Jadi, itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kemaman dan kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar, Yang Berhormat Alor Setar dan Yang Berhormat Lipis.

3.32 ptg.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera. Tuan Pengerusi, sebelum saya meneruskan ucapan,

pertama saya mengucapkan selamat datang ke Parlimen kepada rombongan daripada Parlimen Batu Pahat di sebelah kiri ini. Kemudian yang bersama juga mahasiswa dan mahasiswi daripada Universiti Malaya. [*Dewan tepuk*] Kawasan Timbalan Speaker. Terima kasih Tuan Pengerusi yang memberikan kesempatan untuk saya bersama-sama dalam berbahas di peringkat jawatankuasa, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 00100 - Projek Kecil di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Saya mendapati peruntukan bajet yang diberikan dalam projek kecil di kawasan PBT telah meningkat sebanyak RM82.76 juta dan saya ingin tahu, berapakah senarai projek yang sedang dalam pembangunan berskala kecil di kawasan PBT di setiap negeri? Dalam masa yang sama, saya ingin tahu bilangan projek ini dalam kajian ataupun dalam penangguhan ataupun yang akan dibatalkan? Saya juga ingin tahu sebab pembatalan ataupun penangguhan jika ada yang sebelum ini. Berdasarkan perbelanjaan pembangunan yang diperuntukkan dalam projek ini, projek kawasan PBT, saya juga ingin tahu bagaimanakah pembahagian peruntukan yang akan diberi bagi setiap negeri yang terlibat? Apakah keutamaan dan syarat-syarat yang telah diberikan oleh pihak kementerian dalam menyalurkan bantuan dan peruntukan ini? Dalam masa yang sama, saya mengharapkan ia dapat disalurkan juga kepada Parlimen Kemaman khususnya PBT, Majlis Perbandaran Kemaman.

Tuan Pengerusi, merujuk Butiran 00500 iaitu Pengurusan Sisa Pepejal, dalam pembangunan. Bajet yang diperuntukkan telah pun meningkat kalau kita melihat berbanding dengan tahun sebelum ini. Oleh itu saya ingin tahu, apakah beberapa isu berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal di negara kita? Isu ini timbul apabila pengurusan tidak dilaksanakan dengan baik dan juga sisa pepejal semakin bertambah saban tahun sehingga melebihi kapasiti stesen ataupun kadangkala mencecah kepada tiga ribu tan sehari. Seperti mana yang disebutkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat, isu pengurusan sisa pepejal ini yang menjadi masalah di negara kita pada hari ini. Oleh itu saya ingin tahu, apakah pihak kerajaan bercadang untuk menukarkan kaedah pelupusan sampah yang sedia ada ini mengikut kaedah WtE ataupun *waste-to-energy* seperti mana yang dilakukan oleh beberapa negara sekarang ini? Saya ingin tahu juga kos jika pembinaan loji ini dilaksanakan di negara kita, berapa kosnya yang akan ditanggung oleh pihak kerajaan khususnya pihak kementerian? Di manakah akan dibina dan bagaimana prosedur pembinaan loji ini yang akan dibina di negara kita ini?

Saya tertarik dengan cadangan pihak kementerian KPKT melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara yang berhasrat untuk melaksanakan sekurang-kurangnya satu loji WtE iaitu *waste-to-energy* di setiap negeri dalam jangka masa dua tahun yang disebut oleh pihak kementerian. Saya berpendapat langkah ini merupakan suatu langkah yang baik bagi mengurus sisa pepejal di negara kita. Ini kerana kita difahamkan beberapa negara telah pun dilaksanakan sama ada di Eropah, di Jepun, bahkan di Singapura kita difahamkan melebihi 25 tahun dia telah melaksanakan loji yang seumpama ini bagi pelupusan sampah sehinggalah kini, memproses kira-kira 800 tan sisa pepejal sehari. Oleh itu, saya berpendapat langkah ini adalah langkah yang baik dan perlu dilakukan oleh pihak kementerian.

Tuan Pengerusi, dalam bilangan Butiran 030400 – Perumahan Negara. Saya merujuk kepada Butiran 030400 – Perumahan Negara, dalam peruntukan mengurus telah berkurangan iaitu sejumlah RM150.97 juta. Saya ingin tahu daripada pihak kerajaan dan kementerian, mengapakah pemberian ataupun berkenaan bayaran tetap dihapuskan? Saya juga ingin penjelasan berkaitan dengan program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia, UDA Holdings Berhad, Syarikat Perumahan Negara dan Program Perumahan Rakyat Termiskin, adakah masih di bawah Perumahan Negara? Akan tetapi disebut oleh Yang Berhormat tadi, Syarikat Perumahan Negara sudah termasuk ke dalam kementerian. Mengapakah tidak diletakkan sekali peruntukan bagi empat agensi perumahan ini seperti mana memandangkan PR1MA ada peruntukan? Lain-lain ini kalau kita lihat tidak ada peruntukan khusus kepada syarikat-syarikat yang berkenaan. Pada masa yang sama, dalam pembentangan bajet juga kerajaan telah memperuntukkan hampir RM1.5 bilion untuk membina dan menyiapkan rumah mampu milik dan Program Perumahan Rakyat, Perumahan Penjawat Awam serta yang dilakukan oleh Syarikat Perumahan Nasional. Saya ingin penjelasan syarikat ini, berapa unit rumah telah pun dijual dan bakal dimiliki oleh rakyat di negara kita ini?

Saya juga inginkan penjelasan berhubung perancangan dan tindakan terkini pihak kerajaan berhubung Dasar Perumahan Negara yang diperkenalkan iaitu mampu menyelesaikan masalah berkaitan krisis rumah yang dihadapi oleh rakyat di negara kita dan juga penjelasan berhubung dengan polisi lengkap pemilikan pembiayaan kediaman untuk rakyat mudah memiliki rumah dengan berpandukan Dasar Perumahan Negara baharu yang diperkenalkan pada kali ini. Adakah pihak kerajaan mengkaji seluasnya dan mendalami permasalahan rakyat mengikut kategori golongan yang tidak dapat ataupun tidak layak memiliki rumah ataupun hartanah yang diidamkan? Saya juga ingin menyebutkan bagaimana pula dengan golongan yang berpendapatan rendah kerana mereka ini khususnya di kampung-kampung, mereka ini tidak mempunyai slip gaji dan sebagainya dan bagaimana pendekatan mesra rakyat kita harapkan supaya satu pendekatan dapat diambil oleh pihak kementerian bagi memastikan rakyat kita khususnya di pedalaman, di kampung-kampung, di luar bandar dapat memiliki rumah seperti mana yang diidamkan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyebutkan bahawa berhubung dengan Emolumen Kakitangan Kontrak - Butiran 040200. Menyentuh isu butiran ini dalam emolumen kakitangan kontrak, saya melihat perkhidmatan dan bekalan dalam emolumen kakitangan kontrak telah berkurang daripada sebelum ini. Saya ingin tahu, mengapakah peruntukan ini dikurangkan?

■1540

Bagaimana penilaian dibuat dalam pemilihan kakitangan kontrak di bawah jabatan Yang Berhormat Menteri memandangkan emolumen yang diperuntukkan telah pun berkurang berbanding dengan sebelum ini?

Terakhir, saya hendak menyebutkan dalam Butiran 31000 – Perolehan Kenderaan, Helikopter dan Kelengkapan Bomba yang mana peruntukan telah pun berkurang berbanding dengan sebelumnya. Seperti yang kita sedia maklum bahawa Jabatan Bomba dan Penyelamat—

seperti mana yang disebutkan tadi terhadap anggota bomba. Sekarang ini saya hendak tahu berhubung dengan jentera dan juga peralatan aset yang digunakan untuk kerja-kerja operasi kebombaian dan penyelamat.

Merujuk statistik tahun 2016, negara kita mempunyai 281 buah balai bomba dan penyelamat di seluruh negara. Saya ingin tahu, mengapakah peruntukan kali ini berlaku pengurangan dalam peruntukan bagi perolehan kenderaan, kelengkapan aset yang ada kepada bomba? Saya hendak tahu juga, apakah kenderaan atau jentera bomba ini telah mencukupi di seluruh negara kita?

Saya harapkan supaya kelengkapan bomba di Kemaman— walaupun di Kemaman ini kita telah mempunyai lebih kurang lima balai bomba di kawasan Parlimen Kemaman, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada pihak kementerian, tetapi perlu dipertingkatkan dari segi aset yang perlu ada khususnya di kawasan Kemaman ini kepada balai-balai bomba. Ini kerana risiko yang dihadapi khususnya di Kemaman ini adalah tinggi kerana ia melibatkan kawasan *oil and gas* dan kawasan-kawasan kilang. Umpamanya dalam bulan Mei baru ini, Mei 2018, telah berlaku kebakaran di Kilang Bitumen Kemaman yang terbakar sehingga beberapa hari

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: 30 saat lagi.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Kita terpaksa minta atau pihak penyelamat terpaksa meminta bantuan dari Pahang dan lain-lain negeri untuk menyelamatkan kebakaran di kawasan itu. Oleh itu, saya pohon untuk memberi perhatian kepada aset bomba di Kemaman.

Saya rasa sekadar ini yang dapat saya ambil perbincangan bersama dan terima kasih saya ucapkan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kemaman. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kuala Kangsar.

3.42 ptg.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya turut serta dalam bahas peringkat Jawatankuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Pertama, Butiran 01513 – Program Perumahan Rakyat. Saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk mempertimbangkan permohonan membina rumah PPR di kawasan PBT di Parlimen Kuala Kangsar. Masalah perumahan mampu milik adalah satu perkara yang saya sedang cuba atasi di kawasan saya, Yang Berhormat Menteri. Permintaan yang tinggi tetapi bekalan yang amat rendah terutama sekali rumah-rumah berkategori mampu milik adalah keadaan berpanjangan.

Sebelum ini, saya telah mengenal pasti usaha ini yang terletak di RPA 4 DUN Manong berjumlah 500 unit rumah PPR yang akan disenaraikan untuk menerima peruntukan pada tahun 2019 akan datang ini. Saya mohon semula kepada Yang Berhormat Menteri untuk melihat dan meluluskannya supaya rakyat Kuala Kangsar akan mendapat *alternative*, dengan izin, perumahan dengan harga yang patut dan di lokasi yang bersesuaian.

Saya terus kepada Butiran 01604 – Pemulihan dan Penyelenggaraan. Yang Berhormat Menteri, kebanyakan rumah kategori miskin bandar yang dibina pada tahun 80-an di bawah PBT didiami oleh warga tua yang tidak berkemampuan. Rumah-rumah dan perparitan taman-taman ini telah usang dan memerlukan baik pulih.

Saya telah mengusahakan satu tindakan untuk mengenal pasti pembaikan-pembaikan ini yang perlu dibuat supaya pemilik-pemilik dan penyewa-penyewa dapat menikmati keselesaan hidup. Permohonan ini telah saya buat kepada Kerajaan Barisan Nasional yang lalu tetapi dibatalkan kini. Saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri menimbang semula kelulusan ini supaya dapat meneruskan usaha ini. Suratnya saya telah serahkan kepada Pejabat Menteri.

Seterusnya Butiran 00100 – Projek Kecil di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Pertamanya, Yang Berhormat Menteri, adalah berkaitan pembinaan Dewan Arena Bukit Chandan. Pada Disember 2015, satu permohonan membina dewan serba guna di Bukit Chandan, Kuala Kangsar dengan kos keseluruhan RM2 juta. Kelulusan diterima pada 4 Januari 2016 dan tajuk projek pula telah ditukar kepada "*Membina Dewan Arena di Bukit Chandan, Kuala Kangsar.*" Pada 15 September 2017, surat kuasa daripada ICU telah dikeluarkan kepada MPKK dengan bajet RM2 juta bagi projek membina dewan ini. Sehingga kini, Yang Berhormat Menteri, projek belum dilaksanakan walaupun peruntukan kewangan masih ada di dalam simpanan ICU. Saya diberitahu projek ini ditangguhkan walaupun reka bentuk bangunan telah disiapkan.

Saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk membenarkan pembinaan dewan ini yang amat diperlukan oleh rakyat di kawasan Bukit Chandan yang ketika ini terpaksa menggunakan Dewan Doris yang sedia ada yang mana ia bangunan yang lama dan kecil serta serba kekurangan dan tidak lagi dapat menampung majlis yang berskala sederhana pun.

Yang Berhormat Menteri, tapak bangunan pembinaan akan menelan perbelanjaan yang lebih tinggi dari segi kos asas meratakan tapaknya. Maka, saya telah berusaha untuk memohon tapak yang baharu dengan kebenaran pihak Istana Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak dengan memohon usaha *land swap* tanah yang telah di-*reserved* untuk Kuarters Istana Iskandariah supaya kos asas tidak terlalu tinggi dan perbelanjaan tersebut boleh digunakan untuk fasiliti yang lain untuk pembangunan dewan ini.

Saya menjunjung kasih kepada Duli Tuanku Paduka Seri Sultan Perak yang berjiwa rakyat yang telah memperkenankan sembah maklum dan permohonan ini demi rakyat Bukit Chandan untuk mendapat fasiliti yang amat diperlukan berdekatan dengan Istana Tuanku. Suratnya juga telah saya serahkan kepada Pejabat Menteri.

Keduanya di bawah butiran ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Kangsar dan semua warga kerjanya kerana telah menjalankan tugas dengan baik sebagai sebuah PBT yang menyelenggarakan sebuah kawasan bandar diraja yang sentiasa sibuk, Yang Berhormat Menteri, dengan majlis-majlis besar dan sarat dengan tugas-tugas yang berkaitan dengan protokol dan istana. Bandar Diraja Kuala Kangsar juga adalah bandar pelancongan, Yang Berhormat Menteri, dan bandar ilmu kunjungan ramai warga dari seluruh Malaysia dengan kewujudan beberapa institusi pendidikan yang ulung iaitu

Malay College dan Madrasah Idrisiah serta Universiti Sultan Azlan Shah. Maka, saya melihat Majlis Perbandaran Kuala Kangsar ini telah menunjukkan prestasi cemerlang menampung keperluan dan kesibukan sebuah kawasan PBT.

Mohon Yang Berhormat Menteri lihat dalam keadaan mereka begitu efisien, mereka terpaksa menghadapi beberapa fasiliti yang tidak mencukupi. Contohnya adalah fasiliti-fasiliti seperti tandas-tandas awam yang sangat kurang di kawasan bandar berdekatan pesisiran Sungai Perak yang menjadi tumpuan warga yang berada di Kuala Kangsar dan yang datang dari luar. Saya berpendapat sekiranya Yang Berhormat Menteri, saya tahu, amat menitik beratkan kebersihan di kawasan PBT, Yang Berhormat Menteri, sepatutnya fasiliti sepertinya harus dapat menampung aktiviti-aktiviti dan jumlah kegunaan di tempat itu. Mohon Yang Berhormat Menteri mempertimbangkan permintaan saya ini untuk kita sama-sama menggalakkan kebersihan yang sangat-sangat dialu-alukan di bawah kepimpinan Yang Berhormat Menteri.

Saya mohon Yang Berhormat Menteri memberikan peruntukan kepada MPKK untuk mewujudkan juga pandu-pandu arah yang lebih menarik dan menepati imej sebuah bandar diraja dan mampu membantu pelancong-pelancong untuk menikmati segala kehebatan tumpuan-tumpuan pelancong yang sekarang tidak begitu sempurna dan tidak bertaraf antarabangsa.

Yang Berhormat Menteri, mohon juga Yang Berhormat Menteri menambahkan lagi lampu-lampu di kawasan Bandar Kuala Kangsar yang masih di tahap yang tidak memuaskan dan membahayakan. Saya maklum Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Kangsar hendak melakukannya, tetapi mungkin, Yang Berhormat Menteri, peruntukannya tidak mencukupi.

Akhir sekali, Butiran 030100 – Bomba dan Penyelamat. Satu poin juga yang dibawa beberapa kali oleh sahabat-sahabat, rakan-rakan Yang Berhormat di dalam Dewan ini. Saya ingin merakamkan bagi pihak warga Parlimen Kuala Kangsar kesedihan kami di atas tragedi yang menimpa anggota bomba Muhammad Adib yang bertugas memadamkan kebakaran, melindungi harta benda dan nyawa serta menjalankan khidmat kemanusiaan di kuil yang terletak di Subang Jaya dan juga enam orang anggota yang terkorban lemas ketika operasi menyelamat.

Yang Berhormat Menteri, akhir-akhir ini, insiden-insiden kecederaan dan terkorbannya anggota bomba ketika menjalankan tugas amat dikesali dan perlu ditangani dengan melihat semula SOP berkaitan ekspedisi menyelamat untuk anggota bomba dan pampasan-pampasan yang diberi kepada anggota keluarga mereka sekiranya perkara-perkara sepertinya berlaku dan melibatkan kehilangan nyawa anggota.

Saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri supaya mengesyorkan anugerah-anugerah kebesaran diberi kepada semua anggota kita yang telah terkorban demi negara. Terima kasih Tuan Pengerusi.

■1550

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Kangsar. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Alor Setar.

3.50 ptg.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya cuma ingin menyentuh dua perkara. Satu mengenai Kerajaan Tempatan dan satu lagi mengenai tentang Perumahan. Pertama di bawah P.43, Butiran 020100 – Kerajaan Tempatan. Kita lihat terdapat penurunan RM3 juta dari segi peruntukan untuk bekalan ini. Saya cuma ingin cadangkan bahawa, kalau boleh kita minta kepada setiap kerajaan tempatan, PBT ini, kita berikan sedikit peruntukan lebih khususnya untuk satu program yang saya rasa amat penting. Kebetulan Yang Berhormat Menteri Kesihatan pun ada di sini, sebenarnya ada sangkut paut dengan KPKT sebenarnya.

Kita selalu menghadapi masalah penyakit rabies yang disebabkan kononnya ataupun majoriti daripada anjing liar. Ini sebenarnya ia menyentuh kepada tiga kementerian, Kementerian Kesihatan, KPKT dan Kementerian Pertanian (veterinar). Saya hendak cadangkan, sedangkan kita selalu menghadapi masalah yang sama, apabila ada penyakit rabies maka unit penguat kuasa KPKT kena bawa veterinar pergi tembak, selepas itu pihak kesihatan maklum dekat mana tempatnya. Saya rasa perlu ada satu solusi untuk jangka masa panjang dan perlu di-*initiate*-kan bermula daripada KPKT. Ini supaya, kalau boleh saya mencadangkan kita menggunakan atau *adopt* satu konsep TNR yang sekarang barangkali sudah digunakan oleh negara lain iaitu *Trap-Neuter-Release-Manage* (TNRM), termasuk monitor.

Maksudnya, kita tangkap anjing liar, kita neuter, pemandulan, selepas itu kita lepaskan balik di tempat yang sesuai. Ini cara jangka masa yang panjang untuk mengurangkan populasi dengan cara yang berperikemanusiaan. Bukan setakat kita tembak sahaja. Itu pun tidak akan selesaikan masalah. Walaupun ia bersangkutan dengan penyakit, tetapi saya rasa KPKT harus mulakan di bawah konteks kerajaan tempatan, kerana apa-apa aduan ke atas anjing liar ini mesti sampai kepada PBT.

Akan tetapi, setakat ini, SOP bukan semua PBT menggunakan konsep TNR. Maka, ada yang tembak, ada yang tangkap atau lepaskan dekat mana. Lebih baik kita tubuhkan satu jawatankuasa antara tiga kementerian ini dan kita wujudkan satu SOP, keluarkan sedikit peruntukan. Kalau boleh, kita wujudkan juga di bawah Kementerian Pertanian (veterinar) mereka gunakan peruntukan untuk pengasian seekor anjing RM200 sahaja. Maka, KPKT tangkap, selepas itu mereka lepaskan berikan kepada veterinar untuk pengasian selepas itu, kita lepaskan balik di tempat itu. Maka, dalam jangka masa yang panjang, kita boleh kurangkan populasi anjing liar. Secara tidak langsung, kita dapat juga kurangkan penyakit rabies yang barangkali sekarang ada di beberapa negeri yang amat serius.

Perkara kedua, kepada Kementerian Perumahan, saya ingin terus kepada Butiran 01513 – PPR. Program Perumahan Rakyat ini adalah satu program yang baik. Sementara, penduduk ataupun rakyat yang tidak mampu beli rumah, kita wujudkan program untuk sewa. Akan tetapi, kita perlu monitor, pemantauan yang mantap. Contohnya, DBKL baru-baru ini, ada memberikan kenyataan bahawa dalam terkini ini, bulan November tahun ini, jumlah hutang di antara 26,000 orang penyewa adalah sebanyak RM18 juta.

Kita hendak berikan sewa, tetapi pengalaman saya adalah, ada yang memang sewa tetapi selepas itu mereka sudah sampai satu tahap yang sudah okey, maka mereka pindah keluar tetapi dia *sub-let* kepada orang lain. Ini perlu ada satu *database* yang memang cukup mantap untuk menyeberangi semua negeri. Ini kerana, ada yang kerja di luar. Ada suatu ketika, saya bertugas sebagai wakil rakyat di Perlis, ada yang dari Langkawi minta saya tolong mohon untuk masuk. Rupa-rupanya dia ada rumah di Langkawi. Akan tetapi, kerana dia bekerja dekat sana, dia cari tempat untuk sewa. Maka, perlu ada *database* untuk kita semak bukan sahaja sebelum dia sewa dan juga selepas dia sewa ada rekod. Maka, bila dia beli rumah, ada rekod tersebut mereka perlu – Bukan kata paksalah, kita kena wajibkan mereka lepaskan rumah yang mereka sewa tersebut.

Untuk jangka masa panjang, kalau kita buat rumah yang banyak pun, kita nampak di sini, kita hendak buat rumah yang lebih banyak contohnya seperti Butiran 00110 – PR1MA. Kita ada RM100 juta untuk P.43, Pembangunan dan Butiran 40000 – SPNB, RM84 juta ini pun juga menggalakkan pemilik rumah kali pertama. Saya rasa perlu ada satu persepsi yang baru. Bukan setakat kita bina rumah sahaja apabila orang minta, kita juga kena kaji bagaimana, mengapa, setakat rumah banyak kita bina tetapi masih ramai yang tidak boleh masuk. Contohnya, statistik awal tahun ini, ada lebihan hartanah kediaman sebanyak RM22 bilion di mana 75 peratus daripada itu adalah rumah mampu milik yang belum dijual, yang harganya kurang daripada RM250,000.

Maka, kita kena kaji. Sebab apa, mengapa, rumah ada, ada ramai yang minta, tetapi tidak dapat-dapat. Ikut pengalaman saya, salah satu isu yang paling penting adalah pinjaman. Maka di sini, Bank Rakyat tahun depan kita peruntukan RM1 bilion untuk mereka yang pendapatannya kurang daripada RM2,300 untuk membeli rumah kali pertama.

Saya mahu tanya, adakah ini untuk individu ataupun satu keluarga? Ini kerana, golongan pendapatan kurang daripada RM2,300 mengikut individu, satu keluarga atau kedua suami isteri. Kalau dia belum kahwin, dia dikira di bawah kategori ini, ataupun kalau sudah kahwin dia kena dikalikan dua?

Kedua, paling penting, Cagamas Berhad. Kita memperuntukkan juga satu peruntukan yang besar untuk buat jaminan. Saya minta pihak KPKT kalau boleh tolong jawab, apakah bezanya antara Cagamas Berhad dengan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP)? Kedua-dua ini pun sebenarnya ada hasrat untuk wujudkan satu jaminan. Maksudnya, ada mereka yang mahu beli rumah, bank tidak mahu berikan pinjaman, maka kerajaan wujudkan satu agensi untuk jadikan sebagai *guarantor*. Akan tetapi, sejauh mana agensi ini ataupun setakat mana tanggungjawab agensi ini memberikan jaminan?

Katakanlah, kalau agensi ini membantu seorang pemohon untuk mendapatkan jaminan, sekiranya pemohon tersebut selepas mendapat pinjaman, beli rumah, selepas itu dia tidak bayar balik atau pun dia tidak bayar habis pinjaman tersebut, adakah kerajaan sebagai *guarantor* kena bayar balik? Saya pernah tanya tetapi SJKP kata bukan. Tugas mereka hanya setakat jamin

supaya bank sanggup berikan pinjaman. Akan tetapi, pusing-pusing kita pusing balik kepada bank yang sama. Maka, akhirnya tidak ada. Kita kena kaji mengapa bank tidak mahu pinjamkan?

Saya minta satu senarai yang penting tetapi minta kerajaan jangan salah faham. Saya bukan mahu tanya senarai berapakah yang dapat pinjaman bank sebab semua dapat pinjaman bank. Saya hendak tanya bank-bank besar ini berapakah pemohon yang dapat diluluskan pinjaman untuk perumahan rumah kos rendah ke, rumah mampu milik ke? Contohnya Maybank, RHB Bank, Bank Islam, CIMB Bank. Ini bank yang besar dan bank yang mempunyai kepentingan juga contohnya, saham-saham EPF semua, ada di dalam bank ini. Kita mahu tanya, bank ini, berapakah dalam 10 tahun ini, berapakah kelulusan kepada permohonan untuk pembeli rumah? Kalau kita setakat cakap di sini, akhirnya bank ini tidak reti mahu pinjamkan, akhirnya tidak ada.

Akan tetapi, bila kita tanya, bank akan kata, penyata tidak cukup, dokumen tidak cukup. Kalau begitu, akhirnya kita buat rumah seberapa banyak pun tidak akan sampai matlamat.

Akhirnya, saya hendak sentuh perumahan ini kepada *fund MyHome* yang saya rasa kalaulah program ini betul-betul kita hendak bagi mereka yang pertama kali memiliki rumah, dia ada satu – Saya rasa pelik. Kita minta dia keluarkan 20 peratus, sama ada 20 peratus ini boleh pinjam atau tidak boleh pinjam. Kalau tidak boleh pinjam bank, maka saya rasa itu satu *investment*. Kalau *investment*, boleh dijadikan satu program *investment* untuk kurangkan rumah yang tidak boleh habis, tetapi bukan berhasrat untuk membantu mereka yang belum memiliki rumah. Ini kerana konsep dia lain. Akhirnya pusing balik kepada siapa? Maybank dan CIMB. Kalau dia adalah satu *investment*, saya minta kementerian risiko itu bukan setakat pembeli yang tanggung, bank pun kena tanggung. Maksudnya, kalau selepas lima tahun nilai harga itu, nilai rumah itu, tidak seperti yang kita jangkakan, maka, apa jaminan untuk lima peratus kepada bank? Bank itu pun tetap harus bank yang tanggung, bukan sahaja penerima ataupun pembeli yang tanggung. Ini barulah dikira *investment*.

Oleh sebab kita ada membenarkan bank seperti contoh, CIMB dan Maybank masuk dalam program ini, maka, saya minta kementerian satu sahaja bagi jawapan bertulis pun tidak apa. Buat surat rasmi kepada Maybank, CIMB, RHB Bank, Bank Islam, bank-bank besar ini minta mereka bagi maklumat dalam beberapa tahun ini berapakah permohonan untuk pinjaman rumah kos rendah ataupun perumahan mampu milik yang telah diluluskan oleh bank tersebut. Barulah kita boleh kaji balik sejauh mana polisi-polisi yang kita buat sebelum ini dapat dimanfaatkan dan bank memang bekerjasama dengan kerajaan untuk melaksanakan tugas tersebut. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

■1600

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Alor Setar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Lipis, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat Taiping, Yang Berhormat Jeli, Yang Berhormat Pasir Panjang, Yang Berhormat Papar, Yang Berhormat Kota Melaka dan Yang Berhormat Sibuti.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Labuan, Tuan Pengerusi, Labuan. Labuan pun hendak.

4.00 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Pertamanya saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya turut serta perbahasan bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pertamanya saya ingin pergi kepada Butiran 00500 – iaitu Pengurusan Sisa Pepejal. Perkara ini sebenarnya Yang Berhormat Menteri, saya sudah bangkitkan beberapa kali sebenarnya. Iaitu soal sisa pepejal yang bertimbun di Cameron Highlands, tetapi dihantar ke Lipis. Itu yang saya hairan sedikit, sisa pepejal yang begitu banyak di Cameron Highlands dihantar ke Lipis. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, secara kebetulan pula sisa pepejal ini hantar ke kampung saya. *[Ketawa]*

Pukul 6 petang saja kampung saya sudah, *masya-Allah* baunya. Jadi persoalannya kenapakah dihantar daripada Daerah Cameron Highlands dihantar ke Daerah Lipis? Berapakah kos yang ditanggung oleh KPKT untuk menghantar sisa pepejal itu? itu persoalannya dan ini sering diungkit dalam setiap kali mesyuarat sama ada mesyuarat-mesyuarat kecil tindakan daerah di Daerah Lipis. Persoalannya kenapakah ia dihantar ke Lipis? Saya harap Menteri dapat meneliti dalam perkara ini. Kedua, Butiran 01604 - iaitu Pemulihan dan Penyelenggaraan. Saya tujukan kepada *flat-flat* ataupun kondo-kondo. Kalau di peringkat *flat* ini, saya tidak tahu dari segi *maintenance* nya macam mana, tetapi kita melihat perkara ini banyak berlarutan dari segi kerosakan lif ini.

Saya melihat beberapa tempat yang kadang-kadang saya rasa cukup kasihan kerana mereka terpaksa, orang tua terpaksa menaiki tangga. Apakah langkah-langkah KPKT untuk menyelesaikan masalah ini? Termasuk kondo sebenarnya Yang Berhormat Menteri. Sebagai contoh, Kondo Villa Putera di Jalan Sultan Ismail yang mana kita membayar *maintenance*. Saya dimaklumkan *maintenance* nya mencecah sehingga RM400. Akan tetapi, apakah langkah yang dilakukan oleh pihak penyelenggaraan? Mungkin tidak salah kepada pihak Menteri, tetapi saya ingin sampaikan kepada pihak Menteri bahawa mereka mengambil duit *maintenance*, duit penyelenggaraan. Akan tetapi, mereka tidak dapat menyelenggarakan dengan baik hal ini.

Jadi saya harap supaya salah satu yang saya sebutkan itu, cubalah Yang Berhormat Menteri lihat perkara ini. Saya tahu sebenarnya Yang Berhormat Menteri waktu pembangkang, kita sering bergaduh. Akan tetapi, kalau untuk kebaikan rakyat kita bersama. Saya setuju Yang Berhormat Kota Tinggi kata Menteri memang kerja kuat. Saya selalu tengok dalam surat khabar. *[Disampuk]* Kena lah bodek sedikit, baru cepat tindakan yang diambil oleh pihak Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya sebenarnya bersetuju juga dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Alor Setar sebentar tadi bahawa di dalam Butiran 01402 - Kajian dan Penyelidikan Perumahan. Sebab saya meletakkan di bawah penyelidikan perumahan ini, ia melibatkan lebih

kurang RM3.55 juta hanya penyelidikan bukan program perumahan rakyat yang RM667 juta. Ini kajian dan penyelidikan.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Alor Setar. Seharusnya pihak KPKT menjalankan kajian yang sebenar-benarnya dalam hal ini iaitu di bawah *Fund My Home* (FMH). Iaitu pemilikan rumah yang berkonsepkan *peer to peer* atau P2P atau pemilikan bersama atau *equity sharing* sebanyak 20 peratus pembeli dan 80 peratus pelabur yang diandaikan lebih kurang lima tahun. Ini menjadi persoalannya, banyak kita memikirkan bahawa adakah yang diumumkan oleh Menteri Kewangan semasa pembentangan Belanjawan 2019, di mana konsep P2P akan dibenarkan untuk pembeli rumah membeli rumah pemilikan bersama sahaja. Platform P2P ini juga akan diselia oleh Suruhanjaya Sekuriti. Maka kalau saya andaikan saya sebagai seorang pembeli, kalau contohnya rumah itu RM300 ribu dan saya membayar RM60 ribu untuk pemilikan sebanyak 20 peratus dan 80 peratus ditanggung oleh pihak pelabur.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Selepas sahaja kita membiayai rumah sepanjang pendudukan lima tahun, maka rumah itu bukan lagi menjadi milikan kita kecuali kita mohon untuk membeli semula. Rumah ini akan menjadi pasarannya kalau di Kuala Lumpur ini, daripada RM300 ribu pasarannya mungkin menjadi RM600 ribu ataupun RM1 juta. Kalau kita ambil andaikan RM600 ribu, maka kalau ia hendak beli, ia terpaksa menanggung kos kembali sebanyak RM400 ribu lebih ataupun RM440 ribu lebih kurang. Rasanya kalau tidak silap kira, lebih kurang sedemikian rupa. Maka, di sinilah letaknya di manakah kemampuan yang kita sering katakan di bawah B40 ini dan saya juga membuat sedikit rujukan. Sila Yang Berhormat Rembau. Saya hendak bangkitkan sebenarnya apa Yang Berhormat Rembau cakap tetapi saya beri kepada Yang Berhormat Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Ya Yang Berhormat Lipis, sedar atau tidak pengasas program *Fund My Home* ini telah mengakui bahawa sasaran mereka sebenarnya bukan B40, sebab memang B40 tidak mampu untuk membayar atau melabur 20 peratus daripada rumah-rumah yang ingin dijual ini, yang mana stok lama ini. Kedua, sedar ataupun tidak Yang Berhormat Lipis bahawa kalau ada keuntungan dalam lima tahun, yang dapat keuntungan itu adalah pelabur 80 peratus. Akan tetapi, kalau ada kerugian yang tanggung itu adalah pembeli rumah yang 20 peratus itu. Jadi saya tidak pasti apakah rasional *Fund My Home* ini, minta pandangan Yang Berhormat Lipis.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Saya sebenarnya saya ada merujuk kepada ucapan Yang Berhormat Rembau juga yang mengatakan bahawa FMH ini tidak akan menguntungkan rakyat kebanyakannya, tetapi akan menguntungkan pelabur. Yang Berhormat Rembau juga mengatakan bahawa bagaimana mereka hendak mencari 20 peratus *down payment* itu. Saya percaya kalau kenaikan harga yang begitu ketara, tidak mungkin boleh anak muda melakukan perkara itu. Kebanyakannya kita tahu bahawa anak muda masih lagi di peringkat yang gaji mereka umpamanya bertaraf rendah. Itu sebabnya saya rujuk kepada

CEO Cagamas Berhad mengatakan bahawa FMH ini adalah skim pelaburan, bukan skim pemilikan rumah. Jika mengikut kebiasaan, pemilihan rumah melalui pinjaman bank, pembeli membeli pada harga yang telah ditetapkan.

Akan tetapi, FMH pembeli hanya membeli pegangan 20 peratus dan selebih 80 peratus pembeli perlu membeli pada harga lima tahun akan datang. Pembeli perlu membuat keputusan berdasarkan analisa sama ada harga akan naik atau turun pada masa akan datang. Ini yang dikatakan oleh Yang Berhormat Rembau. Kalau turun, kita mengalami kerugian. Kalau naik, belum tentu kita untung. Akan tetapi, masalahnya kita kononnya hendak membantu B40. Persoalan saya, adakah inisiatif seperti FMH ini akan meningkatkan kadar pemilikan rumah terutama bagi golongan anak muda dan B40? Adakah inisiatif FMH ini boleh menguntungkan pelabur yang akan meningkatkan harga pasaran rumah dan hartanah melalui spekulasi serta jangka masa yang pendek seperti lima tahun?

Bagaimana golongan B40 dan anak muda akan untung melalui inisiatif ini untuk jangka masa panjang? Apakah pelan mitigasi risiko oleh pihak kerajaan bagi mengawal aktiviti spekulasi harga rumah melalui skim FMH yang mana dilihat sebagai skim pelaburan berbanding skim pemilikan rumah? Adakah kerajaan lebih mementingkan pemain industri perumahan dan hartanah termasuk pelabur berbanding golongan B40 dan anak muda yang ingin memiliki rumah, tetapi tidak mempunyai kewangan mencukupi untuk mengambil bahagian dalam program FMH yang memerlukan 20 peratus *down payment* atau membeli sebahagian daripada pemilikan mereka. Saya Yang Berhormat Tuan Pengerusi, sekian ucapan saya, saya rakamkan ucapan terima kasih.

■1610

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Putatan.

4.10 ptg.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyentuh Butiran 00100 – Projek Kecil di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Projek KPKT yang disalurkan ke kuasa tempatan, saya berpendapat hendaklah melalui Ahli Parlimen di kawasan yang terlibat sebagaimana yang telah disentuh oleh sahabat daripada Yang Berhormat Rasah tadi. Ini disebabkan Ahli Parlimen bagi setiap kawasan ini bertanggungjawab di dalam setiap perbelanjaan Persekutuan di kawasan masing-masing dan seterusnya memastikan segala salah guna kuasa dan ketirisan tidak lagi berlaku.

Kedua, Ahli Parlimen adalah Ahli Parlimen di kawasan berkenaan, adalah orang yang bertanggungjawab di dalam perancangan dan menentukan dasar pembangunan di kawasan Parlimen masing-masing. Peruntukan Parlimen hendaklah dikawal selia oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat ini. Jikalau di Selangor dahulu, kita sering mendengar Kerajaan Negeri Selangor merakyatkan ekonomi Selangor tetapi saya rasa ramai Ahli Parlimen juga ingin merakyatkan

program-program pembangunan di kawasannya sendiri agar program itu dapat memaksimumkan kebaikan kepada rakyat yang telah beliau wakili.

Kedua, saya ingin menyentuh tentang kesejahteraan pekerja majlis-majlis di kawasan daerah masing-masing. Seperti di kawasan saya, di Majlis Daerah Putatan belum lagi tersedia rumah-rumah pekerja. Oleh itu, saya memohon KPKT ini memberi peruntukan kepada majlis daerah di kawasan saya di Putatan ini agar dapat membina rumah untuk staf. Saya rasa ini di bawah Butiran 39000 – Penyelenggaraan Kuarters.

Setakat itu, saya itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Ringkas dan padat. Seterusnya Yang Berhormat Kalabakan. Yang Berhormat Kalabakan ada ya? Ya.

4.12 ptg.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mahu sentuh dua Butiran 30002 – Pembinaan Bangunan JBPM di Sabah dan Butiran 01513 – Program Perumahan Rakyat.

Kalabakan ini luas. Ada tanah besar dan ada pulau. Apa yang masalahnya ialah yang di pulau ini. Di pulau ini ada 12,000 penduduk, 17 kampung, balai bomba pun tidak ada. Bulan Mei baru-baru ini, sebuah sekolah terbakar, SMK Wallace Bay, pejabat gurunya terbakar, kita tinggal tengok-tengok sahaja. Lihat dan pandang sahaja, tidak boleh buat apa-apa, tidak ada balai bomba. Satu lagi kawasan pekan Kalabakan yang jauhnya 100 kilometer daripada Bandar Tawau pun tiada balai bomba. Jadi kita mintalah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menimbang untuk membina antara satulah, kalau boleh. Kalau tidak boleh dua-dua, satulah, bina balai bomba untuk keselamatan orang ramai.

Kedua, Program Perumahan Rakyat yang mendapat peruntukan RM667 juta. Kita di Tawau dan Kalabakan, dua Parlimen mempunyai 17,000 setinggan dan hanya dapat menyediakan 3,800 unit rumah PPR. Baru-baru ini ada satu blok lagi dibina, 480 unit dan kita sudah menerima 5,000 permohonan. Tidak pernah cukup penempatan ini. Jadi, itu juga kita minta kalau boleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berunding dengan Kementerian Kerajaan Tempatan di Sabah untuk terus membina unit-unit program perumahan rakyat di Sabah. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Seterusnya Yang Berhormat Taiping. Silakan.

4.15 ptg.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak akan panjang lebar. Tahniah dan syabas kepada KPKT. Di bawah Maksud Pembangunan 43, di bawah tajuk Perumahan Negara dengan Butiran 01402 – Kajian dan Penyelidikan Perumahan, Butiran 01513 – Program Perumahan Rakyat dan Butiran 01605 – Kemudahan Insentif Perumahan telah menunjukkan peningkatan yang begitu besar daripada RM477 juta kepada RM818 juta. Ini

terbukti usaha dan hasrat Kerajaan Pakatan Harapan dalam menepati janji-janji untuk menyediakan Rumah Mesra Rakyat demi kesejahteraan rakyat. Begitu juga dengan PPAM di bawah Butiran 38000 telah menerima peruntukan sebanyak RM622 juta untuk menyediakan Perumahan Penjawat Awam Malaysia.

Saya mengambil kesempatan ini membangkitkan satu masalah tempatan iaitu tempat kediaman di kawasan saya yang memerlukan peruntukan bawah P.43 Butiran 00100 – Projek Kecil di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dengan peruntukan RM342 juta. Empat blok *flat* di Taman Bersatu Taiping telah mengalami masalah besar termasuk masalah hak milik prasarana yang daif, tangki atas bumbung bocor dan kebelakangan ini wabak denggi telah mengancam nyawa penduduk di situ. Saya dimaklumkan pihak Majlis Perbandaran Taiping telah memohon peruntukan daripada KPKT dan besarlah harapan saya, permohonan tersebut akan diluluskan dengan kadar segera memandangkan kesulitan yang dihadapi penduduk-penduduk di *flat-flat* tersebut. Sekian sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Taiping. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jeli. Silakan.

4.17 ptg.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada lima perkara.

Pertama, berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal iaitu Butiran 020300 – Pengurusan Sisa Pepejal Negara dan Pembangunan 00500 – Pengurusan Sisa Pepejal. Peruntukan bekalan RM921 juta dan pembangunan RM115 juta. Dua perkara yang pertama, saya hendak tahu liputan program ini khusus bagi negeri Kelantan sama ada sudah pun dilaksanakan perancangan untuk meluaskan perkhidmatan ini di Kelantan. Kalau sudah dibuat keputusan, apakah liputannya? Sama ada Kota Bharu sahaja ataupun kawasan-kawasan lain di Kelantan? Itu yang pertama Tuan Pengerusi.

Kedua ialah berkaitan dengan Bahagian Kampung Baru di Butiran 030500 dan Pembangunan 17400 – Program Pembangunan Kampung Baru sebanyak RM85 juta. Ini adalah satu program yang amat penting dan terdapat sedikit peningkatan khususnya untuk Kampung Baru pada tahun hadapan. Jadi, projek infrastruktur longkang, jalan ataupun jambatan kecil di kawasan Kampung Baru ini adalah amat penting sekali. Saya harap pertimbangan sewajarnya diberi kepada Kelantan dan Jeli iaitu projek-projek Kampung Baru ini. Itu yang kedua.

Ketiga Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Projek Kecil di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di Butiran 00100 sebanyak RM342 juta. Agihan mengikut negeri. Kita sedia maklum bahawa negeri-negeri pihak berkuasa tempatan khususnya yang kecil-kecil yang kurang hasil banyak bergantung pada Kerajaan Pusat. Terima kasih kepada Kerajaan Pusat, terus membantu negeri-negeri. Jadi kita hendak tahu, bagaimana akan diagihkan peruntukan ini. Ia memainkan peranan penting dalam menggerakkan ekonomi tempatan bukan sahaja untuk projek baru tetapi juga untuk penyelenggara, projek-projek *maintenance* ya. Kalau tidak diselenggara dengan baik,

sudah pasti ini akan menimbulkan masalah di kawasan pihak berkuasa tempatan, termasuklah longkang tersumbat yang mungkin menyebabkan banjir.

Tuan Pengerusi, seterusnya Butiran 01513 – Program Perumahan Rakyat. Ada satu projek yang di Kota Bharu sudah pun siap, 1,000 unit. Kita hendak tahu bila akan diagihkan dan kaedah untuk mengagihkan kerana permintaannya cukup bagus. Saya nampak di Machang pun sudah siap projek ini, PPR. Kita hendak tahu bila akan diagihkan rumah-rumah yang sudah pun siap tersebut.

■1620

Mengenai pembinaan bangunan ataupun Jabatan Bomba dan Penyelamat. Begitu juga, seperti dengan kecederaan yang menimpa pegawai bomba saudara Adib. Kita mendoakan beliau akan pulih secepat mungkin dan tahniah diucapkan kepada semua pihak yang telah menunjukkan simpati dan kita harap beliau akan dapat pembelaan sewajarnya. Sehubungan ini, di kawasan Kuala Balah, kawasan saya di Jeli yang jauh daripada Bandar Jeli apabila berlaku kebakaran biasanya kebakaran itu menyebabkan rumah-rumah yang terbakar akan terus ranap oleh sebab jauh daripada balai bomba. Jadi, kita pohon untuk dibina satu balai bomba di Kuala Balah.

Tuan Pengerusi, terima kasih atas perhatian Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Sekarang giliran Yang Berhormat Pasir Panjang. Silakan, Yang Berhormat Pasir Panjang. Ya, Silakan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Rantau Panjang Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ditulis Pasir Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Saya.

Tuan Pengerusi: Rantau Panjang. *[Ketawa]*

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Pasir Panjang tidak ada.

[Ketawa]

Tuan Pengerusi: Tidak ada. *[Ketawa]* Saya ikut apa yang ditulis. Rantau Panjang. Maafkan saya.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Dia tulis sendiri itu.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Ingatkan ada kawasan baharu.

Tuan Pengerusi: Dia tulis sendiri tak? Orang lain tulis.

4.21 ptg.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana beri peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Maksud B.43. Merujuk kepada Butiran 020000 – Kemajuan Persekitaran dan juga Butiran 020100 – Kerajaan Tempatan.

Kita mengucapkan tahniah di atas usaha kerajaan untuk mempertingkatkan terutama kemajuan persekitaran dan kita tahu di antara hasrat kerajaan untuk mengimbangi pembangunan antara wilayah. Jadi, saya mengambil kesempatan ini untuk memohon agar peruntukan terutama di bawah kerajaan tempatan, terutama di negeri-negeri yang kurang maju diberi keutamaan dalam kerajaan baharu Pakatan Harapan. Jadi, saya ingin tahu apakah program yang telah dirancang di bawah kementerian di bawah peruntukan ini dan saya ingin tahu juga tentang peruntukan di bawah PBT di kawasan saya juga, sebab surat permohonan telah saya kemukakan kepada pihak Yang Berhormat Menteri. Jadi, diharap dapat pertimbangan di atas projek-projek yang sangat diperlukan untuk pembangunan di kawasan saya terutama di Rantau Panjang.

Kedua, Butiran 020300 – Pengurusan Sisa Pepejal Negara. Sebagaimana hasrat kerajaan untuk menjadikan sifar pelupusan terbuka menjelang tahun 2020. Jadi, saya ingin tahu apakah program yang telah dilaksanakan setakat ini dan apakah strategi yang dibuat untuk mencapai ke arah itu? Apakah bantuan-bantuan yang diberi kepada PBT terutama PBT yang mempunyai pendapatan yang terhad yang mungkin tidak mampu menampung keutamaan dalam pengurusan sisa pepejal termasuk juga keperluan lori-lori sampah dan sebagainya yang mungkin berusia lama yang perlu diperbaharui. Jadi, saya ingin tahu berapakah peruntukan disediakan terutama di Kelantan dan juga di bawah Majlis Daerah Tanah Merah termasuklah dalam Majlis Daerah Rantau Panjang?

Begitu juga, kempen-kempen pendidikan kesedaran terbaik Yang Berhormat Menteri. Kita melihat masyarakat kita hari ini masih belum lagi mempunyai sikap kesedaran yang tinggi terutama di sudut kebersihan. Ada lagi terutama di kawasan pedalaman yang mereka yang buang sampah merata-rata, ada tong sampah tetapi sampah dibuang di luar tong sampah. Jadi, sikap-sikap ini perlu diberi pendidikan. Jadi, apakah kempen-kempen kesedaran yang telah dibuat oleh pihak kementerian.

Menyentuh Butiran 030100 – Bomba dan Penyelamat. Saya juga bersama dengan rakan-rakan, Ahli-ahli Parlimen yang lain mengucapkan takziah dan rasa kesedihan di atas dua kes yang berlaku kepada anggota bomba kita. Jadi, kita harap perkara ini tidak akan berlaku di masa akan datang. Sebagaimana yang kita tahu kawasan saya sendiri iaitu Rantau Panjang adalah kawasan yang sangat berisiko terutama berdepan dengan banjir apa lagi berada di kawasan sempadan. Balai bomba yang ada di Rantau Panjang hari ini adalah dari segi grednya Gred 'C' kapasiti pegawai hanya lebih kurang anggotanya hanya ada lebih kurang 29 orang dan sini amat tidak mencukupi terutama apabila berdepan dengan banjir besar dan apabila berlaku risiko terutama di kawasan sempadan.

Jadi, saya mengharapkanlah memohon kepada pihak kementerian untuk *upgrade* supaya naikkan taraf Balai Bomba Rantau Panjang daripada Gred 'C' kepada Gred 'A' ataupun paling kurang Gred 'B'. Sekurang-kurangnya dapat menambah keanggotaan. Begitu juga, saya ingin tahu tentang elaun kritikal yang banyak ditanya oleh anggota bomba di bawah. Bilakah kami akan dapat elaun. Berapa orang lagi hendak kena mati baru hendak dapat elaun. Itulah rayuan mereka kepada kami.

Jadi, saya ingin tahu jugalah apa dasar kementerian untuk memastikan elaun yang dijanjikan terutamanya yang berkaitan dengan isu-isu kritikal dapat disegerakan kepada anggota bomba kita yang banyak berkorban untuk negara kita. Begitu juga, tentang SOP penyelamat. Jadi, kita tidak mahu tentang tragedi yang berlaku di lombong dan juga berlaku rusuhan di kuil baru-baru ini berulang lagi. Jadi, mungkin ada dasar-dasar baharu yang akan digubal dalam SOP penyelamat untuk memastikan anggota kita dijauhkan daripada insiden yang tidak diingini.

Jadi, saya ingin tahu juga iaitu berkaitan dengan kenaikan pangkat anggota bomba. Apa polisi sebenarnya yang diguna pakai oleh kerajaan. Sebab kita— saya dapat makluman, bagaimana kenaikan pangkat anggota bomba ini tidak sama dengan anggota beruniform yang lain. Contohnya, *time based* untuk anggota bomba, semakan kenaikan pangkat memerlukan perkhidmatan 13 tahun baru ada kenaikan. Ini maklumat yang saya terimalah. Jadi, sedangkan di peringkat anggota lain katanya polis atau tentera iaitu empat ataupun enam tahun sudah ada semakan. Jadi, sejauh mana kebenaran perkara ini dan apakah dasar yang akan dibuat oleh pihak kementerian mengatasi supaya kebajikan dan kenaikan pangkat anggota bomba kita dapat diselaraskan dengan sebaik mungkin.

Saya ingin menyentuh juga Butiran 030200 – Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai. Saya ingin tahu apakah program yang telah dilaksanakan di bawah projek ini yang mendapat peruntukan lebih daripada RM5,309,000 dan saya ingin tahu berapakah pemegang lesen pinjaman wang yang berdaftar dan berapakah ramai mereka yang melaksanakan pemberi pinjaman wang yang tidak berlesen yang masih belum berlesen. Maknanya yang beroperasi secara haram. Begitu juga berapakah jumlah pemegang pajak gadai yang berlesen dan saya ingin tahu juga apakah sistem pajak gadai yang digunakan.

Apakah menggunakan sistem pajak gadai Islam tanpa riba sebagaimana yang telah dilaksanakan di Ar-Rahnu dan apakah dasar kementerian untuk *reform* supaya pajak gadai-pajak gadai yang ada di seluruh negara ini, di samping memberi perkhidmatan kepada rakyat ketika kecemasan yang memerlukan pegadaian. Mereka tujuan selamat daripada dosa riba. Jadi, mungkin perkara ini boleh dibuat. Sebab kita tengok kejayaan pajak gadai Ar-Rahnu mendapat sambutan dan kejayaan yang sangat menggalakkan.

Begitu juga, saya ingin menyentuh Butiran 030500 – Bahagian Kampung Baharu. Yakni yang mendapat peruntukan melebihi RM16,259,000. Saya ingin tahu apakah bentuk-bentuk program bantuan yang telah diberi kepada kampung-kampung baharu. Daripada semakan saya di Parlimen saya tidak ada dalam senarai peruntukan ini. Jadi, apakah syarat-syarat untuk di senaraikan dalam termasuk dalam program untuk mendapatkan peruntukan ini terutama di sudut keperluan-keperluan prasarana termasuk lampu jalan, jalan raya dan kemudahan-kemudahan awam yang lain.

Saya harap juga pihak Yang Berhormat Menteri supaya mempertimbangkan terutama keperluan dewan orang ramai di PBT. Dalam kawasan saya ada dewan yang sangat uzur yang sangat memerlukan pembaikan dan dewan ini bukan semata-mata untuk aktiviti-aktiviti biasa tetapi juga menjadi tempat-tempat kenduri-kendera, tempat-tempat mesyuarat dan juga

pemindahan banjir di saat-saat yang perlu. Jadi, sebab itulah saya mengharapkan keutamaan diberi untuk memastikan dewan-dewan orang ramai ini dalam keadaan baik.

Saya ingin juga menyentuh tentang Butiran 030600 – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA). Jadi, saya ingin tahu berapakah jumlah keseluruhan rumah PR1MA yang telah siap dan berapakah yang masih dalam pembinaan dan berapakah jumlah yang terbengkalai yang menghadapi masalah dan setakat ini, apakah kekangan ataupun masalah-masalah yang dihadapi dalam masalah perumahan PR1MA ini. Saya ingin juga minta supaya kerajaan melihat balik tentang berkaitan dengan keperluan balai bomba. Kawasan saya ini kawasan yang terdedah dengan banjir dan dalam tahun 2014 yang lalu banjir besar memang balai bomba ini tenggelam. Saya pergi ke balai bomba untuk mendapatkan perkhidmatan terpaksa harung air paras pinggang.

■1630

Jadi macam mana dalam keadaan ini perlu di-*upgrade*-kan supaya balai-balai bomba kita yang berada dalam tempat yang berisiko tinggi ini supaya tempat operasi bomba itu dapat berada di tempat yang selamat untuk memudahkan pengurusan demi kepentingan rakyat. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Sekarang Yang Berhormat Papar.

4.30 ptg

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Seperti mana yang kita tahu, tujuan kementerian KPKT untuk memacu pembangunan mampan melalui penyampaian perkhidmatan yang kreatif dan inovatif secara berterusan merancang, menyelaras, melaksana dan memantau pihak berkuasa tempatan, pembangunan perumahan, pembangunan bandar dan wilayah dan hal ehwal anak negeri untuk mewujudkan masyarakat yang sejahtera. Tuan Pengerusi, projek Program Perumahan Rakyat yang dicetuskan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Perumahan Negara adalah satu program yang menyejahterakan rakyat yang kurang berkemampuan. Di negeri Sabah misalnya, sehingga kini kerajaan telah melaksanakan 31 projek PPR yang berjumlah 23,114 unit. Dua daripadanya adalah di daerah Papar iaitu satu, PPR Segindai dan kedua, PPR Pekan Kinarut. Kerajaan Sabah bercadang untuk membuat lebih 30,000 unit rumah PPR memandangkan permohonan yang diterima oleh kementerian melebihi daripada 100,000 dan ini tidak mencukupi dengan apa yang ada di Sabah. Perumahan adalah satu masalah yang penting yang banyak melibatkan masalah sosial, ekonomi dan politik. Terdapat banyak masalah yang berkaitan dengan perumahan yang memerlukan kajian yang mendalam dan perlu diatasi oleh kerajaan.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Pembangunan 43 untuk Program Kerajaan Tempatan Butiran 00100 — Projek Kecil di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan, yang mana bajetnya pada tahun 2018 ialah RM259 juta telah naik kepada RM342 juta iaitu RM87 juta kenaikannya. Amaun ini sangat besar dan boleh digunakan untuk menyejahterakan rakyat.

Program perumahan negara pula, Butiran 01513 — Program Perumahan Rakyat, yang berjumlah RM371 juta pada tahun 2018 dan dinaikkan kepada RM667 juta pada 2019 iaitu kenaikan sebanyak RM296 juta. Juga Butiran 01605 - Kemudahan Insentif Perumahan, yang mana pada tahun 2018 berjumlah RM60 juta dan dinaikkan kepada RM115 juta iaitu kenaikan sebanyak RM55 juta. Amaun yang diperuntukkan adalah sangat besar dan mesti dimanfaatkan untuk rakyat. Dengan perbelanjaan yang besar ini, adakah kerajaan akan meneruskan projek RMKe-11 di daerah Papar yang mana jumlahnya yang diberi peruntukan sebelum itu adalah RM112 juta untuk membina sebanyak 1,480 unit rumah PPR di Kampung Gusi, Kinarut. Saya menyeru dengan belanjawan yang telah diberi oleh kerajaan supaya kerajaan dapat meneruskan projek PPR dalam RMKe-11 diteruskan untuk rakyat dan demi rakyat di daerah Papar. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Papar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tanjong Karang.

4.35 ptg

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sebut Butiran 01513 — Program Perumahan Rakyat. Saya hendak dapat penjelasan daripada pihak kementerian, berapa banyakkannya rumah-rumah PPR yang akan dilaksanakan pada tahun ini? Kita sedia maklum pada tahun 2018 pada tahun ini, kalau saya tidak silap ada 23 projek yang sepatutnya kita sudah ada kelulusan. Akan tetapi saya tengok, satu pun kita belum mula. Apa yang ada, banyak yang pecah tanah sahaja. Jadi daripada 23 kalau tidak silap sayalah, berapakah yang akan dijadikan projek sambungan untuk dilaksanakan pada tahun 2019? Kalau boleh, saya hendak senarai di mana projek-projek tersebut.

Begitu juga tahun hadapan, projek baharu 2019, berapakah projek yang telah diluluskan oleh pihak EPU? Itu mengenai projek PPR. Juga menyentuh tentang PPR, adakah kementerian bercadang untuk menaikkan – kerana kita tengok sewa memang RM124 sebulan, harga rumah RM35,000 sebuah, adakah kerajaan akan kekalkan ataupun akan menaikkan harga ini? Saya daripada pengalaman saya, elok kementerian timbangkan balik kerana ini sewa RM124 sebulan dan juga harga RM35,000 ini sudah lama kita laksana. Jadi walau bagaimanapun, kita harap janganlah dibebankan rakyat dalam kita hendak membela nasib rakyat terutamanya untuk B40 untuk mendapat rumah.

Saya juga hendak mendapat kepastian mengenai rumah PPR di Batu yang kita serahkan kepada – Saya difahamkan diserahkan kepada Dewan Bandaraya. Saya dimaklumkan bahawa mereka yang telah terpilih, mereka merungut kerana janji kita pada mereka itu ialah untuk sewa untuk dibeli, RTO. Akan tetapi saya pada hari ini dimaklumkan bahawa pihak Dewan Bandaraya – Ini tidak tahulah. Kementerian akan bincang dengan Dewan Bandaraya. Mereka meminta mereka yang telah ditawarkan ini untuk membeli rumah tersebut dengan membuat tawaran meminjam daripada Yayasan Dewan Bandaraya kalau saya tidak silap. Jadi saya harap kementerian kena – Unit, 400 unit kalau tidak silap itu memang hak KPKT dan saya harap KPKT

tunaikanlah janji kita supaya janji untuk sewa untuk dibeli itu akan dapat dilaksanakan. Begitu juga saya harap sewa untuk dibeli ini akan terus kementerian dapat laksanakan untuk memberi kemudahan kepada rakyat.

Dalam masa yang sama, Butiran 030400 - Perumahan Negara. Yang Berhormat Menteri pun ada menyatakan bahawa Perumahan Transit Belia ini, ini kita telah rancangan 10,000 buah rumah. Saya hendak tahu sama ada projek yang telah pun diluluskan di Batu Muda ada 766 unit, di Mukim Kepong Kuala Lumpur 1,224 unit, adakah akan diteruskan ataupun mungkin dikaji semula? Ini kerana perkara-perkara ini telah pun diumumkan.

Begitu juga saya hendak dapatkan maklumat mengenai projek di Gombak di mana ada satu tanah KPKT yang itu telah diluluskan untuk bersama dengan satu syarikat untuk membangunkan, untuk membuat rumah PPR dan sebagainya sebagai kawasan baharu. Saya telah lupa nama syarikat tersebut. Jadi, adakah projek PPR - Projek rumah transit juga akan dibuat di situ kalau tidak silap saya. Ini kerana kita sedia maklum kita hendak beri mudah kepada golongan belia M40 terutamanya supaya sementara mereka hendak dapat rumah baharu, kita kena tolong mereka ini untuk duduk di rumah-rumah transit yang berbentuk studio sahaja, kita sedia maklum supaya memberi peluang kepada mereka untuk mendapat rumah yang baharu.

Juga Butiran 01605 - Kemudahan Insentif Perumahan. Ini kalau saya tidak silap ini, adakah ini termasuk projek terbengkalai? Ini kerana saya tengok projek terbengkalai saya tidak jumpa dalam ini, mungkin ini dimaksudkan. Ini kerana kita sedia maklum masalah pembeli sekarang ini ramai menghadapi rumah terbengkalai, ada 10 tahun, 20 tahun rumah tidak siap. Bagaimana kita hendak tolong mereka ini? Yalah, kena pinjaman bank pun mereka kena bayar, rumah pun mereka kena sewa sebab rumah mereka tidak siap. Dua projek yang saya hendak dapatkan penjelasan iaitu satu di Selayang. Selayang ini Selangor. Ini saya ingat dekat lebih 10 tahun kah terbengkalai.

■1640

Satu lagi saya sudah lupa, sama ada Tapah ataupun Kampar. Ini pun dekat 20 tahun. Ini Ahli Parlimen berkenaan kena tengok bantu supaya mereka yang patut beli rumah ini. Saya dimaklumkan pada masa itu mereka merayu supaya projek mereka ini dibantu dan pada masa itu, kalau saya tidak silap, kementerian sudah bersetuju untuk mendahulukan dua projek. Dan banyak lagilah projek-projek terbengkalai yang mungkin tidak disedari kementerian. Ini kerana kita kena ingat di samping kita hendak buat rumah baru, kita juga kena memberikan perhatian kepada projek-projek terbengkalai yang mana pembeli-pembeli ini ramai yang menjadi mangsa.

Seterusnya— tadi ramai sebut mengenai bomba. Saya hendak dapat kepastian juga bahawa elaun kritikal bomba ini yang kita telah luluskan, sudah umum sudah pun bermula sepatutnya April 2018, tapi saya tidak pasti sama ada elaun ini telah pun dibayar atau pun belum. Akan tetapi, pada dasarnya, Kabinet dan juga kerajaan telah bersetuju untuk meluluskan.

Hal ini kerana hari ini kita lihat ramai Ahli-ahli Yang Berhormat sebut fasal bomba. Bomba ini kita tahu hero yang tidak didendangkan. Orang ingat bomba ini asal padam api sahaja kerja dia tapi kita sedia maklum banyak lagi kerja-kerja lain. Baru-baru ini— saya juga merakamkan

ucapan takziah kepada Adib yang hari ini katanya sedang— mudah-mudahan cepat sembuh. Dan tahun ini juga ada yang meninggal. Jadi sebab itu saya kata bomba ini hero yang tidak didendangkan.

Jadi saya merayu supaya janji ini dapat dilaksanakan supaya dapat memberikan semangat kepada anggota-anggota bomba ini. Kalau boleh, kita lihat bagaimana kita hendak buat promosi bomba ini. Kita tengok polis, ia ada juga filem macam *Polis Evo*, kalau tidak silap saya. Ia popular, orang tahu apa kerja polis. Baru-baru ini pula *Paskal*, kalau tidak silap saya. Ini TLDM, orang tahu apa kerjanya. Akan tetapi kalau bomba ini— kita dulu ada buat dari segi drama dan kalau boleh kementerian juga terlibat mempromosikan tugas-tugas bomba ini supaya rakyat nampak peranan bomba yang saya kata hero yang tidak didendangkan ini.

Akhirnya, Butiran 00200 – Pengurusan Sisa Pepejal. Saya tidak pasti di mana pendirian kementerian. Adakah kementerian bercadang untuk meneruskan juga dasar yang sedia ada di mana kita sedia maklum di bawah Akta Sisa Pepejal ini, daripada pengalaman saya, Kerajaan Federal terlalu banyak memberikan subsidi untuk pengurusan sisa pepejal sampai RM2 bilion pun pernah kita belanjakan satu tahun.

Saya rasa dasar ini harus dikaji semula supaya kutipan sampah dan sebagainya patut ditanggung oleh pihak PBT. Tadi ramai sebut fasal PBT tapi mungkin ramai tidak tahu PBT, ia kutip itu, ia patut bayar kepada kementerian. Tapi PBT kutip, tidak bayar kepada kementerian, kementerian terpaksa tanggung beberapa syarikat konsesi.

Jadi kalau boleh perkara ini boleh dikaji untuk masa hadapan, walaupun dasar ini, akta ini dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pada masa itu sebagai Perdana Menteri keempat, kalau saya tidak silap. Jadi mungkin sesuai pada masa itu. Jadi masa ini saya ingat elok dikaji semula supaya pengurusan sisa pepejal ini dapat diuruskan dengan lebih baik dan lebih teratur lagi.

Saya rasa itu sahaja saya ingin sampaikan dan saya harap dapat jawapan daripada pihak Menteri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Tanjong Karang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kota Melaka.

4.43 ptg.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi, saya ingin ambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa.

Saya merujuk kepada muka surat 364 Maksud Bekalan 43 bagi Butiran 020200 – *Solid Waste and Public Cleansing Corporation* (SWCorp). Saya ingin bertanya kepada Menteri, berapakah hutang setiap PBT kepada SWCorp? Saya minta supaya boleh diberi dalam jawapan bertulis terutamanya bagi negeri Melaka.

Begitu juga saya merujuk kepada Butiran 030300 – Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata. Saya ingin tahu, berapakah jumlah bilangan aduan yang diterima oleh Tribunal Perumahan dan juga berapakah kes yang telah selesai di tribunal ini?

Manakala bagi Butiran 040400 – Sewaan CCTV sebanyak RM22 juta, saya ingin tahu atau boleh terangkan tidak sewaan CCTV ini adalah untuk dalaman ataupun untuk luaran? Ertinya, adakah ia CCTV yang dipasang di sepanjang jalan? Kalau ya, kita meminta supaya kementerian boleh ambil maklum di mana banyak CCTV yang tidak beroperasi. Sepatutnya CCTV ini untuk membantu orang ramai sama ada kalau berlaku kemalangan atau ada berlaku apa-apa jenayah, kita boleh merujuk kepada CCTV tersebut. Akan tetapi, saya telah menerima sendiri beberapa kes di mana berlaku kemalangan maut dan apabila kita nak merujuk kepada rakaman CCTV itu, CCTV semuanya rosak. Itu saya minta supaya kementerian boleh ambil maklum.

Setelah itu, saya merujuk kepada Butiran 00100 di Maksud Pembangunan 43 iaitu Projek Kecil di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan, di mana kita lihat terdapat peningkatan hampir RM83 juta kalau dibandingkan dengan tahun lepas, di mana tahun depan kita akan dapat RM342 juta. Jadi, saya ingin meminta supaya kementerian boleh memberi jawapan secara bertulis, daripada jumlah ini, berapa yang disalurkan kepada setiap PBT termasuk PBT di negeri Melaka? Saya ingin tahu PBT Melaka berapa mereka dapat peruntukan daripada Projek Kecil di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

Selanjutnya, saya ingin merujuk kepada Butiran 00110 – PRIMA. Saya balik kepada PRIMA. Kita lihat projek PR1MA boleh dikatakan banyak sudah terbengkalai. Saya gunakan perkataan ‘terbengkalai’ sebab banyak sudah tidak ada kemajuan. Jadi, saya hendak mencadangkan kepada pihak kementerian supaya peruntukan yang ada ini kita memberi prioriti kepada projek yang telah siap lebih daripada 60 peratus. Peruntukan ini harus digunakan untuk siapkan semua projek ini.

Juga, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya barangkali kita boleh gunakan *crowdfunding concept* untuk kita jualkan semua rumah projek PR1MA ini dan juga barangkali boleh mempertimbangkan untuk memberikan diskaun. Kita kurangkan harga rumah PR1MA ini dengan memberikan diskaun supaya pembeli mereka dapat membeli rumah PR1MA ini.

Seterusnya, saya merujuk kepada Butiran 00500 – Pengurusan Sisa Pepejal. Di negeri Melaka, kita hanya ada satu tapak pelupusan sampah di Sungai Udang. Tapak tersebut sudah mencapai tahap maksimum dan memang perlu tindakan segera diambil. Kalau mengikut laporan, pihak kerajaan ada hasrat untuk bina *incinerator*. Jadi di sini saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan, selain daripada *incinerator*, bolehkah kita gunakan cara yang lain? *Incinerator* itu tidak memberi keyakinan kepada orang ramai terutamanya kepada para penduduk di sekitarnya. Jadi, bolehkah kita gunakan cara yang lain?

Selanjutnya, saya merujuk kepada Butiran 01513 – Program Perumahan Rakyat. Saya ingin ucapkan terima kasih dan tahniah kepada kementerian kerana bagi bahagian butiran ini, terdapat peningkatan hampir RM300 juta untuk tahun depan. Barangkali Menteri boleh terangkan bagaimana penambahan ini akan digunakan.

Akhirnya adalah Butiran 17400 – Program Pembangunan Kampung Baru. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, di kawasan perkampungan Kampung Baru ini, sudah ada lantikan MPKK. Adakah mereka juga merupakan Ketua Kampung Baru tersebut? Ada kekeliruan. Sebab saya katakan demikian ialah kerana ada MPKK yang dilantik di Kampung Baru ini adalah orang India. Jadi, penduduk Kampung Baru tersebut, mereka tertanya-tanya adakah Kampung Baru yang sepatutnya ketua kampung mereka ialah orang Tionghoa tetapi diketuai oleh orang India.

■1650

Jadi mereka tertanya-tanya adakah MPKK bagi kawasan Kampung Baru juga merupakan Ketua Kampung Baru. Dengan itu, sekian terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Sekarang dijemput Yang Berhormat Sibuti.

4.50 ptg.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kita terus pergi kepada Butiran 30001 – Pembinaan Bangunan JBPM di Sarawak dan juga Butiran 36000 – Kempen Mencegah Kebakaran. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, saya telah berulang kali bercakap berkenaan tentang pembinaan balai bomba dan di sini saya ingin mendapatkan kepastian daripada Yang Berhormat, bilakah proses tender Balai Bomba Batu Niah memandangkan pada minggu lepas ada sebuah rumah panjang lagi yang terbakar di kawasan yang berdekatan dengan Balai Bomba Batu Niah yang sekarang terbengkalai. Walaupun rumah panjang tersebut bukan terletak di dalam persempadanan pilihan raya Parlimen Sibuti tetapi jarak rumah panjang tersebut agak dekat dengan balai bomba yang terbengkalai dan sekiranya balai bomba ini siap, maka kita dapat mengurangkan kerosakan ataupun kerugian daripada bencana rumah terbakar ini.

Juga untuk makluman Yang Berhormat Menteri, jumlah terkini kebakaran yang berlaku sejak daripada Januari 2018 adalah berjumlah sebanyak 17 buah rumah panjang di seluruh negeri Sarawak dan ini melibatkan, saya anggarkan sekitar di dalam 400 keluarga ke 500 keluarga yang terlibat. Untuk makluman Dewan dan juga Yang Berhormat Menteri, apabila sesebuah rumah panjang terbakar, proses untuk membina semula kehidupan mereka agak sukar dan juga memerlukan banyak bantuan. Maka, saya memohon kepada pihak kerajaan agar dapat memberikan satu fokus ataupun membentuk satu jawatankuasa khusus untuk melihat permasalahan-permasalahan ataupun keselamatan terutamanya kebakaran di kawasan rumah-rumah panjang di negeri Sarawak.

Saya juga mencadangkan bagi kempen kesedaran kebakaran ini, saya berterima kasih kepada pihak kementerian kerana mewujudkan belanjawan di dalam Belanjawan 2019 sebanyak RM5.5 juta. Saya juga ingin mencadangkan agar pihak kementerian dapat mewujudkan satu projek pili bomba di setiap rumah-rumah panjang dan juga kampung-kampung yang terletak di pedalaman. Ini akan dapat memudahkan proses pemadaman dan juga kita dapat melatih. Juga

untuk makluman Yang Berhormat Menteri, kami di negeri Sarawak banyak pada masa kini pekerja-pekerja dalam sektor *oil and gas* dan mereka ini cukup berpengalaman berkaitan tentang *safety* dan saya menggalakkan agar pihak kementerian dapat merekrut pekerja-pekerja ini sebagai sukarelawan untuk membantu ataupun memeriksa keadaan rumah-rumah panjang dan juga kampung-kampung Melayu di kawasan negeri Sarawak.

Begitu juga memberi subsidi kepada kawasan ataupun rumah-rumah panjang, subsidi untuk *refill* semula pemadam-pemadam api dan seperti saya sendiri juga memberi pemadam-pemadam api kepada kampung-kampung dan juga pemadam api ini mempunyai tempoh dan juga jangka hayat *expired date*. Saya berharap agar saranan ini dapat diterima oleh pihak Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya adalah berkenaan tentang Maksud B.43 dan P.43 Butiran 020300 dan juga Butiran 00500 berkenaan tentang Pengurusan Sisa Pepejal. Di kawasan Parlimen Sibuti mempunyai satu Sibuti Landfill ataupun tapak pelupusan sampah dan juga merupakan tapak pelupusan sampah bagi lambakan sampah-sampah bandar raya Miri. Maksudnya, semua sampah di bandar raya Miri ini dilambakkan di kawasan Sibuti Landfill. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, pada ketika ini sel keempat Sibuti Landfill dalam keadaan kritikal dan hampir penuh, walaupun sebenarnya tempoh jangka masa *landfill* sel keempat itu patut dipenuhi dalam masa tempoh beberapa tahun akan datang tetapi saya melihat keadaan ini agak kritikal. Saya juga menyokong saranan Yang Berhormat Menteri agar kerajaan kita menuju ke arah sifar tapak pelupusan sampah.

Saya juga mencadangkan agar pihak kementerian dapat menawarkan sesuatu projek berkaitan tentang *waste-to-energy* ataupun penggunaan insinerator yang lebih baik dan juga selamat di kawasan negeri Sarawak ataupun Parlimen Sibuti ataupun bandar raya Miri tersebut kerana banyak kesan berantai daripada Sibuti Landfill ini. Sebagai contoh yang saya boleh kongsi, apabila tapak Sibuti Landfill ini sudah terlalu penuh maka terdapat anjing-anjing liar yang berkeliaran dan juga anjing-anjing ini dan keadaan negeri Sarawak yang banyak isu *rabies* dan pada masa kini telah disahkan anjing-anjing berdekatan dengan kawasan Sibuti Landfill ini telah disahkan ada *rabies*. Sekiranya kerajaan berjaya untuk mewujudkan sifar tapak pelupusan sampah ini, kita akan dapat penjimatan yang besar.

Seterusnya saya ingin menyentuh berkenaan tentang Butiran 01513 – Program Perumahan Rakyat. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana saya telah melihat sendiri Yang Berhormat Menteri turun padang, pergi ke bandar raya Miri dan juga bersama-sama dengan kepimpinan negeri kami dan juga bersama dengan Yang Berhormat GPS di dalam satu majlis penyerahan kunci projek SPNB di bandar raya Miri yang juga turut hadir pada masa itu adalah rakan saya, Ahli Parlimen Miri. Inilah yang ingin kami lihat daripada GPS, inilah yang dimaksudkan kami mesra kepada Kerajaan Persekutuan di bawah Pakatan Harapan.

Saya juga alu-alukan sekiranya Yang Berhormat Menteri ingin turun ke kawasan Parlimen Sibuti, dapat bersama dengan saya untuk meninjau permasalahan rumah panjang yang terbakar ataupun keperluan balai bomba yang saya sering tanyakan.

Berkaitan tentang Program Perumahan Rakyat ini...

Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]: Mohon mencelah.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: ...Saya ingin mengetahui— Okey.

Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Sibuti.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Mas Gading.

Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Okey, saya cuma ingin memperbetulkan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Sibuti tentang Kerajaan GPS mesra PH. Ini kerana berdasarkan apa yang dicadangkan tadi tentang pengedaran tangki-tangki pemadam api ke kawasan-kawasan luar bandar terutamanya di kawasan rumah panjang, ini berlaku di kawasan saya sendiri, di Mas Gading.

Pihak bomba sudah cuba mengadakan inisiatif untuk mengadakan program sebegini di kawasan-kawasan kampung tetapi apa yang berlaku, pihak pejabat daerah tidak memberi kerjasama di mana ketua-ketua kampung yang sepatutnya hadir dalam mesyuarat tersebut untuk program tersebut tidak dibenarkan hadir. Jadi program tersebut terpaksa dibatalkan dan mungkin ditunda ke tahun hadapan. *[Tepuk]* Jadi benda ini tidak berlaku di Sarawak sebenarnya, mereka kurang mesra dengan Kerajaan PH.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Mas Gading. Apa yang ingin saya nyatakan di sini, di pihak GPS, adalah mesra kepada Kerajaan Persekutuan. Kami telah berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Langkawi, kami telah nyatakan apa yang dimaksudkan mesra kepada Kerajaan Persekutuan di bawah Pakatan Harapan. Ini adalah jelas dan juga berkenaan tentang apakah aktiviti-aktiviti yang ingin dijalankan di negeri Sarawak menggunakan fasiliti-fasiliti ataupun berhubunglah dengan pegawai daerah, berbincang dengan cara yang baik.

Saya tidak ada masalah. Di kawasan saya penuh dengan agensi-agensi kerajaan yang mengadakan program-program yang merupakan agensi-agensi persekutuan, tidak ada masalah. Ini mungkin disifatkan ketakjuban ke dalam politik ini.

Berkenaan tentang hal ehwal pembangunan, saya rasa Yang Berhormat Menteri hanya memberikan fokus apa yang ingin saya nyatakan. Di kawasan bandar raya Miri dan juga Sibuti memerlukan perumahan yang bagi golongan M40 dan juga B40 dan juga saya telah mendengar bahawa pihak kerajaan di bawah kementerian Yang Berhormat Menteri akan melaksanakan dan juga akan membangunkan rumah-rumah PPR yang lebih banyak di kawasan bandar raya Miri yang juga mempunyai permasalahan ataupun kemasukan pekerja-pekerja yang memerlukan rumah dan begitu juga di kawasan Parlimen Sibuti.

Saya juga mengucapkan terima kasih dan juga berbesar hati dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana sudi datang ke Sarawak dan juga saya mengalu-alukan kedatangan Yang Berhormat Menteri pada masa-masa yang akan datang. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Akhir sekali Yang Berhormat Labuan. Ada lagi ke?

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Mungkin tujuh minit seorang ya sebab hampir ...

5.00 ptg.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus ke Butiran 01513 Program Perumahan Rakyat di mana sekarang ada satu projek PPR sebanyak 500 unit sedang dilaksanakan di Labuan. Saya mohon *update* apa statusnya. Saya lihat macam belum nampak apa-apa tetapi mungkin kerja itu di bawah *foundation*, tidak berapa nampak.

Di Labuan ini memang sudah saya katakan beberapa kali setingan adalah satu isu yang besar, kadar yang tertinggi di negara. Kita mempunyai lebih kurang 10,000 orang hingga 12,000 orang yang masih tinggal di kawasan setingan.

Jadi projek perumahan rakyat ini sebenarnya kita memerlukan dua tiga pakej lagi sebelum kita boleh selesaikan masalah setingan ini. Jadi saya berharap kementerian akan dapat melihat untuk membantu Labuan di dalam hal ini. Saya lihat bajet yang diberikan pada tahun 2019 pun memang banyak. Tahniah saya ucapkan.

Begitu juga dengan Projek PPAM atau Projek Perumahan Awam Malaysia. Saya dikhabarkan dahulu ada satu projek akan dibuat di Labuan. Saya mohon penjelasan, adakah ia diteruskan ataupun tidak? Tanah sudah pun disediakan oleh Perbadanan Labuan yang mana ia bersebelahan dengan projek PPR tersebut.

Begitu juga Projek Bomba dan Penyelamat Malaysia di Labuan, ia dalam *construction*. Saya difahamkan ia projek sakit. Saya mohon penjelasan mengenai projek tersebut.

Butiran 00100 Projek Kecil di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Inilah yang saya perkatkan beberapa kali juga sebelum ini di mana Labuan, ia di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan selalu diperkatkan projek-projek kecil, penyelenggaraan termasuklah juga pembinaan infrastruktur di kampung-kampung ataupun di sekitar pulau Labuan adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Wilayah Persekutuan tetapi di dalam bajet yang diberikan kepada Perbadanan Labuan ataupun mana-mana agensi lain tidak ada projek-projek kecil.

Jadi kita memerlukan peruntukan daripada kementerian-kementerian seperti KPKT ini. Jadi saya lihat di sini pun memang kenaikan yang agak ketara untuk tahun 2019. Saya berharap bolehlah disalurkan beberapa juta ke Labuan.

Last sekali, Butiran 00500 Pengurusan Sisa Pepejal. Ini pun ada kenaikan. Labuan adalah sebuah pulau kalau dalam pulau ini pengurusan sisa pepejal memang sesuatu yang penting dan kritikal. Saya berharap projek menaik taraf kawasan landfill dan seterusnya mungkin untuk memastikan kita punya insinerator yang sudah dibuat itu berjaya dilakukan dapat dilihat semula oleh KPKT. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Sekarang Yang Berhormat Padang Serai silakan.

5.04 ptg.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih untuk bagi Padang Serai peluang untuk berucap. Saya ingin ucapkan dalam Butiran 00500 muka surat 366, Pengurusan Sisa Pepejal. Saya ingin beritahu kepada Yang Berhormat Menteri, ramai yang membuat pengurusan sampah ini sentiasa rasa tidak puas hati atas kenaikan harga.

Dahulu harga sebanyak RM25 tetapi pada masa ini kena harga lebih kurang RM50 se tan. Mereka tidak dapat cari makan. Kebanyakan orang-orang yang buat kerja ini adalah anak tempatan. Saya rasa Yang Berhormat Menteri ambil perhatian dan boleh kaji balik semula untuk meningkatkan pendapatan mereka.

Di samping itu juga saya ingin ucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri dan juga kontrak idaman yang berada di kawasan saya, saya rasa puas hati atas kerja mereka dan sentiasa mereka beri kerjasama dan apa-apa masalah yang kita beri pun mereka datang dan diselesaikan dengan segera. Inilah kontrak-kontrak perlu kita adakan di kawasan-kawasan kita. Bukan saya dapat komisen dan sebagainya. Ini adalah satu perkara baik yang perlu dikemukakan.

Di samping itu juga, saya ingin sentuh Bomba dan Penyelamat. Saya ingin minta maaf pada tempoh hari yang berlaku pada beliau kerana ramai ini terlibat dengan kaum India. Saya rasa malu dan sedih atas perbuatan ini dan [*Tepuk*] sebab sebagai seorang manusia kita mestilah hormati bagi orang-orang beruniform.

Mereka datang untuk menolong kita. Kita mesti bagi kerjasama dengan mereka yang beruniform ini. Bukan gunakan keganasan. Saya rasa pada masa-masa akan datang, bukan sahaja kaum India, mana-mana kaum janganlah menggunakan keganasan dalam negara ini. Itu patut ada. [*Tepuk*]

Di samping itu juga saya cadangkan elaun untuk bomba dinaikkan dan berilah latihan-latihan secukupnya. Kita tidak mahu apa yang jadi tempoh hari, enam orang hilang nyawa. So, kita perlukan. Di situ menunjukkan kekurangan latihan ataupun tidak beri satu pendedahan yang baru kepada mereka terhadap bagaimana apabila mahu operasi di satu-satu tempat seperti mana dalam air dan sebagainya. So, saya harap kementerian beri latihan-latihan secukupnya pada anggota-anggota bomba. So, kita tidak mahu berlaku kehilangan nyawa pada masa-masa akan datang.

Di samping itu juga saya minta daripada Yang Berhormat Menteri, bomba-bomba turun ke sekolah-sekolah, periksa balik keadaan pili bomba dan sebagainya. Saya dengar-dengar daripada kawasan sekolah saya banyak *sprinter* tidak bekerja dan pili-pili bomba pun tidak ada di kawasan tersebut.

So, saya berharap pada masa ini mereka tidak ada apa-apa sungutan dan sebagainya. Jika berlaku suatu kebakaran, setiap orang akan tunjuk jari termasuk Ahli Parlimen pun kena. Inilah Ahli Parlimen tidak ambil berat mereka kata. So, saya harap Yang Berhormat Menteri minta kerjasama daripada bomba turun ke kawasan-kawasan pili-pili bomba diperbaiki.

Akhir kata, saya ucapkan terima kasih juga Yang Berhormat Menteri yang rajin, seorang menteri yang sentiasa ambil berat. Saya rasa inilah menteri yang perlu dicontohi. [*Tepuk*] Dengan ini saya ucap terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan saya ingin sampaikan satu pantun sebab Tuan Pengerusi beritahu kena bagi pantun sedikit.

Tuan Pengerusi: Ya silakan menceritakan keadaan.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]:

Kulit wayang nyanyian asli,

Di lagu si gadis merdu sekali,

Terima kasih sekalung budi,

Sudi datang ke kawasan saya selesai masalah.

Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: *Got prawn behind stone* kata orang ya. Ya akhir sekali Yang Berhormat Saratok. Silakan.

5.09 ptg.

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh sedikit Butiran 3001, Pembinaan Bangunan JBPM di Sarawak. Sarawak diperuntukkan lebih kurang RM20 juta untuk membina bangunan baru dan saya ingin tahu di manakah peruntukan ini akan dibuat, di bahagian mana di Sarawak. Saya minta pencerahan daripada kementerian.

■1710

Kedua adalah Butiran 36000 – Kempen Mencegah Kebakaran. Seperti yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Sibuti tadi, saya ingin sekali lagi ingin mengetengahkan masalah kebakaran rumah panjang di Sarawak ini di mana dua minggu lepas ada dua buah rumah panjang terbakar. Setakat tahun 2018 ini, 26 buah rumah panjang terbakar di seluruh Sarawak. Ini melibatkan lebih 500 keluarga. Oleh yang demikian, saya ingin memohon agar peruntukan RM5.5 juta ini digunakan untuk membuat kempen-kempen di semua rumah panjang, kempen-kempen pencegahan kebakaran.

Sehubungan itu juga, saya memohon peruntukan untuk membeli peralatan pemadam api khasnya untuk rumah panjang ya. Ini penting untuk memadamkan api sebaik sahaja bermula ia akan dapat dipadamkan dengan serta-merta. Biasanya bomba di Sarawak memang jauh sebab rumah panjang dia jauh di kawasan pedalaman. Jadi peralatan ini kalau disediakan di kawasan rumah panjang...

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Yang Berhormat Sibu.

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Memang bertepatan sekali.

Tuan Pengerusi: Jiran Saratok, Yang Berhormat Sibu ingin mencelah.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Saya hendak tanya adakah Yang Berhormat Saratok bersetuju bahawa *fire engine* di Sarawak sini kebanyakan ialah *fire engine* yang besar. Sebenarnya Sarawak perlu *fire engine* yang lebih kecil. Tambahan lagi *fire engine* sekarang guna sekarang kebanyakan adalah Scania. Scania apabila dia rosak susah hendak diperbaiki. Mesti

tunggu *technician* daripada Semenanjung Malaysia datang ke Sarawak untuk memperbaiki. Saya rasa mungkin kementerian boleh fikirkan membeli *fire engine* berjenama mungkin Mercedes, atau Nissan yang lebih mudah diperbaiki.

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Saya amat bersetuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat Sibu dan letakkan pandangan tersebut di dalam ucapan saya. Saya juga ingin mencadangkan supaya mini bomba ataupun mini balai bomba dibuat untuk kawasan-kawasan rumah panjang yang berdekatan di mana ada 10 buah rumah panjang yang berdekatan, mereka boleh menggunakan mini bomba tersebut.

Terakhir saya ingin menyentuh Butiran 00100 – Projek Kecil Di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Dengan peruntukan RM340 juta, peruntukan ini adalah peruntukan kenaikan yang amat ketara sekali. Saya ingin tahu berapakah jumlah peruntukan untuk Sarawak? Berapakah peruntukan untuk Saratok khususnya? Bagaimanakah Ahli Parlimen boleh memantau peruntukan ini di kawasan masing-masing terutama bagi negeri yang dimenangi dan diperintah oleh GPS sekarang ini?

Ini kerana GPS di Sarawak mereka menghalang Pihak Berkuasa Tempatan menghadiri program Ahli Parlimen Pakatan Harapan seperti yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Mas Gading sebentar tadi. Justeru itu, saya menyarankan agar peruntukan hanya diberi sekiranya PBT berkenaan sedia bekerjasama dengan wakil rakyat Parlimen Pakatan Harapan di mana Pakatan Harapan menang. Sebagai contoh, dua minggu lepas sebuah rumah panjang di Saratok membuat gotong-royong membersihkan kawasan yang diikuti bersama oleh Jabatan Kesihatan di Saratok dan Majlis Daerah Saratok.

Saya sebagai MP dijemput menghadiri kempen kebersihan berkenaan tetapi malangnya pihak Majlis Daerah Saratok telah membatalkan kehadiran wakil mereka kerana program itu juga dihadiri oleh MP Pakatan Harapan. Ini sudah jelas bahawa PBT tidak memberi kerjasama walaupun untuk program kemasyarakatan. Oleh yang demikian, saya menyarankan projek kecil di bawah PBT yang menggunakan peruntukan kementerian iaitu KPKT hendaklah di bawah pemantauan bersama PBT dan Ahli MP Pakatan Harapan di mana Pakatan Harapan memenangi kawasan tersebut.

Begitu juga satu lagi saya ingin sentuh adalah saya ingin meminta supaya peruntukan diberikan lebih ke kawasan Saratok terutama DUN Kerian di kawasan Saratok. Ini kerana sejak beberapa tahun lepas, kerajaan GPS Sarawak ataupun Barisan Nasional Sarawak langsung tidak memberi peruntukan di bawah *Rural Transformation Program* yang berjumlah RM2 bilion diperuntukkan oleh kerajaan negeri Sarawak tetapi tidak memberikan langsung untuk kawasan pembangkang. Jadi saya ingin menyeru supaya peruntukan daripada KPKT dipertambah lagi untuk kawasan di mana Pakatan Harapan memenangi DUN tersebut iaitu Saratok dan Kerian.

Jadi itulah masalahnya kita di Sarawak. Jadi saya meminta supaya kerajaan dan KPKT memberi perhatian kepada apa yang saya cadangkan ini untuk membawa kemajuan dan kepentingan kepada rakyat di Sarawak. Terima kasih.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Yang Berhormat Saratok saya hendak tambah sedikit berkenaan tentang RTP, tentang program-program yang tidak dapat dihadiri kerana mungkin pengalaman kita berbeza. Contohnya saya pernah bersama dengan Ahli Parlimen Miri di dalam satu majlis, tidak ada masalah. Mungkin di pemahaman di kalangan GPS dan kita Pakatan Harapan dan GPS hadir bersama-sama di dalam majlis. Begitu juga saya percaya Yang Berhormat Saratok pernah duduk bersama dengan Ahli Yang Berhormat PBB di kawasan Kabung dan juga kalau dapat kita ambil satu masa untuk duduk berbincang bagaimanakah kita untuk menggunakan penyelarasan.

Sebagai contoh semasa kehadiran Yang Amat Berhormat Langkawi ke Bintulu pada Sabtu yang lepas, sekiranya kerajaan negeri menghalang penggunaan dewan suara untuk kegunaan merasmikan Parti Bersatu di Sarawak, saya rasa mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat Pakatan Harapan ataupun ADUN-ADUN Pakatan Harapan dapat dan masih menggunakan pusat-pusat kerajaan sekiranya melalui proses yang sama seperti di hantar surat, berbincang dan secara baik. Kita orang Sarawak boleh berbincang Yang Berhormat Saratok. Kita duduk *seat down* dan ambil masa untuk berbincang dan menyelaraskan. Mungkin ada sedikit silih faham berkenaan tentang Pakatan Harapan *friendly* ini.

Bagi saya bukan Pakatan Harapan *friendly* kita mesra kepada Kerajaan Persekutuan. Pakatan Harapan ini kita lihat sebagai satu entiti politik. Maksudnya jikalau di peringkat GPS dan parti-parti Pakatan Harapan, lawan tetap lawanlah maksud dia. Itu kerjasama kita di antara peringkat *government to government* setakat ini. Itu yang dimaksudkan saya PH *friendly*.

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Sibuti.

Tuan Pengerusi: Kembali kepada perbahasan peringkat jawatankuasa. Sekarang tiba masa untuk menteri menjawab. Silakan Yang Berhormat Menteri.

5.17 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Zuraida binti Kamaruddin]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah* Tuan Pengerusi sesi untuk KPKT menggulung ya. Sebanyak 30 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dan sudah tentu mengambil masa sebanyak 5 jam. Saya harus menjawab dalam masa 30 minit. So, penglipur lara pun sudah keluar. Saya hendak tunggu penglipur lara. Ini penglipur lara dua, yang nombor satu sudah keluar. *[Ketawa]* Jadi saya harap mereka akan kembali balik untuk terus menjadi penglipur lara di dalam Dewan ini.

Oleh sebab itu Tuan Pengerusi saya telah *summarize*, merumuskan beberapa *heading* ataupun kepala yang mana ada persamaan yang telah dibangkitkan oleh anggota-anggota Dewan Rakyat ini ya. Jadi saya telah merumuskan dalam tajuk-tajuk khususnya pada tajuk perumahan, bomba, sisa pepejal, kerajaan tempatan, bahagian kesejahteraan bandar, bahagian pengurusan pembangunan dan juga emolumen yang telah dibangkitkan tadi.

Oleh kerana ramai yang menyebut perkara yang sama, sebab itu saya bercadang untuk merumuskan semua perkara yang membabitkan kod-kod ataupun butiran-butiran tetapi ia juga

berkaitan dengan dasar-dasar yang telah kita lancarkan atau dasar-dasar yang telah kita *formulate*. Oleh sebab itu sekiranya ada isu-isu yang dibangkitkan berkenaan dengan pembinaan di kawasan masing-masing iaitu memerlukan – saya akan buat dalam bentuk jawapan bertulis.

Alhamdulillah pegawai-pegawai KPKT semua cekap-cekap belaka, dia siapkan jawapan dengan taip *printer* lagi. Bukan tulisan lagi ya, so banyak saya terima. Semua *detail and all the* jawapan-jawapan diperlukan dari peringkat kawasan-kawasan, hendak tanya projek kecil dekat mana, hendak balai bomba dekat mana dan hendak dibuat dan sebagainya ada sudah jawapan di sini. Cuma sama ada saya ada masa atau tidak untuk melihatnya satu-persatu.

■1720

Akan tetapi pada dasarnya, pada semua Ahli Yang Berhormat yang mengangkat isu tentang perumahan yang mana menanyakan tentang PR1MA - RM100 juta, SPNB – RM84 juta, PPR – RM667 juta dan PPAM – RM622 juta dan menanyakan tentang bagaimana, sama ada kementerian boleh membina rumah untuk penyempurna atau *to fulfill* apa yang telah dikatakan dalam kita punya manifesto iaitu 1 juta rumah dalam masa 10 tahun. Jadi kita anggarkan dalam 100,000 buah rumah dalam 1 tahun.

Jadi, untuk pengetahuan semua Ahli Yang Berhormat, memandangkan semua projek-projek perumahan tadi SPNB, PR1MA, PPR dan PPAM telah dibawa masuk di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), maka kita harus menyelaraskan semua projek-projek perumahan. Jadi untuk PR1MA, SPNB dan PPAM setakat ini rumah yang sudah bina kita sudah selesai, okey ada angkanya juga dan rumah yang masih dalam pembinaan, kita juga teruskan. Cuma projek baharu yang belum bermula kita akan *review* balik, kaji semula agar bertepatan dengan Dasar Perumahan Negara yang baharu.

Di bawah Dasar Perumahan Negara yang baharu, ada satu sub dasar iaitu Dasar Rumah Mampu Milik Negara. Jadi ini yang menjadi tumpuan kepada Ahli Yang Berhormat pada hari ini kerana Dasar Rumah Mampu Milik Negara telah memberi *detail* tentang apakah dasar itu dan apakah keperluan rumah-rumah bawah Dasar Rumah Mampu Milik Negara ini.

Dalam Dasar Rumah Mampu Milik Negara, ia termasuk adalah pembinaan rumah seperti mana Yang Berhormat Kota Tinggi sebut iaitu besarkan rumah pada 900 *square feet*, kaki persegi dan juga ada juga dalam tentang *rent-to-own*, itu juga telah kita bincangkan kerana dalam Dasar Rumah Mampu Milik Negara ini, harga rumah juga akan berdasarkan daripada lokasi tempat projek itu dibina, sama ada di bandar atau luar bandar. Sudah tentu harga di bandar dan luar bandar ada perbezaannya.

Jadi, ia juga mengambil kira tentang median pendapatan penduduk setempat dalam kawasan itu. Jadi, ini boleh memberikan satu tawaran yang bertepatan dengan kebolehan atau kemampuan penduduk-penduduk di kawasan itu. So, dalam Dasar Perumahan Negara pada keseluruhannya, kita ada lima teras iaitu satu daripadanya adalah rumah yang berkualiti, *possess ability* dan juga pembiayaan yang mudah dan juga yang keempat adalah tentang *database*. Tadi ada yang disebut tentang *database* yang menyebabkan *mismatch*. So, *database* ini juga kita

akan *upgrade*, so that kita akan dapat satu angka yang lebih tepat untuk memberikan satu *projection* yang lebih betul, apakah permintaan rumah untuk di masa akan datang.

Jadi, bagaimanakah kita hendak menepati 100,000 buah rumah untuk tahun pertama. Selain daripada projek-projek yang sudah ada kita teruskan dan juga rumah-rumah yang terbengkalai, rumah-rumah yang *unsold unit* yang tidak terjual juga, program-program untuk mempromosikan rumah-rumah ini dan bekerjasama dengan pihak-pihak *developer* yang telah bersetuju untuk memberikan diskaun kepada rumah-rumah ini agar dapat dibeli atau dimiliki oleh rakyat Malaysia, khususnya di kalangan B40.

Cuma saya hendak perbetulkan sedikit Yang Berhormat Alor Setar. Yang Berhormat Alor Setar menyebut 73 peratus adalah daripada rumah-rumah yang RM250,000 ke bawah yang belum terjual. Itu adalah sedikit kesilapan. Saya ingat, ketika itu saya menjawab adalah sebenarnya 23 *percent* bukan 73 *percent*. Itu silap saya juga, waktu awal dahulu saya tersalah sebut, 73 peratus.

So, jadi usaha-usaha ini adalah satu untuk memastikan bahawa rumah-rumah yang tidak dijual itu dapat dijual dengan harga potongan dan dengan pembiayaan bank, skim-skim yang baharu yang telah kita sebutkan. Keduanya, adalah rumah-rumah macam PR1MA. Rumah-rumah PR1MA ini memang saya juga tak nak sebut sebab saya tak nak polemik kan perkara ini kerana tanggungjawab kita adalah untuk membina rumah.

Walau bagaimanapun, saya juga hendak sebut PPAM dan PR1MA dan SPNB, PR1MA tadi yang banyak ditanyakan, PR1MA sepatutnya *by year* 2018 ini, dia sepatutnya membina sebanyak 500,000 buah rumah tetapi yang telah siap 11,484, yang dalam pembinaan 141,347 dan dalam perancangan 347,000. So, jadi yang sudah siap kita teruskan, yang dalam pembinaan kita juga teruskan. Cuma rumah-rumah PR1MA ini juga ada yang belum terjual walaupun sudah siap. Jadi, inilah yang kita akan usahakan agar rumah-rumah ini dapat dijual dan kemungkinan besar kita akan *cut losses* agar tidak rugi besar dan dapat duit juga untuk membolehkan kita ada *cash flow* untuk terus membina rumah-rumah baru.

Untuk pengetahuan semua Ahli-ahli Yang Berhormat, PR1MA dan SPNB yang telah dialihkan kepada KPKT sekarang KPKT telah melantik Pricewaterhouse untuk mengendalikan *due diligence* kepada dua syarikat ini sebelum ia betul-betul dengan secara *officialnya* diserahkan kepada KPKT. So, jadi walau bagaimanapun, wang yang kita terima daripada peruntukan-peruntukan tadi yang saya sebut itu akan disatukan untuk membina rumah untuk rakyat dalam kategori rumah mampu milik.

So, jadi kita tidak payah khuatir lah mungkin tidak atas nama PR1MA, mungkin tidak atas nama Rumah Mesra Rakyat, mungkin tidak atas Rumah Belia atau Rumah PPAM tetapi rumah itu akan disediakan dan kuota kepada mereka juga akan diberikan. So, jadi atas satu Dasar Rumah Mampu Milik Negara. Ini dari segi perumahan dan ada tadi soalan-soalan yang minta tanya rumah dekat kawasan mereka dan sebagainya. Itu akan saya minta jawapan-jawapan yang ada ini akan diserahkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Satu lagi tadi disebut Rumah-rumah Mampu Milik yang sudah siap di Kota Bharu dan sebagainya. Pengisiannya memang saya lihat lewat, lambat daripada peringkat negeri. KPKT sudah menyerahkan projek-projek ini kepada kerajaan negeri tetapi kerajaan negeri agak – hendak cakap lembap tidak boleh pula kan, cakap macam *slow* sedikit pun macam perlahan-lah, okey lah. *[Ketawa]*

Perlahan sedikit untuk mengisikan rumah-rumah ini atas dasar kelayakan dan sebagainya dan saya rasa ada keperluan seperti apa Yang Berhormat Pengerang sebut juga bahawa mesti ada satu *cut-off time period* yang mana kalau masa tempoh tiga bulan mesti diisikan. Kalau tidak diisikan, KPKT berhak ambil balik dan sebagainya. Mungkin satu polisi itu kita harus lihatkan agar rumah-rumah ini tidak terbiar pada jangka masa yang panjang dan akan merosakkan rumah-rumah yang telah dibina.

So, untuk tadi cadangan daripada Yang Berhormat Pengerang juga, Dasar Perumahan Luar Bandar, saya ingat itu adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar tetapi namun demikian KPKT telah menggariskan Dasar Rumah Mampu Milik Negara, semua agensi-agensi yang lain yang terlibat dalam membina rumah mampu milik, mereka tertakluk kepada Dasar Rumah Mampu Milik Negara, ini kita selaraskan. Sama ada UDA, sama ada luar bandar, sama ada Kementerian Pertahanan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, nelayan dan sebagainya, so rumah-rumah itu akan diselaraskan berdasarkan Dasar Rumah Mampu Milik Negara.

Seterusnya perkara yang disebut adalah mengenai– kedua ya, tajuk yang kedua adalah mengenai bomba. Saya juga ucapkan terima kasih, *alhamdulillah* semua Ahli-ahli Yang Berhormat amat prihatin tentang...

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, sedikit fasal perumahan.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Siapa? Okey, Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Saya ada bangkitkan berkaitan SOP atau Piagam Pelanggan sekiranya mereka, contohnya RMR, mereka mohon dan...

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Perkara ini juga saya juga akan masukkan dalam SOP yang baru, tambahan selain daripada tempoh masa pengisian dan juga jawapan yang diberikan kalau sekiranya standard tiga bulan atau tidak terima jawapan, maka mungkin gagal. Itu kita akan *insya-Allah* satu cadangan yang baik dan saya akan pertimbangkan, SOP ini akan dimasukkan dalam permohonan-permohonan Rumah Mampu Milik.

So, bomba tadi banyak yang telah menyatakan dan mengucapkan rasa simpati, rasa–ucapan takziah kepada enam anggota bomba yang telah terlibat dalam bencana banjir di kawasan Puchong dan kes ini telah– laporan *internal* sudah kami dapati. KPKT telah membentuk Jawatankuasa Profesional yang masih dalam bermesyuarat dan *by* 16 Disember *insya-Allah* satu laporan akan dikeluarkan dan *insya-Allah* kita akan *make public the report*.

So, kalau ada apa-apa perlu SOP perlu ditambah baik dan sebagainya, *insya-Allah* KPKT akan mengambil kira. Untuk...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Boleh saya fasal bomba. Selepas peristiwa yang meninggal hari itu, saya ada terbaca surat khabar, Yang Berhormat Menteri ada membuat cadangan bahawa bomba– SOP nya yang baharu yang saya tengok bila hendak pergi buat memberi bantuan, mereka kena rujuk dahulu kepada PBT. Adakah ini dasar baharu yang akan dilaksanakan oleh bomba, terpaksa rujuk PBT dulu sebelum pergi menyelamatkan?

■1730

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Apa yang rujuk PBT itu adalah melihat kepada keadaan. Keadaan macam banjir, dah hujan, dah malam, dah apa semuanya, mungkin tidak perlukan tindakan *immediately*. Jadi sebelum dia turun ke bawah itu, tidak tahu apa yang ada di bawah air itu, maka elok kalau dapat laporan daripada PBT untuk memastikan mereka tahu apa keadaan dasar longkang itu dan dasar *pond* itu. Jadi, itu kita minta mereka rujuk agar untuk memberikan sedikit maklumat agar mereka tahu apakah SOP yang boleh dilaksanakan dalam keadaan-keadaan tertentu.

So, untuk kes Muhammad Adib dan ada juga yang tadi Yang Berhormat Pengerang juga bertanya, yang lain-lain juga bertanya fasal insurans. Memang, bomba ada insurans. Ada tiga jenis insurans berbentuk koperasi, persatuan dan juga *personal insurance*. Ada. Jadi, mereka ini *discover* oleh skim-skim insurans yang boleh membantu mereka apabila ada kemalangan dan sebagainya.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Untuk penggajian anggota bomba, memang setiap perjawatan itu dia ada dia punya ranking. Dia bertepatan dengan *have to commensurate* dengan *qualification* dengan dia punya kerja. Jadi, memang saya tengah masih cuba lagi untuk mendapatkan kelulusan elaun kritikal yang telah patut April dahulu kita janjikan untuk diberikan oleh kerajaan yang lama. Saya juga terus mengangkatnya kerana saya rasa memang patutlah anggota bomba ini diberikan *critical allowance* di atas kerja mereka yang sangat berbahaya dan sebagainya. So, masih lagi dalam peringkat JPA yang hendak menyemak semula keseluruhan perjawatan dan sebagainya yang saya kira tidak juga bertepatan dan *insya-Allah* akan saya bangkitkan lagi agar anggota bomba ini diberikan perhatian yang khusus dan istimewa agar mereka dapat *critical allowance* mereka.

Untuk program-program pencegahan kebakaran dan kesedaran awam mengenai api dan kebakaran, di bawah Dasar Komuniti Negara yang telah dirancang oleh KPKT, termasuk program-program bagaimana hendak mencegah kebakaran terutamanya, kita buat kursus-kursus ataupun taklimat-taklimat kepada ibu-ibu yang duduk di rumah yang selalu berada di dapur. KPKT juga menggalakkan agar ramai lagi wanita menganggotai pasukan bomba ini kerana apabila memberi taklimat ataupun penerangan kepada ibu-ibu, perlukan anggota wanita bomba untuk memberikan mereka kesedaran dan juga mengajar mereka bagaimana untuk

memadamkan api apabila terjadi di dapur atau di rumah mereka. Jadi, ini satu keperluan yang kita sudah sediakan di bawah Dasar Komuniti Negara di bawah Program Mendayakan Komuniti.

Cadangan tadi untuk kenderaan tadi, *dashcam* tadi. Saya ingat siapa cadang? Yang Berhormat Parit Sulong ya? Saya ingat satu cadangan yang baik, *insya-Allah* kita akan cuba *incorporate that. I think* tidak menjadi belanja yang besar, *just to incorporate* dalam kita punya *vehicles* atau kenderaan kita untuk kita dapat merekodkan sekiranya terjadi kejadian-kejadian seperti di Subang hari itu ya.

Aset bomba ada diminta oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada kawasan pedalaman terutamanya Sabah dan Sarawak. Saya mencadangkan agar mereka membentuk banyak lagi bomba sukarelawan. Bomba sukarelawan ini dilengkapi dengan perkakas asas dan juga latihan. So saya juga faham tentang jalan, *fire engine* yang besar, Yang Berhormat Sibu tadi sebut. Memang saya faham setelah dibangkitkan kepada saya, cuma kita tengah memikirkan untuk membelikan unit-unit yang lebih kecil, memang dalam pertimbangan. Cuma bila hendak beli itu, satu perkara yang kita lihat dalam bajet. Akan tetapi untuk mengatasi *immediately*, sekurang-kurangnya adalah kita membentuk pasukan-pasukan bomba di kawasan-kawasan rumah panjang ini.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat semua tadi, aset-aset yang kita ada *alhamdulillah*, dalam keadaan yang elok. Kebetulan tadi saya baru *test drive* AW186, helikopter tadi. Naik daripada Subang, turun di Kuala Lumpur Hospital. *New unit* yang *16 seaters, very big, alhamdulillah comfortable and insya-Allah safe*. Daripada Itali.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *Make sure you are safe.*

Puan Zuraida binti Kamaruddin: *Alhamdulillah. So, I got –* saya cuba tadi dan *insya-Allah* dengan ada penambahan aset seperti ini akan dapat lagi meningkatkan lagi usaha pasukan bomba untuk memberikan khidmat yang lebih baik kepada rakyat Malaysia...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Menteri, sedikit.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Dalam insiden-insiden kecemasan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kangar, silakan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Masa bahas belanjawan hari itu, saya ada tanyakan satu soalan tetapi saya tidak dapat jawapan sebab dihantar ke kursus di luar negara. Saya hendak tanya fasal pili bomba, macam di Perlis ini banyak masalah air. Ada suatu kes kebakaran di Perlis ini bomba datang, air tidak ada dekat paip. Jadi, adakah bomba akan buat semakan di pili-pili supaya masalah tidak berlaku lagi?

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Sebenarnya saya ada jawab soalan itu walaupun Yang Berhormat Alor Setar tak ada. Akan tetapi tak apa, saya *repeat* balik. Mungkin Yang Berhormat Alor Setar tak ada masa nak tengok *Hansard*. Okey.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kangar. Yang Berhormat Kangar.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: *Sorry.* Yang Berhormat Kangar tak ada masa untuk *Hansard*. Jadi sebenarnya, ada SOP dia. Pili-pili ini harus patut disemak ataupun *diinspect*...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Diselia.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: *[Ketawa]* Diperiksa dalam jangka masa tak silap saya, sebulan sekali. Kita juga ada bomba sukarelawan yang telah kita juga menugaskan mereka untuk memeriksa pili-pili ini. Akan tetapi namun demikian, saya faham juga apa yang Yang Berhormat Kangar sebut kerana saya juga dalam kawasan saya dahulu sebelum kita ambil alih kerajaan ini, memang terjadi pili-pili bomba yang tidak ada air. Kita buka tidak ada air. Jadi saya sudah memang tekankan kepada pasukan bomba bahawa *please*, pastikan kita periksa pili-pili bomba ini agar tidak ada kejadian sedemikian.

Jadi, kita prihatin tentang isu ini. *Insya-Allah. All right.* Itu bomba. Saya pada keseluruhannya, saya tidak *go detail*. Akan tetapi kalau yang bertanya dekat mana balai bomba hendak dibuat, ada di sini jawapan-jawapannya. Akan tetapi saya tidak berhasrat untuk membaca satu persatu kerana saya hendak menjawab isu-isu yang ada persamaan agar dapat semua kongsi maklumat yang saya boleh berikan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Boleh beri bertulis.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Ya, itu semua sudah bertulis. Ada Tuan Pengerusi. Semua sudah sedia di sini, cuma nak diedarkan. Cuma kalau tidak silap saya, ada sebanyak dalam 17 balai bomba baharu yang akan dibina seluruh negara berperingkat-peringkat, penyelenggaraan dan sebagainya. Jadi senarai itu *insya-Allah* saya akan berikan kepada mereka yang terlibat, yang menanyakan tentang pembinaan balai bomba di kawasan masing-masing.

Seterusnya, saya akan menyentuh tentang kerajaan tempatan. Tadi ada beberapa yang menyebutkan tentang proses untuk mendapatkan projek-projek kecil, BP1 - Penglipur lara dah masuk, tetapi penglipur lara tak dengar jawapan. Terima kasih. Sila duduk. *[Ketawa]*

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat, ada soalan tadi yang belum dijawab iaitu berkaitan dengan bila elaun akan dibayar dengan kenaikan pangkat. Itu sangat ditunggu oleh anggota bomba kita di bawah.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: *Allowance* itu masih lagi saya perjuangkan lagi untuk diluluskan di peringkat Kabinet kerana waktu bulan Mei saya dilantik sebagai Menteri, saya sudah masukkan *first paper*. Saya punya *paper* pertama dalam Kabinet, itulah *paper* untuk mendapatkan *critical allowance* untuk kepada pegawai bomba. Akan tetapi malangnya kerana peringkat JPA hendak melihatnya dengan secara lebih keseluruhan dari segi perjawatan, pangkat dan sebagainya, satu tugas yang sangat *complicated* pada saya.

Namun demikian, saya akan minta lagi sekali agar dikhaskan untuk diluluskan untuk anggota bomba sahaja. So, kenaikan pangkat itu juga sama. Dia ada sistem dia yang harus mereka ikut yang juga sangat rumit dan *complicated*. Kalau latar belakang saya sebagai orang korporat, pada saya itu memang sangat leceh dan sangat merumitkan. Akan tetapi apakan daya, itulah sistem yang ada. Akan tetapi walau bagaimanapun, kalau ada peluang untuk kita memperbaikinya untuk *simplify*kannya, *insya-Allah* kita akan cuba sebaik mungkin.

Kerajaan tempatan, mengenai projek-projek kecil dan BP1. Saya memang minta berharap kerana projek-projek kecil ini prosesnya adalah melalui ADUN-ADUN, Ahli Parlimen

yang menulis kepada YDP-YDP ataupun Datuk Bandar-Datuk Bandar di kawasan masing-masing. PBT kawasan masing-masing akan menyenaraikan dan akan menyemak. Kadang-kadang di peringkat PBT juga mereka akan menapis dan memberi prioriti, *prioritization*, keutamaan kepada projek-projek tertentu dan mereka akan *submit* atau serahkan kepada KPKT. Sekarang ini untuk tahun 2019, prosesnya sedang berlaku di mana semua negeri-negeri dipanggil satu-persatu oleh Pengarah Kerajaan Tempatan untuk mendengar pembentangan projek-projek kecil yang diminta untuk tahun 2019. Di situ, kita akan lihat prioritinya dan keutamaannya untuk projek-projek untuk dilaksanakan.

■1740

Saya juga minta kerana hari itu pihak pembangkang minta agar dijemput untuk mesyuarat-mesyuarat majlis, saya sudah keluaran surat kepada semua Menteri Besar di bawah semua negeri untuk menjemput Ahli-ahli Parlimen untuk dapat hadir dalam mesyuarat *full council* dalam PBT. Akan tetapi, saya juga berharap negeri-negeri yang bukan di bawah Pakatan Harapan, Ahli-ahli Parlimen yang dari negeri-negeri bukan Pakatan Harapan seperti Perlis, Kelantan, Terengganu, Sarawak dan juga Pahang agar dapat bekerjasama memberitahu Menteri Besar masing-masing untuk menjemput Ahli Parlimen daripada pihak PH untuk turut hadir juga. Ini kerana kita telah menunjukkan semangat *federalism*. Jadi, maka kita juga minta ada *reciprocity* daripada kerajaan negeri pembangkang.

Jadi, kalau boleh Ahli-ahli Parlimen main peranan lagi bagus. Panggil semua ADUN-ADUN duduk berbincang, apakah projek dalam kawasan masing-masing, apakah prioritinya dan ia boleh diseragamkan. So, inilah semangat Kerajaan Pakatan Harapan dan semangat *federalism* yang kita hendak cuba terapkan kepada kerajaan yang baharu.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Sik mohon sedikit.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Saya hendak respons mesyuarat *pre-council* di peringkat kerajaan tempatan. Kami di Kedah juga tidak dijemput daripada pembangkang. Jadi, mohon pertimbangan Kerajaan Pusat untuk memberitahu Kerajaan Negeri Kedah. Terima kasih.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Kalau saya tidak salah, mesyuarat *council* PBT ini diadakan— *full council* ini sebulan sekali. So, jadi mungkin surat untuk bulan yang *existing* ini yang sekarang ini mungkin sudah lepas, bulan lepas. Mungkin bulan 12 akan dijemput oleh PBT masing-masing untuk menjemput MP untuk hadir dalam mesyuarat *full council*.

Yes, Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Menteri. Saya hendak dapat pengesahan betul dalam Dewan ini lah, bilakah berkuat kuasa mesyuarat *council* ini dipanggil MP? Saya Kuala Selangor, Menteri Kesihatan pun Kuala Selangor. Saya tidak pernah dijemput. Tidak tahu lah kalau Menteri Kesihatan dijemput untuk hadir dalam mesyuarat Majlis Daerah Kuala Selangor. Saya tidak pernah dijemput. Jadi saya hendak dapat ini supaya— saya hendak tanya Majlis Daerah Kuala Selangor ini, mengapa tidak jemput saya sebagai Ahli Parlimen?

Puan Zuraida binti Kamaruddin: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*
...Dikeluarkan waktu saya menjawab soalan ketika sesi ini. Awal daripada sesi Parlimen ini ada soalan itu dan saya telah minta pengarah untuk menghantar surat dan surat semua sudah keluar, saya sudah *sign*. Saya ingat sudah keluar. Cuba tunggulah. Kalau tidak dapat jemputan, saya rasa sebagai *first year government*, Ahli-ahli Parlimen dalam Dewan ini berhak untuk hadir mesyuarat itu. Tidak payah dipanggil pun berhak. Yes, berhak. Berhak untuk mendengar ya. Akan tetapi, kalau kena halau, *report* pada saya. Nanti saya kasi. *[Ketawa]*

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Dipanggil ya. Tetapi kalau sudah masuk itu, jangan lebih-lebih pula cerita. *[Dewan ketawa]*

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Yang Berhormat Menteri, Tangga Batu hendak...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Tangga Batu hendak mencelah.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Ya, siapa? Okey, okey.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Tentang kerajaan tempatan, kalau kita lihat Butiran 020100 dan juga tentang penyelenggaraan, kerajaan tempatan saya nampak berkurang dia punya peruntukan daripada RM50,316,000 kepada RM47,623,000. Sedangkan sekarang apabila penyelenggaraan macam di kawasan saya tepi laut dan juga kawasan banyak pokok-pokok yang besar yang mana boleh menghempap rumah-rumah penghuni ataupun penduduk kampung, jadi apabila kita panggil ataupun bila kita hendak buat gotong-royong, hendak potong pokok itu pun sampai kadang-kadang RM3,000 atau RM4,000, jadi kadang-kadang selalu majlis kata tidak ada duit. Jadi saya harap peruntukan untuk perkara-perkara ini dapat ditingkatkan.

Begitu juga dengan penyelenggaraan dan pemuliharaan. Daripada RM30 juta, diturunkan kepada RM10 juta. Jadi saya harap dapat ditingkatkan lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Ya, sila Menteri. Ada tiga minit 15 saat.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Okey, dari segi kerajaan tempatan tadi, saya telah merumuskan di sana bahawa projek kecil kita minta Ahli-ahli Parlimen dan ADUN bekerjasama memohon permohonan peruntukan daripada kerajaan tempatan yang akan menyerahkan kepada KPKT untuk itu.

Jadi untuk projek kecil-kecil tentang tandaslah tadi, lampu-lampu lah apa semua, *insya-Allah*, kita akan jawab secara bertulis kepada siapa-siapa yang telah membangkitkan. Walaupun Yang Berhormat Tangga Batu tadi tidak terlibat dalam perbahasan, *insya-Allah*, kita akan juga jawab.

Perkara yang baru saya hendak sentuh untuk makluman semua sebab banyak yang tanya juga ialah tentang Kampung Baru ini. Mungkin ada silap sedikit daripada Yang Berhormat Kemaman kah tadi atau Yang Berhormat Setiu kah yang tanya. Bahawa Kampung Baru ini

sebenarnya ialah Kampung Baru Cina untuk masyarakat Cina. Bukan kampung baru tradisi atau kampung-kampung yang baru dibentuk— bukan. Namanya ditulis Kampung Baru tetapi— sebab itu kementerian tengah memikirkan satu nama yang lebih sesuai agar tidak ada *complication* atau tidak ada kekeliruan dari segi Kampung Baru yang baru dipulangkan kepada KPKT. Sebelum ini ia di bawah Jabatan Perdana Menteri dan untuk tahun 2019, dia diletakkan di bawah KPKT.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Tuan Pengerusi, sedikit.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Kuala Krai. Pendek saja.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Saya ingat saya yang ada bangkitkan isu Kampung Baru tadi. Sebab itu saya cadangkan supaya ada satu mekanisme yang difikirkan oleh pihak kementerian supaya Kampung Baru lain, selain daripada Kampung Baru yang disebut oleh Menteri tadi. Juga ada peruntukan khusus yang disediakan oleh pihak kementerian.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Yang Berhormat Kuala Krai, untuk kampung-kampung, itu Menteri Luar Bandar. Jadi, *insya-Allah*, bolehlah kemudian lain kali boleh saya tuliskan soalan itu dan beri kepada Menteri Luar Bandar untuk jawab secara bertulis dan sebagainya.

Jadi, Kampung Baru, kita maksudkan adalah Kampung Baru untuk masyarakat Cina yang diperuntukkan RM85.5 juta. Lantikan ini, *insya-Allah*, Yang Berhormat Kota Melaka kah tadi yang sebut tanya, lantikan ini akan bermula pada tahun 2019. Jawatan mereka adalah jawatan PKP, Pegawai Khas Kawasan Kampung Baru ini. Yang MPKK itu dilantik oleh peringkat kerajaan negeri. Macam ketua kampung lah. Ketua kampung tradisi dilantik oleh kerajaan negeri. Kerajaan Pusat lantik penghulu. Ini macam itulah juga. Kampung-kampung Cina di kawasan-kawasan negeri dilantik oleh kerajaan negeri. Yang dilantik *Federal* ini sekarang adalah penghulu Cina, saya cakap. Jadi mudah faham ya, Penghulu Kampung Cina oleh KPKT. So, ada dalam 65 perjawatan itu yang kita ikut zon yang bersama kita itu.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Yang Berhormat Menteri, boleh tanya tak?

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Siapa?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Beaufort sini.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Sini Beaufort.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Yang Berhormat Beaufort ya.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Tadi ini bercakap Kampung Baru Cina. Saya perhatikan dalam itu tidak ada peruntukan untuk kampung tradisi dalam bandar. Adakah ini sudah tidak lagi diberikan oleh kementerian?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Beaufort.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Kampung tradisi dalam bandar di bawah urusan Menteri Luar Bandar bawah Ketua Kampung. Dia ada *overlap* di situ. Kawasan saya pun sama. Kawasan saya Ampang, saya ada ketua kampung dan di bawah kawasan PBT juga dia ahli majlis. Ada yang *overlap*. Jadi dia dapat dua peruntukan. Satu daripada kampung dan satu daripada PBT. Jadi, itu kalau kampung khususnya boleh ditujukan kepada Kementerian Luar Bandar. Itu untuk Kampung Baru. Sebab ini adalah perkara baru, tugas baru yang diberikan kepada KPKT, jadi saya hendak jawab juga untuk pengetahuan semua Ahli Yang Berhormat ya.

Untuk beberapa perkara mengenai sisa pepejal, saya ingat satu perkara yang penting juga. Beri saya masa sedikit.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tambah masa sedikit. Yang lain Menteri buat jawapan bertulis.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Okey, sedikit. Okey, sisa pepejal ini memang...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Menteri, Rasah.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Rasah belakang itu.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Menteri, tadi yang bangkitkan fasal yang penghulu Cina itu, saya yang bangkitkan. Bersangkutan dengan MPKK ini, macam mana dengan peruntukan yang RM85.5 juta itu? Macam mana agihan dia? Apakah dia sama macam kampung tradisi? Terima kasih.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Kampung tradisi memperuntukkan satu ketua kampung dengan RM10,000. Akan tetapi, di bawah Kampung Baru ini, kita akan meluluskan permohonan berdasarkan projek, projek basis ya.

Mengenai sisa pepejal, memang KPKT telah membuat satu pengumuman bahawa dalam masa dua tahun kita cuba untuk menggunakan sistem pelupusan yang lebih *advance* agar ia lebih bersih dan sebagainya.

Jadi kepada WTE— kerana bila disebut perkataan yang *incinerator* ini, dia kadang *consider* dia macam perkataan yang kurang sesuai. Jadi, akan membuat persepsi yang negatif. Jadi, kita menggunakan WTE yang mana *waste* ini, *insya-Allah*, akan dijadikan *energy*, gas ataupun *electricity* ya. Ataupun jadi baja juga. So, jadi dalam sisa pepejal ini kita punya program kitar semula, tadi ada yang menanyakan 1 Disember yang lepas, KPKT baru membuat sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan di Ecopark di Lembah Pantai.

■1750

Jadi tahap yang telah kita capai untuk kitar semula ada 27 peratus. Kita harap *by* hujung tahun ini, 30 peratus akan dapat kita capai. Namun demikian, saya setujulah tadi ada beberapa Ahli Yang Berhormat yang menyebut bahawa ramai lagi rakyat kita yang masih lagi tidak pandai buang sampah ke dalam tong sampah. Jadi, memang kita buat program di bawah KPKT di bawah Dasar Komuniti Negara yang mana kita masukkan elemen ini agar pembudayaan untuk membuang sampah dalam tong sampah dan mengasingkan sampah dapat diamalkan terutamanya di kalangan penduduk-penduduk flat B40. Program-program mendayakan komuniti termasuklah program-program pengurusan sampah di kawasan-kawasan rumah flat B40 ini.

Negeri-negeri yang tidak menandatangani 673 pun *insya-Allah* kita akan melihatkannya asalkan— Ada yang tanya tadi tentang kos dan sebagainya. Pendirian KPKT adalah, selagi ia tidak menambahkan bebanan kewangan kepada kerajaan dan KPKT melaksanakannya dengan cara kreatif dan inovatif menggunakan bajet yang ada, ini tidak menjadi masalah untuk kita melaksanakan WTE ini di negeri-negeri seluruh negara.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Yang Berhormat Menteri? Sikit?

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Ya.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Lipis.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Lipis. Pantas.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Saya tadi ada bertanya soal sisa pepejal yang sangat jauh dihantar daripada Cameron Highlands ke Lipis. Itu saya takut Yang Berhormat Menteri tidak jawab. Oleh sebab, jaraknya sangat jauh dihantar ke kampung saya pula di Lipis. Bukan Parlimen Lipis, kampung saya sendiri.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Kampung Yang Berhormat Lipis memang agaknya *special*, sampah boleh bau pergi ke sana. Okey, *anyway*— Saya— jawapan bertulis ada. Cuma, saya pun faham kes ini. Kes ini adalah apabila insiden hari itu yang diletakkan di Cameron Highlands tidak berfungsi dan seperti apa yang dijanjikan, maka terpaksa mengalihkan sampah daripada Cameron Highlands ke Lipis. Tidak tahulah pergi ke kampung Yang Berhormat Lipis. Jadi, *insya-Allah* kita dalam proses untuk menguruskan sisa-sisa sampah daripada Cameron Highlands untuk diuruskan di kawasan Cameron Highlands itu juga.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Sudah empat tahun tu, Yang Berhormat Menteri.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Ya, betul. Betul. Saya pun terkejut.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Cameron Highlands tidak ada tempat untuk buangkan?

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Saya masuk baru tujuh bulan, saya kata kenapa sudah empat tahun baru sekarang mahu cakap? Saya pun terkejut.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Eh! Bukan sekarang. Saya sudah bercakap.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Ya, tidak apa. Bukan *you* nak cakap. Maksudnya itu laporan yang saya dapat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Saya dengar. Saya mendengar. Jawapan dia sama.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: *No, no*. Bukan saya punya maksud *you* mahu cakap, maksud saya laporan yang saya dapat. Jadi, kenapa tidak kita bertindak ketika dia tidak berfungsi?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Yes.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Jadi, *insya-Allah* kita telah menguruskannya.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Saya rasa lepas Ringlet itu banyak curam yang boleh buang sebenarnya. Selepas Ringlet hendak sampai ke Koyan, Lipis itu banyak curam-curam yang boleh buang. Akan tetapi, antara kampung saya yang dipilih.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Okeylah, dia sayang dengan Lipis sampah itu.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Saya tak sayang, Yang Berhormat Menteri.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Okey, okey. Saya masih lagi...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Siapa sayang sampah ini, saya hairanlah Yang Berhormat Menteri...

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Jadi, *insya-Allah* jawapan yang...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Menteri akan ambil perhatian.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Jawapan yang lebih *detail— I know about it. The story* saya tahu, cuma *detail* itu nanti berikan secara bertulis ya.

Okey, selain daripada itu saya ingat ada lagi perkara-perkara seperti tribunal, seperti pajak gadai, peminjam wang tadi. Cuma pajak gadai itu tadi penglipur lara sebut tadi kan? Yang Berhormat Arau sebut fasal pajak gadai ini, memang kita ada SOP. Dia ada dia punya syarat-syarat dan sebagainya. Ketat. Akan tetapi, apabila ada orang yang salah gunakannya menjadikan dia sebagai along, itu satu perkara yang harus diambil tindakan.

Bagi pihak KPKT, kalau tidak ada laporan daripada syarikat-syarikat yang kita telah berikan lesen, maka kita tidak boleh buat tindakan. Akan tetapi saya juga memikirkan tentang mungkin kena tukarlah nama lesen peminjam wang ini. Kalau bank pun peminjam wang tetapi orang tak kata dia along. Akan tetapi bila lesen peminjam wang ini, bila ada seperti itu, dia katakan along. Jadi, kena betulkanlah nama ni agar persepsinya tidak salah bila peminjam wang ini yang kita berikan lesen dianggap sebagai along. Ini satu perkara.

Then, cadangan daripada Yang Berhormat Rantau Panjang tadi, tentang sistem Islam itu akan kita lihat. Saya rasa kita pakai *conventional*. So, *insya-Allah* kita akan teliti dan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Arau.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: ...Cuba untuk diperhalusi dan tukarkan sedikit syarat-syarat itu atas...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ingat masa sudah habis Yang Berhormat Arau.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Ya, Yang Berhormat Arau. Tidak payahlah Yang Berhormat Arau, penglipur lara.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya mahu tanya kepada Yang Berhormat Menteri Penglipur Lara ini.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Okey, so...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Menteri ini, Menteri sunah.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Akhir sekali...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sebab dia panggil saya begitu, saya akan panggil dia Menteri Penglipur Lara.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Okey, okey, ya?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sambung lima tahun saya akan panggil ya.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Menteri, tadi saya tidak sempat masuk sebab kita menguruskan kita dengan Allah Taala.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Ya, semua orang pun ingat macam itu. Bukan Yang Berhormat Arau seorang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi saya minta Yang Berhormat Menteri tidak jawab ini, tentang bomba tadi. Saya minta jawapan secara bertulis. Pertama, apa SOP yang kita pakai sehingga anggota bomba sendiri mendapatkan kecederaan?

Kedua, apakah SOP yang kita pakai sehingga orang awam mendapatkan kecederaan? Yang Berhormat Menteri tidak dimasukkan di dalam Parlimen tetapi saya hendak beritahu ada kes yang melibatkan kematian orang awam apabila orang awam tidak pakai *life jacket*, kita tekan bot masuk gear empat terus, jadi akhirnya berlaku kemalangan sehingga menyebabkan kematian.

Jadi, saya hendak supaya SOP ini mesti mantap, tetap dan dipatuhi...

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Okey, Yang Berhormat Arau...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Supaya tidak akan berlaku kecederaan kepada diri...

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Yang Berhormat Arau. Okey, Yang Berhormat Arau...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Menteri?

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Saya faham. Saya faham.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Belum, belum.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: So...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Menteri, sebagai penglipur lara dengar bagi habis dulu.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: So, masa— Penglipur lara di sana...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dengar bagi elok-elok...

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Dah cukup dah. Dua soalan itu saya sudah dengar.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sudah. Sudah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terlalu ramai Menteri Penglipur Lara di sana. Jadi, Yang Berhormat Menteri saya tidak mahu masuk dalam senarai itu. Kalau tidak,

mahu masuk dalam senarai Yang Berhormat Menteri tanya seluruh Malaysia, sedang melihat penglipurlaraan sedang berlaku.

Kedua, ini tentang PR1MA tadi. Yang Berhormat Menteri, tiap-tiap pengurangan berlaku kalau RM10 juta, RM20 juta tidak apa. Akan tetapi kalau sampai RM400 juta daripada RM500 juta ini adalah sesuatu yang luar biasa yang tidak patut berlaku. Kita...

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Tuan Pengerusi, saya sudah jawab soalan itu semua tetapi Yang Berhormat Arau tidak dengar. Yang Berhormat Arau tidak ada. Saya sudah jawab dah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: RM8 bilion, sekarang ini...

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Boleh beri saya masa lagi empat minit saya pun kena juga kena ada tugas hendak hantar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jawab bertulis, jawab bertulis.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Sudah, sudah, sudah jawab.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Menteri, *don't worry*. Jawapan Yang Berhormat Menteri menghiburkan kami..

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Saya sudah tulis dah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, melibatkan pelancongan...
[Pembesar suara dimatikan]

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Cuma Yang Berhormat Arau tidak ada di dalam Dewan tetapi apa yang Yang Berhormat Arau sebut SOP itu saya— ingatkan saya, *insya-Allah* saya akan pertimbangkan kerana SOP semua ada, penguatkuasaan kita yang lemah. Penguatkuasaan kita— Naik feri kena pakai *life jacket* tetapi tidak ada penguatkuasaan yang ketat dan tindakan yang ketat. Jadi, sekarang di peringkat kerajaan tempatan apa yang kita kena *emphasize* adalah untuk penguatkuasaan itu agar dilaksanakan dengan sebaik-baiknya, mengikut SOP.

Kalau tidak, selagi kita tidak ikut penguatkuasaan yang lemah, tidak guna kita ada undang-undang. Tidak guna kita ada akta. Tidak guna kita ada panduan. Tidak guna kita ada *guideline*. Jadi, inilah yang kita cuba di bawah kerajaan baharu ini, untuk memperkukuhkan lagi penguatkuasaan di semua peringkat. Ini barulah boleh kita menjayakan sebuah negara yang lebih maju.

Jadi, akhir sekali saya nak sentuh sikit...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi? Tuan Pengerusi, yang berlaku ini semasa kerajaan baharu.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Ya, tetapi SOP itu dari zaman Tok Adam!

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, tetapi kes daripada zaman— Yang Berhormat Menteri...

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Okey, okey.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Zaman Tok Adam, zaman Tok Adam tidak berlaku.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: *Alright.* Okey, tak apa, tak apa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Zaman Yang Berhormat Menteri yang berlaku.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Penglipur lara yang betullah ni. Penglipur lara betullah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Zaman Tok Hawa yang berlaku.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Okey. *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, Yang Berhormat boleh meneruskan jawapan untuk menghiburkan kami. Ya, semua Menteri-menteri penglipur lara jawablah dengan baik.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Okey, betul. Ya, ialah...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Menteri ini sunah, mulut itu yang tidak sunah. Lain kali bagi cakap elok.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Jawab betul, betul. Bukan isu tidak sunah kah sunah. Jawapan itu kena tepat dan kena ikhlas, yang jujur dan yang betul. Bukan bohong dan bukan menipu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Menteri... *[Pembesar suara dimatikan]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak apa Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau. Duduk. Duduk. Tidak apa. Baik, terima kasih Yang Berhormat Arau.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Akhir sekali, saya mahu menyambut tentang saranan daripada Yang Berhormat Kota Tinggi tadi. Saya pun *alhamdulillah* Yang Berhormat Kota Tinggi amat memerhatikan kerja saya. *Alhamdulillah.* Harap Yang Berhormat Kota Tinggi juga boleh membantu memberikan cadangan-cadangan yang mungkin dulu tidak dapat dilaksanakan tetapi juga yang baik, tidak menjadi masalah untuk kita meneruskannya.

Jadi, kuota 30 peratus wanita di peringkat kaunselor *insya-Allah* kita akan cuba laksanakan di semua negeri dan dalam masa dua tahun juga. Ini kerana adalah lantikan politik. So lantikan politik, ahli politik yang ada dalam Kerajaan Pakatan Harapan dan juga pembangkang saya harap boleh melaksanakan 30 peratus itu untuk wanita. Ini kerana ia menyempurnakan lagi pembangunan negara apabila ada pandangan-pandangan daripada orang perempuan dan juga yang memainkan peranan dalam pembangunan negara sebagai 50 peratus rakyat Malaysia. Saya berharap semua negeri prihatin tentang ini.

Di peringkat KPKT juga, Yang Berhormat Kota Tinggi, di peringkat— *Alhamdulillah* pegawai-pegawai KPKT juga sangat peka dengan saya. Apabila hendak buat lantikan, dia pastikan cari orang perempuan dahulu. Kalau tidak ada yang berkelayakan, baru kita boleh tentukannya. Ini kerana kuota orang perempuan masih lagi sangat rendah, sangat kurang. *Even* di peringkat *board of directors* juga, saya akan pastikan ada perwakilan orang perempuan dalam BOD di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kita akan cuba sedaya mungkin untuk

mengangkat martabat orang perempuan yang telah berkeupayaan untuk melaksanakan tugas dalam pembangunan negara.

Akhir sekali, saya ucapkan terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa KPKT. Apa yang saya hendak sebutkan tadi, waktu yang kami di sana, kami bercakap perkara yang sama. Apabila yang sini pergi ke sana, cakap perkara yang sama juga.

■1800

So, itulah penglipur lara dia Yang Berhormat Arau. So, jadi...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi, saya minta penglipur lara saya ini...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Menteri, yang projek terbengkalai itu dah jawab dah?

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Ya?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:...tidak perlu ulang-ulanglah, jawab cara serius.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya beri kebenaran kepada Yang Berhormat Tanjong Karang. Sila Yang Berhormat Tanjong Karang. Sekejap, sekejap.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Sikit Yang Berhormat Tanjong Karang *because* saya sudah...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Projek terbengkalai.

Puan Zuraida binti Kamaruddin:...hendak gulung. Ya?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Projek terbengkalai itu, adakah ada peruntukan dan akan dilaksanakan di Kampar juga di Selayang ini?

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Masih lagi ada dalam itu – tetapi saya tidak *sure which heading*. Memang masih lagi diteruskan dalam – di antara salah satu perkara yang cuba kita hendak *segmentize*kan program terbengkalai ini yang mana tidak teruk sangat mungkin kita boleh teruskan dan untuk menambahkan unit-unit rumah yang kita harus bina. Jadi, itu memang masih lagi dalam itu.

Jadi akhir sekali kita pun – saya juga berharap KPKT amat terima kasih kepada kerajaan yang baharu ini kerana dalam pengagihan bajet yang dibuat untuk tahun 2019, KPKT bajetnya amat cantik 50– 50 *percent* dari segi pengurusan dan pembangunan. So, ini satu agihan yang sangat *balance* yang membolehkan KPKT untuk meneruskan program-program dan juga memberikan khidmat kepada kawasan-kawasan PBT terutamanya.

Jadi, walaupun mungkin wangnya tidak berapa tetapi kita berpendirian bahawa kita cuba. Apakah cabarannya? Adalah kebolehan kita untuk menggunakan wang yang ada sebaik mungkin untuk melaksanakan program-program dan tugas-tugasan. Kita mengawal pengendalian kewangan agar tidak ada ketirisan, tidak ada kebocoran dan tidak ada rasuah. Agar kita dapat

melaksanakan tugas dengan baik, dengan wang yang sedikit kita mampu untuk melaksanakan banyak program yang telah disusun. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih penglipur lara.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, telah menjawab semua perbincangan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM2,434,341,300 untuk Maksud B.43 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM2,434,341,300 untuk Maksud B.43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,392,528,700 untuk Maksud P.43 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2019 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM2,392,528,700 untuk Maksud P.43 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2019]

**Maksud B.42 [Jadual] -
Maksud P.42 [Anggaran Pembangunan 2019] –**

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat, kita berpindah ke kementerian yang ke-18.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kementerian Kesihatan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Arau.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jelutong.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Arau bangun dahulu Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya baca dulu apa tajuknya.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu bangun dahulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kepala Bekalan B.42 dan Kepala Pembangunan P.42 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk di bahas sekarang.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya perlu ambil nama-nama.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Arau.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya akan ambil seimbang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya Araulah, Arau dahulu ya.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Bandar Kuching, Bandar Kuching.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tahu Yang Berhormat Arau telah menulis lebih awal.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, saya sudah hantar pantun tadi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kemudian, saya ambil Yang Berhormat Parit Sulong juga telah menulis.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kedua, saya ambil...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jelutong.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Rasah, Rasah.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya bagi Yang Berhormat Jelutong dahulu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kedua, Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ketiga, Yang Berhormat Pontian. Keempat...

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kuala Kedah.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Yang Berhormat Pontian.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Lima, Setiu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kemudian...

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Beaufort, Beaufort.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Parit Sulong. Yang Berhormat Pontian nombor dua ya. Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Permatang Pauh. Kemudian Yang Berhormat Lipis. Selepas Yang Berhormat Lipis satu lagi saya ambil dahulu.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu, PAS pula.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Bandar Kuching. Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Maran. *[Dewan riuh]*

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Maran tidak ada pun.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Tidak ada Yang Berhormat Maran. Kita orang yang berdiri. Bagi kita yang berdiri ini.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu, PAS

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, saya ambil satu daripada PAS.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa satu, baik. Saya panggil dahulu Yang Berhormat Arau untuk memulakan, 10 minit.

6.04 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, terima kasih. Ya, 10 minit Tuan Pengerusi. Sebenarnya Tuan Pengerusi, saya hendak ucap terima kasih. Parlimen dahulu kadang-kadang kita habis pukul 12, pukul 2, pukul 4 dan sebagainya. Ini kerana kita beri peluang sehabis-habisnya...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...kepada pihak pembangkang untuk berucap apa yang mereka hendak berucap. Selama 10 minit agak terhad tetapi kita akan cuba.

Tuan Pengerusi, yang pertama sekali ialah fasal Butiran 020100 – Pengurusan Perubatan Ibu Pejabat/Negeri dan juga Butiran 022800 – Perubatan Rehabilitasi dan Perubatan Tradisional dan Komplimentari (TCM).

Pertama sekali Tuan Pengerusi, memuji-mujilah saya kepada HKL. Memuji-mujilah saya kepada Hospital Tunku Fauziah (HTF), Kangar kerana telah memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat jelata. Akan tetapi dalam akhir ini Yang Berhormat, kita lihat negeri-negeri ini ia ada kekurangan. Contohnya, macam di Perlis ada kepakaran yang kita terpaksa dapat daripada Penang ataupun daripada Kedah. Jadi saya hendak syorkan satu supaya satu negeri, satu hospital pakar. Hospital yang kepakarannya mencukupi. Kadang-kadang kita ada unit tetapi tidak ada doktor pakar. Jadi kita minta supaya satu negeri satu, ia mempunyai kepakaran yang secukupnya untuk boleh kita rujukkan.

Jadi HTF kita minta supaya dijadikan sebagai hospital yang mempunyai kepakaran penuh dan kita tidak ada masalah untuk terpaksa rujuk kepada Alor Setar, Pulau Pinang dan sebagainya. Di setiap negeri satu, Perlis satu, Kedah satu, Pulau Pinang satu. Ia mempunyai cukup kepakaran yang ia tidak perlu merujuk kepada negeri-negeri yang lain. Saya ingat tidak ada masalah untuk kerajaan berbuat demikian di dalam zaman moden ini dan juga terkini. Jadi saya minta supaya benda ini diberi pertimbangan.

Keduanya, ialah beberapa hospital ataupun unit yang saya rasa perlu diberi perhatian kerana unit tersebut makin bertambah kesibukannya. Contohnya ialah unit neurologi di HKL. Saya rasa unit ini dibuat mungkin sebelum perang dahulu dan sekarang ini masih bertahan pakai kipas, tidak ada *air conditioner* dan sebagainya. Kadang-kadang kita tahu bahawa oleh kerana ramai pesakit dia terpaksa diletakkan di tepi koridor dan sebagainya. Kalau benda ini telah pun dijanjikan untuk dibina wad baharu tetapi kita lihat masih tidak berbuat demikian. Mungkin masalah kewangan dan sebagainya. Inilah masanya kerajaan bagi perhatian yang serius kepada unit yang sekarang ini sudah ada penambahan dari segi pesakit.

Saya tahu benda ini sebab semasa saya diuji oleh Allah SWT selama empat bulan, sakit berhubung dengan saraf, kita dapati— saya tidak pergi ke hospital swasta, saya pergi kepada hospital kerajaan kerana di sini hospital kerajaan ini ialah hospital yang mempunyai kepakaran

yang *100 percent* mencukupi. Doktor pakar lebih ramai di sana. Itu sebab beberapa jenis penyakit kita lebih suka pergi kepada hospital kerajaan. Saya rasa sudah sampai masanya kerajaan membuat banyak hospital baharu dan juga wad baharu supaya kita beri perhatian kepada perkara ini. Saya hendak beri contoh tentang saya sebut *neuro* tadi...

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Bolehkah mencelah Yang Berhormat Arau? Sini belakang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, ya. Belakang silakan.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Beaufort.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, tidak perlu duduk sebab nanti ambil masa.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Bagi sikit sahaja mencelah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sikit...

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Berkaitan dengan pakar, hospital pakar ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Oleh sebab mungkin tidak ada *chance* nanti hendak bercakap. Bolehkah bersetuju Yang Berhormat Arau bagaimana projek yang sudah diluluskan untuk dinaiktarafkan menjadi hospital pakar seperti Hospital Beaufort itu diteruskan pakar *major*. Jangan dibatalkan pula, boleh setuju?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, saya setuju dan ini masuk sebahagian daripada ucapan saya yang cukup hebat pada hari ini ya.

Akan tetapi Tuan Pengerusi elakkan diri menggunakan perkataan penglipur lara sebab penglipur lara ini saya akan tuju khas kepada Timbalan Pengerusi yang seorang lagi dan juga kepada Yang Berhormat Menteri KPKT yang banyak berceles menggunakan perkataan yang sama.

Okey, balik kepada butiran ini semula, saya setuju dengan Yang Berhormat Beaufort. Saya juga minta supaya Hospital Padang Besar yang sekarang ini kita tidak dengar cerita lagi tentang kedudukannya supaya diteruskan. Kita minta supaya apa yang telah dirancang akan diteruskan. Ini kerana dalam bajet ini kalau Tuan Pengerusi tengok buku ia tulis sini, sini ia tulis perkataan tahun 2018. Kemudian tahun 2019, tahun 2019 itu projek baharu. Tahun 2018 itu projek yang telah diluluskan.

■1810

Bagaimana projek yang telah diluluskan, dimasukkan dalam bajet, dimasukkan dalam buku ini dan diluluskan di Parlimen tetapi ada projek yang ditarik balik. Yang Berhormat Jelutong ya, dia tulis tahun 2018 tetapi tiba-tiba bila kerajaan baharu ambil alih, ditarik balik. Tidak boleh tarik sebab telah dimasukkan dalam bajet. Hukum dia haram tarik balik. Kita kena bagi balik apa yang telah diluluskan. Lepas itu buatlah benda yang baharu pada tahun hadapan. Akan tetapi telah dibagi, janganlah difikirkan cara hukuman-hukuman yang tidak wajar untuk memotong perkara yang telah kita luluskan.

Ini Parlimen yang mulia. Bagaimana tempat yang mulia meluluskan sesuatu projek, tiba-tiba kita tarik balik. Tidak boleh tarik balik. Kalau misalnya kita dapati projek tersebut mungkin dibagi secara runding terus, kita hendak buat *open tender* dan kalau undang-undang benarkan, buat. Kami tidak berapa kisah sangat. Apa yang paling penting kami hendak supaya ianya menjadi kenyataan.

Jadi, saya minta unit neurologi diberi perhatian yang serius kerana penyakit yang melibatkan *neuro* ini dia bertambah dari setahun ke setahun. Saya bagi contoh tadi, adalah saya mengalami penyakit *Guillain-Barré syndrome* (GBS) yang melipatkan 400 orang. Allah uji setiap manusia di Malaysia ini ada 400 orang setahun yang diuji dengan penyakit ini dan kami akan dirujuk ke sini. Selepas itu Yang Berhormat, kita akan dirujukkan di Cheras. HRC ini adalah Hospital Rehabilitasi Cheras, adalah hospital yang terbaik di Malaysia. Malah di antara yang terbaik di Asia Tenggara ya, yang terbaik. Saya tidak pernah terfikir untuk pergi ke sana.

Yang Berhormat Port Dickson pernah dirawat di sana dan saya juga berada di sana berbulan-bulan. Ia yang terbaik! Yang Berhormat, yang tercantik! Saya pun terkejut. Saya ingat berada di *Europe* melihat hospital yang begini indah di HRC. Saya masa itu dirawat oleh Doktor Yati, Doktor Yana dan juga Doktor Azahari dan lain-lain doktor yang telah memberi perhatian yang serius kepada semua pesakit. Jarang pesakit yang pergi ke sana pergi tidak boleh berjalan dan sebagainya, dia mesti balik dalam keadaan yang *insya-Allah* sempurna.

Jadi, kita minta supaya HRC begini mungkin hendak buat di setiap negeri agak susah sebab perbelanjaan yang tinggi dan sebagainya. Mungkin ada satu di Sabah, ada satu di Sarawak ataupun ada satu Wilayah Utara, Timur dan sebagainya dan sebagai ketuanya dan induknya ialah HRC. Jadi, kita minta supaya hospital rehabilitasi ini yang mana tiap-tiap negeri dia ada unit fisiologi. Akan tetapi kalau ada hospital yang penuh, sudah pasti ia adalah sesuatu yang menarik untuk diberi perhatian, ya.

Kemudian yang terakhir sekali Tuan Pengerusi, berhubung dengan pengurusan kesihatan awam dan juga pejabat tiap-tiap negeri. Walaupun tajuk ini kadang-kadang bila saya bawa, kadang-kadang orang tidak akan dapat menghayatinya sebab mereka banyak yang tidak baca buku. Tidak baca buku sejarah. Saya sebagai ulat buku, saya baca sejarah dan saya hubung kaitkan dengan benda ini ya. Orang yang duduk di Parlimen ini kita tidak panggil ulat Parlimen, tetapi kita panggil orang yang baca buku itu ulat buku. Manakala yang duduk di Parlimen ini kita panggil orang-orang yang jiwanya setia kepada Parlimen.

Kita tahu bahawa bila kita hendak uruskan kesihatan negeri, sekarang ini kita tahu bahawa penyakit denggi sekarang ini sudah jadi epidemic. Sudah jadi epidemic. Saya rasa hampir tiap-tiap keluarga di Malaysia ini pernah mengalami demam denggi dan ini melibatkan nyamuk. Nyamuk melibatkan *environment*, *environment* melibatkan banyak perkara termasuk hutan. Kita tahu bahawa – saya sering menyebut tentang pembalakan haram dan juga halal yang telah dibuat tanpa SOP akhirnya kesanya ialah kepada alam sekitar. Kesanya ialah kepada penyakit yang berlaku di merata-rata.

Jadi, kita minta supaya di samping– kelmarin kita sebut alam sekitar supaya diberi kuasa bersama untuk menentukan tentang pembalakan, Jabatan Kesihatan ataupun Kementerian Kesihatan juga diambil kira untuk kita merujuk sesuatu perkara sekiranya ia melibatkan *environment* dan sebagainya. Kita kena haramkan pembalakan di seluruh untuk membolehkan alam sekitar yang baik. Bila alam sekitar yang baik penyakit pun kurang dan sebagainya.

Paling akhir sekali Tuan Pengerusi ialah berhubung dengan IJN. Kita minta supaya IJN ini kalau boleh jangan dikurangkan peruntukan dan jangan ada pemikiran-pemikiran untuk IJN ini menjadi taraf yang kedua dan kita bagi perhatian kepada hospital lain. Benda ini telah diketahui dan telah berlaku pada tahun ini kepada IJN di mana peruntukan kurang tetapi diberi perhatian kepada satu hospital lain. Jangan berbuat demikian. IJN sudah *establish* dengan izin, diketahui oleh ramai dan juga seluruh dunia pun merujuk kepada IJN. Kita minta IJN ini diberi taraf yang sewajarnya, tidak dikurangkan peruntukan dan dipastikan ia terus berkhidmat dan memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sebagaimana yang saya sebut tadi yang kedua ialah Yang Berhormat Jelutong. Sila.

6.15 ptg.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya di sini pertamanya ingin memuji Yang Berhormat Menteri dan juga merujuk kepada Butiran 021100 – Oftalmologi, yang mana saya difahamkan bahawa sejak lima bulan ini, perkhidmatan di Jabatan Oftalmologi di Hospital Besar Pulau Pinang telah memberi rawatan kepada pesakit-pesakit khususnya pesara-pesara di mana pembedahan-pembedahan katarak ataupun yang melibatkan Jabatan Oftalmologi ini telah meningkat. Kadangkala saya difahamkan bahawa pembedahan ini juga dibuat pada hari Sabtu. Ini adalah perkara yang telah diberi maklum balas kepada saya berkenaan dengan Hospital Besar Pulau Pinang.

Akan tetapi pada masa yang saya ingin merakamkan keluhan saya dan aduan saya merujuk kepada Butiran 00300 – Kemudahan Hospital, terutamanya hospital-hospital di Pulau Pinang iaitu Hospital Besar Pulau Pinang, Hospital Sebarang Jaya, Hospital Bukit Mertajam dan Hospital Balik Pulau. Rata-rata saya difahamkan bahawa kemudahan-kemudahan di hospital-hospital ini boleh dinaiktarafkan terutamanya berkenaan dengan tempat letak kereta.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua sendiri telah pun menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri di negeri Pulau Pinang. Kita lihat sering kali terdapat aduan daripada pesara yang pergi ke hospital untuk mendapat rawatan di mana terdapat tempat letak kereta yang tidak mencukupi. Saya sendiri ketika menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Seri Delima telah membangkitkan perkara ini. Ketika itu saya difahamkan – Pengarah hospital ketika itu memaklumkan bahawa walaupun permintaan-permintaan telah dibuat kepada Kerajaan Persekutuan ketika itu, namun keluhan dan rintihan permintaan daripada Pengarah hospital dan juga pihak-pihak yang terlibat tidak diberi perhatian.

Di sini perkara ini juga adalah bersangkutan paut dengan satu lagi Butiran iaitu 020300 – Rawatan Kecemasan dan Pesakit Luar. Tuan Pengerusi, kebanyakan penduduk di Pulau Pinang mendapat rawatan daripada rawatan kecemasan dan rawatan pesakit luar. Saya mendapati bahawa masa yang diambil oleh jabatan kecemasan untuk merawat seseorang yang mengalami kemalangan adalah begitu lama. Kalau kita pergi ke Hospital Besar Pulau Pinang – saya juga tidak menyalahkan doktor yang berkhidmat di sana. Memang mereka pun menghadapi kekangan. Kadangkala kita lihat ada juga MO dan juga *houseman* dengan izin Tuan Pengerusi yang terpaksa bertugas untuk waktu yang begitu lama.

Pada masa yang sama kita juga lihat ada pesakit-pesakit yang mengalami kemalangan, patah tangan, berdarah dan sebagainya terlantar di katil di situ lebih kurang lima jam hingga enam jam. Jadi, terdapat keluhan daripada masyarakat. Kadangkala ada yang berada di situ selama lebih kurang lima jam hingga enam jam tidak mendapat rawatan dan membuat pilihan untuk pergi ke hospital swasta. So, ini adalah perkara yang patut diberi perhatian.

Kalau kerajaan dahulu Barisan Nasional langsung tidak memberi perhatian, janganlah kita dahulu menjadi seperti kerajaan dahulu. Ini kerana perkara ini perkara yang memang berlaku. Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang telah menerima aduan, saya sendiri pernah membuat aduan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan dahulu di mana kita telah meminta beliau untuk datang melawat Hospital Besar Pulau Pinang dan melihat sendiri tiap-tiap hari bila ada kemalangan, pesakit-pesakit di situ datang ke wad kecemasan dan terpaksa menunggu untuk masa yang begitu lama.

■1820

Pada masa yang sama, saya juga ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan Butiran 022700 – Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental. Adakah pihak kementerian bercadang untuk juga mendirikan suatu pejabat yang khas untuk memberi kaunseling. Kita lihat sering kali tugas untuk memberi kaunseling ini diserahkan kepada NGO seperti *Befrienders* dan sebagainya.

Sejak kebelakangan ini kita lihat ada banyak juga kejadian-kejadian khususnya di Pulau Pinang — saya rasa Tuan Pengerusi bila kadangkala balik ke Pulau Pinang tahu banyak sangat yang memilih untuk bunuh diri daripada Jambatan Pulau Pinang, pertama. Sekarang sudah lebih mudah ada dua jambatan, tiap-tiap bulan ada kes orang hendak bunuh diri daripada jambatan pertama dan jambatan kedua. Kadangkala ada juga nelayan-nelayan terpaksa bertarung nyawa untuk dengan izin, menyelamatkan mereka.

So, apakah kementerian ingin memberikan perhatian kepada perkara ini. Ini kerana hanya kita memberi rawatan kepada pesakit-pesakit yang sudah pun mengalami sakit mental – tidak mencukupi. Saya rasa adalah juga perlu untuk Kementerian Kesihatan mendirikan jabatan dengan pakar-pakar yang boleh memberi sesi-sesi kaunseling. Jangan hanya menyerahkan tugas ini kepada NGO atau persatuan-persatuan seperti *Befrienders*.

Kita lihat di hospital-hospital swasta terdapat jabatan khusus di mana pakar-pakar kaunseling disediakan untuk memberi kaunseling. Akan tetapi, pada masa yang sama kita harus

mengetahui bahawa orang yang sering kali menghadapi masalah psikiatri ini bukan daripada golongan yang berada Tuan Pengerusi. Saya tidak mahu— jangan salah sangka terhadap saya tetapi yang mengalami tekanan hidup, tekanan masalah kewangan kebanyakannya daripada masyarakat Malaysia yang kurang berkemampuan.

Orang yang berada tidak perlu pergi ke hospital swasta untuk mendapatkan rawatan kerana mereka kurang mengalami masalah ini. Golongan yang mengalami masalah mental adalah kebanyakannya terdiri daripada orang yang kurang berada.

Jadi, kita sebagai kerajaan perlu memastikan bahawa terdapat wad ataupun jabatan yang khas, yang berdedikasi yang berada siap sedia untuk memberi kaunseling. Kalau boleh melalui panggilan telefon. Ini adalah cadangan yang ingin saya utarakan di sini.

Pada masa yang sama, saya ingin tanya kita lihat dalam semua butiran-butiran yang telah dinyatakan daripada muka surat 349 hingga 355 tidak ada sebarang butiran yang dinyatakan untuk memberi rawatan dialisis. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan sama ada hospital kerajaan daripada sekarang mula menyediakan perkhidmatan dialisis? Ini kerana perkhidmatan dialisis ini sering kali disediakan oleh hospital swasta dan juga pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, *non-governmental organization* dengan izin di mana mereka mengenakan bayaran-bayaran yang kadangkala boleh dikatakan tinggi juga.

Jadi, saya di sini ingin menyeru Yang Berhormat Menteri untuk memberi penjelasan. Janganlah kita menjadi seperti kerajaan yang dahulu yang langsung tidak ambil berat tentang kebajikan, kesihatan rakyat Malaysia. Marilah kita menunjukkan perbezaan di dalam mentadbir kerajaan dengan menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan yang kritikal yang diperlukan oleh rakyat kerana kita sekarang diberi amanah dan saya yakin kalau kita memberi, menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan seperti yang telah saya nyatakan tadi.

Pertamanya iaitu unit kaunseling untuk mereka yang menghadapi masalah kesihatan mental. Pada masa yang sama juga menyediakan perkhidmatan dialisis yang juga saya fikir merupakan satu perkara yang makin meningkat. Ramai daripada rakyat di Malaysia yang mengalami kencing manis dan masalah-masalah yang memerlukan perkhidmatan dialisis. Saya rasa kita boleh memberi perhatian kepada perkara-perkara kritikal ini.

Akhir sekali adalah Butiran 022400 – Kardiotorasi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: 35 saat lagi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, saya hanya akan merumuskan dengan mengatakan bahawa di Pulau Pinang dan juga di Hospital Besar Pulau Pinang dan Hospital Besar Bukit Mertajam kalau boleh saya memohon supaya Yang Berhormat Menteri untuk meningkat lagi kemampuan untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat di Pulau Pinang yang mengalami masalah kardio yang kronik supaya ramai lagi yang dapat menjalani pembedahan pada masa yang terdekat.

Tuan Pengerusi, itu adalah pendapat saya, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Jelutong. Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Pontian, kemudian diikuti oleh Yang

Berhormat Kuala Kedah, kemudian Yang Berhormat Parit Sulong dan kemudian Yang Berhormat Permatang Pauh. Terima kasih.

6.25 ptg

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Pertama Pendidikan Kesihatan 2018 – RM41 juta, tahun 2019 diturun kepada RM36 juta. Saya ingin berkongsi kata-kata hikmat. Pertama, *'mencegah lebih baik daripada mengubati'* dengan izin, *prevention is better than cure*. Kedua, *'kesihatan adalah antara rahmat dan nikmat terbesar'*. Ketiga, *'kesihatan selalu ternampak lebih berharga setelah anda kehilangannya.'* Itu ada tiga kata-kata hikmat untuk permulaan ini.

Jadi saya ingin mencadangkan apakah perlu diperbanyakkan kempen-kempen kesihatan Yang Berhormat Menteri terutama menggunakan media sosial kepada mereka umur 30-an, 40-an sebelum terlewat? Apakah program-program baharu yang kementerian bercadang untuk mengingatkan rakyat agar amalan gaya hidup sihat ini dilakukan?

Perkara kedua, pemakanan – RM40.5 juta. Satu lagi saya ingin berkongsi kata-kata hikmat. Pertama, *'di negara susah, rakyat mati sebab tidak makan, di negara kita rakyat, ramai mati kerana terlebih makan.'* Kedua, *'seseorang seharusnya makan untuk hidup, bukan hidup untuk makan'* dengan izin, *one should eat to live and not live to eat*. Kata hikmat ketiga, *'anda adalah apa yang anda makan'*, *you are what you eat*. Itu enam kata-kata hikmat yang saya ingin kongsi pada petang ini.

Saya ingin mencadangkan, perbanyakkan kempen-kempen pemakanan sihat Yang Berhormat Menteri. Tadi perbanyakkan kempen tentang kesihatan. Kali ini kempen pemakanan sihat supaya rakyat tahu tentang pemakanan yang betul agar kesihatan terjaga. Kadang-kadang kita tahu bila sudah terlambat dan untuk kembali sihat bukan mudah dan mahal harganya.

Seterusnya, perkara ketiga kawalan penyakit – RM781 juta. Apakah contoh-contoh kejayaan kawalan penyakit ini? Data-data kita ini selalunya penuh dengan jumlah hospital, jumlah klinik, jumlah doktor, jumlah ubat. Akan tetapi, kita perlu ada perubahan *mindset*, kerangka minda diterajui kementerian, bagaimana untuk mengurangkan jumlah pesakit dan mengurangkan jumlah penyakit. Bukan untuk menambahkan segala-galanya tetapi untuk mengurangkan segala-galanya. Kita perlu proaktif bukan reaktif dalam falsafah untuk menjaga kesihatan rakyat.

Seperkara lagi penyakit-penyakit yang unik di negara ini seperti denggi misalnya. Setakat mana usaha-usaha membanteras membawa kejayaan. Satu lagi penyakit yang unik ialah mengenai salah guna dadah. Setakat mana berkurangan penagihan dadah yang telah kita lakukan.

Perkara keempat yang saya ingin saya nyatakan di sini ialah penyelidikan – RM148 juta. Apakah contoh-contoh kejayaan penyelidikan yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan? Apa yang saya ingin lihat ialah tentang ubat-ubatan. Kita perlu ubat-ubat yang murah pada ketika sama yang berkesan — *effective and affordable* dengan izin.

Jadi, mungkin seseorang itu boleh menjadi usahawan yang ternama dan berjaya jika R&D nya mempunyai dan menjumpai ubat yang paling berkesan. Sebagai contoh, dia makan

satu pil sehari mungkin dalam masa 30 hari maka selesai segala masalah darah tingginya. Mungkin orang itu akan menjadi orang yang kaya atas hasil penyelidikannya bukan mengambil ubat darah tinggi itu seumur hidupnya tapi satu pil satu hari, 30 hari selesai masalah. Kita ingin cari penyelidikan yang seumpama itu.

Satu lagi ialah tentang harga ubat-ubat ini. Kadang-kadang ubat di tempat ia berbeza, harganya berbeza yang agak ketara. Sudah tentu ada kawalan tentang harga-harga ubat di negara kita. Saya harap Kementerian Kesihatan melihat tentang perkara ini.

Perkara kelima yang saya ingin sentuh ialah kemudahan hospital – RM800 juta, Hospital Baharu – RM319 juta.

■1830

Pembesaran Hospital Pontian Yang Berhormat Menteri, telah diumumkan oleh bekas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan oleh kerana bertukar kerajaan, maka ia belum dilaksanakan. Saya harap bukan kerana politik. Kita laksanakanlah pembesaran Hospital Pontian ini. Ia bukan hanya terlibat Parlimen Pontian tetapi Parlimen jiran, Tanjong Piai iaitu Timbalan Menteri di sebelah sana dan ia adalah untuk rakyat. Saya harap ia dilaksanakan.

Pada 14 Ogos 2008 Tuan Pengerusi, Menteri Besar pada ketika itu, Tan Sri Dato' Abdul Ghani Othman, melancarkan satu perkara yang penting untuk kesihatan negara iaitu acara 10,000 langkah. Ia diilhamkan di Pontian sebenarnya, *exercise* 10,000 langkah ini. Berdasarkan kepada kajian bahawa 47 peratus wanita berumur 18 tahun ke atas tidak aktif. Maka terjadilah obesiti, diabetes, kolesterol tinggi dan 10,000 langkah setiap hari ini menyebabkan jantung sihat, kawal berat badan, kurang stres dan lain-lain.

Jadi, cadangan saya untuk kempen yang ketiga ialah kempen bersenam. Kempen pertama ialah kempen kesihatan, kempen kedua ialah kempen pemakanan dan kempen ketiga ialah kempen bersenam. Kalau ketiga-tiga kempen ini Yang Berhormat Menteri lakukan, saya kira Yang Berhormat Menteri akan menjadi Menteri Kesihatan yang terbaik pernah diwujudkan di negara Malaysia.

Perkara keenam, perkhidmatan kesihatan luar bandar sebanyak RM181 juta. Klinik kawasan desa Yang Berhormat Menteri, ia kurang kemudahan, stafnya juga. Ia perlu diselenggarakan. Saya ingin mencadangkan agar klinik desa ini menjadi pusat kempen kesihatan yang saya sebutkan tadi. Boleh kumpulkan orang ramai di klinik-klinik desa di kampung-kampung dan diberikan ceramah-ceramah kesihatan sebagaimana kita sebut, yang kita tahu bahawa mencegah itu lebih baik daripada mengubati.

Perkara ketujuh ialah perancangan. Tahun 2018 sebanyak RM53 juta, tahun 2019 turun kepada RM25 juta. Perkara 7(a) ialah tentang kawalan hospital swasta. Setakat mana tanggungjawab kementerian untuk menyelaras kewujudan hospital-hospital swasta di negara kita ini? Apakah syarat-syarat untuk hospital-hospital swasta beroperasi? Satu lagi ialah saya pohon agar kementerian mengawal caj di hospital swasta agar tidak terlalu tinggi. Walaupun hospital swasta dikatakan untuk M40 bukan untuk B40, tetapi M40 juga ada kekangan kewangan yang

tertentu. Kalau kita boleh mengawal caj hospital swasta ini, maka rakyat akan kurang terbeban dalam kos sara hidup yang tinggi. Itu perkara 7(a).

Perkara 7(b) dalam manifesto 100 hari, disebut tentang Skim Peduli Sihat. Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya bila manifesto itu akan dilaksanakan? Apakah implikasi kos untuk pelaksanaannya?

Perkara 7(c), yang terakhir – tinggal dua minit ini. Khazanah menjual 16 peratus pegangan dalam IHH Healthcare Berhad yang bernilai RM8.42 bilion kepada Mitsui Jepun. IHH ini ialah pemilik 50 hospital, 12,000 katil, kedua terbesar di dunia. Tuan Pengerusi, kedua terbesar di dunia dan pemegang sahamnya ialah Khazanah, pemegang saham utamanya ialah Khazanah. Hospitalnya ada di Malaysia, ada di Singapura, ada di Turki, di India. Akan tetapi baru-baru ini, Khazanah menjual 16 peratus pegangannya menjadikan daripada saham 41 peratus, turun kepada 26.05 peratus dan Mitsui Jepun menguasai 32.9 peratus.

Jadi sekarang ini, pemilik saham terbesar, rangkaian hospital kedua terbesar di dunia bukan lagi Khazanah, yang dikuasai, yang dipelopori oleh orang-orang bumiputera Melayu, anak-anak kita yang menjadi pengurusan utamanya. Akan tetapi sekarang ini Mitsui menguasai 32.9 peratus. Saya hendak tahu, kenapa kita jual? Membina ini amat sukar, menjualnya amat mudah. Kita harap jangan berlaku lagi seumpama ini.

Saya mohon pandangan kementerian tentang perkara ini. Jika perkara ini boleh dihentikan manalah tahu, tetapi telah diumumkan kepada awam, Khazanah yang membuat pengumuman tentang perkara itu. Kita telah melepaskan peluang untuk menjadi MNC's bertaraf dunia dan peneraju kesihatan dalam dunia. Itu kita melepaskan peluang yang amat penting dan saya harap itu bukanlah satu batu tanda Malaysia baharu. Itu bukan satu batu tanda yang perlu kita banggakan, itu batu tanda *milestone* yang amat merugikan. Itu sahaja yang ingin saya kongsi. Kalau saya tidak ada, kalau saya ditakdirkan tidak berada di kerusi ini untuk satu atau dua jam daripada sekarang, tolonglah jawab dengan secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Kuala Kedah. Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Pasir Sulong. Terima kasih.

6.35 ptg.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Pengerusi atas peluang yang diberikan. Fokus saya ialah kepada Butiran 020500 – Perubatan Am, khususnya saya akan menyentuh penyakit-penyakit kronik, khususnya diabetes, ancaman kesihatan yang terbesar di negara kita dan kebanyakan negara di Asia Tenggara dan seluruh dunia. Dalam menyentuh itu, saya juga akan menyentuh Butiran 030400 – Pemakanan, Butiran 030600 – Pendidikan Kesihatan dan Butiran 022300 – Dietetik dan Sajian.

Tuan Pengerusi, sudah sampai masanya kita melihat kembali garis panduan rawatan, juga strategi kita dalam merawat diabetes. Ini kerana kita pernah dimaklumkan tentang kos yang sangat tinggi diabetes ini, rawatannya sangat tinggi, RM1.9 bilion untuk ubat sahaja pada tahun

2014 dan komplikasinya, kejayaan kita hampir tidak ada. Hampir semua pesakit diabetes akhirnya mengalami dialisis, serangan sakit jantung, strok, kanser dan lain-lain lagi. Satu pendekatan yang sangat berkesan yang murah dan mudah pula ialah pendekatan *low carbohydrate high fat diet*, dengan izin.

Untuk ini, saya suka membawa perhatian Dewan kepada satu berita pada 3 September 2018 dalam jurnal diabetes UK tentang Dr. David Unwin. Dr. David Unwin adalah seorang *general practitioner* (GP) dengan izin, di UK dan beliau telah diberikan penghargaan khusus oleh *National Health Service United Kingdom* kerana kejayaan beliau menyembuhkan pesakitnya daripada kencing manis, darah tinggi *and type 2 diabetes*, diabetes jenis 2 dan darah tinggi dan menyelamatkan *National Health Service 59,000 pound* dalam tempoh jangka masa 2017 hingga 2018.

Selamat 59,000 *pound* ini kerana mereka dapat diberhentikan daripada ubat mereka, insulin dan ubat-ubat lain setelah mereka mengalami *programme low carbohydrate high fat diet* dan juga *intermittent fasting*, juga apa yang disebut sebagai sekarang ini pendekatan *functional medicine*. Ini satu perkara yang sangat bagi saya untuk kita terapkan dan kita praktik. Sudah sampai masanya Kementerian Kesihatan berfikir luar kotak dan luar *mainstream medicine* untuk ini. Ini kerana yang kita praktis sekarang sangat sedikit kejayaannya. Setelah lebih 31 tahun lebih saya menjadi doktor, saya telah melihat pelbagai kegagalan, bukannya kejayaan.

Pendekatan *low carbohydrate diet* ini juga disokong oleh banyak bukti saintifik. Antaranya ialah usaha-usaha yang dibuat oleh Dr. Jason Fung dari Kanada dengan *dietdoctor.com*, boleh dilihat banyak dan banyak kejayaannya disebut dalam jurnal-jurnal perubatan. Akan tetapi atas sebab sejarah yang kita hendak masukkan dalam jurnal perubatan yang *mainstream*, tetapi jurnal perubatan *functional medicine*. Ia berkesan dan inilah kali pertama *type 2 diabetes* atau kencing manis yang paling kerap berlaku itu boleh disembuhkan langsung. Ia berkesan untuk obesiti dan sebahagian daripada kes-kes darah tinggi atau *hypertension*, juga mencegah komplikasi.

Kos rawatan juga boleh dikurangkan kerana *low carbohydrate high fat diet* adalah satu rawatan yang sangat murah, cuma tukar diet. *Intermittent fasting* atau berpuasa ialah pendekatan yang *free of charge* (FOC). Berpuasa tidak perlu membayar apa-apa bil atau apa-apa kos dan itu sangat penting pada saya kita berikan perhatian yang khusus kepada ini semua. Apa yang perlu berlaku ialah kita perlu ubah minda para doktor, para jururawat, para *dietician*, para pakar-pakar pemakanan supaya mereka mengkaji kajian-kajian yang terakhir tentang *low carbohydrate high fat diet* ini Tuan Pengerusi.

Saya ingin membawa perhatian juga kepada kejayaan di peringkat tempatan. Tempatan juga kita ada beberapa kumpulan doktor yang telah lama mengamalkan dan mengajar *low carbohydrate diet* kepada masyarakat dengan kejayaan yang agak membanggakan.

■1840

Pengalaman peribadi saya juga, ramai pesakit diabetes dapat dipulihkan yang disebut *reversing diabetes* yang dahulu tidak mungkin boleh. Akan tetapi malangnya, dari segi sejarah, kita berada di luar *mainstream medicine*. Kerana itu dilupakan. Tetapi dalam waktu terakhir ini,

Tuan Pengerusi, ada tokoh-tokoh *functional medicine* yang telah berada di institusi pengajian tinggi dan menjadi dekan perubatan juga.

Cumanya, sebab ini tidak diiktiraf secara rasmi, maka yang disebut *lifestyle clinic* itu akhirnya jadi di pinggiran. Ia tidak berada di arus perdana. Mereka juga menjalankan praktik *functional medicine* ini di pinggiran dan *lifestyle clinic* mereka yang diwujudkan bersebelahan dengan klinik diabetes yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan dan juga oleh arus perubatan perdana.

Saya rasa itu satu perkara yang sangat malang yang Kementerian Kesihatan baharu ini di bawah kepimpinan baharu yang pada saya lebih terbuka dengan idea-idea baharu dan lebih saintifik pemikirannya ada peluang untuk memperbetulkannya. Saya tidak akan namakan di sini tanpa izin beliau tetapi salah seorang daripada yang terlibat dari awal dalam *functional medicine* dan *reversing diabetes* ini merupakan salah seorang dekan perubatan di salah sebuah universiti tempatan yang dianggap salah sebuah universiti yang terbaik.

Jadi, kalau kita berubah sedikit pemikiran kita dan kita dapat bukan sahaja membantu ramai rakyat kita, tetapi kita juga dapat menyelamatkan wang rakyat melalui bajet Kementerian Kesihatan.

Untuk itu, Tuan Pengerusi, saya ingin menyebut khusus tentang Butiran 030400 – Pemakanan. Bahawa *guideline* atau panduan kita tentang pemakanan yang sihat itu telah lama saya sebut daripada tahun 2013, dia ada perubahan sedikit. Daripada piramid makanan, kita berubah kepada *the Malaysian plate* ataupun piring makanan. Akan tetapi, itu tidak cukup baik. Ia masih mengelirukan orang ramai.

Pendekatan saintifiknya sekarang, berdasarkan segala kajian saintifik, ialah *low carbohydrate*. Dalam masa yang sama, penekanan terhadap *good fat* iaitu lemak yang sihat itu tidak diberikan dengan secukupnya kerana itu adalah salah satu punca penyakit kronik kerana paras insulin yang tinggi, *toxicity*, dengan izin, gula itu semua tidak disebutkan dengan jelas.

Pendekatan yang lebih baik ialah, seperti yang disebutkan, ada makanan yang toksik—*refine sugar* itu toksik dan *refine carbohydrates*, dengan izin, itu toksik. Yang lain itu yang sihat kenalah disebut sebagai makanan yang sihat. Maka, rakyat bebas memilih dan boleh memilih dengan lebih kreatif.

Sedangkan, piramid makanan yang telah kita tinggalkan ini masih dijadikan panduan di sekolah-sekolah, di institusi pengajian tinggi, di masjid-masjid, di dewan-dewan orang ramai. Maka, ia sangat mengelirukan. Bila ada lapan hingga 10 hidangan karbohidrat sehari, paras insulin tinggi, ia membawa kepada obesiti, *type two* diabetes dan lain-lain lagi. Itu tidak dapat dielakkan.

Jadi, saya minta supaya dilihat kembali segala garis panduan ini dengan secara drastik. Ini kerana kita tidak punya lebih banyak masa. Kadar diabetes meningkat, pesakit diabetes meningkat, komplikasi meningkat. Strok dan dialisis sampai kampung-kampung yang pedalaman, orang memerlukan dialisis. Kita tidak akan ada kemampuan teknologi dan kewangan untuk mengatasi masalah ini. Pencegahan adalah sebaik-baiknya. Akan tetapi yang kita buat

sekarang ialah lebih pada *early detection*, Tuan Pengerusi dengan izin. Kita kesan awal, lepas itu kita bagi ubat dan akhirnya dengan panduan yang salah, orang semakin teruk dan teruk dan akhirnya mengalami komplikasi.

Sedangkan Diabetes UK telah memberikan banyak data kejayaan mereka. Di Kanada, Dr. Jason Fung memberikan banyak sekali data. Sweden merupakan negara pertama yang mengambil pendekatan *low carbohydrate high fat diet* sebagai pendekatan nasional dan mereka juga dapat kejayaan yang sangat besar dan boleh dilihat banyak dalam— maklumat tidak ada lagi masalah. Dalam *YouTube*, dalam internet begitu banyak maklumat.

Kalau kita memejamkan mata dan terus dengan keadaan sekarang membiarkan komplikasi berlaku dan membelanjakan wang yang banyak, akhirnya kita membelanjakan lebih banyak wang. Bila pesakit dialisis misalnya, bukan sahaja wang tetapi juga kehilangan masa dan pekerjaan dan juga peluang-peluang— selain daripada gangguan pada pekerjaannya, ia juga menindakkan beliau peluang untuk hidup sihat sejahtera dan menyumbang sebagai anggota masyarakat yang produktif, Tuan Pengerusi. Semua orang akan rugi. Masyarakat akan rugi, negara akan rugi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: 40 saat lagi.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih atas peluang yang diberikan dan itu sahaja yang saya hendak sebut. Cuma, saya berharap supaya kali ini ucapan saya tidak sia-sia kerana saya telah berucap ini beberapa kali di Parlimen yang lepas dan dijanjikan akan diberi perhatian. Akan tetapi, mungkin kerana perubahan kerajaan, mungkin ini peluang kerajaan baharu untuk bertindak. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Parit Sulong.

6.45 ptg.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi Maksud B.42 Butiran 030600 – Pendidikan Kesihatan. Malaysia dinamakan sebagai sebuah negara yang mempunyai kadar obesiti paling tinggi dalam kalangan negara di rantau Asia. Rekodnya adalah setinggi 23.7 peratus. Ini bermakna setiap seorang daripada dua orang rakyat Malaysia mengalami masalah kelebihan berat dan obesiti. Ada kajian menunjukkan bahawa faktor pemakanan telah dilihat sebagai penyumbang utama obesiti ini dengan pengambilan diet yang tidak seimbang dan kurangnya aktiviti fizikal.

Maka sehubungan itu, saya ingin bertanya beberapa soalan kepada pihak kementerian. Pertamanya, sejauh manakah keterlibatan pihak kementerian dalam mendidik dan juga memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya mengamalkan gaya pemakanan yang sihat? Apakah kementerian mempunyai satu strategi sedia ada yang mungkin mampu untuk membantu penurunan peratusan obesiti ini di kalangan masyarakat Malaysia?

Seterusnya, saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian, sama ada pihak kementerian ada membuat program bersama dengan kementerian lain untuk melakukan

pemantauan di kantin-kantin ataupun di kafe-kafe di institut pendidikan bagi memastikan makanan yang dijual terdiri daripada komponen makanan yang sihat dalam usaha untuk mendidik masyarakat untuk mengamalkan gaya makanan yang berkhasiat.

Selain daripada itu, saya ingin juga bertanya kepada pihak kementerian mengenai inisiatif kementerian dalam memperkasakan *first aid for mental health emergency* sebagai satu langkah untuk mendidik masyarakat luar bandar mengenai peranan mereka dalam mengenal pasti tanda perubahan ataupun krisis sikap dalam tingkah laku setiap individu apabila berhadapan dengan masalah kesihatan ini.

Bagi Butiran 00201 – Perkhidmatan Kesihatan Luar bandar. Saya melihat salah satu daripada isu utama yang sering dihadapi ialah tahap kesihatan yang rendah di kalangan mereka yang berada di luar bandar yang jauh daripada fasiliti yang berkaitan dengan kesihatan. Walaupun kita juga faham bahawa kesihatan luar bandar ini terus menjadi satu agenda penting, sasaran strategi kementerian terbaru ini hendaklah saya kira memberi satu penekanan istimewa terutamanya terhadap kesihatan penduduk luar bandar.

Ada beberapa perkara berkaitan dengan butiran ini yang saya hendak tanyakan kepada pihak kementerian. Pertamanya, adakah kementerian ada cadangan untuk mewujudkan kerjasama antara hospital kluster dan juga hospital pakar dan hospital bukan pakar bagi meningkatkan lagi akses perkhidmatan kepakaran kepada penduduk di luar bandar? Saya mengambil contoh penduduk luar bandar ini adalah di kawasan Parlimen Parit Sulong terutamanya.

Seterusnya, adakah kementerian mempunyai satu cadangan untuk menaik taraf lebih banyak lagi klinik-klinik kesihatan di luar bandar yang menjadi hospital mini yang lengkap dengan doktor yang berkelayakan?

Bagi Butiran 01000 – Promosi Kesihatan. Masalah kesihatan ini boleh dilihat sebagai satu isu nasional yang perlu diambil berat oleh semua masyarakat tidak kira mereka di mana. Isu ini jika kita tidak bendung akan menyebabkan Malaysia terbeban terutamanya dari kos rawatan yang tinggi serta kerugian dari segi ekonominya secara tidak langsung. Jadinya, saya percaya pelbagai program dan juga aktiviti kesihatan adalah dalam perancangan pihak kementerian.

Sehubungan itu, soalan saya adalah meminta supaya Yang Berhormat Menteri untuk menyatakan apakah inisiatif-inisiatif baharu oleh pihak kementerian di bawah Kerajaan Pakatan Harapan untuk mempromosikan betapa pentingnya kesihatan di kalangan masyarakat?

■1850

Mungkin juga Yang Berhormat, saya mohon juga Yang Berhormat untuk menyatakan juga program-program ini bila sampai ke akar umbi, siapakah mereka nanti yang akan membuat promosi mengenai kesihatan ini.

Seterusnya saya ingin bertanya kepada pihak kementerian mengenai kajian impak yang telah dilaksanakan oleh kementerian terhadap aktiviti promosi kesihatan yang dilakukan. Seterusnya susulan daripada itu, sejauh manakah juga aktiviti promosi ini telah berjaya memberi satu kesedaran kesihatan kepada semua lapisan masyarakat? Adakah kementerian mempunyai

cadangan untuk mewujudkan tempat-tempat macam *one stop centre* terutamanya kawasan luar bandar bagi memberikan penerangan kesihatan ataupun sihat kesihatan ini kepada masyarakat yang berada di luar bandar kerana kita maklum dalam program-program saya bersama dengan penduduk di sekitar kawasan Parit Sulong Yang Berhormat Menteri dan saya percaya Yang Berhormat Menteri juga melakukan perkara yang sama.

Ada setengahnya apabila kita cuba menonjolkan cara untuk menjaga kesihatan, setengah daripada mereka tidak pernah pun seumur hidup pergi berjumpa atau membuat *checkup* walaupun sekali. Jadinya, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi ataupun berkongsi dengan kita apakah jenis inisiatif baru yang akan dilaksanakan oleh pihak kementerian dalam menangani perkara-perkara seperti ini bagi kita mengurangkan risiko-risiko mengalami penyakit-penyakit berbahaya yang tidak berjangkit di kalangan masyarakat terutamanya di luar bandar. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Seterusnya sebenarnya saya nak panggil Yang Berhormat Permatang Pauh tetapi dia keluar sekejap tadi, saya teruskan kepada Yang Berhormat Lipis.

6.52 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi ruang kepada saya untuk turut serta membahaskan Anggaran Belanjawan Kementerian Kesihatan bagi tahun 2019. Di permulaan ini, kesempatan saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan sama ada di bawah kepimpinan yang terdahulu ataupun yang sekarang baru menerajui lebih kurang enam bulan ke tujuh bulan kerana telah banyak membantu menaik taraf Hospital Lipis. Kini Hospital Lipis berwajah baru, Tuan Pengerusi. Banyak perkara yang telah dilakukan dalam tempoh yang terdekat ini.

Dalam Butiran 22000 iaitu Pengimejan Diagnostik, anggaran perbelanjaan bagi tahun 2019 sebanyak RM253.5 juta. Pada awal yang lalu, Hospital Lipis telah mendapat satu manfaat yang besar di mana telah mendapat sebuah mesin pengimbas iaitu *CT scan* yang boleh dimanfaatkan lebih kurang 400,000 penduduk sekitar Lipis termasuklah Pahang Barat. Termasuk Jerantut, termasuk Raub, Cameron Highlands dan juga sebahagiannya daripada Gua Musang yang boleh menggunakan mesin tersebut dan ini telah memberi kesan yang baik kepada perkembangan hospital di Lipis yang mana telah dibina dua peringkat yang menelan belanja hampir RM200 juta yang boleh digunakan untuk kawasan persekitarannya.

Di sini ingin saya nyatakan bahawa di atas keprihatinan ini, kita masih memerlukan sebuah lagi mesin iaitu mesin MRI yang dianggarkan lebih kurang RM7 juta dan ini pun telah diumumkan oleh bekas Perdana Menteri yang lalu sebenarnya sewaktu lawatan ke Lipis tetapi yalah, bagaimana nak buat kerana BN dah tumpas, maka saya tidak pasti yang telah diumumkan ini boleh berlaku ataupun di sebaliknya. Ini sebenarnya kenapa sangat memerlukan? Sekarang

ini apabila kita hendak menggunakan MRI ini, seluruh penduduk Lipis dan persekitarannya akan ke Temerloh dan ini merupakan jarak yang jauh.

Sering saya katakan bahawa kalau dalam jarak yang jauh ini, jalan bergelombang tinggi rendah, maka sudah pastilah yang sakit bertambah sakit dan hendak sampai ke Temerloh memakan belanja yang banyak. Kadang-kadang terpaksa bermalam kerana *queue* yang panjang di Temerloh. Maka seluruh persekitaran penduduk Lipis, Raub, Jerantut dan Cameron Highlands terpaksa menginap di Temerloh. Ini besarlah harapan Yang Berhormat Menteri supaya mempertimbangkannya dan daripada segi pengimbasan MRI ini, kita juga banyak perkara yang masih perlu peningkatannya.

Saya pergi kepada Butiran 030100 – Pengurusan Kesihatan Awam Ibu Pejabat/Negeri. Anggaran peruntukan sebanyak RM317.3 juta, di mana saya membangkitkan perkara ini, saya di Lipis juga terdapat sebuah Klinik Kesihatan Ibu dan Anak yang bersekali dengan pejabat kesihatan. Ia sangat memerlukan kerana bangunannya juga tidak mencukupi bagi menampung tenaga kerja dan terpaksa digunakan sebuah rumah doktor untuk membantu bagi pesakit yang datang ke klinik tersebut. Kita dah sediakan sebuah tapak di bandar baru untuk bagi tujuan tersebut. Saya harap supaya ia juga menjadi realiti kepada penduduk Lipis.

Di bawah Butiran 01100 – Peralatan dan Kenderaan yang mana saya tengok agak tinggi juga peruntukkan bagi tahun ini iaitu sebanyak RM369.9 juta. Di Lipis ini terdapat ada tiga buah klinik di Merapoh, di Padang Tengku, di Bukit Betong dan juga di Benta, empat. Empat klinik utama sebenarnya, klinik kesihatan yang utama dan ini jaraknya agak jauh dan kita tidak mencukupi ambulans. Beberapa kes telah berlaku seperti ambulans bawa pesakit, rosak di tengah jalan.

Jadi, klinik-klinik ini memerlukan penambahbaikan daripada segi ambulans khususnya di Merapoh yang makan masa lebih kurang sejam nak sampai ke Bandar Lipis. Ini yang telah berlaku kerosakan yang saya katakan sebentar tadi. Jadi dengan keadaan ambulans yang uzur ini, perlulah dipertimbangkan supaya dapat ambulans baharu.

Akhirnya, saya ingin menyentuh mengenai Klinik 1Malaysia atau klinik komuniti. Saya hendak menyentuh soal ini yang saya bangkitkan di mana pada sesi soal jawab yang lalu, soal jawapan lisan pada 23 Oktober 2018 yang mana saya berdiri di sini, adakah Lipis akan ditutup Klinik 1Malaysia. Jadi jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, saya masih ingat jelas dan nyata mengatakan yang pasti, Lipis tidak terlibat.

Selang beberapa hari yang lalu, maka keluarlah surat [*Sambil menunjukkan beberapa dokumen*] mengatakan arahan pemberhentian kontrak penyewaan premis Klinik 1Malaysia (klinik komuniti) di negeri Pahang. Yang terlibat adalah Lipis, Bandar Semantan di Temerloh dan Maran. Tiga buah daerah yang terlibat. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah jawapan Yang Berhormat Menteri pada 23 Oktober 2018 yang lalu itu tidak diguna pakai?

Saya macam Yang Berhormat Pontian juga, kalau kebetulan saya tak ada, ke tandas umpamanya tetapi saya akan tunggu Tuan Pengerusi. Kalau saya ke tandas, minta tolong jawab mungkin di tandas saya boleh dengar. Saya tak nak menunggu, saya tak nak menuduh kepada

Yang Berhormat Menteri sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab kerana saya takut surat ini surat palsu.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Yang Berhormat Lipis, boleh?

Dato' Hj Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Saya pun tak pasti.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Boleh mencelah? Sebab dah poin akhir.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Silakan.

■1900

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Lipis. Terima kasih, *Speaker*.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Maran. Tuan Pengerusi.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Semalam disebut sebagai salah sebuah Klinik 1Malaysia yang ditutup. Sebenarnya saya minta hendak beri maklum kepada Yang Berhormat Menteri mungkin Yang Berhormat Menteri boleh beri ulasan. Setiap penubuhan Klinik 1Malaysia ini telah pun kita bincang bukan sahaja di peringkat negeri bahkan di peringkat daerah dan di *grass root* di mana keperluan klinik ini amatlah mendesak ataupun diperlukan oleh masyarakat terutama di waktu malam dan sebagainya.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Lipis, apakah wajar tindakan ini diambil oleh kementerian atau apakah soalnya pegawai-pegawai di kementerian ini lebih menguasai Yang Berhormat Menteri sedangkan Yang Berhormat Menteri sudah umumkan. Saya minta kalau boleh Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Menteri boleh lihat semula kerana keperluan Klinik 1Malaysia ini bukanlah melihat dari segi politik kerana keperluan perubatan itu dan kesihatan untuk masyarakat setempat. Saya tanya pandangan Yang Berhormat Lipis.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Maran.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih, Yang Berhormat Maran. Yang Berhormat Maran, tidak apalah kita tunggu beberapa jam sahaja lagi jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Saya sudah kata tadi saya tidak hendak menuduh. Mungkin surat ini palsu yang saya terima pun saya tidak tahu. Jadi kita tunggu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, kita jangan buat tuduhan atau andaian sehinggalah jawapan beberapa jam sahaja lagi ataupun beberapa minit sahaja lagi.

Terakhirnya saya hendak pergi kepada Butiran 60100 – Pengurusan Pendidikan dan Sokongan Teknikal Ibu Pejabat atau Negeri. Saya hendak tanya sedikit sahaja dalam masa 44 saat. Berapa ramaikah yang sudah kena sakit daripada berpunca pembukaan kilang LYNAS dan penggunaan *cynite* di Raub, Lipis dan Bentong. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Lipis. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Permatang Pauh kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Bandar Kuching, kemudian Yang Berhormat Maran, Yang Berhormat Pangkalan Chepa, Yang Berhormat Igan, Yang Berhormat Jeli, Yang Berhormat Bagan Serai.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Rasah tidak ada, Rasah.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Lembah Pantai pun hendak, Lembah Pantai hendak.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Itu saya akan masukkan kemudian. Sila, Yang Berhormat Permatang Pauh.

7.02 mlm.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih, Tuan Pengerusi di atas peluang diberikan kepada saya untuk terus turut berbahas dalam Rang Undang-undang Perbekalan khususnya peringkat Jawatankuasa. Saya terus pergi kepada Butiran 010000 di bawah butiran kecil Sumber Manusia dan Pengurusan Latihan – 010200, 010400 dan juga Butiran 020000, 022800 di bawah Perubatan Rehabilitasi dan Tradisional.

Saya menyanjung keputusan dan juga usaha di bawah Kementerian Kesihatan bagi meneruskan aspek rehabilitasi bagi kesemua banduan dari segi kesemua mereka yang terlibat dan terjebak dengan ketagihan dadah. Ini menunjukkan komitmen kukuh daripada kementerian untuk memastikan Program Pengurangan Kemudaratan dengan izin, *The Harm Reduction Programme* di Malaysia dapat diteruskan dan diperluaskan.

Saya sebut ini dan saya harap wakil KDN juga mendengar kerana Program *Harm Reduction* telah memberi kesan yang sangat besar, sangat positif dilihat menerusi kadar pengurangan jangkitan HIV di kalangan pengguna dadah yang telah menurun mendadak. Saya ulang 2001 – 79.6 peratus turun kepada 3.4 peratus tahun 2017. Sebuah kajian *Integrated Bio-Behavioral Study* menunjukkan *the Prevalent of HIV* di kalangan penagih dadah suntikan di Malaysia menurun dengan 22.1 peratus tahun 2009 hingga 13 peratus 2017.

Jadi peningkatan yang dibuat oleh kementerian sebanyak RM14.3 juta petunjuk baik bahawa program seperti rawatan *methadone* sekarang ini ada juga pilot projek di Permatang Pauh dengan perubatan *nataxone* yang menunggu kelulusan daripada jabatan untuk memulihkan penagih serta penyalahgunaan dadah khususnya golongan *polydrug* ini sangat-sangat berkesan dan penting.

Saya hendak ingatkan juga Jabatan Bahagian Kawalan Penyakit juga sekarang mahu kelulusan diberikan supaya program terapi bantuan pengubatan dengan *methadone* diteruskan dan diperluas bersama dengan *one stop centre for addiction* untuk menangani *polydrug users*. Jadi saya harap ini dapat diselaraskan dan dibantu oleh sokongan bukan sahaja Kementerian Kesihatan tetapi KDN nanti.

Ini akan memudahkan program kerana selalunya penagih dadah mereka tidak hanya terlibat ataupun ketagihan dari segi *one opioid but multi* atau *poly*. Sehubungan itu saya juga ingin mengatakan ini juga berkait dengan usaha Kementerian Kesihatan dan para doktor yang membantu rehabilitasi banduan khususnya banduan berisiko yang tidak berisiko tinggi.

Tuan Pengerusi, saya amat teruja kerana Jabatan Penjara Malaysia di bawah KDN tadi telah berkongsi kertas kerja Reformasi Penjara yang mereka nyatakan sekarang terdapat 64,000

banduan walaupun penjara di Malaysia hanya ada kapasiti 52,000 orang. Ini memang di bawah tanggungjawab KDN tetapi menunjukkan ada saling kaitnya antara Kementerian Kesihatan dan juga Kementerian Dalam Negeri kerana Jabatan Penjara Malaysia sekarang mahu menyasar sampai 75 peratus daripada banduan yang tidak berisiko tinggi dapat dipulihkan menerusi Program Rehabilitasi menjelang 2030.

Mereka mahu diserapkan oleh masyarakat program lain dan ia bergantung keberkesanan kejayaan bergantung kepada kerjasama oleh Kementerian Kesihatan kerana tanpa sokongan perubatan untuk 33,500 penagih dadah serta penyalahgunaan dadah maka kita tidak dapat melihat kadar *recidivism* maksudnya orang tidak ada mengulangi setelah mereka pulih. Sasaran nisbah doktor perubatan kepada penduduk untuk 2019 ialah 530, 600 bagi tahun 2018.

Jadi saya ingin menyatakan di sini kena ambil kira juga penambahan doktor yang ditugaskan di penjara. Saya tahu ada SOP tetapi kita juga maklum bahawa nisbah bilangan banduan dan doktor di penjara setinggi 2,300 menurut laporan SUHAKAM. Saya juga dimaklumkan penularan penyakit berjangkit seperti tibi berlaku di Penjara Kajang dan yang terdedah bukan sahaja banduan tetapi staf penjara. Mereka yang merupakan warden mereka sendiri mengalami bahaya yang serius. Jadi mahu tidak mahu perkhidmatan sistem perkhidmatan penjara haruslah diintegrasikan dengan perkhidmatan kesihatan awam dan ini memerlukan tanggungjawab dan kerjasama antara Kementerian Dalam Negeri dan juga Kementerian Kesihatan Malaysia.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Saya lihat sementara peruntukan untuk sumber manusia diturunkan sebanyak RM13 juta ataupun 50 peratus daripada 2018. Jadi kita kena faham antara yang dilahirkan oleh para doktor kalau mereka pergi berkhidmat di penjara susah untuk mereka menerusi laluan naik pangkat dan sebagainya dan seharusnya ada jalan yang jelas untuk menunjukkan kalau mereka memberikan khidmat di penjara maka itu dikira sebagai kredit dan membantu mobiliti kerjaya. Saya nampak juga Tuan Pengerusi pengurusan latihan diturunkan sebanyak RM3.3 juta. Tanpa dana yang mencukupi untuk melatih doktor serta staf baru jadi kita tidak mampu untuk melebar luaskan program seperti *methadone replacement*.

Seterusnya saya pergi kepada Butiran 020000 – Psikiatri dan Kesihatan Mental, 022700. Saya agak kecewa kerana penurunan RM8 juta. Kita sedia maklum menjelang 2020 penyakit mental yang disebut juga oleh Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dijangka menjadi masalah kesihatan kedua terbesar yang memberi kesan kepada rakyat Malaysia selepas penyakit jantung.

Suruhanjaya Kesihatan dan Morbiditi terkini mengatakan tiga daripada 10 orang dewasa berumur 16 tahun ke atas di Malaysia mengalami beberapa bentuk masalah kesihatan mental dan ia bukan kecil kerana antara 10 penyakit utama yang menyumbang kepada kehilangan setahun kehidupan sihat ataupun *daily*. Institut Kesihatan Umum Kementerian Kesihatan

menunjukkan pada 2016, kadar risiko untuk bunuh diri remaja meningkat kepada 10 peratus berbanding 7.9 peratus pada 2012 termasuklah perancangan bunuh diri dan percubaan bunuh diri.

Jadi tentu keadaan ini akan lebih serius kalau kita kurang tenaga kerja dalam kesihatan mental. Mengikut data kaji selidik *Malaysia Mental Health Care Performance Technical Report* 2016, Kementerian Kesihatan sendiri melakukan laporan ini, menyiapkan laporan ini nisbah doktor, klinikal psikologi adalah 0.2 doktor.

■1910

Tuan Pengerusi, 0.2 doktor untuk 100,000 penduduk. Nisbah pakar sakit jiwa 0.5 pakar untuk 100,000 orang penduduk. Ini angka yang saya kata bukan rendah lagilah tetapi *impossibility low* kerana para-para pakar ini tidak mampu untuk merawat pesakit dengan sebaiknya. Ia membimbangkan kita kerana dibandingkan dengan nisbah minimum yang digunakan oleh WHO. Jadi saya ingin tekankan, saya tahu sekarang ini ada banyak kemelut kewangan, ada keutamaan yang diputuskan oleh pihak Kabinet. Akan tetapi ini adalah kesihatan rakyat. Maka kita ini kalau terpilih, dua cabang utama yang saya ulang berkali-kali kesihatan dan pendidikan.

Saya tidak boleh tekankanlah kalau kita benar-benar mahu merawat, melihat dari segi kualiti *the mental state of our nation* kita tidak boleh merelakan potongan dan lebih-lebih lagi melihat kepada kesiapsiagaan yang ada. Perkhidmatan psikiatri hospital contoh, sebahagian daripada perbelanjaan perkhidmatan hospital, maksudnya dia tidak *own its own*. Saya masih ingat semasa menjadi Ahli Parlimen di Lembah Pantai kalau di PPR kadar pesakit yang mengalami skizofrenia termasuk pesakit-pesakit yang mempunyai *bipolar* semuanya memang sangat tinggi khususnya di kawasan-kawasan di mana kadar kemiskinannya juga adalah tinggi.

Tambahan, saya juga tahu di banyak penjara di bawah seliaan kerajaan kadangkala ubatnya – kerana doktor selalunya dua orang sahaja untuk mengawal selia ribuan banduan. Jadi kadangkala kalau mereka tak mendapat *the right medicine for schizophrenia*, kita berhadapan dengan risiko yang dihadapi oleh para doktor yang merawat, para petugas penjara dan banduan sendiri.

Jadi kita haruslah menjadi *a caring nation* dengan izin Tuan Pengerusi. Maka saya fikir mahu tidak mahu semua ini sementara saya memuji sepenuhnya dan saya menghargai *harm reduction* tetapi saya nampak kesinambungan di antara Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan dan fokus kepada bagaimana kita boleh menyiapiyagakan negara dengan kewujudan dan servis perkhidmatan para doktor sakit mental yang mencukupi itu tidak boleh kita nafikan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Bandar Kuching. Sila.

7.12 mlm.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi atas peluang yang diberikan. Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah atas pembentangan belanjawan untuk kesihatan yang tertinggi dalam sejarah. Ini memang menunjukkan fokus dan *priority* Kerajaan Pakatan Harapan terhadap kesihatan penduduknya. Namun, perbelanjaan yang banyak atau peruntukan yang tinggi tidak semestinya bermakna mutu kesihatan yang disediakan adalah efektif atau menyelesaikan semua masalah yang ada.

Saya ingin menyentuh butiran pertamanya Butiran 020300 – Rawatan Kecemasan dan Pesakit Luar. Saya menyambut baik peningkatan yang ada untuk menangani masalah *congestion* terutamanya di *emergency department* di *general hospital* yang ada dan di Kuching, Sarawak *General Hospital*. Akan tetapi saya ingin bertanya, bagaimana peruntukan ini akan digunakan secara terperinci untuk mengatasi masalah *congestion* ini. Saya juga meneliti semua peruntukan yang ada, bilangan jawatan tidak bertambah untuk semua disiplin walaupun terdapat kekurangan di disiplin-disiplin seperti *cardiothoracic*, *oncologist*, *neurosurgery*, *dermatology* dan lain-lain. Jadi saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan masalah ini.

Butiran 010400 – Pengurusan Latihan. Di sini terdapat satu penurunan. Jadi saya hendak bertanya, adakah program dan *scholarship* luar negara seperti MRCS, MRCP dan MRCOG akan terjejas disebabkan penurunan tersebut.

Butiran 022700 – Psikiatri dan Kesihatan Mental. Saya menyambut baik sekali lagi peningkatan yang ada. Namun sekali lagi bilangan jawatan tidak bertambah walaupun gejala kesihatan mental seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat Permatang Pauh tadi semakin meningkat di negara kita. Kita memang memerlukan lebih banyak kaunselor *clinical psychologist* dan juga *psychiatrist* di semua hospital seluruh Malaysia.

Selain itu, saya juga difahamkan *assessment tools to determine* macam ID *intellectual defect* tidak mencukupi. Di Kuching mereka terpaksa berkongsi di *Sarawak General Hospital* dan juga Hospital Sentosa iaitu hospital mental walaupun jarak di antara dua hospital tersebut agak jauhlah. Jadi saya harap kementerian dapat membeli lebih banyak *this assessment tools* yang amat penting untuk *diagnose intellectual disabilities* dan banyak lagi.

Begitu juga saya difahamkan banyak *medical assistant* di Hospital Sentosa di Kuching adalah kekurangan *medical assistant*. Jadi banyak terpaksa bekerja syif yang panjang dan ini telah memudaratkan kesihatan mereka juga. Jadi saya ingin bertanya, apakah pelan kementerian untuk menangani kes peningkatan kesihatan mental ini? Jika kementerian akan mewujudkan satu *support system* dengan izin atau *support centre* untuk mereka yang telah diberi diagnosis tersebut dan bukan sahaja dihantar kepada hospital mental kerana boleh wujudnya satu stigma kepada mereka yang pergi ke hospital mental.

Saya ingin menyentuh Butiran 021500 – Nefrologi. Memang terdapat peningkatan di dalam butiran ini. Jadi saya ingin kementerian menyatakan secara terperinci penggunaan

peruntukan ini untuk mengatasi peningkatan keperluan untuk mesin dialisis di seluruh negara dan juga di Kuching, Sarawak.

Butiran 021900 – Radioterapi dan Onkologi. Memang ada peningkatan. Saya ingin meminta jika supaya peruntukan disalurkan ke *Sarawak General Hospital* kerana ia adalah satu-satunya hospital pusat kanser untuk seluruh Sarawak. Peruntukan ini adalah amat penting untuk membaiki mesin radioterapi yang ada. Begitu juga jika boleh menambah mesin radioterapi kerana mesin yang ada sudah tua, sudah lama dan banyak – *it has been overused because of the work and patient volume* yang di seluruh Sarawak.

Selain itu, Butiran 030300 – Kawalan Penyakit. Memang ada peningkatan. Saya menyambut baik. Saya juga meminta jika peruntukan ini dapat disalurkan ke Sarawak kerana kita sekarang sedang menghadapi wabak rabies yang semakin berleluasa. Saya jika boleh mencadangkan jika *by clinics* akan dikembangkan bukan sahaja di *Sarawak General Hospital* tetapi di klinik kesihatan hospital yang lain supaya masa menunggu pesakit dapat dikurangkan kerana mereka dapat rawatan di klinik kesihatan yang lain. Saya harap vaksin yang secukupnya akan dibekalkan kepada hospital tersebut.

Butiran 00105 – Latihan Dalam Perkhidmatan. Saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan terima kasih kerana peruntukan telah ditinggikan hampir dua kali ganda. Saya harap program *masters* dalam butiran ini dapat dipertingkatkan untuk disiplin-disiplin yang diperlukan. *If I may suggest, priority* seharusnya perlu diberikan kepada mereka yang telah bertugas di *districts hospital* terutamanya di kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak.

Butiran 00201 – Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar. Di sini kita juga melihat peningkatan. Sekali lagi saya ingin jika *priority* diberikan kepada Sarawak kerana banyak klinik kesihatan di Sarawak sekarang dalam keadaan daif dan juga harus di naik taraf. Perkhidmatan doktor setahu saya 45 peratus daripada klinik-klinik di pedalaman juga tidak ada seorang doktor pun. Cuma dikendalikan oleh MA ataupun jururawat.

Butiran 00203 – Perkhidmatan Kesihatan Bandar. Saya juga meneliti ada peningkatan. Jadi saya harap kita boleh menambah klinik kesihatan di seluruh Sarawak, seluruh Kuching terutamanya untuk mengatasi *congestion* di *Sarawak General Hospital*. Kita haruslah memberi peruntukan yang lebih untuk *primary care* seperti ini.

Jika boleh ditubuhkan satu klinik kesihatan lagi di kawasan Bintawar kerana sekarang hanya terdapat satu Klinik 1Malaysia di sana dan memang tidak cukup untuk kita penduduk di sana. Saya ingin membawa satu kes di mana Klinik 1Malaysia di Kota Pedawan setelah ditutup kerana dikatakan tidak membayar sewa kedai selama satu tahun. Jadi saya harap pihak kementerian dapat menangani masalah ini dan memberikan perkhidmatan kesihatan di Kota Pedawan.

Butiran 00400 – Hospital Baharu. Pertama sekali saya ingin bertanya tentang status Hospital Petra Jaya. Adakah satu kontraktor baru telah dikenal pasti? Berapakah jumlah pampasan harus dibayar kepada Zicon? Jika boleh *timeline* baru untuk projek tersebut kerana memang satu kehendak yang *urgent* di Sarawak.

■1920

Jika boleh, ini memang *wish list* sayalah. Saya mencadangkan satu pusat kanser di Utara Sarawak, di Miri kerana seperti yang saya cakap tadi pusat kanser hanya terdapat di Kuching. Jadi pesakit-pesakit dari utara Sarawak terpaksa dengan satu keluarga mereka terpaksa turun ke Kuching untuk mendapat rawatan tersebut.

Butiran 00600 Ubah Suai, Naik Taraf dan Pembaikan. Saya ada satu permintaan, tandas di blok *specialist* di Sarawak General Hospital Kuching memang teruk gila. Saya telah pergi melawat beberapa kali dan bau dan keadaannya yang memang teruk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Teruk gila. [Ketawa]

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Teruk gila. Saya harap satu penambahbaikan itu dapat dilakukan di sana. Juga satu *urgent matter* – Hospital Sentosa, hospital mental di Sarawak. Di sana keadaan hospital memang daif...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Semua angkara Barisan Nasional.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Sistem perpaipan di sana sudah sangat uzur. Ia dibina semasa zaman British dan dikatakan ada *traces of asbestos* dalam sistem perpaipan tersebut. Ini membahayakan kepada bukan sahaja doktor, pesakit tetapi staf-staf yang ada di sana. Dengan itu saya ingin mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Bandar Kuching yang juga merupakan seorang doktor. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Maran. Selepas itu Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Sila.

7.21 mlm.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri bersama dengan kita. Saya ingin menyentuh beberapa perkara tentang Kementerian Kesihatan.

Pertama ialah Butiran 00400. Yang Berhormat Menteri, minta maaf saya sebutkan dahulu kerana walaupun ada kepala lain yang lebih awal iaitu hospital baharu. Saya minta sekali lagi kepada Yang Berhormat Menteri supaya cadangan pembinaan Hospital Baharu Maran yang telah pun diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, saya hendak ia direalisasikan.

Sebenarnya kerajaan telah menyediakan tapak hospital ini dan kerja-kerja awal telah pun dibuat oleh Kementerian Kesihatan dan juga Jabatan Kerja Raya. Tapak telah pun kita daftarkan ataupun kita rasmikan. Kerja-kerja permulaan telah dibuat dan untuk makluman Yang Berhormat, Parlimen Maran dan Daerah Maran belum lagi mempunyai sebuah hospital pun setakat ini. Hanya mempunyai klinik-klinik kesihatan, sedangkan sesetengah daerah mempunyai hospital dan ada hospital baharu, ditambah baik peningkatannya dan berbagai-bagai lagi pembangunan dibuat kepada hospital-hospital yang telah pun mempunyai hospital yang lebih awal.

Tuan Pengerusi, oleh itu saya minta supaya hospital ini bukanlah besar sangat pembinaannya. Jumlah kosnya lebih kurang RM80 juta melibatkan 50 ekar tanah telah pun

disediakan oleh kerajaan negeri dan mempunyai sejumlah 76 katil sahaja. Jadi saya minta, janganlah Yang Berhormat Menteri sia-sia kan harapan rakyat di Maran ini dan janganlah Yang Berhormat Menteri kecewakan kakitangan, pegawai-pegawai perubatan dan kakitangan kesihatan di Maran yang selama ini telah pun cukup tersepit dengan keadaan klinik yang tidak sempurna dan mereka harapkan sebuah hospital yang lebih baik dapat dibina dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta laluan Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Sila.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah dalam masa lima bulan ini perkara ini dapat diatasi ataupun perkara ini telah dialami selama ini. Berapa tahun perkara ini telah dialami. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang telah saya katakan tadi, di Pulau Pinang di beberapa jawatan, kita lihat ada peningkatan dalam pemberian perkhidmatan dalam masa lima bulan ini.

Akan tetapi apa yang telah berlaku dalam masa yang begitu lama semasa pentadbiran Barisan Nasional, tidak boleh ditukar begitu sahaja Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Yang Berhormat...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Menteri kah?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Yang Berhormat, Yang Berhormat kena ingat Yang Berhormat Ahli Parlimen dalam Dewan ini tahu?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya, itu saya hendak beritahu.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Duduk, duduk!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Yang Berhormat duduk. Saya tak nak beri *chance*.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan marah.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Bukan marah tetapi sentiasa bawa benda-benda seperti ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kita berbahas. Jangan marah, kita berbahas secara baik.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Saya hendak timbulkan masalah tempat saya Yang Berhormat. Cukup, cukup terima kasih. Ini berlaku banyak bunuh diri di Pulau Pinang ini berlaku.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan bunuh diri Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Yang Berhormat cukup, cukup. Saya tak nak.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan bunuh diri. Kita berbahas secara elok. Jangan bunuh diri Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Di Pulau Pinang, *you* sebutkan tadi. Saya minta maaf Tuan Pengerusi. Saya hendak ceritakan masalah sebenar di kawasan kita.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tertariklah sebab apa? Semua mengeluh kata yang ini tidak cukup, yang itu tidak cukup.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Sudahlah. Saya tidak ada masa.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Selama ini apa yang anda buat di sebelah sana?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Kita sudah buat.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tidak payah layanlah.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Oleh sebab itu saya minta dan telah diluluskan oleh Kerajaan Barisan Nasional terdahulu. Cuma kita minta supaya kerajaan baharu ini laksanakan apa yang telah diluluskan ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, perkara yang berikut ialah Butiran 00200, Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar, Klinik 1Malaysia saya hendak tambah sedikit. Tadi disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Lipis. Saya hendak tahu Yang Berhormat Menteri, berapa jumlah keseluruhan Klinik 1Malaysia ini. Hari ini berapa jumlah Klinik 1Malaysia ini yang telah pun ditutup dan apakah asas-asas penutupan klinik-klinik ini.

Berikutnya Yang Berhormat Menteri ialah tambahan kuarters Klinik Kesihatan Jengka 7 di Maran. Unit dipohon sebanyak dua unit kelas 'F' dan empat unit kelas 'G'. Anggaran kos ialah lebih kurang RM500,000. Klinik Kesihatan Jengka 7 adalah klinik desa yang dinaikkan taraf ke klinik kesihatan. Hanya mempunyai dua unit kuarters kelas 'G'. Perjawatan yang ditempatkan adalah 12 perjawatan terdiri daripada pelbagai jawatan dan gred.

Ketiadaan rumah sewa kerana berada dalam kawasan FELDA, kakitangan yang ditempatkan terpaksa tinggal di luar kawasan klinik. Saya mohon benar supaya tambahan kuarters Klinik Jengka 7 ini dapat dipertimbangkan oleh kerajaan.

Berikutnya Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Menteri, perjawatan Klinik Kesihatan Seri Jaya yang masih belum sempurna dan berfungsi secara optimum. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, jumlah perjawatan telah mengikut norma biasa ialah sebanyak 57 jawatan di klinik ini, perjawatan di Klinik Kesihatan Seri Jaya ini. Setakat ini perjawatan yang diluluskan ialah sebanyak 25 jawatan. Pengisian hanya 16 jawatan dan saya kira masih lagi kosong untuk diisi ialah sembilan jawatan.

Saya harap, Pejabat Kementerian Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri dapat mempertimbangkan perkara ini kerana kawasan Klinik Seri Jaya ini merupakan kawasan luar bandar dan memerlukan perkhidmatan bukan sahaja untuk masyarakat Melayu, kaum Cina, Orang Asli dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak ingin bertanya di bawah Butiran 02000 – Tenaga Kerja Perubatan dan Kesihatan di bawah kementerian ini. Rata-rata di mana-mana negeri menyuarakan rasa kurang senang ataupun kecewa di atas kekurangan kakitangan perubatan, doktor pakar dan doktor-doktor ini.

Saya ingin tahu berapakah universiti negara yang mengeluarkan tenaga kerja perubatan terutama doktor pakar dan doktor-doktor perubatan di samping kakitangan yang lain. Saya juga ingin tahu, pernah kita suarakan berapa bilangan doktor kita yang berada di luar negeri. Saya difahamkan juga ramai juga doktor kita yang telah mendapat kelayakan tetapi ingin melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi termasuk di peringkat pakar dan sebagainya.

Salah seorang daripadanya termasuk anak Yang Berhormat Kota Tinggi. Sudah dapat ijazah bantuan kerajaan dan bantuan sendiri. Kemudian ingin bekerja di sana dan sekarang melanjutkan pelajaran dalam peringkat kepakaran di United Kingdom. Syabas dan tahniah tetapi kalau boleh balik ke Malaysia. Berikan perkhidmatan kepada rakyat di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak menyentuh tentang Butiran 022400 iaitu kardiologi. Kardiologi ialah penyakit jantung yang berbagai-bagai. Saya mendapat maklumat dan laporan apabila melawat rakan-rakan di IJN ini. Sebenarnya IJN merupakan pusat jantung negara walaupun ia *semi-government* saya kira dan ia terletak di bawah milik penuh Kementerian Kewangan juga bawah kerajaan. Ia merupakan pusat jantung yang menjadi tumpuan bukan sahaja rakyat di Malaysia, di negara kita bahkan menjadi tumpuan kepada rakyat di luar negara termasuklah negara-negara di sekitar Malaysia ini.

Saya ingin mencadangkan juga kerana pesakit-pesakit jantung ini bukan sahaja datang daripada Kuala Lumpur Yang Berhormat tetapi mereka datang daripada seluruh negara terutama di kawasan Pantai Timur dan sebagainya. Jadi, Pantai Timur adalah merupakan negeri-negeri yang masih lagi boleh dikatakan miskin, berpendapatan rendah walaupun ada juga yang kaya tetapi mereka yang sering ditimpa penyakit jantung ini biasanya seperti mana yang disebutkan oleh sebahagian Yang Berhormat kita ialah mereka yang taraf hidupnya rendah dan tidak mempunyai peluang untuk pendapatan yang tinggi, mendapatkan rawatan yang baik dan sebagainya. Jadi sudah tentulah mereka memerlukan rawatan di pusat-pusat seperti ini yang mendapat sokongan daripada kerajaan.

■1930

Saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat, kalau boleh kerajaan memikirkan apakah tidak boleh cawangan Institut Jantung Negara ini yang di bawah Kementerian Kewangan sepenuhnya ini dapat dibina sebuah di kawasan Pantai Timur. Saya mencadangkan supaya adakan di Pahang dan mungkin juga di Terengganu ataupun Kelantan. Jadi saya minta supaya kerajaan dapat memikirkan dan dalam masa yang sama, kita dapat membantu rakyat yang miskin di luar bandar bagi mereka mendapatkan rawatan terutama dalam bidang penyakit jantung ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi yang saya hendak timbulkan ialah tentang klinik atau rawatan buah pinggang, pusat hemodialisis di Maran ini. Saya pernah mencadangkan kepada kerajaan supaya membina sebuah pusat hemodialisis di Maran bagi memberikan rawatan kepada pesakit-pesakit buah pinggang di kawasan Maran khususnya dan mungkin di kawasan-kawasan di sekitar.

Di Maran, ada lebih kurang 90 orang pesakit buah pinggang yang perlukan bantuan dan kadang-kadang terpaksa meminta bantuan daripada kita, jabatan-jabatan kerajaan dan

sebagainya dan mereka terpaksa mendapatkan rawatan di hospital yang agak berjauhan seperti di Temerloh, di Kuantan dan sebagainya. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri dapat memikirkan atau membantu kita kalau dapat di Maran ini, dapat dibina pusat hemodialisis bagi pesakit-pesakit buah pinggang di kawasan Maran.

Jadi Tuan Pengerusi, terima kasih banyak di atas kesempatan yang diberi kepada saya. Saya mohon Yang Berhormat Menteri memberikan perhatian kepada perkara-perkara yang telah saya sebutkan. Yang Berhormat Jelutong, sila beri perhatian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Maran. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pengkalan Chepa, selepas itu Yang Berhormat Igan. Sila Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

7.31 mlm.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyambut baik peningkatan peruntukan kepada Kementerian Kesihatan pada tahun 2019 kerana kesihatan adalah merupakan nikmat kurniaan Allah yang tidak ternilai harganya.

Saya mulakan perbahasan ini dengan merujuk kepada Butiran 030200 – Pembangunan Kesihatan Keluarga, Butiran 030500 – Farmasi dan Bekalan Kesihatan Awam, Butiran 030600 – Pendidikan Kesihatan. Saya ingin membangkitkan berkenaan isu kumpulan anti vaksin. Walaupun mereka hanyalah suara minoriti, tetapi pengaruh mereka kian meluas. Apakah polisi terbaru kerajaan bagi berhadapan dengan ibu bapa yang tidak mahu bayi mereka divaksin?

Saya bimbang seandainya tiada pengawalan yang berkesan, golongan anti vaksin yang semakin bertambah ini akan menyebabkan penularan semula wabak penyakit yang sudah lama tidak muncul selepas vaksin diperkenalkan seperti difteria, tibi dan batuk kokol. Saya dimaklumkan kebanyakan ibu bapa yang anti vaksin akan melalui proses kaunseling daripada pakar perubatan keluarga (*family medicine specialist*). Soalan saya, sejauh mana keberkesanan sesi kaunseling ini dalam mempengaruhi ibu bapa untuk kembali memberi vaksin kepada anak-anak atau kementerian berhasrat untuk melaksanakan polisi wajib vaksin?

Seterusnya saya mahu menyentuh Butiran 050300 – Penguatkuasaan Farmasi dan Butiran 050400 – Farmasi Regulatori. Setiap hari kita dihadapkan dengan iklan produk makanan kesihatan dan kosmetik di kaca TV, radio, akhbar dan juga media sosial. Persoalan saya ialah adakah kesemua iklan ini sudah mendapat kelulusan daripada KKM? Ramai juga pengguna yang terpedaya dengan iklan untuk mencantikkan wajah, menyihatkan tubuh badan tetapi tanpa sedar produk yang mereka guna ini mengandungi racun bahan terlarang. Bukankah mencegah itu lebih baik daripada mengubati? Sepatutnya Kementerian Kesihatan bertindak lebih proaktif melalui penguatkuasaan dan pengeluaran lesen. Mengapa produk beracun sudah terjual di pasaran, kemudiannya barulah ada *statement* dan kenyataan daripada Pengarah Kesihatan ataupun pihak kementerian sendiri?

Seterusnya Butiran 060300 – Penyelidikan. Saya juga ingin menyentuh isu rokok. Rokok merupakan risiko utama kepada pelbagai komplikasi penyakit yang tidak berjangkit (*noncommunicable disease*). Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan mengenai beberapa perkara. Pertama, berapakah kadar keberjayaan Klinik Berhenti Merokok setakat tahun 2017 dalam membimbing seseorang perokok supaya meninggalkan tabiat sedemikian? Kedua, apakah usaha mengawal tembakau di bawah *the Framework Convention on Tobacco Control* (FCTC)? Ketiga, apakah kajian lanjut dijalankan pihak kementerian mengenai rokok elektronik dan *vape* yang begitu berleluasa hari ini khususnya kepada golongan muda? Keempat, apakah penilaian dasar terhadap kempen “*Tak Nak Merokok*” dan sebagainya? Apakah penggubalan dasar baharu berkenaan dengan kempen berhenti merokok yang di*initiate* oleh Kementerian Kesihatan?

Seterusnya, Butiran 020300 – Rawatan Kecemasan dan Pesakit Luar. Saya sering mendapat aduan daripada rakyat berkenaan masalah kesesakan dan masa menunggu yang lama di hospital dan klinik termasuk bagi ibu mengandung dan juga kanak-kanak. Ini sangat membebankan kepada mereka. Saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian untuk menyelesaikan masalah ini kerana keadaan sedemikian begitu membebankan para pesakit. Masa terbuang begitu sahaja. Ada suami terpaksa ambil cuti semata-mata untuk pemeriksaan rutin kepada isteri, ibu-ibu yang mengandung. Begitu juga dengan permasalahan ini sangat lebih besar dilihat dan banyak aduan khususnya kepada *teaching hospital*.

Lagilah sebab kadangkala doktor terlibat dengan pengajaran, terpaksa *guide* pelajar-pelajar, *medical students* ini dan mereka turun untuk lihat pesakit ini waktu yang sudah lewat sedangkan pesakit dengan temu janji disuruh datang pukul 8.00 pagi. Doktor yang hendak tengok pesakit tersebut kadangkala pukul 10.00 pagi atau 11.00 pagi barulah masuk ke bilik mereka.

Kemudian, saya ingin menyentuh tentang Butiran 080200 – Emolumen Kakitangan Kontrak. Saya ingin mendapatkan penjelasan, mengapa berlakunya pertambahan begitu mendadak iaitu daripada RM321 juta pada tahun 2018 kepada RM888 juta pada tahun 2019? Kakitangan kontrak ini apa perjawatan mereka? Mengapa mereka ini tidak diserapkan kepada perjawatan tetap?

Begitu juga dengan isu proses penempatan graduan perubatan. Sebagai pegawai perubatan siswazah (*housemanship*), saya memohon Yang Berhormat Menteri menyatakan penyelesaian kepada permasalahan ini. Tidak seperti mana dahulu bila mereka ini habis belajar, mereka terus mendapat tempat untuk *housemanship*, tetapi sekarang mereka terpaksa menunggu dalam tempoh yang lama. Ini satu perkara yang perlu diberi perhatian oleh pihak kementerian. Tambahan pula kita masih lagi dengan *ratio* yang ada, kita kekurangan doktor perubatan jika dinisbahkan dengan penduduk negara kita.

Kemudian, Butiran 080700 – Keperluan Emolumen Tambahan Tahun 2019. Saya melihat berlaku peruntukan baharu sejumlah RM1.17 bilion di bawah butiran ini. Begitu juga di bawah Butiran 080800 – Pengoperasian Fasiliti Baru iaitu peruntukan baharu perkhidmatan dan bekalan sebanyak RM263 juta serta perolehan aset, harta modal, kenderaan berjumlah RM50

juta di bawah Butiran 080900. Bolehkah pihak kementerian memperincikan peruntukan-peruntukan ini kerana ia satu jumlah yang sangat besar tetapi tidak diperuntukkan pada tahun sebelumnya?

Kemudian, kepada maksud P.42 Butiran 00201 – Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar, Butiran 00203 – Perkhidmatan Kesihatan Bandar, Butiran 00400 – Hospital Baharu. Saya ingin minta penjelasan Yang Berhormat Menteri berkenaan langkah penyelesaian kepada masalah tempoh pesakit yang lama menunggu di hospital dan apakah langkah yang perlu diambil bagi mencapai nisbah seorang doktor bagi 400 orang penduduk menjelang tahun 2030?

Saya juga ingin tahu, adakah hospital baharu akan dibina di Kelantan? Kalau boleh saya tanya berkaitan dengan *progress* pembinaan hospital di kawasan Bachok, kawasan yang saya wakili dahulu, sejauh mana *progress* pembinaannya? Akhirnya, adakah peruntukan untuk menaik taraf kemudahan dan infrastruktur di Hospital Raja Perempuan Zainab II termasuk dalam kantung bajet pada kali ini? Sekian, *Assalamualaikum*. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Igan. Selepas ini Yang Berhormat Hulu Langat. Sila.

7.39 mlm.

Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya dalam perbahasan peringkat jawatankuasa bagi Kementerian Kesihatan bagi mewakili rakyat di kawasan Parlimen P.207 Igan.

■1940

Saya ingin menyentuh butiran-butiran seperti berikut iaitu Butiran 00201 – Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar, Butiran 00300 – Kemudahan Hospital, Butiran 00600 – Ubahsuai, Naik Taraf dan Pembaikan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai kemudahan kesihatan di kawasan saya. Satu-satunya hospital di kawasan saya ialah Hospital Daro iaitu hospital daerah yang berada di dalam keadaan yang serba kekurangan dengan kemudahan-kemudahan yang sepatutnya. Hospital inilah menjadi harapan bagi rakyat di kawasan saya untuk mendapat pelbagai rawatan. Malah, hospital ini juga menjadi tempat orang-orang dari kawasan Parlimen jiran saya iaitu Parlimen P.206 Tanjong Manis mendapat rawatan. Bayangkan berapa ramai pesakit yang ingin mendapat rawatan di hospital ini.

Jumlah katil yang ada cuma 48 buah sahaja dengan enam orang doktor biasa termasuk pengarah hospital dan tiada doktor pakar. Manakala jumlah purata bulanan pesakit seramai lebih kurang 1,550 orang dan purata pesakit yang dirujuk ke Hospital Sibu seramai 40 orang setiap bulan kerana kekurangan kemudahan di Hospital Daro. Saya percaya bahawa jumlah ini akan meningkat dari semasa ke semasa dan dari hari ke hari.

Tuan Pengerusi, untuk makluman, jarak Hospital Daro ke Hospital Sibul ini lebih kurang empat jam perjalanan dengan kereta kerana terpaksa melalui dua buah feri. Keadaan ini amat membahayakan nyawa para pesakit yang kritikal kerana tidak mendapat rawatan yang segera.

Oleh yang demikian, saya memohon kepada Kementerian Kesihatan agar meningkatkan taraf Hospital Daro ini kepada hospital yang lebih baik dari segi kemudahannya, dari segi peralatannya, dari segi kepakarannya untuk mengurangkan jumlah pesakit-pesakit yang dirujuk ke Hospital Sibul dan memastikan para pesakit mendapat rawatan segera yang terbaik. Juga dipohon supaya doktor pakar ditempatkan di Hospital Daro ini. Kalau tidak dapat menempatkan doktor pakar ini, sekurang-kurangnya doktor pakar ini dapat membuat lawatan dua kali sebulan.

Tuan Pengerusi, sejak Klinik Kesihatan Daro terbakar tiga tahun yang lepas, keadaan Hospital Daro semakin sempit dan sesak sekali. Pesakit tibi misalnya dan pesakit-pesakit lain sebenarnya tidak boleh dicampur dan harus dipisahkan. Ini memerlukan kawasan itu dibesarkan.

Sehubungan dengan itu, saya ingin tahu daripada Kementerian Kesihatan status terkini, bilakah Klinik Kesihatan Daro ini mula dibina bagi menggantikan klinik yang telah terbakar? Ini kerana keadaan tempat sementara Klinik Kesihatan Daro ini sekarang ini amat tidak selesa dan kondusif bagi para pesakit. Walaupun saya telah menerima jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam perbincangan saya sebelum ini bahawa Klinik Kesihatan Daro ini akan dibina dengan kos lebih kurang RM35 juta tetapi saya ingin tahu status terkini, bilakah Klinik Kesihatan Daro ini dibina?

Saya juga dimaklumkan bahawa pegawai sains makanan ataupun *dietitian*, dengan izin, diperlukan di hospital ini bagi memberi panduan dan tunjuk ajar tentang pemakanan kepada para pesakit. Jadi saya memohon kepada Kementerian Kesihatan agar dapat menempatkan pegawai ini di Hospital Daro.

Selain daripada itu, mesin hemodialisis juga amat diperlukan kerana sekarang ini hanya ada lima buah mesin yang ada di mana dua buah mesin kadang-kadang tidak berfungsi. Malah, ada mesin dialisis ini yang sudah berusia 10 tahun. Manakala pesakit yang memerlukan rawatan dialisis ini sekarang ini adalah seramai lebih kurang 30 orang menyebabkan masa menunggunya agak lama.

Oleh itu, saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan agar dua buah mesin yang tidak berfungsi baik ini digantikan dengan mesin yang baharu supaya tempoh masa menunggu para pesakit tidak lama. Ini kerana pesakit yang mengalami komplikasi buah pinggang ini saya percaya akan bertambah dari semasa ke semasa.

Tuan Pengerusi, untuk pengetahuan, saya lebih kurang sebulan yang lepas telah menziarahi sebuah keluarga di kampung saya iaitu di Kampung Tian Matu iaitu kampung yang mana wira negara kita, pegawai bomba yang terkorban dalam tragedi lombong tempoh hari. Kebetulan keluarga ini mempunyai hubungan kekeluargaan dengan saya. Isterinya sedang sakit, sedang nazak kerana mengalami komplikasi buah pinggang.

Lebih kurang dalam 20 minit saya berada di rumahnya, si isteri ini menghembuskan nafas terakhir di hadapan saya. Menurut suaminya, arwah isterinya memang ingin berjumpa dengan

saya untuk meminta saya memohon kepada kerajaan bagi menyediakan sebuah mesin hemodialisis khusus bagi pesakit seperti dia. Hal ini kerana pesakit ini juga mempunyai masalah hepatitis C. Jadi dia tidak dapat menggunakan mesin dialisis bersama-sama dengan pesakit-pesakit buah pinggang yang lain.

Oleh itu, saya memohon kepada pihak Kementerian Kesihatan di Dewan yang mulia ini agar disediakan— permintaan terakhir pesakit ini— sebuah mesin hemodialisis khas bagi pesakit-pesakit buah pinggang yang mengalami atau mempunyai penyakit hepatitis C. Janganlah menunggu sehingga lima ataupun 10 orang pesakit seperti ini barulah disediakan mesin khas ini. Jadi saya mohon agar Kementerian Kesihatan mengambil keutamaan mengenai perkara ini.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bilakah kaedah rawatan CAPD untuk pesakit buah pinggang ini akan dilaksanakan? Yang mana kaedah CAPD ini dikatakan akan dilakukan sendiri oleh pesakit-pesakit buah pinggang di rumah mereka.

Terakhir sekali, Tuan Pengerusi, ialah saya ingin tahu status terkini tentang perkhidmatan doktor udara di negeri Sarawak kerana perkhidmatan ini masih diperlukan oleh rakyat di negeri Sarawak yang duduk jauh di pedalaman yang tidak mendapat akses klinik dan hospital yang terdekat. Saya ingin tahu, di manakah kawasan-kawasan ataupun kampung-kampung yang terlibat? Saya ingin tahu, berapakah dari segi kos yang ditanggung oleh kerajaan? Seterusnya ialah kekerapan. Berapakah kekerapan perkhidmatan doktor udara ini ke kawasan-kawasan yang terlibat? Terakhir ialah jumlah pesakit-pesakit yang mendapat rawatan melalui perkhidmatan doktor udara ini.

Oleh yang demikian, saya ingin memohon agar Kementerian Kesihatan mengambil perhatian dan tindakan segera di atas perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi demi kesejahteraan hidup rakyat di kawasan luar bandar. Saya juga mohon Yang Berhormat Menteri Kesihatan dapat menjawab persoalan-persoalan yang telah saya berikan dan sebutkan tadi dalam bentuk bertulis supaya lebih jelas dan lebih terperinci.

Sekian, Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekian, *wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Igan. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Hulu Langat. Selepas itu Yang Berhormat Bagan Serai.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Tuan Pengerusi, Papar jangan lupa.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu, Tuan Pengerusi.

7.48 mlm.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada tiga butiran yang ingin saya sentuh dengan paling ringkas sekali. Butiran 022700 – Psikiatri dan Kesihatan Mental, Butiran 021100 – Oftalmologi dan Butiran 070000 – Keselamatan dan Kualiti Makanan.

Mengingatkan Yang Berhormat Menteri bahawa pada tubuh dan jasad seluruh rakyat Malaysia, kita ada tanggungjawab. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Menjadi tugas pemerintah dan kerajaan memastikan tubuh setiap manusia berada dalam keadaan terpelihara, sihat dan baik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Betul, betul, betul. *[Menepuk meja]*

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Ini juga termasuk jaminan daripada Nabi SAW... *[Membaca sepotong Hadis]* "Bukankah Tuhan menurunkan setiap penyakit di atas muka bumi dan ada di sisi-Nya ubat." Menjadi tugas kerajaan untuk mencari segala ubat-ubat yang ada untuk memastikan rakyat Malaysia sentiasa terpelihara kesihatannya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Hidup Pakatan.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Baik. Seterusnya saya pergi kepada apa yang ingin saya sebutkan berkenaan dengan Butiran 021100 – Oftalmologi itu.

■1950

Saya telah menemui sekumpulan kakitangan Kementerian Kesihatan yang telah memberikan perkhidmatan percuma khususnya di beberapa kawasan yang ada di negara kita ini. Mereka ini terdiri daripada pegawai-pegawai optometri, KKM. Mereka telah mengadakan perkhidmatan mengesan *abnormality* penglihatan seperti mata malas, *lazy eyes* dengan izin; juling, rabun warna, kanser mata dan lain-lain. Mereka namakan pasukan mereka ini dengan AVIS. Saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya kalau boleh berilah peruntukan kepada mereka kerana mereka lakukan perkhidmatan ini secara sukarela di luar hospital. Mereka juga telah bergabung dengan beberapa klinik-klinik untuk membantu mereka dan ia cukup baik. Di Hulu Langat mereka ada lakukan aktiviti ini dan Ahli Parlimen Hulu Langat terpaksa menggunakan peruntukan sendiri untuk membantu aktiviti ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Hidup Yang Berhormat Hulu Langat!

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Jadi, saya mengharapkan ada *allocate* untuk mereka nanti.

Kedua, keselamatan dan kualiti makanan Butiran 07000. Saya mendapat maklumat bahawa Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM), Putrajaya telah memberikan satu pandangan bahawa Akta Makanan 1983 yang sedia ada ini terdapat kesilapan pada seksyen 130(2)(a), iaitu definisi gula penurunan sepatutnya adalah dari jumlah dekstrosa kontang iaitu glukosa dan fruktosa. Ia bukanlah dekstrosa kontang sahaja. Kesan daripada perkataan ini, telah menyebabkan beberapa pengeluar madu telah disaman kerana mereka tidak menepati seksyen 130(2)(a) ini. Kami diberitahu di KKM, Putrajaya sedang dalam proses meminda Akta Makanan tersebut supaya selaras dengan piawaian madu antarabangsa iaitu *Codex standard for honey*. Jadi, oleh sebab terdapat kesilapan perkataan di situ, saya ingin merayau kepada pihak KKM supaya menghentikan sebarang saman terhadap syarikat pengeluar madu kerana ia

menyusahkan mereka dan kita menantikan pindaan akta tersebut agar dapat dilakukan dengan segera.

Untuk Butiran 022700 – Psikiatri dan Kesihatan Mental. Kami ingin mencadangkan supaya mewujudkan pusat psikologi dan kaunseling di setiap hospital. Selain itu juga, kalau ada kemampuan di beberapa tempat-tempat PBT, supaya ada ruang untuk masyarakat kita yang menghadapi cabaran mental ini dapat mendapatkan perkhidmatan di situ. Mewujudkan polisi kesihatan mental di tempat kerja kerana ramai di kalangan majikan tidak dapat mengesan bahawa pekerja-pekerja mereka menghadapi masalah mental dan sebaliknya pekerja-pekerja pun nampak yang semua majikan ada sakit mental.

Jadi maksud saya tadi, dengan kita mendedahkan perkara seperti ini, akan membantu mereka meningkatkan kempen kesedaran kesihatan mental dan menangani stigma contohnya, Kempen Satu Rumah Satu Kaunselor. Dengan ini, dapat membantu beban yang ada. Biasiswa dan latihan menawarkan biasiswa untuk pelajar bidang kesihatan bersekutu, seperti psikologi klinikal, fisioterapi, terapi cara kerja, terapi pertuturan, untuk meramaikan *therapist* yang bertauliah, berlesen dan mendapat gelaran pakar seperti Health Care Profession Council (HCPC) di United Kingdom. Mengadakan latihan *mental health first aid* supaya masyarakat dapat membantu orang ramai dengan segera apabila bertemu dengan mereka yang ada simptom-simptom penyakit mental seperti ini.

Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 menggesa implementasi Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 dengan penubuhan Majlis Jawatankuasa Kesihatan Bersekutu Malaysia ataupun seumpamanya institut kesihatan mental yang seperti dicadangkan oleh Yayasan Kesihatan Mental. Dengan implementasi ini, penting untuk pelesenan bidang kepakaran dan mengurangkan kefahaman yang silap yang menular di dalam masyarakat.

Akhir sekali, mengambil serius isu *men sex men* (MSM) kerana kajian jelas mengaitkan MSM ini boleh menimbulkan dan mengembangkan penyakit AIDS di negara ini. Akhir sekali, infrastruktur kesihatan mental meningkatkan fasiliti selain daripada klinik tetapi fasiliti di hospital dan klinik, memperbanyakkan klinik mobil di kawasan desa yang boleh membantu mengendalikan isu-isu penyakit mental dan seumpamanya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Bagan Serai selepas itu Yang Berhormat Setiu.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Segamat sekali selepas itu.

7.55 mlm.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Maksud B.42, Butiran 00400 – Hospital Baharu. Saya ingin bertanya tentang hospital daerah Kerian iaitu di Parit Buntar, hospital itu disebut Hospital Parit Buntar yang terletak di Parlimen Bagan Serai. Diluluskan pada 2008, saya ingin tahu status terkini bilakah akan siap? Adakah ada apa-apa masalah? Ini kerana menjadi jeritan rakyat di Parlimen Bagan Serai.

Butiran 00201 – Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar. Ini saya ingin bertanya tentang permohonan untuk mewujudkan klinik kesihatan Matang Gerdu di Bagan Serai. Klinik Kesihatan Bagan Serai dan Klinik Kesihatan Kuala Krau telah begitu padat disebabkan banyak sekolah di antaranya dan juga pertambahan penduduk. Kini ada PR1MA, rumah PR1MA sebanyak 1,248 buah unit. Jadi, ada banyak orang tua, ada ramai pasangan muda, ada ramai anak-anak, tanah sudah ada, pampasan sudah dibayar, kelapa sawit saya nampak sudah tumbuh di situ. Jadi, saya mahu tahu bilakah kerajaan dapat membantu kerana wujudnya klinik kesihatan Matang Gerdu ini akan memberikan keselesaan pada rakyat di Parlimen Bagan Serai.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Yang Berhormat Bagan Serai? Pencilahan.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Butiran 00 – Sebentar. Sikit sahaja. Butiran 00300 – Kemudahan Hospital. Ini tentang kemudahan hospital sebab saya mahu cakap tentang *parking* hospital. Saya tengok di dua hospital yang saya pergi, Hospital Sungai Petani dan juga di Hospital Taiping. *Parking* sangat sesak. Atas bahu jalan, atas macam-macam, tidak ada had lagi. Polis pun tidak *check*, saya tidak tahu pihak hospital *check* atau tidak. Ini akan membahayakan kerana kalau ambulan lalu, akan memberikan stres, pesakit *parking*, *nurse parking*, doktor *parking*, *attendant parking*, pelawat *parking*.

Jadi, masalah *parking* macam mana? Bagaimana kerajaan akan menyelesaikan masalah ini supaya tidak ada stres?

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Kapar.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Silakan.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Mahu menumpang sahaja. Kementerian Kesihatan, Yang Berhormat Menteri, bilakah agak-agaknya Hospital Kapar hendak didirikan? Terima kasih kerana memberikan ruang Yang Berhormat Bagan Serai untuk menumpang.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ini cara bijak membahar.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ini tumpangan. Dia junior saya di sekolah, Sekolah King Edward. Terima kasih, Yang Berhormat Kapar.

Butiran 01000 – Promosi Kesihatan. Tuan Pengerusi, kesihatan hak adalah hak asasi semua. Pencapaian kesihatan yang terbaik adalah *target* yang sangat penting seperti yang tercapai dalam Deklarasi Alma Ata 1978. Promosi kesihatan diakui pendekatan yang terbaik untuk mencegah dalam kawalan *non communicable diseases* (NCDs). Menjadi satu keperluan asas juga untuk tercapainya kebanyakan sasaran United Nations dengan izin, SDG terutamanya *goal* yang ketiga. Malaysia sebagai anggota PBB, perlu mencapai ini pada tahun 2030. Apa yang kita hendak buat?

Jadi, Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia ataupun MySihat, adalah satu agensi kerajaan yang diwujudkan untuk fokus kepada dasar-dasar promosi kesihatan. Ini diwujudkan di bawah Akta 651 pada tahun 2006. Ada satu kenyataan kalau tidak silap saya daripada Yang Berhormat Menteri pada bulan Jun tahun ini, iaitu MySihat akan dibubarkan. Dia katanya akan

diserapkan dalam Kementerian Kesihatan di bawah pendidikan kesihatan. Saya perhatikan bahawa pendidikan kesihatan ini adalah satu sub-set kepada promosi kesihatan yang lebih luas skopnya. Jadi, saya faham ini mungkin disebabkan oleh masalah kewangan, umpamanya.

Saya hendak cadangkan kepada kerajaan, apa salahnya kita analisa balik penilaian menyeluruh tentang MySihat ini? Dari segi tadbir urus, dari segi perbelanjaannya, dan juga kita struktur semula dengan cara-cara yang lebih berbeza. Contohnya, saya hendak berikan cadangan sumber kewangan tetap, itu masalah kewangan, cari sumber kewangan tetap daripada cukai khusus ataupun jadikan ia *tax* yang dikenakan terhadap produk-produk yang membawa ancaman kepada kesihatan. Contohnya, rokok, arak ataupun gula kan. Oleh sebab itu saya puji kerajaan kerana mewujudkan *soda tax* itu.

Satu perkara lagi ialah tentang mekanisme tadbir urus contohnya MySihat sebagai satu agensi yang berkanun yang berautonomi yang tidak dikawal di bawah mana-mana kementerian. Contohnya, di Thailand, mereka ada Thai Health yang sangat berjaya di bawah Jabatan Perdana Menteri. Ini satu cadangan. Sudah pastinya perkara ini perlulah mendapat pandangan dan kepakaran daripada anggota-anggota Persatuan Pakar Kesihatan Awam Malaysia. Mereka ini berpengalaman dan mempunyai *networking* yang baik untuk agensi-agensi promosi kesihatan baik dalam negeri mahupun di luar negeri, serantau dalam dunia ini.

Tuan Pengerusi, Butiran 030600 – Pendidikan Kesihatan. Ini amat penting! Ini kerana bila orang tidak faham, tidak dapat menghayati orang jadi marah. Saya mahu ambil contoh dua perkara. Rokok, bila kerajaan mahu kawal rokok, tidak boleh merokok di restoran semua orang marah! Yang perokoklah maksud saya. Marah! Mana ada perokok kata dia setuju!

■2000

Restoran pun marah. Semua orang marah, yang perokoklah maksud saya. Marah, mana ada perokok kata dia setuju. Restoran pun marah, semua marah. Sedangkan rokok kita tahu, rokok ini *addiction*, nikotin ini *addiction*, tidak boleh tinggal. Kalau sudah *addiction*, nanti dia akan jadi penyakit. Penyakit jantung, paru-paru dan kanser akhirnya. Jadi, ini penting.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Bagan Serai sudah tahu, jangan merokoklah.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Pengerusi, [*Ketawa*] Tuan Pengerusi tanya saya ke tanya rakyat?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Tadi kata banyak penyakit akibat merokok, tetapi tetap merokok.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ya, Tuan Pengerusi. Saya *firm* dalam perkara ini, sebab itu saya katakan tadi pendidikan kesihatan sangat penting. Saya dapati orang marah sebab pendidikan itu tidak betul. Mungkin tidak faham.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, tetapi ada orang tahu dia degil.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Jadi pendidikan kesihatan kita perlu buat *again and again* dengan izin. Lagi dan lagi dan lagi sampai orang faham. Barulah dia tidak marah. Takkan dia hendak marah, sebab hisap rokok ini membakar diri menyebabkan kita jadi

sakit. Sebab itu kita ada undang-undang antarabangsa yang disebut oleh pembahas tadi iaitu *Framework Convention On Tobacco Control* (FCTC) yang diwujudkan pada tahun 2005 dan kita adalah *party*. Saya hairan kenapa Kerajaan Malaysia masih belum meratifikasikan *protocol on illicit trade in tobacco products* yang merupakan *first* protokol pertama dalam FCTC. Ini merujuk kepada Artikel 15 FCTC. Kenapa Malaysia tak *rectify* dan kita sibuk ICERD pula dan menyebabkan semua orang jadi kelam kabut dan jadi susah hati. Kenapa tidak kita naikkan *tax* rokok dan harga rokok? Kerana ini adalah, ada kajian daripada WHO dan badan-badan agensi dunia yang mengatakan kaedahnya adalah sangat sensitif. Iapan *percent* daripada kelompok miskin akan terhenti juga kalau fasal rokok ini.

Kalau orang baru hendak mula merokok akan terhenti juga kerana harga ini. Jadi ini penting sekali. Tuan Pengerusi, seperkara lagi adalah tentang obesiti. Tadi saya dengan tentang obesiti. Obesiti ini adalah masalah seantero dunialah sebenarnya. Hari ini kenapa orang jadi gemuk? Banyak orang risau, banyak orang cakap dia tidak *exercise* ataupun dia makan banyak. Akan tetapi, ada orang makan banyak tidak gemuk. Sebenarnya, perkara yang asas ialah masalah hormon insulin dalam badan kita. Apabila kita makan banyak gula dan apabila kita makan banyak karbo yang ringkas ini akan meningkatkan paras insulin dan apabila kita makan banyak kali insulin akan naik lebih tinggi. Bila insulin naik, insulin adalah hormon yang membawa gula dalam sel dan juga yang insulin adalah *fat storage* hormon dengan izin. Dia pegang *fat*, kita tidak boleh kurus. Kita tidak boleh, kita hairan banyak program-program untuk kuruskan badan, tetapi orang tidak kurus, orang makin gemuk lagi. Apa masalahnya yang sebenarnya?

Yang ini perlukan satu jam, dua jam lah kalau hendak cerita tentang *management of obesity*. Akan tetapi, saya dengar tadi berapa orang berbahas tentang perkara itu dan kita dapat melihat *what is the real cause, what is the real problem?* Dengan izin. Kenapa masyarakat kita hari ini jadi gemuk hari ini? Sentiasa kita makan, kita ada banyak Restoran 24 jam. [Ketawa] Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Jelutong tidak gemuk. Sebab dia tinggi, nanti pergi *check*. Yang Berhormat Jelutong sokong saya.

Tuan Pengerusi, Butiran 022700 – saya ada dua minit lagi. Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental. Saya hendak cakap tentang dadah hari ini. Penagihan dadah telah ditakrif oleh WHO sebagai *chronic relapsing mental illness* dengan izin. Kita lihat lima dekad pendekatan *zero intolerance* kita gagal. Dadah makin banyak, *new drug* makin banyak, anak muda terlibat banyak, penyakit makin banyak, *crime* makin banyak. *Despite of what* dengan apa yang kerajaan sudah buat.

Saya puji kerajaan dahulu dan kerajaan sekarang akan buat banyak perkara. Akan tetapi, kita perlu lihat pada perkara ini beratus-ratus juta setiap tahu dan saya kira berbilion sejak 1980 digunakan untuk, tetapi *this is what we get*. Itu sebab saya kata kalau kita tanam padi, kita tidak boleh harapkan gandum. Sebab kita kena *change*, kita kena lihat, kita kena belajar daripada negara-negara luar yang telah berjaya contohnya Portugal, Switzerland, Australia dan sebagainya. Berapa *state* di US mereka berjaya. Jadi apa Tuan Pengerusi, saya cadangkan bagi tambahan *fund* kepada KKM. Oleh sebab ini mental *illness*, oleh sebab ini *mental illness*

gives the doctor to lead. Bagi doktor mendahului, sebab ini penyakit. Tingkatkan medically assisted therapy (MAT), tingkatkan *harm reduction*, tingkatkan rehab, tingkatkan R&D, bagi latihan kepada *stakeholders*. Mereka yang terlibat dan saya minta Tuan Pengerusi bajet diberikan untuk membantu *GP's*, pengamal-pengamal perubatan yang terlibat dalam *methadone dispensary*.

Kita tolong mereka, bagi insentif bagi semangat kerana *depa* membantu. Ramai penagih-penagih di luar sana supaya tidak terlibat dengan *crime*. Adakan satu *law regulated* model, mudahkan jangan susahkan. Jangan banyak sangat *paperwork* dan sebagainya dan saya cadangkan kerajaan seperti yang saya dengar daripada Yang Berhormat Menteri ada sebut, *approach* yang patut kita bayar adalah bio, psiko, sosial, spiritual. Ini baru ini dan kita patut wujudkan apa yang telah dibuat oleh negara luar. Saya sudah pergi ke Zurich, saya sudah pergi ke Switzerland tengok perkara ini, iaitu *approach decriminalization*, *decriminalization* bukan *legalization*, bukan boleh *mai* hisap candu merata-rata tepi jalan, bukan. *Decriminalization* ialah kita tidak masukkan ke dalam penjara. Orang-orang yang bawa dia jumpa dadah yang sedikit untuk kegunaan dia, perubatan dan sebagainya. Jadi *pasai* hari ini kalau anak sorang *addict*, kena tangkap AADK ataupun polis, urin nya positif masuk jel dua tahun Pusat Serenti. Bila keluar apa jadi? Bila keluar dia dapat apa yang dikatakan sebagai serenti sindrom, *stigmatize*. Orang tengok ini banduan, orang tidak bagi kerja, orang tidak mahu ambil jadi keluarga. Keluarga pun buang, orang masyarakat pun buang, dia tidak ada kerja, dia susah, dia ingkar ini jadi masalah. Hari ini Tuan Pengerusi, letak orang dalam penjara belanja lebih kurang RM43 satu hari. Sedangkan rawatan kat luar, rawatan di luar dengan kaedah yang kita sebut tadi hanya memerlukan lebih kurang RM0.40 sen satu hari. Jadi dapat melihat ini. Jadi saya harap.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Bagan Serai, masa sudah tamat.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi bagi saya hendak *landing* sedikit. Bagi saya *landing* sedikit Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak apalah, biarkan dia terdampar saja.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Benarkan saya *landing* sedikit Tuan Pengerusi. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada Bagan Serai. Saya harap kerajaan yang ada sekarang Pakatan Harapan kerajaan baharu melihat dengan kaedah baharu untuk menyelesaikan masalah dadah, masalah rokok, masalah obesiti di negara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Bagan Serai hebat, sudah masuk sebelah sini.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Bagan Serai sudah tukar tempat duduk, baru jadi hebat. Itu saya tidak tahu, sekarang saya jemput Yang Berhormat Setiu. Selepas ini Yang Berhormat Rasah dan Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Tuan Pengerusi jangan lupa Papar.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Jangan lupa Merbok.

8.06 mlm

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Saya ingin menyentuh Butiran 030600 – berkaitan dengan pendidikan kesihatan mengenai isu pencegahan HIV. Laporan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia mendapati perbandingan ketara jangkitan baharu HIV melalui transmisi seksual berbanding transmisi penggunaan jarum suntikan dadah. Pada tahun 2017 sahaja, sebanyak 1,679 ataupun 51 peratus kes transmisi HIV disebabkan oleh hubungan homoseksual atau biseksual dan 1,335 ataupun 40 *percent* kes disebabkan oleh heteroseksual berbanding 115 ataupun 3 *percent* transmisi HIV melalui suntikan jarum. Soalan saya, sejauh manakah inisiatif yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan bagi mencegah daripada golongan homoseksual ataupun biseksual dan heteroseksual ini berleluasa bagi menangani isu ini.

Seterusnya Butiran 00600 – Ubahsuai Naik taraf dan Pembaikan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan Malaysia kerana akan menjadikan pembinaan Klinik Kesihatan jenis empat jirus 10 antara projek utama di dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-11 nanti. Perkara yang ingin saya sentuh mengenai Butiran 00600 - Ubahsuai Naik taraf dan Pembaikan. Anggaran peruntukan 2019 sebanyak RM73 juta dan telah mengalami pengurangan berbanding Bajet 2018 iaitu sebanyak RM95 juta. Sebelum ini saya telah juga membawa isu berkenaan naik taraf Klinik Kesihatan Jabi. Pembesaran Klinik Kesihatan Jabi dalam ucapan saya yang lepas, tetapi Menteri janji hendak beri jawapan bertulis sampai hari ini tidak dapat lagi. *Insyaa-Allah*, Menteri boleh jawab lisan selepas ini. Dengan kapasiti tapak 520 kaki persegi, tidak mungkin dapat menampung penduduk seramai 35,000 orang.

Justeru itu, dengan pengurangan bajet sebanyak RM22 juta ini daripada RM95 juta kepada RM73 juta saya berharap Kementerian Kesihatan tidak mengetepikan projek ini. projek ini merupakan kepentingan rakyat luar bandar yang sehingga ke hari ini mereka terpaksa ke hospital Daerah Besut yang terletak jauh dengan mereka bagi mendapatkan rawatan disebabkan Klinik Kesihatan Jabi yang sedia ada tidak mampu lagi dimanfaatkan dan tidak mampu lagi menampung penduduk yang seramai itu.

Ketiga, saya hendak sentuh tentang Butiran 00300 – Kemudahan Hospital.

■2010

Antara yang ada di Terengganu ada Hospital Setiu, Besut dan Hulu Terengganu yang kemudahannya tidak banyak dan terpaksa pesakit-pesakit yang menghidapi penyakit kronik ataupun yang terpaksa melalui proses pembedahan. Kalau yang Besut, terpaksa dipindahkan ke hospital HUSM di Kubang Kerian ataupun Hospital Kota Bharu. Hospital Setiu dan Hospital Terengganu terpaksa di-*transfer*, dengan izin Tuan Pengerusi dipindahkan ke Hospital Kuala Terengganu. Jadi saya mengharapkan dengan peruntukan yang bertambah daripada tahun 2018 sebanyak RM458.2 juta dan ditambah tahun 2019 kepada RM800.4 juta. Saya mengharapkan

hospital-hospital daerah ini khususnya tiga yang saya sebut tadi supaya dilengkapi dengan *facility* dan kemudahan untuk memudahkan pesakit mendapatkan rawatan.

Keempat, isu Butiran 010200 – Sumber Manusia. Isu doktor yang terpaksa bekerja sampai ke peringkat 30 jam ke atas, kita masih lagi tidak dapat melupakan kes yang berlaku pada seorang doktor yang bernama Doktor Nurul Huda Ahmad yang *accident* kerana terlalu letih pulang daripada HUSM ke rumah di Terengganu dan dia bekerja bermula daripada 8 Mei sehingga berehat pada 9 Mei dan bekerja selama 33 jam. Inilah yang dihadapi oleh pengamal perubatan dan doktor-doktor disebabkan kerja-kerja yang begitu lama, yang menyebabkan mereka letih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *[Bangun]*

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Kita juga mengingati kes yang berlaku pada Doktor Afifah yang juga menghadapi isu yang sama.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Jadi saya mengharapkan pihak kementerian supaya memikirkan balik perkara ini. Terima kasih Tuan Pengerusi. *[Berucap dalam bahasa Arab] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rasah. Selepas ini Yang Berhormat Kuala Kangsar, Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Jeli dan akhirnya Yang Berhormat Segamat menutup tirai.

8.12 mlm.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana membenarkan Rasah untuk mengambil bahagian. Pertama, saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian atas komitmen daripada Kerajaan Pakatan Harapan untuk terus meningkatkan perkhidmatan kesihatan di Malaysia dengan peningkatan peruntukan lebih kurang 10 peratus berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu sehingga jumlah keseluruhan peruntukan kali ini mencecah RM28.6 bilion iaitu yang kedua terbesar di kalangan semua kementerian.

Perkara pertama yang saya hendak bangkitkan di bawah Butiran 010000 – PENGURUSAN. Kita sedia maklum bahawa kerajaan Persekutuan khasnya KKM diberikan bidang kuasa untuk melantik Ahli Lembaga Pengawas Hospital-hospital di seluruh negara. Saya hendak tanya, bilakah tarikh akhir untuk pelantikan akan dilakukan? Oleh sebab saya tahu ada pegawai daripada KKM telah menghubungi pihak Jabatan Kesihatan dan juga Exco Kesihatan di Negeri Sembilan. Bila *dateline*-nya? Ini disebabkan kebetulan saya sendiri selaku Setiausaha Pakatan Harapan Negeri Sembilan diberikan tugas untuk mengkoordinasi tugas tersebut. Saya hendak tanya, berapakah elaun yang diberikan kepada Ahli Lembaga Pengawas Hospital yang bakal dilantik ini?

Perkara kedua iaitu di bawah Butiran 00300 yang berkenaan dengan Kemudahan Hospital. Saya nampak satu lonjakan peruntukan yang cukup tinggi iaitu asalnya daripada RM458 juta kepada RM800 juta dalam Belanjawan 2019. Syabas. Ini menunjukkan satu anjakan, satu komitmen yang cukup tinggi daripada Kerajaan Pakatan Harapan untuk menaik taraf kemudahan hospital. Cuma saya hendak tanya, apakah di bawah RM800 juta ini ada peruntukan khusus yang diberikan kepada Hospital Tuanku Ja'afar di Seremban yang merupakan hospital utama di Negeri Sembilan sebagai *general hospital* di Negeri Sembilan. Kebetulan ia terletak di kawasan saya. Kalau ada— saya harap ada, berapakah peruntukannya terutamanya saya hendak sebutkan kemudahan dialisis. Oleh sebab saya kaitkan dengan butiran ini dengan butiran yang satu lagi iaitu Butiran 021500 – Nefrologi. Saya nampak ada penambahan peruntukan juga iaitu sebanyak RM252 juta.

Saya kaitkan dua-dua butiran ini untuk dibahaskan bersama berkenaan dengan kes dialisis. Kenapa? Oleh sebab dua masalah. Satunya, saya difahamkan Hospital Tuanku Ja'afar, ia tidak ada perkhidmatan untuk pesakit yang terpaksa melalui dialisis setiap tiga kali, setiap minggu. Itu yang pertama. Keduanya, Hospital Mawar yang terletak berhampiran, bersebelahan dengan Hospital Tuanku Ja'afar, dengan 13 cawangan iaitu Hospital Mawar, Pusat Dialisis Mawar dengan 13 cawangannya yang boleh menampung perkhidmatan untuk lebih 800 pesakit yang memerlukan perkhidmatan dialisis setiap minggu, setiap selang dua hari, ada ura-ura untuk penutupan.

Saya percaya Yang Berhormat Menteri sedia maklum akan perkara ini. Pegawai dari KKM sendiri sudah turun ke Seremban. Saya hendak tanya, apakah status terkini tentang hospital ini? Memang hospital ini menghadapi masalah kewangan dan sebagainya. Saya rasa Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri sedia maklum dan ada ura-ura ataupun bukan ada ura-ura, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan sendiri pun pernah hadir, buat lawatan di hospital ini, ada kemungkinan bahawa Menteri Besar Incorporated (MBI) ambil alih selepas itu tidak jadi dan sebagainya. Jadi, apakah status terkini? Saya harap ada pemantauan yang cukup tegas, yang menyeluruh daripada KKM sebab ini penting.

Bagi saya, sesiapa yang menguruskan itu kedua tetapi kepentingan pesakit yang berjumlah lebih 800 orang, kita kena pastikan perkhidmatan dialisis berterusan diberikan kepada mereka. Jadi saya harap, sekiranya ada masalah dengan Hospital Mawar ini, macam mana Hospital Tuanku Ja'afar yang terletak bersebelahan untuk menampung, untuk memberikan sokongan ataupun perkhidmatan dialisis kepada pesakit yang terlibat.

Seterusnya Butiran 022400 iaitu di bawah tajuk Kardiorasik iaitu berkaitan dengan jantung. Saya percaya ia berkaitan dengan IJN. Saya dapat banyak aduan kebelakangan ini bahawa kesukaran untuk mendapatkan potongan harga ataupun panduan kebajikan untuk mereka yang akan menjalani pembedahan di IJN. Saya tidak pasti betul atau tidak. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Cuma saya nampak satu, peruntukan di bawah butiran ini hanya RM176 juta, lebih kurang sama seperti belanjawan tahun sebelumnya. Jadi persoalan saya, kenapa tidak ada kenaikan peruntukan di bawah tajuk ini? Ini disebabkan kita

tahu jantung ini antara organ yang utama kita dan ramai rakyat Malaysia pesakit yang menghadapi masalah ini, yang memerlukan sokongan daripada pihak kerajaan.

Seterusnya Butiran 00400 iaitu di bawah tajuk Hospital Baharu. Kalau tahun 2018 hanya RM206 juta, kini mendapat RM319 juta. Saya hendak tanya sebab tajuk di bawah Hospital Baharu. Sebelum ini ada ura-ura mengatakan bahawa Hospital Nilai— Nilai akan ada hospital sendiri. Betul atau tidak, saya mohon penjelasan. Sekiranya ada, bilakah tarikh dan sebagainya, perancangan, sekiranya ada. Begitu juga, apakah Negeri Sembilan akan ada hospital lain di daerah-daerah yang lain? Sekiranya ada, mohon berikan perincian.

Seterusnya berkenaan dengan penyakit jarang jumpa. Kalau Yang Berhormat Setiu tadi mengatakan bahawa beliau tidak menerima jawapan bertulis daripada Yang Berhormat Menteri KKM tetapi saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri KKM sebab saya telah mendapat jawapan bertulis berkenaan apa yang saya bahaskan ketika di peringkat dasar. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri KKM sebab KKM lah kementerian pertama yang menyerahkan jawapan bertulis kepada saya. [*Tepuk*] Dalam jawapan itu saya cukup menghargai fakta yang diberikan bahawa penyakit yang jarang jumpa, *rare disease*. Kalau tahun sebelumnya hanya RM18.5 juta diperuntukkan, kali ini diperuntukkan RM50 juta. Tahniah. Sebagaimana yang diterangkan yang dijelaskan dalam jawapan tersebut, memang kosnya untuk setiap pesakit puratanya memerlukan RM1 juta, satu kos yang cukup tinggi.

Bagi pihak Pertubuhan Penyakit Lisosomal Malaysia, satu pertubuhan yang saya percaya Yang Berhormat Menteri tahu dan aktif. Antara persatuan yang utama dalam menjalankan kerja-kerja yang selaras dengan komitmen ataupun pandangan daripada KKM sendiri yang mengalu-alukan kolaborasi daripada NGO, swasta dan sebagainya untuk membantu para pesakit. Jadi saya hendak tanya, kalau tahun sebelum itu iaitu Belanjawan 2018 sebanyak RM10 juta diberikan kepada Pertubuhan Penyakit Lisosomal Malaysia.

■2020

Jadi dengan penambahan peruntukan daripada RM18.5 juta kepada RM50 juta, boleh tidak sekurang-kurangnya peruntukan RM10 juta itu digandakan kepada RM20 juta untuk pertubuhan ini. Sebab saya cukup percaya wang ini walaupun nampak banyak untuk satu NGO tetapi ia berbaloi, ia bersesuaian dengan kesejahteraan dan kepentingan pesakit yang terlibat.

Perkara terakhir yang saya hendak bangkitkan pada petang ini adalah berkenaan dengan caj hospital untuk warga asing. Warga asing yang saya maksudkan di sini bukan warga asing yang datang daripada luar negara tetapi adalah berkenaan dengan anak-anak *stateless* yang bukan warganegara disebabkan adalah masalah undang-undang dan sebagainya. Akan tetapi, salah seorang daripada ibu, biasanya bapalah. Ibu dia warga asing, disebabkan ibu dan bapa tidak mendaftarkan perkahwinan mereka sebelum melahirkan anak yang menyebabkan anak itu jadi tanpa kewarganegaraan dan anak itu apabila hendak mendapatkan rawatan ataupun apa-apalah seperti hendak ambil ubat dan sebagainya di hospital kerajaan, terpaksa membayar harga yang tinggi.

Boleh tidak saya mohon KKM, Yang Berhormat Menteri supaya memberikan arahan supaya anak-anak yang dikategorikan di bawah kategori ini diberikan kelonggaran seolah-olah mereka adalah rakyat Malaysia. Jadi tidak payahlah ibu bapa yang terlibat menanggung kos perubatan yang tinggi di hospital kerajaan. Jadi itu sahaja daripada saya. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Kangsar.

8.21 mlm.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya terus serta di peringkat Jawatankuasa Kementerian Kesihatan. Butiran 00600 – Ubahsuai, Naik Taraf dan Pembaikan. Yang Berhormat Menteri ini adalah berkenaan pelaksanaan projek pembinaan blok baharu Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Kuala Kangsar. Saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri memastikan projek ini dapat diteruskan yang sekarang di dalam peringkat perancangan. Ini akan memastikan keputusan Yang Berhormat Menteri untuk melaksanakan supaya Hospital Kuala Kangsar menjadi hospital pakar *minor* tidak gagal dilaksanakan. Sekarang juga Yang Berhormat Menteri kos anggaran telah meningkat daripada RM7 juta hingga RM21,700,700 setelah ditangguh dari tahun 2014.

Seterusnya, Butiran 022700 – Psikiatri dan Kesihatan Mental. Perkara ini amat dekat dengan minat saya Yang Berhormat Menteri dan juga Butiran 00300 – Kemudahan Hospital. Kita renung sejenak Yang Berhormat Menteri persekitaran yang dialami pesakit kemurungan di negara ini. Trend kos klinik swasta yang mungkin tidak mampu ditanggung oleh pesakit-pesakit yang mengalami penyakit mental ini akan pergi ke hospital kerajaan. Kos rawatan pakar swasta dan bil perubatan menelan belanja sekitar RM500 bagi satu kaunseling sekitar 30 minit. Deskripsinya juga diberi mungkin untuk enam ke lapan minggu sahaja.

Yang Berhormat Menteri, pemulihan pesakit kesihatan mental ini kebiasaannya mengambil masa yang lama. Secara puratanya mungkin memerlukan antara RM6,000 hingga RM10,000 setahun bagi menanggung bil rawatan. Bagi yang tidak mampu, mereka akan pergi ke hospital kerajaan seperti saya cakap tadi. Cabarannya lebih rumit, peluang mendapat rawatan pakar kerajaan memerlukan tempoh dua minggu. Mohon Yang Berhormat Menteri pantau kos-kos untuk pesakit kesihatan mental yang mungkin Yang Berhormat Menteri boleh mewujudkan satu standard fi yang boleh dikenakan mengikut komplikasi pesakit mental.

Itu belum lagi pesakit kemurungan yang mengalami dilema kerana terpaksa mendaftar secara terbuka di Jabatan Psikiatri dan duduk sebaris di kerusi menanti dengan pesakit mental untuk bertemu doktor pakar. Prasarana ini tidak langsung membantu Yang Berhormat Menteri. Saya mohon supaya prasarana di wad psikiatri dibuat lebih kondusif untuk seseorang pesakit mental. Mungkin tidak terlalu terbuka dan lebih menepati keadaan yang ada pada seseorang pesakit mental.

Mohon Yang Berhormat Menteri mengesahkan kebenaran fakta ini bahawa hospital-hospital swasta tidak menyediakan wad khas bagi pesakit mental kerana bimbang pesakit-pesakit yang mengalami kemurungan mencetuskan kekacauan. Hospital swasta hanya memberikan servis komersial pesakit luar. Tolong sahkan Yang Berhormat Menteri. Saya berpendapat ini tidak wajar kerana pesakit yang mengalami penyakit mental sangat merbahaya sekiranya tidak dipantau dalam jangka masa tertentu. Membunuh diri dan sindrom mencederakan diri juga akan berlaku dan akan menyebabkan kemudaratan yang menyukarkan lagi pemulihan. Mohon Yang Berhormat Menteri pastikan pemberian lesen atau permit untuk membuka mana-mana hospital swasta wajib mewujudkan wad-wad bagi kategori ini sekiranya ia menepati.

Seterusnya Yang Berhormat Menteri mengenai perkhidmatan komuniti psikiatri. Yang Berhormat Menteri, harapnya kita boleh memberi lebih peruntukan kepada usaha kementerian kepada perkhidmatan ini. Perkhidmatan perawatan di rumah untuk membantu meneruskan rawatan pesakit yang *discharge* dikeluarkan dari wad psikiatri dan juga untuk pesakit mental yang mengalami gejala-gejala akut dalam krisis dan masalah tingkah laku memerlukan perawatan yang komprehensif. Perkhidmatan ini telah terbukti berjaya Yang Berhormat Menteri untuk mengurangkan penggunaan hospital. Pesakit juga jarang mendapatkan penyakit semula ataupun *relapse*. Peningkatan hidup juga bertambah berdiskari dan kurangnya gejala penyakit dan kualiti hidup pun juga bertambah dan yang lebih berkesan adalah aspek kos Yang Berhormat Menteri. Perkhidmatan komuniti psikiatri ini amat popular dan menjadi pilihan pesakit dan keluarga mereka berbanding dengan kemasukan ke wad.

Butiran seterusnya 022800 – Perubatan Rehabilitasi dan Perubatan Tradisional dan Komplimentari (TCM). Akta PT&K 2016 adalah suatu akta untuk mengawal selia amalan dan pengamal PT&K dan meningkatkan profesionalisme pengamal dan selain dari memastikan perkhidmatan PT&K di Malaysia adalah selamat dan berkualiti. Saya mohon Yang Berhormat Menteri lihat semula dan memberhentikan amalan-amalan *double standard* dengan izin, dan amalan mendiskriminasikan pengamal PTK berbanding dengan doktor-doktor konvensional kerana setiap mereka memberi servis yang sama dengan doktor konvensional dan matlamat mereka juga sama untuk memulihkan pesakit. Apa yang pentingnya pengamal PTK harus bertauliah dan mempunyai standard yang patut.

Antara perkara-perkara yang saya anggap mendiskriminasikan dan yang diamalkan. Pertama, tuntutan daripada majikan bagi konsultasi daripada pengamal PT&K adalah bergantung kepada polisi syarikat terbabit atau perjanjian kontrak yang dimeterai oleh majikan dan pekerja. Mohon Yang Berhormat Menteri mengadakan kerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia supaya amalan seperti ini diberhentikan.

Kedua, begitu juga penerimaan Sijil Cuti Sakit yang dikeluarkan oleh seorang pengamal PT&K adalah bergantung kepada polisi syarikat terbabit atau perjanjian kontrak yang dimeterai antara majikan dan pekerja— sekali lagi dengan Kementerian Sumber Manusia.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Ketiga, Yang Berhormat Menteri, pengamal tidak dibenarkan memberikan sebarang kursus pendidikan dan latihan dalam perubatan tradisional dan komplementari tanpa mendapat kebenaran dari Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, Kementerian Kesihatan Malaysia. Kenapa begitu sekali Yang Berhormat Menteri diletakkan pengamal-pengamal PTK ini berlainan daripada doktor-doktor konvensional sedangkan matlamatnya sama untuk memulihkan pesakit?

Butiran seterusnya Butiran 030200 – Pembangunan Kesihatan Keluarga. Pertama Yang Berhormat Menteri, terdapat peningkatan kadar kelahiran tidak selamat yang berkaitan dengan advokasi *pro-natural birthing* atau *gentle birthing* yang digerakkan oleh individu atau kumpulan yang dikenali sebagai *doula* ataupun peneman kelahiran. Lebih merisaukan kes berisiko tinggi yang memerlukan kelahiran di hospital, mereka memilih untuk bersalin di rumah selepas dihasut oleh pihak tertentu dengan cara peneman kelahiran.

Yang Berhormat Menteri, mohon memberi statistik kelahiran yang mengakibatkan kematian secara *doula* di seluruh negara dan adakah kementerian bercadang untuk menaikkan lagi penalti terhadap kesalahan di bawah subseksyen 14(1), Akta Bidan 1996 [Akta 436]. Sekarang kesalahan yang boleh dihukum dengan denda tidak lebih RM2,000 atau penjara tidak lebih satu tahun atau kedua-dua sekali jika sabit kesalahan supaya kita menghantar *signal* yang lebih mencemaskan kepada golongan-golongan ini dan menambahkan lagi terma-terma yang lebih ketat di dalam akta ini yang membawa pengertian yang mendapat mensabitkan kesalahan terhadap mereka kerana sering kali *doula* mendakwa mereka tidak terbabit secara aktif dalam proses kelahiran seperti yang ditakrifkan dalam akta, sebaliknya hanya memberikan sokongan moral dan motivasi.

■2030

Akhir sekali, Butiran 01000 – Promosi Kesihatan. Sejak akhir-akhir ini Yang Berhormat Menteri, isu dan gejala yang tidak sihat semakin menular dalam masyarakat kita terutama sekali isu hubungan cinta dan hubungan sejenis iaitu lesbian, gay, biseksual dan *transgender* atau lebih dikenali sebagai LGBT. Masalah perilaku seks di luar tabii yang mengundang pelbagai penyakit termasuk HIV, Hepatitis B, *Herpes Simplex Virus* dan berbagai-bagai lagi. Ia mempunyai hubungan kait dengan perilaku seks orientasi seksual individu tersebut. Yang Berhormat Menteri, peratusannya semakin meningkat.

Mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan sama ada Yang Berhormat Menteri akan mengkaji semula dan memperbaiki garis panduan pengendalian masalah kesihatan gender ini supaya mengambil kira keadaan yang sedia ada dalam komuniti yang semakin serius. Saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri satu SOP dan garis panduan yang patut dikeluarkan supaya mereka ini dirawat dan didekati tanpa sebarang diskriminasi. Ini kerana golongan ini kerap berasa terpinggir dan dipandang hina oleh masyarakat termasuklah anggota kesihatan. *Self-stigma* telah berlaku pada mereka Yang Berhormat Menteri, adalah faktor penghalang bagi

golongan ini mendapatkan perkhidmatan kesihatan. *Self-stigma* ini juga menyebabkan golongan ini tidak terbuka untuk mendedahkan orientasi seksual kepada anggota kesihatan.

Apa yang penting Yang Berhormat Menteri, kita dapat mengenal pasti mereka ini dan bantu pemulihan mereka dalam kadar segera supaya dapat meneruskan hidup mengikut lunas-lunas yang betul. Cadangan saya ialah memastikan tiada apa-apa halangan atau penghalang yang tersirat dan tersurat di dalam bidang rawatan supaya kita dapat memulihkan golongan ini. Mohon Yang Berhormat Menteri usahakan pembaharuan untuk golongan ini supaya pemulihan lebih berkesan bagi mereka. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Taiping.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Merbok.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Padang Serai.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Tiga minit sahaja. *[Ketawa]*

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Bagi sikit dekat Sibuti.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Taiping tidak ada?

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kota Tinggi.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Kota Tinggi ada.

Tuan Pengerusi: Ya. Silakan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Batu Kawan sikit.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Bagi sikit sahaja.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Sikit sahaja.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Sikit sahaja.

8.32 mlm.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Duduklah dahulu. *[Ketawa]*
Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa perkara yang hendak saya bangkitkan Yang Berhormat Menteri. Berkaitan seperti biasa kawasan saya P.156 Kota Tinggi.

Butiran 00400 – Hospital Baharu. Yang Berhormat Menteri, hari ini saya berdiri bercakap dengan Yang Berhormat Menteri. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat mempertimbangkan untuk pembinaan sebuah hospital baharu di Kota Tinggi. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, Hospital Kota Tinggi ini Yang Berhormat Menteri, telah dibina pada tahun 1913 dan sekarang berusia 105 tahun di atas tanah seluas 10 ekar. Sekarang ini wad kecemasan semakin sesak, pertambahan penduduk bagi daerah Kota Tinggi dah bertambah hampir 200,000, katil kita cuma ada 158 sahaja dan dia memberikan perkhidmatan kepada seluruh penduduk dalam kawasan daerah Kota Tinggi yang merangkumi tiga Parlimen.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri juga, pada tahun 2007 banjir besar di Kota Tinggi. Kita terpaksa pindahkan peralatan perubatan termasuk mesin dialisis dan sebagainya ke tempat yang lebih selamat. Ini kerana air sudah masuk ke pagar Hospital Kota Tinggi. Jadi, saya

minta Yang Berhormat Kota Tinggi – Yang Berhormat Menteri supaya... *[Ketawa]* Yang Berhormat...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta laluan Yang Berhormat.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Alah, duduklah. Kacaulah dia.

Tuan Pengerusi: Itu. Itu kena.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Menteri, saya minta...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *[Ketawa]* 60 tahun buat apa Yang Berhormat? Barisan buat apa? Sudah 100 tahun...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Nanti dahulu. Saya baru hendak jawab. Duduk. Jangan suka kacaulah. Sakit jiwakah dia ini? Duduk, duduk, duduk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya bagi tahu. Saya hendak tanya, minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Jelutong sila duduk. Sila duduk.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Masuk hospital dia ini. Duduk, duduk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sudah 100 tahun, apa yang Barisan buat?

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Duduk. Duduk. Ini macam ada simptom sakit jiwa dia ini. *[Ketawa]* Yang Berhormat Menteri...

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya, sakit jiwa dengan BN.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Jelutong, sila duduk.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Duduk. Duduk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: 60 tahun sudah rompak rakyat. Saya sakit jiwa.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tuan Pengerusi, inilah contoh simptom sakit jiwa. Hah, ini. Bila terlalu banyak *pressure* dekat kepala ini, bersihkan hati.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Menteri, tahun yang sudah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Kesihatan sudah pun turun ke hospital saya ini dan sudah umumkan akan membina sebuah hospital baharu. Ini mantan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan. Saya mintalah supaya Yang Berhormat Menteri akan dapat melihat kembali kepada permohonan. Satu. Kedua, pengumuman yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan yang lalu untuk pembinaan sebuah hospital baharu di kawasan saya. Sementara hendak menunggu hospital baharu ini Yang Berhormat Menteri - Cara pusing itu macam *confirm* saya dapat, baguslah itu. Sementara hendak menunggu hospital baharu ini, saya harap perkhidmatan kepakaran akan dapat ditambahkan. Ini kerana buat masa ini, lawatan doktor pakar seminggu sekali, untuk O&G, untuk ortopedik, pediatrik dan

doktor kluster pun datang seminggu sekali. Jadi, saya minta supaya Yang Berhormat Menteri akan dapat melihat kepada perkara ini.

Kedua Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 00600 – Ubahsuai, Naik Taraf dan Pembaikan. Peruntukan ada RM73 juta. Saya hendak memaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri, dalam kawasan saya ini ada lima buah klinik kesihatan (KK) daripada *KK Type 6, KK Type 7, KK Type 6, KK Type 5 and KK Type 4* dan saya ada 10 buah klinik desa. Saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri kerana saya tahu ada piawaian tertentu di peringkat kementerian kalau klinik kesihatan ini hendak dimohon untuk dinaiktarafkan ke *KK Type 3*. Kalau ikut kepada piawaian kementerian ini Yang Berhormat Menteri, Klinik Kesihatan Felda Air Tawar 2 ini sekarang KK Jenis 4, layak untuk dipertimbangkan supaya dapat dinaiktarafkan ke *KK Type 3*. Klinik sudah berusia 20 tahun. Saya pergi tengok klinik itu, *server rack* diletak di bilik kecemasan sebelah katil untuk memberikan perkhidmatan kecemasan. Dalam kawasan klinik itu juga terlalu sempit kerana klinik lama, 20 tahun umur. Jadi, minta kepada Yang Berhormat Menteri untuk memikirkan supaya dapat masuk. Piawaian telah pun ditepati, masuk untuk pembinaan *KK Type 3* yang baharu.

Bagi klinik desa di Kampung Mawai Baharu, saya pohon supaya dapat dinaiktarafkan kepada KD2G kerana sekarang ini KD di Kampung Mawai Baharu ini Yang Berhormat Menteri, kuarters staf kita dalam kawasan klinik. Saya tidak tahu macam mana agaknya staf kita yang duduk dalam kuarters di KD Kampung Mawai Baharu ini, macam mana agaknya anak-anak dia dan sebagainya bila kuarters dia berada dalam kawasan, dalam bahagian dalaman klinik itu sendiri. Makna kalau ada pergerakan keluarga dan sebagainya, kena tunggu sampai klinik tutup agaknya baru orang dalam kuarters itu boleh keluar. Tolonglah Yang Berhormat Menteri.

Lagi satu ialah di KD Kampung Gembut. Ini dah 10 tahun, pun sama masalah dia. Apa yang paling penting Yang Berhormat Menteri, yang paling penting – Ini apa pasal ini? Sudah sakit jiwakah? Apa yang paling penting Yang Berhormat Menteri, KD Teluk Sengat, 40 tahun masih lagi bangunan papan dan berlantaikan papan, termasuk di KD Kampung Sedili Kechil. Ini dua-dua sudah berusia 40 tahun. Bangunan lama, papan. Mohon dinaiktarafkan ke KD2G. Seterusnya, saya juga ingin memohon pertimbangan daripada Yang Berhormat Menteri supaya dapat melihat kepada kuarters-kuarters terutama klinik-klinik KK yang ada di kawasan luar bandar. Ini kerana kuarters berada dalam keadaan yang perlukan naik taraf ataupun pembinaan baharu.

Terakhir Tuan Pengerusi. Butiran 00203 – Perkhidmatan Kesihatan Bandar. Buat masa ini, Jabatan Pesakit Luar di Hospital Kota Tinggi ini Yang Berhormat Menteri, dia menampung pesakit luar bukan sahaja dia dalam Hospital Kota Tinggi, Jabatan Pesakit Luar tetapi dia juga menumpang di bangunan Klinik Kesihatan Ibu dan Anak. Jumlah pesakit tiap-tiap hari purata dalam 5,000. Bangunan ini, bangunan Klinik Kesihatan Ibu dan Anak ini pun dah hampir 60 tahun. Kebanyakan bangunan di Kota Tinggi ini Yang Berhormat Menteri, dia sudah berusia. Saya mohon supaya Yang Berhormat Menteri dapat mempertimbangkan keperluan untuk membina sebuah klinik kesihatan baharu *Type 2* di bandar Kota Tinggi. Ini kerana buat masa ini, belum

ada lagi Klinik Kesihatan Type 2 di pusat bandar Kota Tinggi dan supaya perkhidmatan *one-stop center* di bandar Kota Tinggi dapat digunakan dengan pembinaan klinik *KK Type 2* ini yang akan insya-Allah memberikan perkhidmatan kesihatan kepada 90,000 hingga 100,000 penduduk dalam kawasan Kota Tinggi. KKM ada memiliki sebidang tanah seluas lima ekar di Jalan Sungai Siput, sudah pun siap sedia. Jadi, ini antara perkara-perkara yang hendak saya bangkitkan dalam perbahasan saya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Sekarang saya menjemput...

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: [Bangun]

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: [Bangun]

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: [Bangun]

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Taiping.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Taiping sudah masuk? Yang Berhormat Taiping dahulu.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Terima kasih Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Di mana Yang Berhormat Taiping menghilang?

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Tadi keluar sekejap.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Beli air.

Tuan Pengerusi: Okey. Silakan. [Ketawa]

■2040

8.40 mlm.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Terima kasih Tuan Pengerusi atas peluang yang diberi. [Disampuk] Jangan ganggu ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Taiping mengganggu lagi ya?

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Tidak, tidak. Saya bangun untuk menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada kadar berjaya berhenti merokok melalui Klinik Berhenti Merokok yang disasarkan hanya pada 30.5 peratus untuk tahun 2019 di muka surat 343. Pada pendapat saya, kadar serendah 30.5 peratus tersebut perlu dikaji semula secara terperinci untuk menghasilkan kaedah yang lebih efektif dalam usaha menghentikan merokok.

Di bawah B.42 Butiran 030300 – Kawalan Penyakit, satu jumlah sebanyak RM781 juta telah diperuntukkan tetapi tiada butiran lanjut yang menunjukkan berapakah jumlah yang diperuntukkan khas untuk Klinik Berhenti Merokok. Saya mohon Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan atas kesulitan yang dihadapi oleh Klinik Berhenti Merokok dan apakah rancangan kementerian untuk meningkatkan lagi pencapaian yang lebih baik dan memuaskan demi membina masyarakat bebas merokok?

Seterusnya, saya meminta penjelasan Yang Berhormat Menteri kepada B.42 Butiran 080700 – Keperluan Emolumen Tambahan Tahun 2019 dengan jumlah sebanyak RM1,166 juta. Sama ada jumlah ini adalah untuk kenaikan gaji penjawat awam Kementerian Kesihatan atau untuk tujuan-tujuan lain yang tertentu?

Itu sahaja dua perkara yang saya bangkitkan. Minta penjelasan secara terperinci daripada Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima Yang Berhormat Taiping. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jeli. Silakan.

8.42 mlm.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma ada empat perkara.

Akan tetapi sebelum itu, satu kenyataan umumlah walaupun kita banyak kompelin, Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri, kita harus bersyukur dan akui bahawa Malaysia mempunyai antara perkhidmatan kesihatan awam antara yang terbaik di dunia ya... *[Tepuk]* Dengan akses sehingga ke kawasan-kawasan pedalaman. Kompelin banyak tetapi kita harus bersyukur juga ya.

Seterusnya saya hendak ucap terima kasih kepada kerajaan kerana telah menyiapkan pembinaan Hospital Kuala Krai, salah satu hospital yang ikonik di Kelantan. Dibuka pada 2 September yang lalu. Juga Hospital Bachok yang sedang rancang dilaksanakan. Terima kasih Kementerian Kesihatan.

Perkara pertama ialah Butiran 00300 – Kemudahan Hospital. Ini berkaitan dengan cadangan untuk membina sebuah hospital ibu dan anak di Kelantan. Hospital RPZ, hospital umum Kota Bharu ini antara tertua di negara kita. Ia sudah penuh sesak dan rancangan untuk membina satu hospital khas untuk ibu dan anak adalah satu cadangan yang amat diperlukan dan kita harap dipertimbangkan oleh kerajaan. Selain daripada meredakan kesesakan di Hospital RPZ, sudah pasti ia akan menyediakan perkhidmatan kesihatan lebih baik untuk rakyat Kelantan.

Kedua, Tuan Pengerusi, Butiran 00201 – Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar. Saya mohon pertimbangan untuk kawasan saya Jeli, pertama, pembinaan klinik yang *dedicated* bagi perkampungan Orang Asli Sungai Rual yang mempunyai kira-kira 200 ketua keluarga, ketua isi rumah. Kedua, pembinaan semula Klinik Batu Gajah di jajahan Tanah Merah tetapi dalam kawasan Parlimen Jeli yang kedudukannya yang tidak sesuai ataupun sesak. Ketiga, untuk *upgrade* Klinik Kesihatan Ayer Lanas. Kesemua ini di kawasan Parlimen Jeli. Itu yang kedua.

Ketiga, Tuan Pengerusi, ialah Butiran 020200 – Pengurusan Hospital. Saya mohon sekali lagi pertimbangan untuk disediakan— saya ada hospital di kawasan saya tetapi tidak ada pakar ya. Satu pakar pun tidak ada. Kerap kali berlaku *accident*. Jeli terletak di Lebuh Raya Timur-Barat. Gerik sempadan dengan kawasan saya. Kebanyakan kemalangan berlaku berdekatan dengan Jeli khususnya di Batu 8 hingga 14 jalan Jeli ke Gerik dan kadang-kadang sekali seminggu— minggu lepas pun ada kematian, dua tiga orang, dan tidak ada pakar *accident*.

Oleh sebab kerapnya berlaku *accident*, maka sebagai satu permohonan khas, saya mohon supaya ditempatkan pada permulaannya pakar dalam bidang kemalangan dan kecemasan. *Of course going forward*, dengan izin, kita harap juga ditempatkan pakar-pakar yang

lain kerana tidak ada pakar. Yang ada cuma pakar yang melawat sekali sekala daripada Hospital Tanah Merah.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya ucap terima kasih kerana Pejabat Kesihatan Jeli dalam pembinaan. Akan tetapi, kita perlu juga klinik kesihatan yang sekarang ini juga bersama dengan hospital. Saya pernah tulis surat kepada kementerian menyatakan bahawa dalam kawasan 10 ekar ini ada sebuah hospital, ada kuarters, ada klinik pergigian, ada klinik kesihatan dan ada pejabat kesihatan. Lima operasi Kementerian Kesihatan dalam satu kawasan 10 ekar. Jadi, kita pohon supaya klinik kesihatan juga dibawa keluar daripada hospital untuk meredakan kesesakan di kawasan hospital.

Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Sekarang jemput Yang Berhormat Segamat. Silakan, Yang Berhormat Segamat.

8.46 mlm.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 00300 – Kemudahan Hospital dengan Butiran 00400 – Hospital Baharu. Saya ingin bertanyakan niat dan juga bilakah KKM akan melaksanakan bangunan tambahan ICU, *emergency* di Hospital Segamat yang digunakan oleh tiga Parlimen iaitu Parlimen Segamat, Sekijang dan Labis? Saya difahamkan tender yang telah diberikan dulu telah pun ditamatkan dan projek berjumlah RM90.5 juta ini akan ditender kembali. Persoalannya, bila? Kalau boleh, secepat yang mungkin.

Butiran 00201 – Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan, bilakah Klinik Kesihatan Palong 2 Felda Segamat akan dimulakan projeknya? Ini kerana ia telah lama dijanjikan. Saya difahamkan ia berjumlah RM20 juta.

Butiran 00203 – Perkhidmatan Kesihatan Bandar. Klinik Kesihatan Segamat *type 2* di Jalan Muar, bilakah ia akan dilaksanakan? Saya difahamkan ia dianggarkan berjumlah RM40 juta. Walaupun saya telah dengar secara lisan bahawa kementerian telah meluluskan dan akan melaksanakan pada tahun depan tetapi saya nak kepastian daripada Yang Berhormat Menteri sendiri agar warga Segamat yang apabila dibalas nanti mendengar akan lebih gembira.

Butiran 01100 – Peralatan dan Kenderaan. Saya ingin bertanyakan juga kalau boleh Hospital Segamat itu diberi tambahan ambulan dan juga satu ambulan ditempatkan di klinik kesihatan di Felda Palong Timur 2 kerana jaraknya begitu jauh iaitu 45 minit hingga satu jam kalau dipanggil. Maka, ambulan apabila sampai di tempat kejadian, kebiasaannya— saya ingat Yang Berhormat Menteri pun tahulah apakah seterusnya. Mereka memang tidak sampai.

Mengenai Butiran 00600 – Ubahsuai, Naik Taraf dan Pembaikan, saya juga memohon Yang Berhormat Menteri di kemudahan Hospital Segamat yang baharu itu juga diberikan satu peralatan MRI kerana pada masa ini di Hospital Segamat itu tiada MRI, walaupun harganya lebih kurang RM6 hingga RM8 juta termasuk dengan bangunan.

Yang Berhormat Menteri, saya sendiri adalah seorang yang pernah mengalami *brain ruptured aneurysm* pada tahun 2010 di sebelah kiri dan juga pada tahun 2011 di sebelah kanan

dengan dua *titanium clips* di belakang mata saya. *I am a living miracle* dan saya hidup kerana sistem peralatan dan juga kesihatan yang diberikan waktu itu ada. Saya rasa ia patut juga diberikan kepada semua warga di Segamat mahupun masyarakat luar bandar khususnya masyarakat Melayu Islam di DUN Buloh Kasap.

Seterusnya Butiran 00901 – Kemudahan Kuarters Luar Bandar. Saya difahamkan di Felda Palong Timur di klinik kesihatan yang sudah uzur yang sedia ada ini tidak ada kuarters. Maka, staf-stafnya harus duduk di luar lebih kurang 20 kilometer jarak yang paling dekat. Apabila *on call*, walaupun bidan, jururawat dan sebagainya, mereka tidak sampai. Saya difahamkan ini merupakan satu keperluan yang utama.

Dengan itu, saya berharap, Yang Berhormat Menteri, Segamat ini walaupun dulunya Menteri Kesihatan adalah daripada Barisan Nasional, saya pun dah dengar daripada Yang Berhormat Kota Tinggi dengan begitu sedih beliau mengatakan bahawa 10 tahun menunggu, kami sendiri kalau di Parlimen Segamat ini dengan adanya Menteri Kesihatan pun, semua ini tidak dilaksanakan bertahun-tahun. Akan tetapi tidak apa. Sekarang kita ada Yang Berhormat Menteri daripada Kuala Selangor, daripada Amanah, kawan kita yang baik...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Boleh, boleh. Hidup Pakatan!

■2050

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Saya bagi pihak warga Segamat merayu kepada Yang Berhormat Menteri tolonglah kami dan juga kepada Yang Berhormat Gopeng yang kebetulan Timbalan Menteri Kesihatan dan kampungnya di Segamat. Maka saya berharap kelima-lima butiran yang saya bacakan dan permintaan tidaklah begitu banyak dan saya harap diberikan kepada warga Segamat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Segamat.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar.

Tuan Pengerusi: Selepas ini Yang Berhormat Subang. Selepas Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Merbok.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Merbok, Yang Berhormat Batu Kawan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Dua minit, dua minit Lembah Pantai.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Papar belum bahas lagi ya?

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Belum.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Lembah Pantai dua minit sahaja, dua minit sahaja.

Tuan Pengerusi: Nombor 26, Yang Berhormat Papar.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Sibuti sikit.

Tuan Pengerusi: Nombor 27, Yang Berhormat Lembah Pantai ya dan Yang Berhormat Sibuti.

8.51 mlm.

Tuan Wong Chen [Subang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada P.42 Butiran 00400, muka surat 356 tentang hospital baharu di mana anggaran sebanyak RM319 juta. Sebenarnya saya tidak berhasrat untuk minta pembinaan satu hospital di Subang Jaya, cuma saya minta satu klinik kesihatan *type* 1, 2 atau 3 untuk kawasan USJ1 dibina secepat mungkin. Yang Berhormat Segambut, dia ada di sini ya? Semasa menjadi Adun Subang Jaya memang tahu tentang saga 10 tahun klinik USJ1 ini. Jadi saya minta kawan baik sayalah, Yang Berhormat Menteri untuk mengingati jasa-jasa baik saya [*Ketawa*] semasa kita menjadi pembangkang di mana kita *every night, every day we have to work on* dasar-dasar ekonomi, sosial dan juga politik. Jadi Tuan Pengerusi, *it is now for me to use my favor bank from him* okey? [*Ketawa*] Demi rakyat Subang. Bukan kroni, demi rakyat Subang, bukan saya.

Jadi kalau Yang Berhormat Menteri keberatan, saya akan minta Yang Berhormat Segambut untuk meringankan *resistance* Yang Berhormat Menteri. Ini kerana saya tahu Yang Berhormat Segambut ini banyak orang saya pergi Subang, dia tanya Yang Berhormat kita? Masih sayang sangat Subang Jaya kepada Yang Berhormat Segambut. Saya terpanggil kerana permintaan ini telah melanjuti lebih daripada 10 tahun dan kawasan USJ1 sebenarnya adalah kawasan miskin, walaupun keseluruhan kawasan Subang Jaya ini adalah kawasan *middle income* dan juga *upper middle income*.

Kawasan Subang Jaya juga banyak warga tua, *it is actually a retirement area*. Banyak anak-anak warga emas telah berhijrah ke negara lain seperti Australia dan Singapura. *They are alone*, Yang Berhormat Menteri, *these are very old people*. Jadi saya hendak bagi *social economic data*. Populasi kawasan Subang adalah lebih kurang 600,000, ada kata 750,000. Satu klinik kesihatan yang paling dekat ialah Kelana Jaya sahaja dan lebih kurang 50,000 penduduk adalah warga emas lebih daripada umur 65 tahun.

Oleh itu, klinik kesihatan ini memang perlu untuk mengatasilah ataupun *maintain the health situation* bagi penyakit kritikal seperti diabetes yang diamalkan oleh— yang orang tua atau warga emas ini kena banyaklah. Diabetes, darah tinggi, sakit jantung, sakit sendi, arthritis dan sebagainya. Sekiranya klinik kesihatan ini dapat ditubuhkan, maka warga emas tidak perlu menerima rawatan daripada Hospital Universiti Malaya di Petaling Jaya, *it's about 15.4 kilometers away* daripada USJ1.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menimbulkan isu tentang Butiran B.42 022600 – Perubatan Respiratori. Walaupun saya tidak komen sangat tentang anggaran, saya ingin *deviate* sedikit untuk berbincang tentang isu merokok seperti kawan baik saya tadi. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi Yang Berhormat Menteri kertas kerja saya, daripada pejabat saya tentang isu rokok. Pada bulan lalu, saya masih ingat Yang Berhormat Menteri memberi, masa *question time* telah memberi penjelasan yang baik untuk cara untuk mengatasi masalah rokok ini.

Saya ingin mencadangkan satu dasar di mana harga sebatang rokok dinaikkan kepada tahap dua peratus eksais duti setiap tahun untuk tujuh tahun, *the next seven years*. Sekarang

eksais duti ini adalah pada tahap 52 peratus, dengan dasar ini kita jangka dalam tujuh tahun ini akan mencapai kadar 66 peratus eksais duti sebatang rokok. *We will be on our way to meet the 75 percent target* yang set daripada WHO Framework Convention on Tobacco Control (FCTC).

Yang Berhormat Menteri, kadar 66 peratus ini berdasarkan amalan oleh Kerajaan Singapura di mana merokok adalah satu-satunya perkara yang mereka telah berjaya mengawal dengan baik. Kenaikan dua peratus setahun eksais duti juga akan memberi satu kepastian kepada syarikat-syarikat yang membuat dan juga menjual rokok ini. *The JTI, all these company, they want kepastian.*

Tuan Pengerusi, dengan izin, *I believe that this gradual increment will be fair to both the anti-smoking advocate which we belong to dan juga the corporations.* Sebagai seorang peguam korporat dulu, apa yang saya faham adalah syarikat-syarikat tidak suka kenaikan cukai yang mendadak ataupun arbitrari tanpa berjadual. Dengan izin, *therefore a schedule in consistent excise duty increase of two percent a year for seven year will be good to reduce overall tobacco consumption while maintaining a transparent business environment.* Harap Yang Berhormat Menteri akan memberi perhatian kepada kertas kerja saya. Nanti saya akan pass kertas kerja ini ya, Yang Berhormat Menteri.

Itu sahaja ucapan saya, Tuan Pengerusi. Saya minta sekali lagi Yang Berhormat Menteri untuk memberi satu kliniklah *type 1, 2 or 3.* Sila turun ke kawasan saya, kita tengok *social economic data.* *I understand it's only for needs space and I fully support if you don't give also but I want you to at least come down to Subang Jaya,* tengok kawasan itu sama ada keperluan ini betul-betul diperlukan oleh warga emas di USJ1. Terima kasih banyak.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Subang. Sekarang Yang Berhormat Padang Serai, silakan.

8.56 mlm.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Butiran saya, 020200 – Pengurusan Hospital. Mohon Yang Berhormat Menteri memberi perhatian serius terhadap Hospital Kulim. Nama hospital pakar tetapi peralatan tidak berpakar. *[Ketawa]* Memandangkan pesakit makin lama makin bertambah, namun hospital masih tinggal serba serbi kurang terutama fasiliti hospital masih memerlukan peralatan serius terhadap peralatan yang canggih mengikut keadaan zaman baru hospital pakar.

Mesin-mesin dialisis perlu ditambah memandangkan ramai pesakit buah pinggang dalam kategori B40 dan setarafnya. Katil-katil perlu ditambah. Di Hospital Kulim, ambulans perlu ditambah memandangkan ambulans yang ada sekarang hampir 20 tahun lebih dan kawasan saya adalah kawasan luas. Lebih kurang 300,000 orang penduduk mengadakan dua Parlimen, so memandangkan serius pergerakan kenderaan tersebut.

Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri, seterusnya Butiran 020300 – Rawatan Kecemasan dan Pesakit Luar. Didapati tiga klinik di kawasan Parlimen Padang Serai iaitu Klinik Taman Selisih, Klinik Pekan Nanas dan Klinik Pekan Padang Serai. Yang Berhormat Menteri,

semua klinik sentiasa padat dengan pesakit. Oleh itu, peralatan perlu diberi perhatian dan bilik doktor perlulah diasingkan, bukan dua doktor duduk dalam satu bilik. Bila saya melawat di hospital tersebut, klinik tersebut, saya dapati dua doktor duduk dalam satu bilik. Pesakit sebelah sini, dengar sebelah sini apa doktor ini bagi tahu. So itu bukan betul dan saya rasa ini perlu diperbaiki. Juga tandas-tandas amat menyedihkan, so perlu ambil perhatian serius. Kalau boleh klinik ini dan juga kalau boleh klinik ini dibuka pada jam 0700 iaitu tujuh pagi memandangkan ramai yang datang menunggu luar pagar.

Ada yang cirit birit. Macam mana nak pergi ke tandas? So biar doktor ambil *time* dia pukul lapan tak apa tetapi bagi dia orang masuk ke dalam klinik tersebut supaya mereka boleh gunakan tandas dan fasiliti-fasiliti yang ada dan juga mereka boleh duduk, yang mana demam dan sebagainya. Seterusnya saya juga mencadangkan ambulans di Klinik Padang Serai diadakan 24 jam memandangkan pada masa ini tidak ada klinik. Waktu klinik sahaja ada ambulans, selepas itu tidak ada klinik. Memandangkan daripada Padang Serai nak pergi ke Kulim memakan masa 30 kilometer. Kalau kita panggil ambulans datang dari Kulim pergi ke Padang Serai dan juga nak pusing balik, hampir dua jam ke tiga jam.

■ 2100

Kalau orang itu sakit dada dan juga orang itu hendak bersalin pun mungkin boleh bersalin dalam ambulan tersebut. Seterusnya saya juga ingin ambil nasihat daripada pihak kementerian berkenaan minuman arak perlulah ambil perhatian yang serius memandangkan ramai pesakit-pesakit yang minum arak selepas itu diberi perubatan dan memberi perubatan-perubatan daripada hospital. So, macam mana kalau orang itu kita beri racun selepas itu diubatkan. So, rugi duit kerajaan.

Kalau boleh dihapuskan arak, hapuskan samsu kita boleh save duit kerajaan. Duit itu kita boleh bagi peluang kepada pesakit-pesakit yang lain sebab boleh ambil ini. Kalau tidak tengok sentiasa ada pesakit-pesakit yang minum samsu. Kalau saya pergi ke hospital sentiasa ada tiga, empat, lima orang ada dalam *bed*, yang *bed* dia tidur pun tidak apa ganggu orang lain bising kuat, "*Adui, Adui, Adui*". Itu satu susah kepada kita.

So, saya berharap kerajaan ambil perhatian sebab rokok dilarang dan juga samsu dihapuskan. Dengan ini saya ucapkan terima kasih kementerian, walaupun Yang Berhormat Menteri ini baru ambil alih tetapi banyak perubahan-perubahan kita lihat dan juga hospital pun dikemaskinikan. Inilah satu pembaharuan yang kita mahu dan juga masalah-masalah kita walaupun seperti mana mereka kata Menteri daripada kawasan sana dan sini, jangan lupa Perdana Menteri daripada kawasan saya juga daripada negeri Kedah. Terima kasih. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Padang Serai. Untuk pembahas seterusnya lima minit seorang mencukupi saya ingat atau kurang. Persilakan Yang Berhormat Merbok, silakan.

9.02 mlm.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya untuk kawasan saya mengharapkan kementerian memang ada menyimpan laporan-laporan di dalam radar dan saya harapkan benda itu dalam pemerhatian pihak kementerian. So, saya terus kepada Butiran 022800 iaitu perubatan rehabilitasi dan perubatan tradisional dan komplimentari. Saya sebenarnya ingin memulakan dengan memetik kajian daripada Pusat Kajian Sains Penagihan USM dalam kajiannya pada tahun 2010 dan 2017 berkenaan daun ketum. Kajian tersebut dibuat di kalangan belia untuk Kedah dan Perlis mendapati bahawa ketum ini dapat mengurangkan ketagihan dan kebergantungan bagi penagih dadah yang jenis *opiate* dan juga dadah sintetik iaitu pil kuda dan syabu.

Jadi daripada ketum ini dia sifat ataupun kriteria dia yang mampu mengurangkan mudarat terhadap mereka yang menggunakan dadah terlarang. Jadi saya rasa kelebihan ketum ini dapat kita dia mempunyai potensi yang besar untuk rawatan dadah berbanding dengan penggunaan *methadone* yang memang kita gunakanlah. Jadi secara tidak langsung ketum juga sebenarnya boleh menjadi pendapatan kepada negara kita. Kita faham ketum sebenarnya diletakkan di bawah Akta Racun 1952 yang mana barang siapa mengimport, mengeksport, mengilang, membekal, menjual atau memiliki serta menggunakan ketum secara haram boleh dihukum sebanyak RM10,000 atau penjara empat tahun atau kedua-duanya.

Kenapa saya hendak bangkitkan yang ketum ini kerana masalah dadah ini antara masalah yang memang berleluasa dan saya ingin menyebut sedikit tentang *methadone* ini kerana ada kisah benar di Klinik Sungai Lalang suatu masa dahulu dia merupakan klinik yang memberi rawatan *methadone* tetapi terpaksa diberhentikan kerana para penagih tahu bahawa itu boleh mengubatinya, jadi dia panjat siling klinik itu untuk mendapatkan *methadone*. Jadi sebab itulah sekarang rawatan tersebut tidak dibuat di klinik di situ.

Methadone ini kita tahu dia memang mahal, kalau 50 ml itu kalau tidak silap saya doktor dalam RM30-RM50 untuk 50 ml. So, saya rasa ia satu yang mahal dan kita terpaksa import daripada luar negara. Jadi selain daripada itu juga sebenarnya kalau kita boleh fikirkan, bila kita ada produk sendiri ini sebenarnya cairan ketum ini kita boleh jual dan kita boleh juga bantu sebenarnya terfikir mungkin sebab usia pokok ketum ini kita tidak perlukan bertahun-tahun. Jadi kita boleh fikirkan untuk bantu para-para petani kita sekarang yang mungkin harga getah ataupun kelapa sawit yang rendah sekarang.

Seterusnya saya hendak melihat kepada Butiran yang kedua 060300 iaitu berkenaan dengan penyelidikan. Jadi berkait dengan ketum tadi itu saya mengharapkan kementerian mungkin boleh memberi geran penyelidikan untuk terus mengkaji ketum ini secara saintifik. Saya tahu bahawa ada beberapa agensi kerajaan yang seperti PDRM tidak begitu bersetuju berkenaan dengan penggunaan ketum kerana banyak berlaku penyalahgunaan tetapi saya rasa penguatkuasaan ataupun saya ingin mencadangkan kita kuatkuasakan ataupun berikan macam, tinggikan dia punya denda sedia ada terhadap Akta Racun yang menggunakan ketum itu ataupun kita sendiri saya pernah sebut dalam perbahasan sebelum ini untuk kita berbincang dengan

badan-badan berkaitan untuk membuat Akta Khas Ketum yang mana kita boleh mengurus ketum itu dengan baik. Saya rasa kalau kita ada Akta Khas Ketum ini maka secara tidak langsung mungkin isu-isu penyalahgunaan itu dapat kita kurangkan dan dapat kita kawal.

Saya mengharapkan usaha ini perlu boleh pihak kementerian ketengahkan. Secara tidak langsung kita boleh menjana pendapatan, pada masa yang sama kita boleh mengubati ada alternatif lain untuk dadah lebih murah, boleh menjana pendapatan kepada negara dan akhirnya masalah dadah itu juga dapat kita kurangkan dengan lebih berkesan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Merbok. Sekarang Yang Berhormat Batu Kawan, silakan.

9.06 malam.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mulakan dengan Butiran 01000 – Promosi Kesihatan di mana ada pengurangan dari RM4 juta ke RM3 juta. Saya ingin tahu apakah justifikasi pengurangan RM1 juta ini dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk mempromosikan kepentingan kesihatan. Apakah *syllabus* yang akan digunakan, adakah ia termasuk juga isu-isu psikiatri dan sakit mental.

Kedua adalah Butiran 01100 – Peralatan dan Kenderaan yang bernilai RM370 juta. Saya ingin tahu apakah peralatan dan kenderaan yang termaktub di bawah butiran ini, peruntukan ini dan terutama sekali bagi hospital-hospital di Pulau Pinang sebelah pulau dan sebelah Seberang Prai. Termasuk juga sekiranya ada peralatan yang digunakan dalam hospital apakah butiran di bawah peruntukan ini.

Ketiga, adalah di bawah Butiran 00400 – Hospital Baharu yang saya menyambut baik kenaikan daripada RM206 juta ke RM319 juta. Namun saya ingin bertanya di sini selepas bertanya lima tahun sebagai Ahli Parlimen Pembangkang, saya tanya sekali lagi sebagai Ahli Parlimen Kerajaan sama ada peruntukan ini termasuk juga pembinaan hospital baru di kawasan Parlimen Batu Kawan memandangkan Hospital Sungai Bakap adalah satu-satunya hospital yang berumur 125 tahun lagi tua yang di Kota Tinggi untuk menampung pesakit-pesakit di dua Parlimen, Parlimen Nibong Tebal dan Parlimen Batu Kawan. Saya mohon pertimbangan daripada pihak kementerian.

Keempat di bawah Butiran 00300 – Kemudahan Hospital. Kenaikan daripada RM458 juta sehingga RM800 juta. Kami menyambut baik namun saya juga ingin tahu apakah kemudahan hospital yang disediakan untuk hospital-hospital di kawasan saya, Parlimen Batu Kawan dan juga di seluruh negeri Pulau Pinang.

Tuan Pengerusi, next adalah di bawah Butiran 00104 – *Outsourcing*, dengan izin RM1 juta telah diperuntukkan. Saya ingin tahu apakah yang di *outsource* oleh kementerian dan apakah justifikasi RM1 juta itu. Butiran selanjutnya 022000 – Pengimejan Diagnostik yang bernilai RM253 juta adakah ini termasuk dengan penambahbaikan atau pemilikan mesin-mesin *MRI* dan *CT Scan* yang saya tahu banyak adalah rosak ataupun dipinjam daripada hospital lain

dan sekiranya rosak di hospital ini maka pesakit walaupun tenat terpaksa dirujuk ke hospital yang jauh daripada hospital asal itu.

Butiran seterusnya adalah 022700 – Psikiatri dan Kesihatan Mental. Saya ingin tahu dengan penurunan dari RM343 juta ke RM335 juta apakah langkah-langkah kementerian untuk menyebarkan maklumat mengenai kesihatan mental, kaunseling dan juga sama ada kementerian ada rancangan untuk *cross ministry* untuk memastikan *signboards* atau papan-papan tanda diletakkan di seluruh perjalanan Lebuh raya Selatan ataupun di atas jambatan-jambatan terutama sekali di Pulau Pinang jambatan pertama dan kedua yang menjadi *hotspot* untuk orang mencuba untuk membunuh diri. Sekiranya ada perancangan itu mohon kementerian berkongsi dengan kita dengan Kementerian Pengangkutan atau JKR.

■2110

Butiran yang seterusnya 022100 – Patologi dan juga berkaitan dengan Butiran 023000 – Perubatan Forensik. Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya di sini sebab definisi perubatan forensik ini jauh daripada apa yang sebenarnya berlaku. Ia adalah satu deskripsi yang agak *vague* dengan izin *it's a bit misleading and* saya nampak di sini ada peningkatan daripada RM21.3 juta ke RM21.8 juta. Saya ingin tahu apakah peranan perubatan forensik ini dalam isu-isu kematian dalam tahanan apabila *review* atau *report* dirujuk kepada pakar-pakar forensik di hospital. Apakah peranan mereka?

Walaupun saya tahu isu kematian dalam tahanan adalah di bawah KDN namun saya rasa ada pertindihan di antara bidang kuasa ataupun kepakaran di antara *inhouse forensic team* PDRM dan juga bahagian forensik hospital-hospital. Akhir kata dengan ini saya ucapkan sekali lagi terima kasih di atas kesungguhan kementerian untuk memastikan tahap perkhidmatan kesihatan di Malaysia lebih baik daripada kerajaan sebelum ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Yang Berhormat Papar dua minit ya.

9.11 mlm.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Dua minit ya. Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Seperti mana yang kita tahu Kementerian Kesihatan telah diberi bajet yang begitu besar di mana jumlah bajet untuk belanjawan mengurus RM24.4 bilion dinaikkan kepada RM26.4 bilion dan jumlah bajet untuk pembangunan diberi daripada RM1.8 bilion kepada RM2.1 bilion. Akan tetapi dan malangnya tidak ada perubahan yang kita lihat ataupun pertambahan dari segi bilangan jawatan untuk tahun hadapan.

Tuan Pengerusi, seperti mana yang kita tahu saya akan bercakap fasal daerah Papar lagi. P.175 Papar merangkumi dua DUN iaitu DUN Pantai Manis dan DUN Kawang. Kawasan ini mempunyai tidak kurang daripada 79 kampung di pedalaman. Mereka tidak dapat sepenuhnya perkhidmatan klinik-klinik desa yang memberi mereka kemudahan rawatan. Ketiadaan klinik-klinik desa juga telah menyebabkan orang-orang kampung di hulu-hulu dan pedalaman susah

hendak mendapat rawatan kesihatan yang sepatutnya. Ini menyebabkan ramai pesakit lewat mendapat rawatan perubatan di peringkat awal.

Tuan Pengerusi, seperti mana yang kita tahu Butiran 00400 – Hospital Baru. Di mana bajet yang diberi daripada tahun 2018 ialah RM206 juta dan dinaikkan kepada RM319 juta iaitu kenaikan dengan RM113 juta. Saya ingin bertanya, adakah amaun yang dinaikkan yang berjumlah RM319 juta ini termasuk harga meneruskan pembinaan Hospital Papar yang baru yang berharga lebih kurang RM100 juta. Begitu juga pembinaannya Hospital Papar ini, saya juga memohon dengan adanya bajet yang besar ini supaya doktor-doktor pakar dapat ditambah di Hospital Papar untuk menyenangkan pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan doktor pakar tidak payah lagi datang ke Kota Kinabalu Hospital Queen Elizabeth untuk mendapatkan rawatan yang selanjutnya.

Berbalik kita kepada Butiran 00201 – Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar dan Butiran 00203 – Perkhidmatan Kesihatan Bandar. Di mana kalau kita lihat di sini ada peningkatan dari jumlah bajet yang diberi. Dari itu saya ingin memohon kepada kerajaan supaya membina lebih banyak klinik desa ataupun klinik-klinik *type* 1, 2 atau 3 dan juga hospital di tempat-tempat strategik di pedalaman supaya orang-orang kampung ini mendapat rawatan kesihatan di peringkat awal.

Saya juga ingin merujuk kepada Butiran 00300 – Kemudahan Hospital, Butiran 00600 – Ubahsuai Naik Taraf dan Pembaikan dan Butiran 01100 – Peralatan dan Kenderaan.

Walaupun bajet yang telah diberi pada tahun ini meningkat tetapi hospital-hospital di Sabah sangat ketinggalan dari segi pemberian mesin-mesin untuk perubatan di mana satu MRI di seluruh Sabah hanya ada tiga buah. Satu di Hospital Queen Elizabeth. Kedua, Queen Elizabeth II dan satu lagi Hospital Wanita dan Kanak-kanak di Likas. Jadi semua total MRI hanya ada tiga di seluruh Sabah. Begitu juga dengan CT Scan iaitu *Computed Tomography Scan*, Hospital Queen Elizabeth I ada dua, Hospital Queen Elizabeth II ada satu, Hospital Wanita dan Kanak-kanak Likas ada satu, Duchess of Kent di Sandakan ada satu, Hospital Tawau ada satu, Hospital Lahad Datu ada satu, Hospital Keningau ada satu. Jumlah CT Scan di seluruh Sabah ada lapan. Begitu juga dengan mesin hemodialisis hanya ada 338 di 23 hospital di seluruh Sabah. Di mana 49 daripada mesin ini adalah untuk kegunaan orang-orang yang berpenyakit *retroviral disease*, Hepatitis B dan Hepatitis C.

Saya ingin Tuan Pengerusi ingin untuk memperincikan lagi mesin-mesin hemodialisis di seluruh Sabah. Hospital Queen Elizabeth I ada 23 buah, Hospital Queen Elizabeth II ada 24 buah, Hospital Wanita dan Kanak-kanak di Likas ada 23 buah, Hospital Sandakan ada 23 buah, Hospital Tawau ada 31 buah, Hospital Lahad Datu ada 23 buah, Hospital Keningau ada 21 buah, Hospital Kunak ada 10 buah, Hospital Beaufort ada 21 buah, Hospital Sipitang ada 10 buah, Hospital Kudat ada 11 buah, Hospital Ranau ada 15 buah, Hospital Tenom ada 10 buah, Hospital Kota Marudu ada lapan buah, Hospital Kota Belud ada 12 buah, Hospital Semporna ada 11 buah, Hospital Papar ada lapan buah, Hospital Beluran lima buah, Hospital Tambunan sembilan buah,

Hospital Kinabatangan lima buah, Hospital Kuala Penyu ada 10 buah, Hospital Tuaran ada 17 buah, Hospital Pitas ada lapan buah. Kesemuanya ada 338 hemodialisis seluruh Sabah.

Ini kalau dibandingkan dengan mesin-mesin yang ada di Semenanjung jauh lebih berbeza. Jadi saya sebagai wakil rakyat dan bagi pihak kerajaan orang-orang Sabah ingin meminta supaya mesin-mesin yang telah diberi ini ditambah supaya kita akan dapat menikmati rawatan hospital yang terbaik. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Papar. Sekarang Yang Berhormat Lembah Pantai boleh dua minit.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sibuti pun dua minit.

9.18 mlm.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi ya terima kasih. Saya ingin menyentuh Butiran 040300 – Kesihatan Pergigian Masyarakat. Yang Berhormat Menteri saya memohon untuk Klinik Pergigian Bangsar dipertimbangkan ataupun saya ingin penjelasan sama ada akan kekal ataupun apakah nasib klinik pergigian di Bangsar ini memandangkan ia salah satu *I think is the only one* yang kita ada di kawasan tersebut.

Pada masa yang sama untuk makluman Yang Berhormat Menteri, bagi Maksud Pembangunan 42, Butiran 00904 – Pejabat dan Jabatan Kesihatan. Di kawasan Lembah Pantai ada beberapa perkara tempat-tempat, tapak-tapak termasuklah Institut Kesihatan Umum, Institut Pengurusan Kesihatan yang bagi saya perlu diberikan pertimbangan. Saya harap boleh dilanjutkan perbincangan bagaimana kita boleh kekalkan di tempat tersebut. Ini memandangkan saya banyak terima pandangan daripada staf-staf yang menyatakan mereka ingin kekal terus berada di tempat tersebut Yang Berhormat Menteri. Pada masa yang sama saya harap boleh dipertimbangkan usaha untuk membina satu klinik kesihatan jenis tiga di kawasan Pantai Dalam sama ada di tapak yang telah dicadangkan kepada Jabatan Kesihatan Lembah Pantai iaitu di Medan Sri Angkasa yang akan dibangunkan semula ataupun di Pantai Central Park.

■2120

Kedua-duanya saya rasa dari segi *acreage* dengan izin cukup. Cuma seperkara lagi saya mohon untuk Yang Berhormat Menteri melihat serius kepada isu bagi Klinik Ibu dan Anak sama ada di Seri Pahang, di Klinik Ibu dan Anak Bangsar dan juga di Klinik Ibu dan Anak di Flat Pantai Indah. Kedua-dua klinik ibu dan anak ini mempunyai masa depan yang tidak begitu baik. Saya sedia untuk berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri dan juga staf daripada Kementerian Kesihatan untuk melihat kepada perkara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Akhir sekali Yang Berhormat Sibuti dua minit juga.

9.20 mlm.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kepada Yang Berhormat Menteri, Butiran 00201 – Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar. Saya ingin mendapat pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah Klinik Kesihatan Sepupok akan dilaksanakan memandangkan daerah Subis di bawah Parlimen Sibuti memerlukan satu klinik kesihatan yang baharu bagi menggantikan klinik kesihatan yang sedia ada di kawasan Parlimen Sibuti yang pada masa kini sangat padat di Batu Niah dan juga di Klinik Kesihatan Bekenu.

Saya juga ingin bertanya berkenaan tentang perkhidmatan doktor udara. Adakah perkhidmatan doktor udara ini akan diteruskan seperti sedia kala dan sekiranya bajet ataupun belanjawan dikurangkan, saya mencadangkan melalui Butiran 01100 – Peralatan dan Kenderaan untuk menambah kenderaan-kenderaan pacuan empat roda bagi perkhidmatan kesihatan di kawasan luar bandar.

Juga saya ingin menyentuh Butiran 00600 – Ubahsuai, Naik Taraf dan Pembaikan dan juga Butiran 00300 – Kemudahan Hospital berkenaan tentang adakah pembesaran Hospital Miri akan melibatkan tempat letak kereta memandangkan punca kesesakan di kawasan Hospital Miri adalah tempat letak kereta yang kurang. Juga saya ingin mencadangkan agar dinaiktarafkan tempat pintu masuk bagi pesakit-pesakit yang menerima rawatan HIV memandangkan mereka menggunakan pintu yang sama. Oleh kerana pesakit HIV ini kita rahsiakan identiti, adalah lebih baik sekiranya mereka memasuki pintu khas atau khusus untuk ke Unit Rawatan HIV.

Juga berkenaan tentang Klinik Bekenu. Saya berharap ini adalah janji Yang Berhormat Menteri yang lepas untuk membina baharu ataupun menaik taraf kerana Sarawak berdepan dengan masalah klinik-klinik yang daif. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Oleh kerana ramai yang tidak ada di sini, mungkin jawab bertulis sahaja.

9.23 mlm.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berbahas bersabit kementerian saya, Kementerian Kesihatan Malaysia. Saya diberi berapa minit?

Tuan Pengerusi: 30 minit atau kurang.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: 30 minit juga ya. Ya Tuan Pengerusi, saya mendengar dengan tekun dan teliti setiap pembahas, Ahli Yang Berhormat yang berbahas yang pelbagai gaya dan cara. Keseluruhannya menyatakan bagaimana mereka sangat prihatin dan peka tentang kedudukan kesihatan di kawasan masing-masing.

Ada dengan cara yang begitu menyinggung, menyentuh— maaf. Perasaan kita dengar bagaimana seperti Yang Berhormat Igan membawa naratif perkisahan bagaimana rakyat beliau yang berdepan dengan fasiliti yang sangat daif, menemui ajal mereka dan juga cara bagaimana

sahabat saya Yang Berhormat Bagan Serai berbahas dengan begitu lantang. Semuanya dengan maksud untuk memberikan kepada saya bahawa mereka perlukan kesihatan ataupun fasiliti-fasiliti kesihatan mereka itu dipertingkatkan.

Keseluruhannya Tuan Pengerusi, walaupun dirakamkan oleh ramai pihak yang menyebutkan tadi bahawa Kementerian Kesihatan mendapat peruntukan yang besar pada kali ini. Ada yang kata paling besar. Saya juga turut berasa suka ataupun turut merasakan bersyukur kerana diberikan peruntukan begini. Namun dengan apa yang Ahli Yang Berhormat berhujah tadi, walaupun peningkatan 7.89 peratus dari sudut peningkatan amaun yang diberikan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia dengan peningkatan *development expenditure* dengan izin, meningkat sebanyak 18.2 peratus Tuan Pengerusi, namun saya perlu merakamkan kerana kita telah berbelanja dengan perbelanjaan yang kurang daripada sepatutnya sebagai sebuah negara dengan izin *upper middle-income economy*.

Lalu perlu dilakukan satu *catch up* untuk kita berlari pantas supaya fasiliti-fasiliti yang uzur, yang daif, hospital yang sudah melepasi 60 tahun, 80 tahun sebanyak 46 buah hospital daripada 145 buah yang kita ada di bawah KKM sahaja memerlukan kita untuk kembali mendapat suntikan *allocation* ataupun peruntukan yang lebih besar. Apa pun saya bersyukur dan nyata daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berhujah tadi, memanglah saya tidak akan dapat memenuhi permintaan menaik taraf klinik, menaik taraf klinik desa, menjadikan hospital-hospital daerah kepada hospital-hospital pakar *minor*. Ada yang hendak jadi pakar *major*, penambahbaikan *equipment* ataupun penggantian *equipment* yang sudah ada yang *breakdown*. *Downtime*-nya pun menjadikan hospital menjadi sesak. Umpama MRI dan *CT scan*.

Jadi saya ingin memulakan Tuan Pengerusi setakat yang mampu saya jawab dengan pelbagai— saya mencatat hampir penuh buku ini. Bermula dengan Yang Berhormat Arau yang telah bermula berhujah pada awal tadi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Arau tidak ada.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Ya saya akan mengambil pendekatan untuk hanya membaca dan membuat butiran ini kalau Ahli-ahli Yang Berhormat bersama...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri...

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kami tahu Yang Berhormat Menteri mempunyai tugas yang begitu berat dan masalah-masalah ini tidak boleh diselesaikan begitu sahaja. Warisan daripada kerajaan dahulu. Jadi kalau tidak boleh beri jawapan secara lisan, Jelutong cadangkan bahawa beri penjelasan secara bertulis pun tidak ada masalah.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Ya, boleh.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kami tahu ini bukanlah kerja yang senang.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar sokong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ini adalah masalah yang dihadapi yang telah menjadi warisan daripada Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Mustahil untuk dilaksanakan dalam masa lima bulan, Yang Berhormat Menteri. Saya faham. Jadi boleh beri secara bertulis.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Yang Berhormat Jelutong menteri kah?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri hendak menggulung ini. Ya silakan.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Jelutong sudah penat sangat kah ini yang mengacau *Minister* sahaja ini? Bagi *Minister* lah menjawab.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ini adalah masalah warisan daripada kerajaan dahulu. Macam mana... [*Pembesar suara dimatikan*]

[*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi: Tidak ada sesiapa nak menjemput Yang Berhormat Jelutong keluar minum kopi ke apa ke. [*Ketawa*]

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Setuju, setuju.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Ya saya akan jawab sekadar Yang Berhormat yang hadir dalam Dewan, yang masih ada dalam Dewan. Yang Berhormat Arau sudah tidak ada. Juga begitu, ini Yang Berhormat Jelutong adalah antara yang awal.

Tuan Pengerusi: Bertulis, bertulis.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, tetapi saya rela terima. Saya tahu mustahil untuk kita laksanakan kerja dalam tempoh lima bulan.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Jelutong bertulis.

Tuan Pengerusi: Bertulis, bertulis.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, saya tahu Yang Berhormat Menteri adalah seorang yang kerja kuat.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Baik. Hendak dengar jawapan atau saya tulis sahaja. Kalau tidak ...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bertulis.

Tuan Pengerusi: Bertulis.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Secara bertulis? Saya boleh bertulis ya. Beliau sedia untuk— Yang Berhormat Jelutong bersedia untuk menerimanya dalam bentuk bertulis Tuan Pengerusi. Juga begitu saya perhatikan Yang Berhormat Pontian tidak lagi hadir dalam Dewan.

Tuan Pengerusi: Tidak ada, ya.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Akan tetapi beliau berucap dengan baik dan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, sebab itu saya katakan kalau kita tanya soalan... [*Pembesar suara dimatikan*]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Jelutong, masa paling singkat sekarang. Jadi jangan celah. Silakan ya.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Baik, Yang Berhormat Pontian tidak ada. Saya tahu Yang Berhormat Pontian— saya sebenarnya bersedia untuk membutirkan apa jawapan-jawapan balas kepada Yang Berhormat Pontian tetapi beliau tidak hadir ya. *[Disampuk]* *[Ketawa]* Baik, tetapi beliau berhujah dengan baik ataupun menerangkan isu-isu dengan baik sebenarnya.

■2130

Ahli Yang Berhormat daripada Bandar Kuching ada?

Tuan Pengerusi: Ada.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Baik. Status Hospital Petra Jaya dan Hospital Sentosa. Status Hospital Petra Jaya, Ahli Yang Berhormat sedia maklum adalah antara projek yang telah saya tamatkan dan dipersetujui oleh Kementerian Kerja Raya dan pihak-pihak yang lain kerana telah sebenarnya melepasi dan tidak memenuhi apa pun dari sudut projek. Setelah dua tahun lewat, ia mempunyai hanya kemajuan *progress*-nya tidak silap saya dengan izin, 30 peratus. Lalu projek pembinaan Hospital Petra Jaya dengan katil 300 buah yang telah diluluskan dalam RMKe-10 tahun 2011 dengan jumlah kos projek RM500 juta, kontrak projek tersebut telah diberikan notis penamatan. Penamatan sedia maklum Yang Berhormat ya, pada 2 Ogos 2018 setelah mendapati kemajuan kontrak di tapaknya adalah tidak memuaskan. Tidak silap saya 33 peratus sahaja *progress* kemajuan setelah dua tahun lewat. Lalu kita mengharapkan – saya sebenarnya *tendering* yang baharu itu akan kita uruskan dengan segera, mudah-mudahan dalam suku yang pertama tahun hadapan akan dapat kita tangani dengan sesegera yang mungkin, *insya-Allah*.

Hospital Sentosa, Kementerian sentiasa peka kepada keperluan dan kekangan yang dihadapi oleh masyarakat setempat di negeri Sarawak dalam mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang terbaik. Sehubungan dengan itu, pelbagai langkah telah dilaksanakan bagi meningkatkan taraf keperluan fasiliti kesihatan yang ada di Sarawak. Bagi Hospital Sentosa, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan sedang melaksanakan projek naik taraf sistem perpaipan dengan anggaran kos RM1.9 juta. Projek ini dalam peringkat perancangan di bawah JKR Sarawak Yang Berhormat.

Yang Berhormat Maran merenung saya untuk mendapatkan jawapan persoalan beliau, pembinaan Hospital Maran perlu diteruskan seperti mana yang beliau mahukan. Isu yang dibangkitkan, saya memberikan respons ini. Untuk makluman Yang Berhormat, projek pembinaan Hospital Maran yang telah diluluskan sebelum ini telah ditangguhkan pelaksanaannya oleh Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi buat masa kini. Dalam hal ini, projek pembinaan Hospital Maran akan dipohon semula dalam projek Rancangan Malaysia (RMK) *rolling plan* nanti yang seterusnya sebaik sahaja tapak tanah yang lebih sesuai bagi projek tersebut dapat dikenal pasti.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri. Sebelum tapak yang ada sekarang ini, enam tapak telah saya pergi sendiri melawat dan bersama dengan Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, JKR dan sebagainya.

Akhirnya tapak terbaru telah pun kita persetujui di mana tanah kerajaan 50 ekar, tidak melibatkan perbelanjaan yang besar. Saya mohon benar jangan sebut dalam keputusan bajet ini ditangguhkan, akan diteruskan walaupun pelaksanaannya mungkin tahun hadapan. Itu cerita lain. Saya mohon benar, tidak pun saya akan lakukan sesuatu di peringkat bahagian saya Yang Berhormat Menteri. Mungkin saya akan berarak ke Kuala Lumpur, berjumpa Menteri dan Perdana Menteri. Oleh sebab ini sebenarnya di Maran tidak ada hospital lagi. Yang Berhormat Jelutong jangan bunyi lagi ya. Minum pergi ke luar.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Ya Yang Berhormat Maran, saya amat memahami.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Saya mohon jangan ditangguhkan. Tidak ada perlu pertukaran tapak Yang Berhormat Menteri, sebab tapak telah pun kita pilih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Saya sebutkan di sini, seperti mana yang disebutkan, saya bersedia untuk mempertimbangkan...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Saya tahu Yang Berhormat Menteri seorang yang cukup baik. Saya mohon, saya merayu Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya merayu, saya merayu kali yang terakhir. Tiga kali saya telah bawa dalam *mid-term review* RMKe-11, bajet dasar saya sudah bawa dan ini bajet kementerian. Saya mohon jangan tangguhkan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Tidak mengapa. *Insyaa-Allah* saya pertimbangkan permohonan ini.

Yang Berhormat Lipis pula. Baik, Yang Berhormat Maran tadi. Yang Berhormat Lipis ada?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Lipis ada.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Merujuk kepada jawapan lisan...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Tuan Pengerusi, sedikit. Saya ada dua tiga perkara. Kedua ialah perjawatan. Klinik yang ketujuh - perjawatan. Jawab bertulis tak apalah. Hospital itu saya hendak jawapan lisan. Terima kasih banyak.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Tak apalah kita jawab. Bagi peluang yang lain juga. Kalau saya jawab semua nanti, habis waktu untuk yang lain. Merujuk kepada jawapan lisan yang menyatakan bahawa K1M Lipis yang akan diteruskan operasi. Saya ingat ini perlu saya jawab. Kementerian telah menyenaraipendekkan 34 fasiliti Klinik 1Malaysia yang tidak kos efektif yang memenuhi kriteria berikut:

- (i) purata kedatangan harian yang kurang daripada 40 pesakit sehari;
- (ii) mempunyai fasiliti kesihatan kerajaan lain dalam lingkungan lima kilometer; dan
- (iii) mendapat persetujuan Jabatan Kesihatan negeri masing-masing.

Kita punya perhitungan yang agak jelas akan kriteria ketika kita mahukan – kerana menimbangkan persoalan *cost effectiveness* dengan izin, maka fasiliti ini termasuklah Klinik

1Malaysia Lipis yang akan ditutup kerana purata kedatangan sehari yang rendah, 39 pesakit atau pelanggan sehari dan ia hanya berada pada 2.5 kilometer daripada Klinik Kesihatan Maran Yang Berhormat. Klinik 1Malaysia Maran akan ditutup kerana kedatangan sehari – Maaf. Klinik 1Malaysia ini, itu Klinik Kesihatan Maran. Klinik 1Malaysia Maran akan ditutup kerana kedatangan sehari adalah 30 dan juga berada – tadi Klinik 1Malaysia Lipis, ini Klinik 1Malaysia Maran...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Boleh saya bertanya Lipis dahulu?

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Ya, nanti sekejap. Oh ya, terus.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Yang Berhormat Menteri, sebab itu dalam persoalan saya pada 23 Oktober, soalan lisan saya, saya tanya kalau Menteri tak dapat jawab, tolong jawapan bertulis. Akan tetapi jawapan Menteri pada ketika itu menjawab, saya masih ingat dengan segar, yang nyata Lipis tidak akan ditutup. Kehendak Kementerian Kesihatan sebanyak 40 orang sehari, sedangkan Lipis hanya 39, kekurangan seorang. Mungkin ada hari yang 42, mungkin ada 45, mungkin ada 60, mungkin ada 20. Akan tetapi persoalannya sekarang, Yang Berhormat Menteri sudah jawab Lipis sudah pasti tidak ditutup. Oleh sebab itu saya menunggu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Oleh sebab itu kalau saya dah kata kepada Yang Berhormat Maran sebentar tadi, kita tunggu jawapan Menteri. Maknanya kalau Menteri mengatakan bahawa Lipis akan ditutup pada 23 Oktober, Menteri telah berbohong kepada saya.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Tak apalah. Kalaulah saya tersilap, saya bersedia untuk memohon maaf. Manusia mungkin sahaja melakukan kesilapan. [*Dewan riuh*] Saya tidak mahu bertikam lidah atas sesuatu perkara yang saya kira boleh juga kita pertimbangkan. Akan tetapi kalau itu atas sebab itu Yang Berhormat Lipis bertegas untuk mengatakan lalu mesti dibuat, mesti dilakukan, mesti dilaksanakan, saya kira itu satu yang agak tidak wajar untuk kita pegang. Kalaulah saya silap...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Pada saya Yang Berhormat Menteri...

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Kerana perhitungan itu dibuat oleh satu kriteria-kriteria yang telah kita turunkan sebentar tadi. Apa pun maklumat yang saya dapat ketika itu, apabila diperhitungkan kembali dengan kriteria yang telah di-*set*, maka keputusannya adalah tidak untuk meneruskan. Saya mengakui dalam persoalan *average* ini, dalam persoalan *average* atau purata, ia bukanlah satu perkara atau angka yang begitu tepat untuk kita jadikan ukuran. Lalu 39, 41, dia kena ada dia punya *standard deviation*-nya, *error*, margin, segala-galanya itu, tidaklah saya bertegas kerana kurang satu, maka kita tutup begitu pun bukan begitu penghujahan kami. Akan tetapi diambil keseluruhan hujah dan kriteria yang telah digunakan...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Jadi oleh sebab itu, saya ingat janganlah kita...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Yang Berhormat Menteri, saya ingat saya berpendapat bahawa kena juga mengambil kriteria sesuatu tempat...

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Ya, ya, ya.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Di Lipis merupakan masih ramai golongan yang rendah pendapatannya dan mereka sudah pasti kalau waktu malam, tidak mungkin mereka boleh ke klinik swasta yang saya nyatakan bahawa sekurang-kurangnya RM50 hingga RM60 mereka akan berbelanja. Jadi kalau difikirkan kriteria itu, Yang Berhormat Menteri seharusnya berfikir semula bahawa klinik di Lipis itu hendaklah dikaji sama ada ditutup ataupun boleh dibuka.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Tak apa, tak apa. Baik. Boleh, boleh. Saya boleh ambil kira itu, tidak ada masalah.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Dan saya minta supaya sebelum itu, Yang Berhormat Menteri seharusnya mengkaji dan saya cadangkan supaya Yang Berhormat Jelutong kena *check* air kencing, saya takut dia mabuk.

■2140

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Baik, Yang Berhormat Lipis. Saya ingat perkara ini jangan kita panjangkan. Saya boleh perhitungkan kembali.

Tuan Pengerusi: Itu tidak perlulah ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Lipis, apalah. Tidak ada standardlah *you*.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Baik, saya...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Lipis, *sixty years*, 60 tahun buat apa? Sekarang baru hendak *argue*.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Sebab kita bercakap, *you* sentiasa nak kacau.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak ada klinik, tidak ada hospital, tidak ada... [*Pembesar suara dimatikan*]

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Semua nak cakap, *you* kacau, kacau, kacau. *You* cakap orang tak ada standard tapi *you* lagi tak ada standard

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Lipis, sila duduk ya. Ramai orang lagi hendak mendengar jawapan Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Menteri, silakan.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Baik. Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Permatang Pauh tidak hadir walaupun saya berhajat untuk memberi jawapan beliau. Begitu juga saya teruskan— Yang Berhormat Igan ada?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Igan tidak ada.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Yang Berhormat Igan yang berhujah dengan begitu emosi sebentar tadi tentang perkara di Hospital Daro dan sebagainya. Mesin hemodialisis beliau, saya akan menulis jawapan itu oleh pegawai saya, *insya-Allah*.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri, sikit sahaja, Yang Berhormat Menteri. Saya cuma hendak sekali lagi untuk rekod, untuk rekod... [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi: Dengar dahulu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya hendak puji Yang Berhormat Menteri kerana kita sanggup meminta maaf kalau ada kesilapan. [*Tepuk*] Ini menunjukkan contoh seorang Menteri Pakatan Harapan yang sanggup meminta maaf kalau ada kesilapan. Tidak pernah berlaku dalam sejarah masa Barisan Nasional memerintah.

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Okey, baik, baik. Tuan Pengerusi, saya menyebutkan sikit tentang Yang Berhormat Rasah. Yang Berhormat Rasah ada?

Tuan Pengerusi: Ada, ada.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Ada, ada.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Yang Berhormat Rasah ya. Baik, Yang Berhormat Rasah menyebutkan tentang penyakit jarang jumpa. Bagi rawatan pesakit-pesakit jarang jumpa ini atau *rare diseases*, dengan izin, peruntukan sebanyak RM10 juta telah disediakan. Manakala pada tahun 2019 pula, peruntukan sebanyak RM16 juta disediakan bagi rawatan pesakit-pesakit ini ya.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih, terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat. Baik, Yang Berhormat Segamat. MRI Hospital Segamat. Yang Berhormat Segamat?

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: [*Bangun*]

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Peralatan— Yang Berhormat Segamat yang memberikan naratifnya dengan emosi kerana beliau sendiri mengalami *brain aneurysm* ya, *hemorrhage* dalam *brain* atas penyakit *aneurysm* itu. Peralatan MRI adalah sangat mahal. Oleh itu, buat masa ini, perkhidmatan diberi secara *regional*, Yang Berhormat. Ini kerana kekurangan bilangan kepakaran dan kumpulan sokongan yang terlatih untuk mengendalikan mesin seumpama MRI itu dan kekangan peruntukan bagi perolehan peralatan MRI. Penggantian MRI melibatkan kos perolehan yang besar iaitu tidak kurang daripada RM8 juta kurang lebih seunit tidak termasuk kos kerja tapak dan sebagainya.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Dengan tapak dan kerja semua ialah RM8 juta?

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Ya.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Akan tetapi Segamat belum ada.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Ya, saya faham. Jadi— eh, Segamat belum ada ya?

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: MRI belum ada.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: *You got a CT Scan, right?*

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: *Only CT Scan, which is not good enough.*

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Betul, *CT Scan* dan MRI adalah dua mesin yang berbeza. Satu yang menggunakan x-ray dan satu lagi menggunakan *magnetic resonance imaging* itu. Juga dari sudut *outcome* ataupun analisis yang dimahukan adalah lebih baik, lebih perlu MRI *on soft tissue* dan sebagainya.

Kementerian akan mengambil maklumat keperluan Hospital Segamat dan akan mengkaji keperluan peralatan MRI dari segi perkhidmatannya. Buat masa ini, pesakit-pesakit dari Hospital Segamat akan dirujuk kepada Hospital Muar dan Hospital Batu Pahat untuk imbasan MRI, Yang Berhormat. Minta maaf, itu yang dapat saya kemukakan dahulu.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Yang Berhormat Parit Sulong.

Seorang Ahli: Ada, ada.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat Menteri...

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Ya, Yang Berhormat Parit Sulong...

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Ya?

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Segamat.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Ya.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Saya tadi ada beberapa perkara tentang klinik kesihatan di Palong Timur 2 dengan klinik kesihatan *type 2* di Jalan Muar, dengan bangunan tambahan *emergency* di Hospital Segamat yang telah diluluskan tetapi telah dibatalkan dan sedia untuk *retender* semula. Juga kuarters untuk warga FELDA dan juga ambulans.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Saya ada catatkan di sini...

Tuan Pengerusi: Jawapan bertulis, jawapan bertulis.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Catatan ini saya ada dan saya akan minta pegawai saya untuk menjawab secara bertulis segera mungkin, Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Ya, saya akan tunggu datangnya surat dengan sukacitanya. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Saya tahu, saya tahu penantian itu satu penyiksaan. Akan tetapi, saya buat dengan segera, *insya-Allah*.

Baik. Yang Berhormat Parit Sulong sebenarnya dalam topiknya ialah mengenai hospital kluster di negeri Johor ini. Pada masa ini, kluster di negeri Johor dijalankan di antara Hospital Sultan Ismail (HSI) sebagai *lead hospital* dengan Hospital Mersing dan Hospital Kota Tinggi sebagai *non-lead hospital*. Justeru, melibatkan empat kepakaran iaitu kecemasan, perubatan, *anesthesiology* dan *orthopedic*. Pihak KKM dalam perancangan untuk mengembangkan perkhidmatan kepakaran melalui inisiatif hospital kluster di seluruh negara.

Cara apabila kita tidak punya kewangan, *we got to work smart around*, iaitu dengan mendapatkan hospital kluster ini di mana ada satu *lead hospital* yang pakar *major* dan keseluruhan yang lain itu dibantu dan mendapat perkhidmatan daripada *lead hospital* ini. Ini cara yang agak mengatasi *resource deficient* kita, dengan izin. Apabila kita tidak punya *resource*, kita perlu menjadi *resourceful*, dengan izin. Maka dengan kata lainnya, itulah dapat saya sebut untuk sementara ini.

Andainya kalau kita punya dana yang cukup, memang kita hendak angkatkan ataupun mempertingkatkan semua klinik pakar *minor* kita kepada pakar *major*. Hospital-hospital daerah pun kita hendak jadikan klinik pakar minor paling tidaknya dengan pelbagai kepakaran dan

hospital-hospital *major* kita itu, kita tambah dengan sub kepakaran. Akan tetapi, semua itu menjadi satu angan-angan saya. *Insyah-Allah*, satu cita-cita dan azam saya dalam Parlimen ke-14 ini kita mahukan agar kita akan dapat mempertingkatkan, dengan izin, *health delivery*...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, ada satu soalan, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Sistem kita dengan lebih baik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Satu soalan, satu soalan. Adakah nama Klinik 1Malaysia akan dikekalkan?

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Tidak. Kita tidak akan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Itu adalah mimpi ngeri rakyat Malaysia. Saya minta jangan dikekalkanlah.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Konsep klinik komuniti itu, Yang Berhormat Jelutong, adalah jauh bezanya dengan konsep Klinik 1Malaysia. Ini kerana kita menjanjikan perkhidmatan doktor, farmasi dan sedikit sebanyak diagnostik kita. Ia bukan satu Klinik 1Malaysia yang telah dibuat oleh *order* lama.

Baik, Yang Berhormat Rasah...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Ya?

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Minta maaf. Saya juga berharap kalau misalannya ada lebihan dari segi peruntukan untuk mempertimbangkan mana-mana hospital, saya minta supaya Hospital Batu Pahat dapat dipertimbangkan sebab ia mempunyai doktor-doktor pakar juga yang boleh membantu klinik. Ia ada satu lagi pusat kesihatan berdekatan juga dengan Hospital Batu Pahat itu juga. Okey, terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Ya, boleh kita transformasikan andainya kita punya sikit *resource*. Kita boleh jadikan hospital-hospital itu untuk memberikan perkhidmatan pakar mereka. Kita mempertingkatkan kepakaran yang ada di Hospital Muar dan sebagainya itu. Baik, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong.

Kembali kepada Yang Berhormat Rasah. Yang Berhormat Rasah?

Beberapa Ahli: Ada.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Yang Berhormat Rasah ada?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Ada, ada.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Perkhidmatan dialisis di Hospital Tuanku Jaafar. Saya berikan ini sebagai responsnya.

Peruntukan dialisis bagi Negeri Sembilan pada tahun 2018 adalah sebanyak RM7 juta. Pada tahun 2019, cadangan peruntukan belanja mengurus aktiviti nefrologi bagi Negeri Sembilan meningkat sebanyak RM10 juta. Ketika ini, Hospital Tuanku Jaafar memiliki sejumlah 30 buah mesin hemodialisis termasuk dua mesin baharu diperoleh pada tahun 2018. Perancangan untuk perolehan dua lagi mesin pada tahun 2019 adalah— dimaklumkan jumlah pesakit yang menjalani hemodialisis adalah seramai 116 orang. Ini adalah jawapan dan respons atas perkara tersebut.

Meskipun kita tahu dari sudut menangani apa yang dikatakan sebagai *chronic kidney failure* ini, pendekatan kita harapkan mengunjur ke hadapan, *moving forward*, dengan izin, kita lebih senang atau lebih cenderung untuk memulakan rawatan menggunakan *continuous ambulatory peritoneal dialysis (CAPD)*, kerana itu akan dapat dilakukan sendiri oleh pesakit di rumah. Juga satu lagi adalah *automated peritoneal dialysis (APD)*. Ini juga adalah mudah, boleh dibuat di rumah dan juga kosnya adalah jauh lebih murah sebenarnya.

■2150

Purata bagi seorang pesakit hemodialisis setahun kurang lebih RM42,000 dalam kos rawatan mereka untuk seorang. Jadi, itu jawapan saya untuk Yang Berhormat Rasah sementara ini. Saya tahu Yang Berhormat Rasah membangkitkan lebih banyak lagi perkara lain, kalau boleh izinkan saya memberikan jawapan secara bertulis Yang Berhormat Rasah?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Boleh, boleh Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Saya ada dua minit lagi ni. Yang Berhormat Taiping? Ada?

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Sedang menunggu.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Sedang menunggu? Yang Berhormat Taiping bertanyakan mengenai tujuan emolument tambahan RM1.165 bilion. Soalan yang sama dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pengakalan Chepa juga. Keperluan emolument tambahan bagi tahun 2019 sebanyak RM1.165 bilion adalah bagi keperluan pengisian jawatan kosong secara berfasa. Perwujudan jawatan baharu bagi fasiliti baru dan lantikan kontrak pegawai perubatan siswazah, *houseman*, pegawai pergigian dan pegawai farmasi dan paramedik itulah penjelasannya. Ini kerana, kita tidak berupaya menyerap semua graduan pergigian dan farmasi serta doktor. Lalu, kita mengambil pendekatan untuk mengambil mereka itu dalam bentuk pendekatan kontrak. Tidak silap saya, kita berbelanja RM888 juta untuk melaksanakan program *on the contractual basis* itu, keseluruhannya pegawai-pegawai perubatan, pergigian dan farmasi.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat Taiping. Dan juga paramedik ya. Yang Berhormat...

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Yang Berhormat Jelutong sudah dijawab.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Nanti tertinggal pula.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Ya, Yang Berhormat Setiu ya? Ini soalan yang sama yang ditanya oleh Yang Berhormat Kuching dan Yang Berhormat Maran ya juga bersabitan dengan dialisis, kalau boleh saya sekalikan jawapan ini. Kenapa tidak ada peruntukan dialisis di KKM? Soalan yang sama ditanya oleh Yang Berhormat Jelutong juga.

Peruntukan dialisis adalah di bawah aktiviti nefrologi. Peruntukan pada tahun 2018 adalah sebanyak RM194 juta bagi belanja mengurus sahaja. Pada tahun 2019, belanja mengurus untuk aktiviti nefrologi telah dicadangkan ditingkatkan kepada RM197 juta. Dalam Bajet 2019, telah diperuntukkan sebanyak RM6 juta di bawah BP 201 bagi perkhidmatan

hemodialisis di klinik-klinik kesihatan dan RM6 juta di bawah BP 300 untuk aspek yang sama di hospital. Peruntukan adalah untuk satu pembelian peralatan hemodialisis Tuan Pengerusi, kedua menaik taraf fasiliti kesihatan yang menawarkan perkhidmatan hemodialisis. Ya, habis sudah?

Selain itu, pada tahun 2019, sebanyak RM15.1 juta diperuntukkan bagi perluasan rawatan hemodialisis– di sini ada disebutkan CAPD dan APD bagi pesakit kegagalan ginjal, *kidney failures*, dengan izin.

Yang Berhormat Jelutong sudah kita jawab. Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Setiu bolehkah lagi Tuan Pengerusi ataupun saya hendak? Ya? Boleh Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Setiu mengharapkan ya.

Okey, sejauh manakah inisiatif KKM dalam menangani jangkitan HIV secara seksual? Ini agak – Secara amnya, jangkitan HIV di Malaysia telah menunjukkan penurunan lebih 60 peratus pada penghujung tahun 2017 berbanding tahun 2002. Ini di mana negara merekodkan bilangan kes HIV tertinggi seramai 6,978 orang. Walaupun bilangan kes baru HIV telah menurun, tetapi kadar jangkitan melalui transmisi seksual telah meningkat daripada 33 peratus kepada 91 peratus di antara tahun 2007 sehingga 2017. Ini menjadi punca utama jangkitan HIV sekali gus.

Bagi menangani jangkitan HIV melalui transmisi seksual ini, KKM akan meningkatkan rawatan *antiretroviral* (ARV) untuk mencapai sekurang-kurangnya 95 peratus mereka yang hidup dengan HIV menerima rawatan ARV. Rawatan ARV pada amnya, dapat mencegah jangkitan HIV melalui transmisi seksual sebanyak 97 peratus. Pada penghujung 2017, hanya 54 peratus orang yang hidup dengan HIV menerima rawatan ARV. Itulah peningkatan perbezaannya. KKM juga akan terus menekankan kepentingan amalan seks selamat terutamanya di kalangan populasi berisiko tinggi bagi memastikan jangkitan HIV dapat terus dibendung.

Peningkatan kesedaran mengenai HIV. Langkah pencegahan akan terus kita pertingkatkan bagi memperkasa individu dan populasi berisiko untuk melindungi diri dari dijangkiti HIV atau jangkiti orang lain Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, selain yang saya minta untuk dijawab...

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Menteri? Kedua, pembesar Klinik Jabi itu, yang itu yang kita mahu jawapan.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: itu tidak ada – Saya tahu Yang Berhormat Setiu sangat menunggu jawapan itu, saya sendiri menyemak tadi pun tidak nampak jawapan itu di dalam beberapa dokumen yang saya. Jadi, saya khuatir untuk memberikan jawapan yang sekali lagi akan mengulangi Yang Berhormat Lipis di mana ia tidak tepat lalu saya ingat – Bersabarlah Yang Berhormat Setiu...

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Okey, Yang Berhormat Menteri berikan jawapan bertulislah.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Ya, ya. Saya pastikan kali ini pegawai saya akan menghantar jawapan itu dengan segera.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Tuan Pengerusi, sebagai rumusannya...

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Akhir sekali, sedikit sahaja. Yang Berhormat Menteri ini Yang Berhormat Menteri tidak jawab pun tidak apa. Saya hendak maklumkan, kita sebenarnya semua Ahli Parlimen ini kita mahu hospital di kawasan kita cekap, kita semua ada masalah di kawasan kita, kita mahukan perkhidmatan yang baik dan cepat. Cuma, satu Yang Berhormat Menteri saya hendak juga kementerian dapat melihat kebajikan kakitangan juga. Ini kerana, saya melihat, saya sudah pergi banyak hospital di Kuala Lumpur, di Kelantan, contohnya saya lihat mereka ini *under stress*, kerja begitu banyak, *non-stop*. Jadi saya ambil contoh di kawasan saya pada dua minggu lepas, seorang ahli farmasi berumur 36 tahun meninggal dunia.

Bila kita buat *postmortem*, tidak ada apa-apa. Akan tetapi saya difahamkan kerana stres, kerja terlalu banyak. Oleh sebab itu, saya harap kementerian Yang Berhormat Menteri juga prihatin tentang kebajikan khususnya kakitangan. Saya rasa semua doktor kita, yang bekerja di bawah hospital-hospital *highly stress* jika mereka kerja *non-stop*, banyak kerja. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat Tanah Merah saya sangat menyanjung apa Yang Berhormat Tanah Merah nyatakan. Kerana itulah antara perkara yang saya letak dalam bulan pertama saya dan kementerian, untuk saya memastikan kebajikan keseluruhan anggota dan warga Kementerian Kesihatan akan diberikan segala sokongan dan dukungan. Bukan sahaja pakarnya, *consultant*-nya, bukan sahaja doktornya, tetapi keseluruhan daripada farmasi, paramedik sehinggalah pemandu ambulan, khususnya jururawat-jururawat yang bekerja *double shift*.

Keseluruhan ini akan mengakibatkan persoalan paling penting adalah *safety* ketika mereka bertugas dalam keadaan mereka tidak benar-benar dapat melakukan dengan *performance* yang terbaik. Ini kerana sudah di luar kemampuan manusia kalau mengambil *double shift* seumpamanya itu. Saya sangat peka dengan perkara ini. Itulah antara lainnya, saya menekankan soal kebajikan, persoalan kebajikan seluruh warga KKM. Ini adalah antara perkara yang saya perhatikan dan bersama-sama pimpinan tertinggi Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya tahu walau bagaimanapun waktu yang diperuntukkan saya tidak akan dapat menjawab keseluruhannya, tetapi yang penting untuk saya sebutkan juga, pendekatan Kementerian Kesihatan adalah untuk menekankan persoalan *promotive* dan *preventive medicine*, pencegahan Dr Tedros, Ketua Pengarah WHO menyebutkan *there are three strategies*, tiga strategi yang akan digunakan oleh WHO sebagai satu badan *supra-national* yang bertanggungjawab tentang kesihatan sedunia menekankan tiga strategi, yang pertama pencegahan, kedua pencegahan dan yang ketiga pencegahan. Kalau ada yang keempat, kembali kepada satu, dua dan tiga.

That would be the way to go dengan izin, Tuan Pengerusi, sementara kita mempertingkatkan *curative care* dengan peralatan dan segala *state of art technology* untuk kita berikan penghantaran, *delivery health* yang paling baik, tetapi kita mesti menekankan persoalan *prevention, promotive medicine*, dengan itu saya yakin kita akan dapat bukan sahaja

mengurangkan kos *disease burden* ataupun *curative care*, tetapi akan dapat kita menatijahkan warga yang lebih sihat dengan *living healthily, eating healthily* dengan kesihatan apa yang satu program yang kita lakukan 'When Active Living Kicks' (WALK).

■2200

Itu yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir sendiri sebagai *the living icon of health*, bukan sahaja di Malaysia bahkan di seluruh dunia ini buat hari ini. Seorang Perdana Menteri pada usia 93 tahun *living healthily*, beliau menyebutkan dengan izin Tuan Pengerusi saya ulangi di sini. Mak saya pesan kata Tun Dr. Mahathir, bila makan sedap berhenti sebelum kenyang, *don't smoke, don't drink*, jangan minum manis dan banyakkkan *exercise. This is a way forward* untuk kita warga Malaysia melahirkan sebuah negara yang sihat dan kerana itulah menjadi cita-cita Kementerian Kesihatan.

Tuan Pengerusi, terima kasih saya ucapkan banyak terima kasih kepada warga KKM yang bersama saya di belakang pegawai-pegawai seluruhnya. KSU saya pun ada tadi, TKSU saya pun ada di luar sana memberikan segala dukungan untuk saya memberikan jawapan yang terbaik kepada seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Lagi satu kena tambah, jangan kahwin empat. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Itu di luar topik.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, minta maaf. Minta maaf Tuan Pengerusi. Cuma saya hendak tanya..

Tuan Pengerusi: Sudah habis sudah.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Bukan, betul. Cuma saya hendak minta Tuan Pengerusi buat ruling bagi kita yang belum ada jawapan yang setengah saja dijawab, yang lain minta jawab bertulis. Itu saja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM26,498,317,300 untuk Maksud B.42 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM26,498,317,300 untuk Maksud B.42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,180,426,200 untuk Maksud P.42 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2019 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM2,180,426,200 untuk Maksud P.42 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2019]

**Maksud B.45 [Jadual] -
Maksud P.45 [Anggaran Pembangunan 2019]**

Tuan Pengerusi: Sekarang Kementerian Belia dan Sukan.

Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] : Pengkalan Chepa

Tuan Pengerusi: Sebentar. Saya baca dulu ya. Kepala Bekalan B45 dan Kepala Pembangunan P45 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk di bahas.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Ya, Ipoh Timur.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya akan ambil senarai ya.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Rasah. Lima minit, Rasah dua minit.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tiga minit.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Rasah minta tiga minit.

Tuan Pengerusi: Pertama Yang Berhormat Bera.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat, tumpat.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Rasah minta dua minit.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Ipoh Timur ya, terima kasih.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Maran.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Bagi semua, bagi semua. Lima minit.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Rasah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Rasah.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Hulu Selangor.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Batu.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Hulu Selangor, Hulu Selangor.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Hulu Selangor.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat, tumpat.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Hulu Selangor. Tidak dengar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pasir Mas, siapa lagi?

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Hulu Selangor.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Tampin, Tampin.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Kota Tinggi. Yang Berhormat Kota Tinggi pun belum.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Hulu Selangor Tuan Pengerusi.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Tampin.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Hulu Selangor. Hulu Selangor Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Hulu Selangor, Yang Berhormat Tampin.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Setiu.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sibuti *last* ya. Yang Berhormat Sibuti..

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu sebut *dak*?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu sebut tak? Setiu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tumpat.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu, masuk sudah? Setiu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Setiu.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Esok tak mari sudah.

Tuan Pengerusi: Ada lagi? Yang Berhormat Kuala Kangsar. Yang Berhormat Kangar?

Kalau tidak mahu berbahas, jangan bangun ya.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Kangar dia hendak balik sudah.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Pengerusi, saya hendak cadangkan memandangkan jam sudah pukul 10.00. Jadi kalau mungkin kita *control time*, dua minit seoranglah. Dua minit seorang, dua minit. Dua minit seorang, dua minit.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tidak setuju.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Tidak setuju.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Isu negara mana boleh dua minit.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Ini isu belia *brader*.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Lima minit, lima minit.

Tuan Pengerusi: Kira berapa orang ya, 15.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Lima minit cukuplah.

Tuan Pengerusi: Lima minit lah boleh.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Saya cadang yang lain-lain itu boleh cuba mencelah. Dia boleh tarik diri kemudian.

Tuan Pengerusi: Lima minit, silakan Yang Berhormat Bera.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Ini siapa Pengerusi ini Tuan Pengerusi? Mereka ke Yang Berhormat Tuan Pengerusi?

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tidak apalah Yang Berhormat Parit Sulong.

Tuan Pengerusi: Lima minit.

10.05 mlm

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya *straight* kepada Butiran 20100 iaitu Belia dan Sukan. Seperti kita setuju, bahawa pembangunan belia amat penting kepada masa depan negara. Jadi, soalan saya apakah program yang dirancang oleh KBS untuk memperkasakan gerakan belia pada hari ini? Kalau kita lihat isu masalah belia,

isu belia yang besar adalah masalah kewangan. Jadi saya hendak tanya, adakah program mengupayakan persatuan belia itu diteruskan. Kalau dulu ada geran untuk pentadbiran bagi Majlis Belia Daerah, Majlis Belia Negeri, Majlis Belia Malaysia dan sebagainya. Kalau tiada geran untuk pentadbiran dan juga aktiviti, tentu saja persatuan belia tidak akan digerakkan. Kalau tidak dapat digerakkan, bermakna harapan kita untuk mempunyai pemimpin bagi masa yang kita hendak bentuk untuk masa depan ini tentu saja tidak akan berjaya. Saya juga ingin tahu, berapakah jumlah persatuan belia yang masih aktif sehingga hari ini?

Satu lagi yang saya hendak tanya, apabila diadakan dialog TN50 dulu kita mendapat *feedback* dan input daripada belia. Bagaimana kita hendak merancang masa depan mereka. Sebenarnya input-input itu *direct* daripada belia. Walaupun TN50 adalah merupakan program kerajaan, tetapi ideanya bukan idea kerajaan, tetapi idea daripada belia itu sendiri. Jadi persoalan saya, adakah input-input ini akan terus digunakan oleh Kementerian KBS hari ini untuk menyediakan program bagi belia-belia di masa akan datang. Saya ingin merujuk kepada Butiran 020300 – MSN, Butiran 020400 – ISN. Saya difahamkan pada 31 Disember nanti, hampir 700 pekerja kontrak MSN dan ISN ini akan diberhentikan. Persoalan saya, adakah pihak kementerian ada menyediakan perancangan dan juga persediaan bagi mereka yang akan berhenti kerja pada 31 Disember nanti ataupun dibiarkan mereka berhenti dan terserah pada mereka untuk menentukan kehidupan mereka?

Saya harap perlu ada perancangan daripada kementerian untuk membantu mereka ini yang akan berhenti tidak lama lagi. Saya juga ingin tanya Yang Berhormat, adakah apabila diberhentikan 700 pekerja ini MSN dan ISN menjadi semakin kecil, adakah kedua-dua institusi ini akan di gabungkan menjadi satu dan sebagainya? Saya juga ingin merujuk pada Butiran 020700 PLKN. Seperti yang kita tahu, PLKN tidak diteruskan. Akan tetapi, PLKN mempunyai kem-kem PLKN yang merupakan aset dan kalau tidak digunakan akan merugikan pihak kerajaan. Jadi persoalan saya, apakah perancangan kepada aset-aset iaitu kem-kem PLKN ini?

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Ramai di antara peniaga-peniaga, usahawan-usahawan kecil yang bergantung kepada PLKN ini. seperti pembekal makanan, pembekal bas dan sebagainya. Apakah yang akan dilakukan terhadap mereka ini, adakah ada perancangan untuk membantu mereka ini? Saya juga ingin merujuk pada Butiran 02001 - Kompleks Rakan Muda. Ini saya hendak memohon daripada Yang Berhormat. Tahun 2018, hanya RM4.5 juta, tahun ini dinaikkan kepada RM14 juta. Terima kasih, tahniah kepada kerajaan. Cuma saya hendak mohon bantuan daripada Yang Berhormat, ada satu Kompleks Rakan Muda di Bera sana, yang dari segi *maintenance* nya agak teruk, dari segi Kompleks Rakan Muda itu dalam keadaan yang sangat uzur dan sebagainya, lantai, parkir pun sudah tercabut dan sebagainya. Saya harap masukkan dalam rekod Yang Berhormat supaya berikan sedikit perhatian kepada Kompleks Rakan Muda di Bera.

■2210

Satu lagi, akhir sekali, Butiran 02400 – Gelanggang Sukan. Dahulu, dari tahun 2008, diadakan pembinaan gelanggang futsal di setiap kawasan DUN. Malangnya, gelanggang futsal tersebut tidak di-*manage* ataupun di-*maintain* dengan baik kerana tidak ada peruntukan untuk *maintenance*. Jadi, banyak gelanggang futsal telah pun mengalami kerosakan dan sebagainya.

Jadi, saya berharap dengan peruntukan yang ada pada tahun ini, supaya diberikan perhatian untuk menaik taraf semua gelanggang futsal yang ada di setiap DUN di seluruh negara. Saya ikut masa, terima kasih. *Assalamualaikum*.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bera. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Ipoh Timur.

10.11 mlm.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, ada dua perkara yang hendak saya bangkitkan sahaja.

Nombor satu di bawah Butiran 040000 di bawah *title One-Off*, Butiran 040100 – Harta Modal berjumlah anggaran pada tahun depan adalah sebanyak RM4 juta. So, dalam perkara ini saya hendak tanya kepada pihak Menteri, apakah tujuan penggunaan ataupun anggaran sebanyak RM4 juta ini untuk aset khasnya?

Begitu juga saya ingin membangkitkan satu perkara yang mana pihak kementerian perlu lebih berhati-hati dalam membuat perbelanjaan untuk aset ataupun untuk harta. Di mana pada hari semalam, sekiranya kita tinjau di dalam Laporan Ketua Audit Negara yang mana ada menyentuh berkenaan dengan pengurusan projek pembangunan semula kemudahan sedia ada di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil, Kuala Lumpur, di bawah kaedah *Public-Private Partnership* telah pun dinyatakan bahawa sebanyak 259 unit [*Tidak jelas*] board dan peralatan bernilai RM1.2 juta telah pun dibekalkan dan masih dalam bungkusan dari bulan Julai 2017 sampai bulan Jun 2018 semasa audit dijalankan. Terdapat *intercom unit*, *earphone*, kerusi dan sebagainya.

Maka, berkenaan dengan anggaran RM4 juta ini saya hendak tahu, apakah penggunaannya? Apakah cadangan oleh pihak Menteri untuk mengelakkan perkara seperti yang berlaku di projek pembangunan semula Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil yang saya maksudkan tadi dapat dielakkan?

Nombor dua Tuan Pengerusi, Butiran 02301 berkenaan dengan Penyelenggaraan Kompleks dan Kemudahan Sukan Negeri-negeri. Pada tahun ini, baru dua bulan sahaja negeri Perak telah pun berjaya menganjurkan SUKMA dan kos yang dibelanjakan untuk persiapan penganjuran SUKMA Perak 2018 adalah lebih kurang RM162 juta bagi pembangunan infrastruktur dan juga pertandingan SUKMA, SUKMA infra. Saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Perak akan menubuhkan satu perbadanan sukan negeri yang mana bertujuan untuk merealisasikan hasrat untuk mentadbir dan menyelenggarakan *facility* serta aset-aset sukan di negeri Perak khasnya *facilities* yang telah pun dinaiktarafkan dalam persiapan SUKMA negeri

Perak pada tahun 2018. Ini adalah untuk memastikan kemudahan sukan yang ada sentiasa dalam keadaan yang terbaik dan kualitinya dapat ditingkatkan. Pada masa yang sama, ia juga merupakan satu langkah strategik kerajaan negeri dalam menyemarakkan lagi pembangunan sukan dan menjadikan perbadanan ini sebagai satu *governing body*.

Saya nampak ada satu anggaran sebanyak RM7.5 juta. Memandangkan Perbadanan Sukan Negeri Perak ini akan ditubuhkan, satu perbadanan yang baharu, akan ditubuhkan pada tahun hadapan. Mungkin pihak kementerian boleh mempertimbangkan supaya untuk memberikan satu geran ataupun satu peruntukan permulaan kepada perbadanan ini.

Dengan itu, sekian daripada saya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tuan Pengerusi Yang Berhormat Ipoh Timur. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Maran.

10.15 mlm.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi atas keizinan untuk saya membahaskan belanjawan Kementerian Belia dan Sukan. Beberapa butiran saya Tuan Pengerusi.

Pertama ialah Butiran 020000 – Pembangunan Belia dan Sukan. Seperti mana rakan-rakan yang sebut bahawa pembangunan belia daripada segi mental, fizikal dan juga sahsiah adalah penting bagi kita menentukan masa depan negara kita kerana belia adalah masa depan negara. Oleh itu, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, setakat ini, berapa ramai golongan belia di negara kita anggaran lebih kurang 41 peratus? Berapa jumlah mereka ini? Daripada jumlah tersebut, berapa ramai yang menyertai dalam persatuan-persatuan belia di negara kita? Berapakah jumlah persatuan belia yang ada? Berapakah jumlah persatuan belia yang aktif dan juga yang tidak aktif?

Pada zaman dahulu, beberapa tahun dahulu di bawah kerajaan dahulu kita memperuntukkan peruntukan khas kepada persatuan belia bagi urusan pentadbiran dan sebagainya. Dianggarkan kurang lebih 40,000 setahun diberikan kepada setiap persatuan belia dan mereka jalankan program-program yang diatur untuk memberikan masa yang lapang bagi belia melaksanakan tanggungjawab mereka. Jadi saya ingin tahu, berapakah peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Belia bagi persatuan-persatuan belia bagi tahun 2019 ini?

Butiran kedua iaitu Butiran 02001 – Kompleks Rakan Muda Daerah (KRMD). Di Maran juga ada mempunyai sebuah Kompleks Rakan Muda dan kompleks ini amat berguna dan amat dimanfaatkan oleh belia, bukan sahaja golongan belia yang berpersatuan bahkan melibatkan kumpulan-kumpulan lain termasuk ibu bapa mereka dan anak-anak kecil yang turut serta bersama dengan program-program belia sukan dan sebagainya. Jadi saya mohon kepada kerajaan, kementerian, menyalurkan sedikit peruntukan bagi kita membaiki kerosakan-kerosakan yang berlaku kepada Kompleks Rakan Muda ini.

Ketiga ialah Butiran 02400 – Gelanggang Sukan. Saya kira semua Parlimen, semua kawasan mempunyai gelanggang-gelanggang sukan yang dibina oleh kerajaan dahulu dan

mungkin kerajaan baharu ini belum lagi. Kita harap gelanggang-gelanggang sukan ini dapat dimanfaatkan, dipertingkatkan lagi. Kalau boleh diberikan peruntukan bagi kita membaiki sebahagian kerosakan yang berlaku di gelanggang-gelanggang sukan ini. Sila, sila.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tuan Pengerusi, saya mohon laluan Yang Berhormat Maran. Hendak menumpang sahaja. Giliran saya nombor 13.

Yang Berhormat Maran, boleh atau tidak? Sudah terlanjur bawa Butiran 02400 – Gelanggang Sukan, boleh tolong bawa bersama masalah saya? Gelanggang sukan futsal terbuka yang dibina oleh KBS yang perlu dinaiktarafkan. Satu di Telok Sengat, Air Tawar 2, Air Tawar 3, Bukit Easter, Kampung Mawai Baru, Kampung Sentosa, Kampung Makam dan yang terakhir Kompleks Sukan Komuniti KBS di Felda Lok Heng Timur. Mohon jasa baik Yang Berhormat Maran. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi yang cukup bijak. Oleh itu Tuan Pengerusi, saya minta supaya apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Kota Tinggi ini dimasukkan dan diluluskan peruntukannya termasuk peruntukan bagi kawasan saya bagi membaiki gelanggang sukan bagi kawasan Parlimen Maran. Tuan Pengerusi, itu sahaja. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Maran. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rasah.

10.19 min.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana peluang yang diberikan kepada saya. Cuma satu perkara sahaja yang saya hendak sebutkan sebab walaupun ada lima minit, saya rasa guna tiga minit sahaja.

Di bawah Butiran 01800 di bawah tajuk Penyediaan Sukan Antarabangsa. Kalau kita tengok tahun ini ada, tahun 2018 banyak sukan antarabangsa. Sukan Asia sudah lepas, Sukan Komanwel sudah lepas. Tahun depan kita lebih fokus kepada Sukan SEA di Filipina pada tahun depan. Akan tetapi saya tidak mahu sebut Sukan SEA di sini tetapi saya lebih kepada persediaan kepada Sukan Olimpik edisi ke-32 yang bakal berlangsung di Tokyo pada tahun 2020. Oleh sebab bagi saya, persiapan untuk menghadapi Sukan Olimpik ini, ia adalah satu persiapan jangka panjang. Walaupun tahun depan belum lagi, ada dua tahun lagi. Sukan Olimpik dijangka akan berlangsung pada bulan Julai hingga bulan Ogos pada tahun 2020.

■2220

Kita tahu rakyat Malaysia kita masih menanti-nanti, sudah banyak kali kita menanti, ingatkan dua tahun dulu boleh dapat pingat emas yang pertama dan kali pertama lagu negara dapat berkumandang di pentas Olimpik tetapi hampir-hampir. Tiga *final* kita masuk dalam acara badminton tetapi semuanya berakhir dengan perak. Saya hendak tanya apakah persediaan, persiapan daripada KBS sendiri sebab ini adalah satu temasya yang semua rakyat Malaysia tidak

kira orang bandar, orang kampung, orang muda, orang tua dan sebagainya— tidak kira yang kerajaan, yang pembangkang semua kita hendak menanti-nantikan.

Kita juga berharap khasnya acara sukan yang kita ada potensi. Saya namakan tiga jenis sukan berdasarkan prestasi pada Olimpik yang lepas, prestasi di pentas antarabangsa. Satu, sudah tentunya badminton. Kita berharap, kita doakan bersama jaguh badminton negara Datuk Lee Chong Wei akan kembali sihat dalam keadaan yang segera dan terus [*Tepuk*] mengharungi cabaran antarabangsa. Kalau boleh kita harapkan emas pertama daripada Datuk Lee Chong Wei dalam temasya di Tokyo nanti.

Keduanya, sudah pasti basikal. Basikal kita tahu kita ada jaguh. Hari itu kita dapat gangsa di Olimpik yang lepas. Itu antara yang boleh menghadiahkan, hasilkan pingat emas untuk Malaysia. Satu lagi adalah terjun. Tiga acara ini perlu diberikan fokus yang khas kalau hendak bagi dana lebih, bagilah dana lebih. Sebab saya rasa berbaloi untuk kita melabur lebih banyak sebab paling kurang itu menunjukkan atau dapat menaikkan nama Malaysia di pentas antarabangsa. Jadi itu sahaja daripada saya. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Rasah. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Batu, diikuti oleh Yang Berhormat Pengkalan Chepa, Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Paya Besar, dan Yang Berhormat Kota Tinggi.

10.22 mlm.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi untuk memberi saya peluang ini. Beberapa butiran telah menarik perhatian saya. Berkenaan Butiran 040000 – *ONE-OFF* yang tidak memberi keterangan berkenaan perbelanjaan tersebut. Saya berpendapat butiran tersebut adalah bagi tujuan membantu untuk NGO (Pertubuhan Bukan Kerajaan) bagi menjalankan aktiviti mereka. NGO memainkan peranan yang besar terutama dalam sektor yang tidak dapat dipenuhi oleh perkhidmatan kerajaan. Oleh kerana itu, saya memohon pencerahan terhadap butiran tersebut agar lebih banyak lagi NGO dapat memainkan peranan mereka demi menyumbang kepada pembangunan belia. Keutamaan dana harus diberikan kepada aktiviti dan program yang disasarkan oleh NGO selaras dengan hasrat Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan yang ingin menyusun semula pembiayaan bagi Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Butiran seterusnya adalah 040200 – Peluasan Program Pembangunan Ekonomi Belia. Sebanyak RM3 juta adalah amat sedikit sekiranya bajet ini menyasarkan khususnya kepada keusahawanan sahaja kerana Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM) adalah agensi di bawah KBS yang memfokuskan perkara yang khusus berkaitan dengan usahawan yang mana peruntukan untuk tujuan ini amatlah tidak berpatutan. Oleh kerana itu, saya mencadangkan agar peruntukan bagi Akademi Pembangunan Belia Malaysia ditambah supaya pihak akademi boleh melaksanakan program pembangunan ekonomi belia dengan lebih efektif dan meluas.

Bagi Butiran 00616 – Pusat Latihan Khas. Peruntukan sebanyak RM17.37 juta. Saya memohon penerangan butiran yang lebih terperinci. Saya berpendapat Latihan Kemahiran

Modular Jangka Pendek perlu lebih diberikan lebih banyak penekanan untuk melahirkan golongan belia yang berkemahiran tinggi.

Bagi Butiran 04007 – Kajian Pembangunan Belia yang berjumlah RM1.2 juta adalah amat sedikit untuk tujuan penyelidikan. Walaupun dengan kerjasama dengan universiti tempatan dan pihak yang berkepentingan. Saya merasakan kos bagi menjalankan satu kajian pada masa kini adalah amat tinggi. Maka, saya mencadangkan agar pihak kementerian mengkaji semula peruntukan bagi butiran ini bagi mendapatkan hasil kajian yang berkualiti. *You give peanut, you get monkey*, dengan izin. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Batu. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

10.25 mlm.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 020100 – Belia dan Sukan. Saya ingin memfokuskan kepada isu pendaftaran pemilih daripada 21 tahun kepada 18 tahun. Dari sudut kita melihat cadangan tersebut mempunyai masalah yang besar kerana memang sewajarnya golongan-golongan muda ini kita melihat dari sudut tidak ada halangan besar. Akan tetapi, isu yang berkaitan dengan pendaftaran pemilih. Statistik daftar pemilih PRU14 yang lalu berjumlah 14.9 juta orang pemilih dengan tiga juta tidak berdaftar meskipun mereka layak pada umur 21 tahun. Saya melihat cadangan pendaftaran automatik perlu diutamakan sebelum mengemukakan cadangan menurunkan had umur pendaftaran pemilih. Ini supaya kita bukan sahaja meningkatkan nisbah mereka yang layak untuk mengundi bahkan juga peningkatan nisbah mereka yang telah mendaftar dan boleh mengundi dalam pilihan raya.

Kedua, antara kebimbangan saya ialah mengenai eksploitasi politik terhadap golongan ini. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian mengenai langkah strategik bagi meningkatkan *political awareness* serta *political participation* golongan muda ini supaya mereka dapat melaksanakan tanggungjawab dengan rasional dan juga matang.

Kedua, Butiran 020100 – Belia dan Sukan. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian apakah perancangan kementerian dalam menangani golongan belia ini daripada terlibat dengan gejala najis dadah. Kalau dahulu di bawah KBS ini ada diwujudkan Rakan Masjid sebagai alternatif yang holistik untuk mengawal belia ini supaya tidak terjebak dengan dadah kerana statistik yang menunjukkan pada tahun 2015 penagih dadah di kalangan belia adalah 70 peratus daripada 16,000 orang penagih keseluruhan. Mohon penjelasan daripada Kementerian Belia dan Sukan.

Kemudian isu yang ketiga, Butiran 020300 – Majlis Sukan Negara (MSN). Antara isu utama sukan ialah keselarasannya dengan hukum-hukum agama. Ia kadang-kadang menyekat sebahagian belia kita untuk maju lebih jauh dalam sukan. Isu pemakaian, isu aurat, pergaulan di antara lelaki dan perempuan sehingga ada kes yang berlaku pencabulan di antara jurulatih dan juga atlet-atlet ini. Maka ramai menyambut baik cadangan daripada kerajaan Terengganu untuk

mengenakan pakaian etika yang menutup aurat di kalangan atlet. Kita jangan melihat dari segi sudut ia menghalang kebebasan tetapi kita melihat dari sudut bakat-bakat baru yang akan lahir dengan pemakaian yang menepati syariah ini kerana ada bakat terpendam yang mereka tidak boleh *participate* kerana ada halangan-halangan yang berkaitan dengan agama seperti ini.

Kemudian seterusnya, Butiran 020700 – Latihan Khidmat Negara (PLKN). Kita semua sedia maklum oleh pihak kementerian untuk menggantikan Program Latihan Khidmat Negara dengan Program Sekolah Kepimpinan Masa Depan Malaysia yang memfokuskan kepada pelajar 15 tahun dan 17 tahun. Saya ingin mendapatkan kepastian program tersebut. Apakah perbezaan modul yang diterapkan oleh program ini dengan PLKN sebelum daripada ini?

Ketiga, adakah kerajaan merancang mengangkat idea ini ke peringkat ASEAN supaya penglibatan mereka tidak terhad di peringkat nasional sahaja. Sekian, *assalamualaikum*, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pasir Mas.

10.28 mlm.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya terus kepada poin iaitu pertama saya hendak ucapkan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana telah menjemput exco-exco kerajaan negeri khususnya ditadbir oleh pembangkang untuk turut serta di dalam Majlis Perundingan Belia Negara yang mesyuaratnya baru berlangsung pagi tadi. Saya mencadangkan supaya untuk Majlis Perundingan Belia Negara ini turut dijemput juga wakil-wakil sayap-sayap pemuda di dalam parti-parti politik untuk turut serta di dalam Majlis Perundingan Belia Negara ini.

Saya ingin ucapkan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan sekali kerana telah mengiktiraf kerajaan negeri sebagai peneraju Majlis Sukan Negeri. Inilah yang sepatutnya berlaku daripada dahulu lagi iaitu pengerusi MSN di peringkat negeri hendaklah dilantik dengan restu daripada Menteri Besar masing-masing. Akan tetapi, di Kelantan *alhamdulillah* ia baru berlaku pada masa kini.

Di bawah Butiran 02301 – Penyelenggaraan Kompleks dan Kemudahan Sukan Negeri-negeri. Saya pohon sedikit penjelasan daripada Kementerian Belia dan Sukan berkenaan dengan isu Stadium Sultan Muhammad IV yang telah dibina pada tahun 1965.

■2230

Padangnya sudah diguna sejak tahun 1946 dan padang ini mungkin yang tertua di Malaysia dan mungkin juga tertua di Benua Asia. Jadi Yang Berhormat Menteri pun telah sebut di dalam Dewan ini, hasratnya untuk membuat sesuatu untuk stadium ini, mungkin peruntukan stadium yang baharu untuk negeri Kelantan. Jadi, saya pohon kepada kementerian untuk memberikan penjelasan, adakah di sana terdapatnya rancangan kementerian untuk menaik taraf stadium yang ada di Kota Baharu?

Dalam Butiran 030200 — Emolumen Kakitangan Kontrak. KBS telah mendapat tambahan peruntukan daripada RM1 juta kepada RM18 juta pada tahun 2019. Butiran 030600 — Emolumen Kakitangan Kontrak (PLKN) daripada RM84 juta kepada RM0 pada tahun 2019. Saya ingin tanya penjelasan terperinci di sebalik perubahan mendadak angka-angka ini walaupun kita tahu bahawa kakitangan kontrak yang tidak disambung itu ialah daripada butiran PLKN. Jadi, berapakah jumlah kakitangan kontrak yang tidak disambung? Saya ingin mencadangkan agar pihak Yang Berhormat Menteri membuat penelitian sebaik mungkin terhadap kakitangan yang diambil bekerja.

Yang Berhormat Menteri sendiri sedia maklum teguran yang amat berat terhadap KBS dengan penarafan teguran punitif berbanding dengan Tabung Haji yang dibisingkan diletakan dalam kategori pendapat tanpa teguran dalam laporan audit yang baru diberikan kepada kita. Jika Tabung Haji yang diletakan dalam pendapat tanpa teguran ini pun sudah ada kontroversi seperti hari ini, sudah tentu isu di KBS lebih teruk daripada Tabung Haji. Jadi saya mahu tanya, setakat manakah siasatan di KBS, skandal rasuah sebelum PRU-14 yang melihatkan seorang pegawai kanan KBS berpangkat SUB Kewangan, kita dimaklumkan Gred M54. Jumlah nilai terbabit adalah RM100 juta. Setakat mana status kes itu kini? Adakah ada pendakwaan dibuat, siapa yang terlibat dan sebagainya? Mohon penjelasan daripada pihak kementerian. Saya dimaklumkan bahawa Sukan SEA yang telah pun dianjurkan pada tahun 2017 sehingga kini sudah hampir dua tahun, akaun penganjuran sukan tersebut masih tidak dapat di-*enclose* oleh KBS. Saya dimaklumkan terdapat beberapa kes yang dibawa kepada SPRM. Jadi, apakah status akaun tersebut dan bagaimanakah status siasatan yang terlibat?

Di bawah Butiran 04007 — Kajian Pembangunan Belia, diperuntukkan sebanyak RM1.2 juta berbanding tahun 2018, sebanyak RM600,000. Saya menyokong cadangan ataupun ucapan daripada sahabat saya Yang Berhormat Pengkalan Chepa sebentar tadi bahawa melalui Kajian Pembangunan Belia ini, hendaklah dikaji mengambil kira aspek-aspek penghayatan nilai-nilai Islam dari sudut pakaian atlet. Justeru, apabila Kerajaan Negeri Terengganu mewajibkan pemakaian atlet hendaklah menutup aurat bagi atlet-atlet Muslim, ia mendapat sambutan baik daripada persatuan-persatuan sukan di negeri Terengganu. *Alhamdulillah* ia merupakan lonjakan ke hadapan dalam bab untuk kita memberikan pilihan kepada atlet-atlet khususnya Muslim untuk menutup aurat. Saya tidaklah sampai ke peringkat untuk mencadangkan kementerian supaya mewajibkan kepada mereka ini menutup aurat, tidak. Akan tetapi paling tidak, memberikan mereka pilihan untuk memakai pakaian yang boleh menutup aurat mereka, seterusnya memberikan mereka semangat untuk mereka terus ke hadapan di dalam sukan, sekali gus menjaga nilai mereka sebagai seorang Muslim. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Paya Besar, diikuti oleh Yang Berhormat Hulu Selangor, Yang Berhormat Tampin, Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Setiu dan Yang Berhormat Kuala Kangsar. Sila Yang Berhormat.

10.33 mlm.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Pengerusi, saya terus ke Butiran 010300 — Perbadanan Stadium Malaysia (PSM). Apakah perancangan kementerian dalam memastikan kemudahan-kemudahan tersebut yang saya rasa berada dalam keadaan terbaik, menjadi pilihan untuk penganjuran sukan bertaraf antarabangsa, dapat disewa dan digunakan oleh persatuan dan kelab-kelab tempatan. Ini kerana Tuan Pengerusi, ada laporan daripada Persatuan Sukan Kebangsaan, mereka telah dianaktirikan.

Butiran 020100 — Belia an Sukan. Tuan Pengerusi, masa depan dan hala tuju pelajar sekolah sukan hasil kajian Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi UiTM Shah Alam mendapati hanya 10 peratus sahaja pelajar daripada Sekolah Sukan Malaysia dan sekolah sukan negeri dapat masuk ke bidang berkaitan sukan di IPTA. Malah, terdapat juga pelajar tidak mempunyai SPM langsung. Jadi, saya hendak tahu apakah perancangan kementerian berkaitan perkara ini? Apakah masih ada kerjasama antara KBS dengan Majlis Sukan Angkatan Tentera? Saya juga ingin bertanyakan kepada kementerian, terdapat atlet kebangsaan yang berada di dalam dilema di antara mereka hendak bekerja dan juga mereka ingin bergiat aktif dalam sukan mengharumkan nama negara. Ini kerana ada majikan yang tidak mahu melepaskan mereka, tetapi mereka sebagai atlet hendak jaga periuk nasi mereka.

Butiran 020200 — Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES). Saya hendak tahu, adakah institut ini membuat kajian berkaitan isu-isu kebimbangan ibu bapa terhadap adakah mereka ingin hantar anak mereka ke sekolah sukan atau ke sekolah yang lain? Bagaimana modul atau pengimbangan di antara akademik dan sukan yang harus dibuat di bawah institut ini?

Butiran 020300 - Majlis Sukan Negara (MSN). Saya hendak tahu, perkara ini telah saya bangkitkan berkaitan Program Podium yang di luar, program-program di luar daripada Program Podium. Saya juga ingin bertanya kepada kementerian berkaitan tentang *Malaysia Athlete Career and Education*, dahulu ada diwujudkan pada tahun 2016 dan bagaimana program yang saya sebutkan tadi supaya atlet mempunyai keyakinan untuk memikirkan tentang nasib dan masa depan mereka?

Butiran 020400 — Institut Sukan Negara (ISN). Saya hendak yang disebut Yang Berhormat Menteri tadi di dalam Majlis Perundingan Belia Negara, daripada 303 yang dibangkitkan Yang Berhormat Bera tadi, 169 akan ditawarkan kontrak baharu. Baki pada 134 yang lain, adakah mereka akan dibuang atau diberikan jalan keluar pada 31 Disember nanti? Program PLKN telah dimansuhkan oleh Kerajaan PH. Ini sama juga seperti mana yang Yang Berhormat Bera sebutkan tadi, saya hendak tahu bagaimana 79 kem PLKN?

Butiran 00119 — Projek Pembangunan Biro Tatanegara. BTN kata dibubarkan oleh Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri kata BTN bubar, tetapi ada peningkatan RM2.5 juta pada tahun 2019. Saya hendak tahu, apakah nasib mereka ini? Adakah sama nasib seperti PLKN dan ISN?

Butiran 00906 — Program Pembangunan Ahli Sukan – Skim Kumpulan Ahli Sukan. Saya hendak tahu Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB) ini, saya dapat laporan ada masalah serius berkaitan dengan yayasan ini. Tuan Pengerusi, berkaitan Kompleks Sukan Mini Pancing Kuantan, Pahang di kawasan saya, 22 taman berada dalam kawasan projek ini melibatkan RM20 ribu. Saya hendak tahu apa status projek ini, adakah diteruskan atau bagaimana?

Terakhir saya tidak ada masalah jika Yang Berhormat Menteri tidak mahu melantik ahli-ahli politik untuk duduk kerusi Pengarah atau Ahli Lembaga Pengarah. Akan tetapi saya hendak tahu yang digantikan ini, yang sembilan yang telah diberhentikan lantikan politik, saya hendak tahu siapa yang dilantik dan apakah profil mereka. Saya tidak ada masalah berkaitan tidak nak lantik orang politik pun, yang pentingnya penamatan khidmat sembilan individu lantikan politik yang telah dilaporkan *Berita Harian* 2 Ogos 2018. Jadi, siapakah sebenarnya individu yang ditamatkan kontrak atas sebab lantikan politik...

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Sim Chee Keong]: Di agensi apa?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Jadi, saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri – Perbadanan Stadium Malaysia, Institut Sukan Negara, 'Institut Penyelidikan', Perbadanan Padang Golf Subang dan seterusnya. Siapa pengganti berserta profil. Saya perlukan jawapan tersebut kerana saya hendak melihat adakah *walk the talk* berlaku di Kementerian Belia dan Sukan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Sepatutnya Yang Berhormat Kota Tinggi, tetapi Yang Berhormat Kota Tinggi minta izin untuk balik dahulu. *[Ketawa]* Seterusnya dijemput Yang Berhormat Hulu Selangor.

10.39 mlm

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Melalui Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019, Kementerian Belia dan Sukan diperuntukkan sebanyak RM663 juta dana untuk mengurus dan RM377 juta untuk dana pembangunan. Tuan Pengerusi, sekali lagi saya ingin usulkan kepada pihak kementerian, dapatkah mewujudkan hab sukan ekstrem seperti dengan izin, *motocross* di Hulu Selangor melalui Belanjawan 2019 ini? Hal ini adakah kerana kejayaan salah seorang pelumba *motocross* negara yang juga merupakan anak jati Hulu Selangor telah menjadi pendorong dan pembakar semangat anak-anak muda di daerah ini. Justeru, pembinaan hab sukan ekstrem bukan sahaja dapat mengurangkan gejala lumba haram, malahan juga dapat dijadikan platform untuk para belia mempelajari teknik perlumbaan dengan izin, *motocross* secara berhemah di dalam satu *facility* yang terjamin tahap keselamatannya.

■2240

Tuan Pengerusi, kedua, di bawah Butiran 020500 – Patriotisme dengan peruntukan berjumlah RM38 juta. Apakah program yang akan dilaksanakan oleh kementerian untuk membentuk belia masa depan? Bagaimanakah cara pihak kementerian memastikan penglibatan belia di luar bandar juga sama rata dengan penglibatan belia di bandar? Apakah strategi pihak

kementerian untuk menarik lebih banyak belia luar bandar khususnya di Hulu Selangor untuk turut serta dalam program-program yang dirangka oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan?

Tuan Pengerusi, apakah perancangan pihak kementerian untuk menguruskan dana sebanyak RM3 juta di bawah Butiran 040200 – Perluasan Program Pembangunan Ekonomi Belia? Bagaimanakah belia luar bandar khususnya Hulu Selangor dapat memanfaatkannya? Apakah program-program khusus yang akan dirangka di bawah program pembangunan ekonomi belia? Adakah pihak kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk membantu golongan belia menceburi diri dalam industri kecil dan sederhana?

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 02007 – Kompleks Sukan Komuniti, apakah perancangan kementerian untuk menggunakan dana ini? Apakah lebih banyak kompleks sukan komuniti akan diwujudkan di kawasan luar bandar? Adakah peluang untuk Hulu Selangor memiliki kompleks sukan komuniti ini?

Terakhir sekali, Tuan Pengerusi, sebanyak RM207 juta diperuntukkan di bawah Butiran 020600 – Pembangunan Kemahiran Belia. Hulu Selangor amat menyokong pihak kementerian meningkatkan keberkesanan dan kualiti latihan teknikal, vokasional, *education* dan *training* atau, dengan izinnnya, TVET. Justeru, apakah peluang untuk diwujudkan satu institusi latihan kemahiran belia dan sukan terutamanya dalam bidang teknologi automotif dan teknologi mekanikal?

Hulu Selangor mencadangkan agar diwujudkan satu institusi kemahiran ini di kawasan DUN Batang Kali kerana di sini terdapat beberapa industri-industri besar seperti Perodua dan *UMW Aerospace* di mana kita dapat jalinkan kerjasama dengan syarikat ini dengan menempatkan pelatih-pelatih di institut tersebut.

Dengan itu, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Selangor. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tampin.

10.42 mlm.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 020500 – Patriotisme. Semangat patriotisme ini amat penting bagi warganegara yang boleh membantu kejayaan negara pada masa akan datang. Cuma, saya hendak bertanya, bagaimanakah dana butiran patriotisme ini dapat diagihkan? Apakah ia mengikut badan-badan belia negeri ataupun daerah?

Perkara kedua, Butiran 020600 – Pembangunan Kemahiran Belia. Kemahiran belia amat penting. Cuma, saya ingin bertanya, bagaimana peruntukan ini dilakukan? Apakah ia akan disalurkan kepada institusi kemahiran belia? Juga, bagaimana hasil keluaran daripada institusi IKBN memenuhi pasaran pekerjaan pada masa ini? Berapakah jumlah keluaran daripada IKBN ini menganggur ataupun tidak mendapat pekerjaan di lapangan pekerjaan?

Perkara yang ketiga yang saya hendak sebut ialah Butiran 02007 – Kompleks Sukan Komuniti. Ia adalah penting dalam melahirkan bakat sukan mengikut wilayah. Saya menyarankan supaya setiap kampung, desa, taman supaya mewujudkan kompleks sukan komuniti bagi mencungkil bakat-bakat belia untuk bersukan dan juga untuk melahirkan atlet-atlet negara pada masa akan datang.

Perkara seterusnya yang saya hendak sebut ialah Butiran 02301 – Penyelenggaraan Kompleks dan Kemudahan Sukan Negeri-negeri bersamaan dengan Butiran 02400 – Gelanggang Sukan. Secara khususnya saya ingin memohon sebagaimana yang telah saya bahaskan dalam belanjawan yang lepas iaitu kompleks sukan bagi Daerah Tampin iaitu Kompleks Sukan Tampin, Gemencheh dan Gemas. Kompleks Sukan Gemas telah diluluskan bajetnya tetapi sampai sekarang belum lagi dapat dilaksanakan. Demikian juga kompleks sukan di Tampin. Walaupun sudah diluluskan untuk dinaik taraf tetapi setakat ini masih lagi belum dapat dilaksanakan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tampin. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sibuti.

10.45 mlm.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 020100 – Belia dan Sukan. Di sini saya ingin mencadangkan kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga kementerian agar dapat meletakkan pegawai-pegawai mengikut struktur dan juga pentadbiran di negeri Sarawak. Ini kerana saya melihat terdapat banyak daerah-daerah baharu yang diwujudkan termasuk di kawasan Parlimen saya iaitu Daerah Subis dan juga kita ingin merasai kehadiran pihak KBS di kawasan Parlimen.

Berikutnya adalah Butiran 020500 – Patriotisme. Saya ingin mendapatkan penjelasan, adakah ini penerusan kepada Program BTN? Juga, adakah ini merupakan Program *Malaysian Future Leaders*? Saya juga ingin mendapatkan perincian berkenaan butiran ini.

Seterusnya adalah tentang Butiran 00119 – Projek Pembangunan Biro Tatanegara yang berjumlah RM2.5 juta. Saya ingin dapatkan penjelasan, apakah jenis bentuk pembangunan? Juga, adakah Biro Tatanegara ini telah dimansuhkan sepenuhnya?

Seterusnya adalah berkaitan Butiran 02000 – KRMD Sukan Air dan Udara. Saya mengucapkan terima kasih kerana pihak kementerian memberi belanjawan untuk sukan air dan juga udara. Memandangkan kawasan Parlimen Sibuti kerap mengadakan sukan air berbentuk *pump boat, jet ski, pump ski* dan ini merupakan satu potensi yang besar, saya berharap agar sekiranya kompleks rakan muda ini dapat diwujudkan di kawasan Parlimen Sibuti. Kita memberikan tumpuan kepada sukan air dan udara ini.

Seterusnya adalah berkenaan dengan Butiran 02400 – Gelanggang Sukan. Saya ingin menarik perhatian pihak kementerian agar bajet ini, belanjawan ini diguna pakai untuk pembangunan arena-arena *e-sport*. Secara kebiasaannya kita menceritakan berkenaan

gelanggang sukan futsal tetapi adakah kerajaan dapat mencuba satu idea baharu mewujudkan gelanggang *e-sport* terutamanya di kawasan-kawasan seperti Parlimen Sibuti.

Seterusnya tentang Butiran 030400 – Hari Sukan Negara. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian untuk tahun 2019 agar Program Hari Sukan Negara ini peruntukannya diberikan tumpuan terlebih dahulu kepada penganjuran Hari Sukan Negara di luar bandar ataupun di pedalaman. Ini kerana saya merasakan pihak KBS masih gagal lagi untuk membawa konsep Hari Sukan Negara ini ke kawasan-kawasan pedalaman seperti di Parlimen Baram ataupun di kawasan Parlimen Sibuti.

Bagi Butiran 04007 – Kajian Pembangunan Belia, saya ingin mengetahui apakah input-input yang telah diberi untuk Program TN50 akan diguna pakai oleh Kerajaan Malaysia yang baharu ini? Ini kerana terdapat banyak input-input yang telah diambil. Juga, adakah input-input ini akan digunakan untuk pembangunan belia? Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kementerian agar membelanjakan lebih sedikit belanjawan untuk menggubal ataupun mendrafkan satu polisi pembangunan belia yang baharu khusus untuk Malaysia dan juga lebih pergi ke dalam kepada khusus pembangunan belia di kawasan luar bandar.

Seterusnya juga bagi butiran gelanggang tadi iaitu Gelanggang Sukan juga, saya ingin mencadangkan dan juga menarik perhatian pihak kementerian agar dapat mewujudkan satu *dragstrip* ataupun trek lumba *drag* sekurang-kurangnya satu untuk negeri Sarawak bagi memenuhi peminat-peminat ataupun penggemar sukan permotoran laju ini.

■2250

Sekiranya pihak kementerian ingin mendapatkan tapak, saya dapat bekerjasama dengan kerajaan negeri menawarkan tapak yang sesuai untuk kita membina satu *dragstrip* khusus untuk penggemar-penggemar perlumbaan di negeri Sarawak kerana saya telah dapat tahu bahawa pihak KBS telah membina satu trek khusus untuk penggemar sukan permotoran di Sabah. Sekurang-kurangnya *dragstrip* ini lebih murah dan lebih banyak peminat dan dapat dibina di negeri Sarawak. Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Tumpat diikuti oleh Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Kuala Kangsar dan Yang Berhormat Segamat.

10.51 m.m.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat jawatankuasa di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Saya ingin menyentuh Butiran 020600 – Pembangunan Kemahiran Belia. Saya meneliti pelbagai program yang dirangka bagi meningkatkan kemahiran para belia khususnya melalui *rural outreach program* dan *talent outreach program*. Tambahan lagi terdapat pelbagai program *fellowship* yang disediakan dalam merealisasikan hasrat tersebut. Antaranya Perdana Fellowship, Parlimen Belia, Malaysian Future Leaders, School and Corporate Fellowship.

Soalan saya, sejauh manakah golongan belia luar bandar yang terlibat dalam pelbagai program yang dirancang ini serta apakah langkah-langkah pihak kementerian bagi meningkatkan partisipasi golongan belia luar bandar.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Tumpat, minta mencelah sikit. Bawah, nak tumpang mencelah sikit.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kangar.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Sila, sila.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tadi Yang Berhormat Tumpat sebut pasal Malaysian Future Leadership School ini, saya nak tahu bawah perincian butiran mana sebab saya dok cari-cari tak jumpa. Bukan Yang Berhormat Tumpat jawab, untuk minta Timbalan Menteri jawab nanti.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Okey, okey. *Insya-Allah*. Kira masuk dalam ucapan saya supaya dijawab oleh Yang Berhormat Menteri, *insya-Allah*.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Yang Berhormat Tumpat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Seterusnya Butiran 030200 – Emolumen Kakitangan Kontrak. Saya melihat peningkatan yang terlalu besar jumlah peruntukan perkhidmatan dan bekalan dalam butiran ini daripada RM1 juta kepada RM18 juta. Soalan saya, bolehkah kementerian memperincikan perkhidmatan dan bekalan berkenaan emolumen kakitangan kontrak dengan peruntukan yang besar ini.

Bagi Butiran 030600 – Emolumen Kakitangan Kontrak PLKN. Kementerian telah mengumumkan untuk membela nasib kira-kira 1,200 kakitangan kontrak PLKN di seluruh negara selepas kerajaan mengambil pendirian memansuhkan PLKN dan BTN. Soalan saya, apakah langkah pihak kementerian bagi membela nasib kakitangan kontrak ini dan berapakah peruntukan yang disalurkan terhadap perkara ini? Ini kerana kita lihat peruntukan lebih RM84 juta pada tahun 2018 telah dikosongkan, telah di-*zeroized*-kan.

Butiran 00119 – Projek Pembangunan Biro Tatanegara. Kita melihat peruntukan pembangunan di bawah butiran ini berjumlah RM2.5 juta lebih banyak daripada peruntukan tahun lalu. Kita juga telah dimaklumkan bahawa BTN antara yang telah dimansuhkan oleh pihak kerajaan. Jadi saya ingin bertanya, apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan butiran ini. Adakah pihak kementerian berhasrat untuk memperkenalkan semula pelaksanaan BTN dengan jumlah yang lebih besar berbanding dengan peruntukan tahun lepas.

Mengenai Butiran 00300. Menyentuh dengan jelas untuk menaiktarafkan Kompleks Sukan Labuan. Manakala Butiran 00601 pula untuk menaiktarafkan kompleks belia dan sukan negeri-negeri tanpa memperincikan jumlah peruntukan negeri-negeri seperti mana Butiran 00300 tadi untuk Labuan. Jadi saya mohon perincian untuk negeri-negeri khususnya saya ingin mengetahui peruntukan kepada negeri Kelantan.

Dalam tajuk yang hampir sama bagi Butiran 02400 – Gelanggang Sukan yang mana peruntukannya berkurangan hampir separuh berbanding tahun 2018. Apakah perinciannya? Apakah ianya melibatkan padang-padang bola? Saya mengharapkan Kementerian Belia dan

Sukan mengambil langkah-langkah serius bagi memastikan atau mewujudkan padang-padang bola yang sesuai dan mencukupi dengan keperluan belia bagi meningkatkan prestasi sukan bola sepak negara.

Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada pasukan Harimau Malaya di atas kejayaan. Setakat ini berjaya ke peringkat separuh akhir Piala AFF Suzuki 2018 dan mendoakan kejayaan dalam aksi timbal balik di Stadium Rajamangala malam esok. Mendoakan kejayaan. Saya juga ingin menyentuh, pada hari ini ada satu berita mengenai penderitaan ataupun kesusahan salah seorang daripada bekas pemain bola sepak Malaysia yang dikatakan terpaksa tidur di kaki lima dan sebagainya. Saya mengharapkan supaya—saya bersama merasai kesusahan yang dialami oleh ahli sukan tersebut dan mengharapkan supaya pihak kementerian sentiasa menjaga kepentingan ataupun kebajikan ahli-ahli sukan ini selepas mereka tidak lagi dapat memberikan khidmat sukan kepada negara. Sekian.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Setiu.

10.56 mlm.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang untuk membahaskan bajet peringkat Kementerian Belia dan Sukan. Yang pertama, saya pergi kepada Butiran 02060 berkaitan dengan Latihan Khidmat Negara. Yang saya nak sentuh di sini ialah banyak Pusat Latihan Khidmat Negara yang dah tak digunakan dan telah memberi kesan kepada pengusaha yang membuat pinjaman dengan pelbagai institusi kewangan dan ini perlu difikirkan balik oleh kerajaan bagi mengatasi apa yang mereka hadapi.

Yang kedua, berkaitan dengan Butiran 02301 iaitu berkaitan dengan Gelanggang Futsal 1Malaysia yang telah menelan kos berjuta-juta ringgit tetapi saya dimaklumkan gelanggang futsal tadi tidak ada kos penyelenggaraan dan projek tersebut akan dilupuskan begitu sahaja. Di Terengganu sahaja terdapat 93 buah gelanggang futsal terbuka ini yang telah siap dibina dan di Setiu sebanyak 15 projek gelanggang futsal ini berada dalam proses pelupusan. Jadi saya mengharapkan kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan supaya menyediakan kos untuk kita selenggara balik gelanggang futsal ini agar terus dapat digunakan oleh golongan belia kita.

Untuk akhirnya saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Terengganu kerana telah membuat satu peraturan baru kepada atlet bermula 2019 iaitu berpakaian menutup aurat. Saya amat sedih dan kesal dengan satu *statement* yang dibuat oleh Menteri Belia dan Sukan yang tak bersetuju dengan apa yang Kerajaan Terengganu buat dengan alasan tidak menghormati atlet dan juga boleh menjejaskan prestasi atlet. Namun apa yang saya dapati, banyak atlet yang berjaya walaupun mereka memakai pakaian yang menutup aurat. Sebagai contoh, olahragawati SUKMA 2018, Azreen Nabila yang datang dari daerah Setiu, dari Parlimen Setiu telah memenangi pingat emas 100 meter walaupun dalam keadaan berpakaian menutup aurat.

Begitu juga atlet yang bernama Zahra Lari, peluncur ais dari UAE. Begitu juga Kimia Alizadeh Zenoornin, seorang atlet tekwando yang telah menang pingat gangsa di Olimpik Rio de Janeiro. Seorang lagi, Ibtihaj Muhammad, pemain lawan pedang Amerika. Mereka kesemua ini memakai pakaian yang menutup aurat dan *alhamdulillah* mereka berjaya dalam bidang masing-masing tanpa menjejaskan prestasi mereka. Jadi saya mengharapkan supaya Yang Berhormat Menteri meneliti balik apa yang diucapkan dan syabas kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan saya mengharapkan supaya Kerajaan Persekutuan pun supaya mengambil langkah yang sama walaupun dalam cara yang beransur-ansur.

Setakat itu Tuan Pengerusi, *wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kuala Kangsar.

10.59 mlm.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya turut serta di peringkat Jawatankuasa Kementerian Belia dan Sukan. Pertama, kepada Butiran 04007 – Kajian Pembangunan Belia. Yang Berhormat Menteri, saya ingin memberi satu cabaran kepada Yang Berhormat Menteri. Sekiranya kaum wanita negara memperjuangkan 30 peratus partisipasi wanita di semua peringkat, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk memastikan orang muda Malaysia hendak perkara yang sama dengan menyasarkan mungkin tidak 30 peratus tetapi mungkin 20 peratus pembabitan orang muda di semua peringkat.

■ **2300**

Saya akan menjadi penyokong kuat Yang Berhormat Menteri sekiranya usaha sepertinya dibuat. Mungkin boleh mengikut peratusan populasi orang muda di Malaysia. [*Tepuk*] Yang Berhormat Menteri, *I hope you are listening loud and clear to me*, dengan izin.

Seterusnya Butiran 020100 – Belia dan Sukan, Butiran 02400 – Gelanggang Sukan, saya turut menyokong pandangan Yang Berhormat Pasir Mas dan juga Yang Berhormat Setiu mengenai pemakaian menutup aurat.

Tidak ada paksaan Yang Berhormat Menteri, kita hanya memberi opsyen-opsyen kepada mereka untuk memilih sama ada memakai baju yang patuh syariah atau tidak. Oleh sebab kita telah melihat dan menyaksikan berbagai-bagai kejayaan wanita-wanita yang patuh syariah di gelanggang sukan.

Sekarang saya pergi juga kepada hal berkaitan kawasan saya. Sebelum PRU-14, tiga kelulusan padang futsal di Parlimen saya iaitu futsal di Taman Bunga Raya, futsal di Kampung Mandah dan padang futsal di Kampung Sayong berdekatan Sekolah Kebangsaan Sayong. Setelah bertukar kerajaan semuanya terbatal. Saya mohon Yang Berhormat Menteri bagi pihak semua orang muda di Parlimen Kuala Kangsar tolonglah meneruskan pembinaan padang-padang futsal ini.

Saya juga memohon kepada Yang Berhormat Menteri supaya sekiranya ada acara-acara sukan di peringkat federal ataupun antarabangsa, pilihan-pilihan sukan tertentu saya menjemput

Yang Berhormat Menteri untuk mengadakan acara-acara sukan itu di Kuala Kangsar. Kita ada semua di Kuala Kangsar mungkin tidak bertaraf antarabangsa antaranya gelanggang-gelanggang tertentu tetapi saya pasti satu hari kalau saya meneruskan usaha ini saya mahu melihat suatu hari nanti Bandar Diraja Kuala Kangsar menjadi tumpuan orang muda Malaysia.

Akhir sekali, Butiran 040200 – Perluasan Program Pembangunan Ekonomi Belia. Yang Berhormat Menteri, nyatakan bagaimana hendak mengelakkan kadar migrasi yang tinggi dalam kalangan belia ke bandar. Kuala Kangsar adalah salah satu daripada bandar yang akan melalui fenomena ini. Sekiranya perkara-perkara tertentu tidak dibuat dalam bentuk serta-merta dan juga secara konklusif.

Apakah ruang ekonomi ini yang menjadi tumpuan Yang Berhormat Menteri untuk orang muda untuk memberhentikan migrasi ini? Kalau Yang Berhormat Menteri dapat mengatasi perkara ini dan juga sekiranya Yang Berhormat Menteri gagal merencana dan melaksanakan satu pelan yang komprehensif dan konklusif isu miskin bandar akan lebih meruncing. Usaha bersepadu harus dibuat dengan Kementerian Luar Bandar, Yang Berhormat Menteri. Itu sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Kangsar dan yang terakhir saya jemput Yang Berhormat Segamat.

11.03 mlm.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Butiran 020100 – Pembangunan Belia dan Sukan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan sama ada sukan catur itu dianggap sebagai sukan ataupun sebagai permainan kerana sering kali kita mendapati bahawa catur itu tidak dianggap sebagai sukan walaupun ianya merupakan satu pertandingan di peringkat antarabangsa. Maka saya hendak tanya adakah mereka akan masukannya sebagai salah satu sukan tumpuan dan jika begitu apakah mereka akan memberikan sokongan-sokongan kepada NGO-NGO dalam untuk bergiat dalam pembangunan insan ataupun intelek belia.

Keduanya, saya ingin nyatakan juga bahawa mengenai catur ini merupakan satu permainan ataupun sukan yang senang untuk kita sebarkan kepada semua kampung-kampung dan juga sebagainya kerana ianya tidak melibatkan kos yang banyak. Contohnya kita sudah ada *grandmaster* daripada Indonesia, *grandmaster* daripada India dan juga China tetapi di Malaysia ini kita ada bangsa Melayu, Cina dan juga India dan juga lain-lain tetapi kita tidak berjaya mewujudkan satu *grandmaster* dalam masa 61 tahun.

Apakah strategi yang ada pada Kementerian Belia dan Sukan untuk menyokong Persekutuan Catur Malaysia ataupun Malaysian Chess Federation. Manakala dengan Butiran 020600 – Pembangunan Kemahiran Belia dan juga sebagainya. Saya hendak ingin tanya kepada kementerian apakah jenis aktiviti dan juga jenis-jenis kemahiran belia yang dilaksanakan dan untuk di Johor dan juga bangsa Johor ataupun warga Segamat, apakah peruntukan dan juga sebagainya.

Butiran 02700 – Latihan Khidmat Negara. Saya ucapkan syabas kepada kementerian kerana menamatkan mengurangkan bajet kerana sudah tentunya semua pengusaha-pengusaha ini mengambil pinjaman dan juga sebagainya berdasarkan masa yang ditentukan maka saya pasti mereka sudah pun dapat *pay back period* tetapi yang pentingnya duit digunakan untuk perkara-perkara lain.

Mengenai Butiran 040200 – *One Off* Perluasan Program ataupun Pembangunan Ekonomi Belia saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah program-program yang diperluaskan ini. Adakah ia merupakan tambahan kepada program ataupun tempat. Jika ianya merupakan satu tempat dan juga sebagainya untuk membina ekonomi belia di luar bandar, saya mencadangkan agar warga FELDA dan boleh jadikan FELDA Palong Timur, Segamat sebagai projek yang pertama.

Juga mengenai Butiran 00100 – Institut Kemahiran Belia Negara dan juga sebagainya. Saya mendapati bahawa ada sedikit pengurangan hampir RM9 juta daripada peruntukan dan saya ingin tanya adakah ini kerana terdapat kurang permintaan yang menyebabkan terpaksa peruntukan itu dikurangkan atau apakah sebabnya dikurangkan. Adakah ini bermaksud Institut Kemahiran ini telah dapat beroperasi dengan lebih efisien maka dengan duit yang kurang itu mereka boleh beroperasi.

Mengenai Butiran 00616 – Pusat Latihan Khas dan saya perlu bertanya apakah sebanyak RM17 juta ini digunakan dan Pusat Latihan Khas ini adakah pusat latihan sukan ataupun mengenai kepimpinan. Kalau ia mengenai pusat latihan sukan saya mencadangkan agar pusat latihan catur juga diadakan agar Malaysia boleh menjadi teraju di peringkat Asia Tenggara.

Seterusnya Butiran 02001 – Kompleks Rakan Muda Daerah (KRMD). Maka saya mencadangkan bahawa kalau boleh kompleks-kompleks yang sedia ada ini dibantu tetapi yang baru juga contohnya di Gemas Baru di Segamat ataupun di kawasan FELDA kerana kadang-kadang hampir 15,000 warga FELDA ini dia tidak mempunyai kompleks sukan dan ini menyebabkan mereka terjebak dalam wabak dadah dan sebagainya.

Saya mendapati dalam tempoh tiga tahun yang terakhir hampir 70 peratus peningkatan kes-kes yang melibatkan maka saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri agar tolonglah masyarakat belia Melayu Islam di kawasan FELDA. Berikanlah mereka kemudahan yang sama seperti mereka yang diberikan di Puchong dan juga sebagainya. Berikan mereka sama rata untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan ini.

Butiran 02700 – Kompleks Sukan Komuniti dan ini saya cadangkan juga apakah Kementerian Belia dan Sukan ini adakan untuk warga FELDA dan juga sebagainya termasuk juga dengan Butiran 02400 – Gelanggang Sukan dan sebagainya. Saya mendapati di kawasan-kawasan FELDA agar kurang mempunyai kemudahan seperti ini. Contohnya di FELDA Palong Timur 2, 3, 4 dan 5, mereka hendak ke bandar pun hampir lebih 45 minit tetapi mereka tidak mempunyai kemudahan-kemudahan ini.

Maka saya difahamkan RM47 juta diberikan untuk gelanggang sukan maka saya tanya adakah Kementerian Belia dan Sukan akan memberikan perkhidmatan ini ataupun mengadakan infrastruktur di kawasan FELDA Palong Timur 2. Dengan ini saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang untuk bahas.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Segamat. Ahli-ahli Yang Berhormat seramai 15 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun berbahas dan sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan untuk menjawab, 30 minit.

11.08 mlm.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Sim Chee Keong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan juga terima kasih kepada 15 orang rakan seperjuangan saya yang telah bertungkus-lumus menanti masa sehingga hampir pukul 12 malam membangkitkan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Belia dan Sukan di peringkat Jawatankuasa ini.

Dalam banyak-banyak soalan saya rasa lebih kurang, sekurang-kurangnya bukan lebih kurang ada 50 soalan yang telah ditanyakan dan demi untuk menjimatkan masa mungkin saya boleh klasifikasikan soalan-soalan tersebut kepada beberapa jenis dan saya akan jawab secara keseluruhan.

■2310

Jikalau ada apa-apa maklumat yang tercicir, saya mengalu-alukan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk terus berjumpa dengan saya untuk mendapatkan maklumat yang lanjut. Saya suka di sini untuk bermula dengan pandangan ataupun ucapan daripada Ahli Yang Berhormat Kuala Kangsar yang telah melontarkan satu cabaran kepada saya. Di sini saya ingin menyahut cabaran tersebut dan berkongsi cabaran tersebut dengan seluruh Dewan yang mulia ini termasuk Ahli Parlimen Kuala Kangsar [*Tepuk*]... yang saya kira amat prihatin terhadap anak muda. Cabaran beliau adalah untuk memperbanyakkan atau meramaikan anak muda dalam peringkat-peringkat pembuat keputusan.

Suka saya ingin memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa dalam Dewan yang mulia ini sahaja kita ada 12 peratus Ahli Parlimen yang berumur di bawah 40 tahun. Angka ini kalau dibandingkan dengan peratusan Ahli Parlimen wanita angka Ahli Parlimen – anak muda di bawah 40 tahun adalah lebih tinggi daripada angka Ahli Parlimen wanita. Justeru, kita perlu mempertingkatkan lagi usaha untuk meramaikan penglibatan daripada kedua-dua sektor ini.

Suka juga saya sebut di dalam antara kalangan rakan seperjuangan saya sejak di dalam Kabinet dan juga barisan Timbalan Menteri kita ada sekurang-kurangnya enam orang menteri dan timbalan menteri yang berumur di bawah 40 tahun. Menteri sendiri telah menyatakan, Menteri kita sudah tentu berumur bawah 30 tahun. Beliau sendiri telah menyatakan atau mengumumkan penambahbaikan terhadap felo perdana dengan mewujudkan juga felo korporat di mana anak muda dijemput sebagai felo ataupun sebagai *apprentice* dalam mengikut model felo perdana itu kalau felo perdana di sebelah kerajaan, felo korporat untuk menempatkan anak

muda ini di dalam syarikat-syarikat korporat. Jadi ini juga usaha untuk meramaikan penglibatan anak muda dalam segala peringkat pembuat keputusan.

Isu yang saya rasa banyak dibangkitkan oleh rakan-rakan seperjuangan saya di dalam Dewan ini termasuk juga isu-isu sama ada akan membina kompleks sukan di kawasan mereka, akan menaik taraf kompleks sukan ataupun kompleks rakan muda, gelanggang-gelanggang sukan, gelanggang futsal di kawasan mereka itu, saya ingin suka hati memaklumkan bahawa kerajaan memang ada memperuntukkan peruntukan untuk menambah baik ataupun memperbaiki, menaik taraf serta membina kompleks-kompleks baru.

Akan tetapi ini juga saya ingin sebut bahawa kita ingin mengelakkan keadaan di mana kompleks atau kemudahan sukan, kemudahan anak muda ini dibina secara rambang, secara rawak dan didorong oleh pengaruh politik. Apa yang kita ingin lihat dan saya ingin memberikan pandangan ini bukan sahaja kepada Ahli Parlimen di sebelah pembangkang tetapi juga kepada Ahli Parlimen di sebelah kerajaan ini. Ayuh kita sebagai pemimpin di setiap kawasan kita jangan terdorong untuk ingin membina kemudahan-kemudahan sukan menggunakan dana kerajaan semata-mata untuk menunjukkan bahawa kita ada *delivery*.

Di sebelah KBS kita telah memohon di peringkat kementerian ini pegawai-pegawai untuk meneliti satu kerangka ataupun membuat satu kerangka di mana dasar, *facility* ataupun kemudahan sukan ini perlu diperkemas dan diperhalusi. Adakah kita akan membina kemudahan sukan mengikut *density*, kepadatan, jarak daripada kawasan perumahan dan sebagainya. Faktor-faktor ini semua kena diambil kira sebelum kita membuat keputusan untuk membina sesebuah kemudahan sukan ataupun kemudahan anak muda.

Oleh sebab dalam walaupun dalam masa singkat lima bulan dan enam bulan kita berada di kementerian ini, saya juga sempat melawat beberapa kemudahan sukan termasuk di kawasan Parlimen Bera, di kawasan Parlimen Raub, Bentong dan juga beberapa kawasan di negeri-negeri lain. Saya lihat banyak di antara kemudahan-kemudahan ini mempunyai penggunaannya yang amat rendah kerana telah dibina mungkin pada ketika itu tidak mengambil kira faktor-faktor yang lebih luas. Jadi saya harap, saya mohon satu kesabaran daripada Ahli-ahli Parlimen di sini yang memang saya rasa inginkan ada kemudahan sukan di kawasan mereka. Akan tetapi keduanya, satu kesefahaman bahawa kita perlu menggunakan dana kerajaan dalam aspek membina kompleks-kompleks sukan ini secara lebih berhemah, secara lebih objektif dan secara lebih saintifik.

Dalam aspek ini seperti yang saya katakan tadi KBS sedang melihat semula kerangka dasar bagaimana kita ingin mendirikan ataupun membangunkan kemudahan-kemudahan sukan di seluruh Malaysia ini. Dalam aspek permintaan secara spesifik, saya mohon kalau ada permintaan untuk menaik taraf dan membangunkan sila untuk mengemukakan permintaan tersebut kepada KBS dan boleh juga melalui pejabat saya ataupun pejabat Menteri.

Keduanya, saya lihat ada soalan tentang PLKN. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Jelutong bangun.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tandas, tandas.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Hendak tanya soalan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Bangun lari, Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sim Chee Keong: Jangan lari. Soalan-soalan tentang PLKN ini saya ingin memberikan satu – saya rasa kenyataan ini sudah diulangi berkali-kali iaitu kita telah pun memansuhkan program PLKN. Program ini akan digantikan dengan satu program melalui pendekatan baru iaitu *Malaysia Future Leaders School* ataupun Sekolah Pemimpin Masa Hadapan Malaysia.

Dalam program tersebut, rancangannya ialah kita akan mengadakan tiga peringkat pelaksanaan. Satu ialah pemilihan dan saringan di peringkat sekolah yang akan melibatkan lebih kurang satu juta orang pelajar berumur 15 tahun hingga 17 tahun. Daripada saringan satu juta orang pelajar ini, 60,000 orang pelajar akan dipilih. Nisbah pelajar dicadangkan 60 peratus terdiri daripada pelajar yang kita lihat ataupun pilih dari segi pencapaian akademik dan aktiviti kokurikulum manakala 40 peratus lagi akan dipilih daripada golongan pelajar yang memerlukan perhatian iaitu di kalangan belia-belia berisiko.

Di peringkat kedua pula, iaitu 60,000 pelajar yang kita pilih tersebut dari saringan peringkat pertama akan didedahkan dengan modul latihan kecemerlangan belia yang berbentuk dengan izin *summer camp*. Program ini akan dilaksanakan secara berkursus semasa cuti sekolah dan cadangan tempat-tempat latihan termasuklah di pusat-pusat milikan kerajaan contohnya kem-kem BTN dan kem PLKN terdahulu dan juga pusat-pusat swasta jikalau perlu seperti *outward bound school*. Sasaran daripada 60,000 orang pelajar ini kita akan sasarkan penglibatan sebanyak 10,000 pelajar.

Bagi peringkat ketiga pula, akan dijalankan pemilihan seramai 1,000 orang pelajar daripada peringkat kedua untuk menjalani program latihan pembentukan belia berwawasan negara. Ini di peringkat yang lebih tinggi supaya kita melatih anak muda yang kemudian harinya yang akan masuk ke komuniti masing-masing menjadi pengerusi surau, pengerusi tokong, pengerusi persatuan-persatuan tempatan, ketua-ketua di sektor korporat ataupun sektor awam. Mereka berbekalkan nilai-nilai yang dipupuk semasa Program *Malaysian Future Leaders School* ini akan mewujudkan satu generasi masa depan Malaysia yang lebih bersatu, lebih berhemah dan lebih progresif.

Beberapa kebimbangan daripada pihak Ahli Parlimen tentang kem-kem PLKN yang kem-kem program PLKN. Untuk makluman Ahli-ahli Parlimen yang membangkitkan isu ini kem-kem PLKN yang sedia ada sebenarnya kebanyakan merupakan pemilikan swasta dan disewa oleh Kementerian Pertahanan ketika program PLKN tersebut dilaksanakan.

■2320

Oleh kerana PLKN telah pun dimansuhkan dan kita melihat kepada keperluan yang lebih kurang daripada masa dahulu semasa menjalankan PLKN, maka kebanyakan daripada kem-kem milikan swasta ini tidak akan disewa semula. Ada beberapa kem yang telah diserapkan kepada Kementerian Pertahanan terutamanya kalau tidak silap saya daripada nota tadi di peringkat

negeri Sarawak. Jadi kebanyakan kem pihak swasta ini ataupun milikan swasta ini telah pun ditamatkan kontrak mereka.

Satu soalan yang juga dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Parlimen adalah tentang status pekerja kontrak bagi Majlis Sukan Negara dan juga Institut Sukan Negara. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seramai 407 orang pekerja kontrak di MSN dan 304 orang pekerja kontrak di ISN, mereka merupakan pekerja kontrak dan telah menerima notis untuk ditamatkan kontrak mereka. Walau bagaimanapun, 60 peratus daripada pekerja-pekerja tersebut iaitu jumlah keseluruhan tadi pekerja kontrak ialah 711 orang. 60 peratus daripada semua pekerja ini akan diserap semula iaitu 274 orang ke dalam MSN dan 169 orang ke dalam ISN.

Pekerja-pekerja yang tidak diserap semula, kita akan membantu memudah cara untuk mendapatkan pekerjaan. Contohnya pekerja-pekerja ini telah diminta untuk mengisi profil peribadi mereka bagi memudahkan pihak MSN dan ISN mengetengahkan resume ataupun profil tersebut kepada kementerian, agensi lain dan juga syarikat-syarikat yang mungkin mempunyai kekosongan kerja bagi menyerap pekerja-pekerja tersebut. Bagi pekerja-pekerja yang ditamatkan kontrak, ada beberapa sebab. Contohnya kita telah ada lebih pekerja dalam suatu program tersebut, ada pertindihan tugas.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *[Bangun]*

Tuan Sim Chee Keong: Sekejap, saya habiskan ini dan saya akan berikan. Ada masalah-masalah disiplin dan sebagainya. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak ke belakang sedikit berkaitan kem PLKN Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi. Saya agak tidak pasti yang mana yang akan digunakan untuk buat sekolah masa depan tadi dan yang mana yang ditamatkan kontrak. Oleh sebab saya difahamkan kem-kem PLKN yang telah ada kontrak sehingga tahun 2020 ini, apakah nasib kem-kem ini. Adakah seperti mana Yang Berhormat Menteri beritahu tidak akan diteruskan dan bagaimana kementerian melihat ketidakadilan atas perjanjian yang telah dibuat oleh kem PLKN dengan Kementerian Pertahanan yang telah dipindahkan di bawah kementerian Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Tuan Sim Chee Keong: Terima kasih Yang Berhormat. Makluman ataupun butiran lanjut kepada apa yang saya katakan tadi ialah semua aset-aset dan peralatan yang digunakan semasa program PLKN sedang diuruskan bersama antara KBS dan juga JLKN dan kita dalam proses untuk pemindahan dan juga pelupusan sebahagian daripada aset tersebut.

Beberapa kem PLKN seperti kem PLKN di Sarawak akan diambil alih oleh Angkatan Tentera Malaysia sebagai kem rejimen sempadan manakala kem-kem lain telah pun ditamatkan kontrak. So, memang telah pun ditamatkan kontrak, dari segi itu. Kita telah membuat penamatan kontrak itu di atas klausa 36 kontrak-kontrak yang telah ditandatangani iaitu atas kepentingan negara.

Untuk Program *Malaysian Future Leaders School*, seperti yang saya katakan tadi kita akan menggunakan kem-kem sedia ada termasuklah kem-kem BTN yang kebanyakannya milikan kerajaan. Jika perlu, kita akan membuat rundingan dengan pihak swasta termasuk—kalau perlu termasuk kem-kem yang sebelum ini di bawah PLKN ataupun dengan sekolah-sekolah ataupun kem-kem seperti *outward bound school*. Jadi kebanyakannya akan kita gunakan kem BTN yang milikan kerajaan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Maksudnya modulnya masih sama cuma diadakan di tempat berbeza?

Tuan Sim Chee Keong: Modulnya memang berbeza. Dari segi umur pun kita sudah lihat ada perbezaan iaitu dahulunya adalah selepas 17 tahun dan kini kita akan buat untuk yang berumur 15 tahun hingga 17 tahun.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Maksud saya modul yang dibuat di *outward bound school* dan juga di BTN. Saya *just— for your information my research* dahulu I buat di *outward bound school*.

Tuan Sim Chee Keong: *Alright*. Mungkin boleh dapatkan juga input daripada Yang Berhormat bagi memperhalus program yang bakal kita anjurkan.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Menteri, minta laluan. Adakah semua yang berumur sebagaimana disebut tadi wajib memasuki *Malaysia Leaders* tadi tanpa pengecualian?

Tuan Sim Chee Keong: Saya telah sebut tadi kita akan menjalankan saringan. Jadi dalam kalangan umur 15 tahun hingga 17 tahun, lebih kurang sejuta orang pelajar di sekolah akan disaring untuk kita pilih 60,000 orang anak muda. Jadi saya percaya, apabila maklumat-maklumat lanjut tentang proses penyertaan dan proses rayuan tentang penyertaan ini dikeluarkan, sudah tentu kita akan masukkan juga garis panduan untuk rayuan-rayuan kalau ada pelajar yang mungkin tidak dipilih dan ingin masuk dan juga ada pelajar atau peserta yang dipilih tetapi atas sebab-sebab tertentu tidak dapat menghadiri kem-kem ini.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Satu Tuan Pengerusi. Berkaitan yang disebutkan umur 15 tahun ke 17 tahun Yang Berhormat Menteri, saya harap pihak kementerian Yang Berhormat Menteri memahami semasa penyertaan PLKN tidak semua pun diambil untuk menjadi peserta PLKN dan sejuta ini adakah juga nanti apabila disaringkan 60,000 ini atas sukarela atau paksa rela. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Sim Chee Keong: Saringan peringkat pertama akan dilaksanakan di peringkat sekolah dengan kerjasama Kementerian Pendidikan. Jadi saya rasa masalah utama ialah bagaimana kerajaan menonjolkan kualiti dan juga menawarkan program yang mempunyai impak kepada masa depan anak muda ini.

Jikalau program yang diketengahkan itu merupakan program berkualiti tinggi, mempunyai piawaian sehingga piawaian antarabangsa dan diiktiraf oleh bukan sahaja di pihak kerajaan tetapi diiktiraf oleh pihak swasta ini, di mana lepasan-lepasan *Malaysian Future Leaders School* ini akan dianggap sebagai golongan anak muda yang hebat maka saya rasa tidak ada

masalah untuk menarik penyertaan anak muda dan kita tidak perlu melakukan paksaan saringan apabila dipilih, mungkin yang tidak dapat dipilih sekalipun mereka ibu bapa atau mereka sendiri akan cuba untuk memohon kemasukan tersebut.

Jadi saya teruskan sebab masa sudah pun lewat.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Satu sedikit, setengah minit sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada 10 minit lagi.

Tuan Sim Chee Keong: Okey, okey silakan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Oleh sebab saya hendak Yang Berhormat Menteri mungkin boleh bincang di peringkat Jawatankuasa nanti sebab naratif kalau di PLKN bukanlah seperti mana yang *Malaysian Future Leaders School* ini kerana ini kita hendak melahirkan pemimpin. Di sana kita hendak melahirkan anak muda yang ada patriotisme dalam PLKN tempoh hari.

Jadi saya harap harus diambil kira naratif yang berbeza ini. Jangan kita nanti timbul pula satu polemik kenapa ramai yang tidak dapat dipilih dan ada pemilihan-pemilihan yang berat sebelah. Terima kasih.

Tuan Sim Chee Keong: Memang seperti yang kita katakan dari mula, model Program *Malaysian Future Leaders School* adalah model yang berbeza sebab kita nampak ada kekurangan dalam program PLKN. Justeru itu, kita memansuhkan program itu dan memperkenalkan program yang baru ini.

Saya teruskan sebab saya rasa masa pun sudah suntuk. Satu lagi soalan yang sering ditanya adalah soalan tentang dana kepada NGO-NGO belia. Di sini saya ingin memberikan jaminan kepada semua Ahli Parlimen terutamanya yang telah mengemukakan persoalan ataupun kebimbangan terhadap dana NGO belia ini bahawa pihak KBS tetap ada dana untuk disalurkan kepada persatuan-persatuan belia dan kita masih sedang dan akan terus bekerjasama dengan persatuan-persatuan belia sedia ada, persatuan-persatuan belia tradisional termasuk melalui Majlis Belia Negara.

■2330

Walau bagaimanapun, kita di KBS sedang memperhalus cara-cara dana-dana ini boleh dipohon kerana kita ingin melihat kecekapan terutamanya dalam menggunakan dan memaksimumkan penggunaan dana kerajaan. Satu. Kedua, kita perlu ada ketelusan dalam bukan sahaja penyaluran dana tetapi apabila dana itu telah disalurkan, ketelusan dari segi penggunaan dana tersebut di pihak pemohon. Ketiga, kita juga berhasrat untuk memperluaskan lagi pemberian ataupun penyaluran, *the distribution*, penyebaran dana ini kepada persatuan-persatuan belia bukan perdana yang mungkin dahulunya tercicir daripada pandangan ataupun daripada kerangka program-program kerajaan. Jadi, kita berhasrat untuk memperluaskan lagi program-program ini.

Banyak sangat, 50 soalan. Kena tengok yang mana dah jawab, yang mana belum lagi jawab. [Disampuk] Okey, relaks, relaks. Program MACE. Tadi ada disebut tentang program-program MACE. Seperti yang Yang Berhormat Paya Besar bangkitkan tadi, memang program

MACE ini telah lama diperkenalkan iaitu sejak tahun 2016. Walau bagaimanapun, kita lihat ada kelemahan-kelemahan ataupun ada jurang-jurang tertentu dalam program tersebut. Justeru mulai tahun hadapan, program MACE akan diperkukuhkan dan dipertingkatkan demi untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik terutamanya dari segi khidmat rundingan pendidikan dan juga khidmat rundingan kerjaya untuk atlet-atlet Malaysia.

Saya mengambil kira makluman daripada Ahli Yang Berhormat Sibuti untuk meletakkan pegawai-pegawai belia dan sukan mengikut struktur kawasan pentadbiran di negeri Sarawak dan kita akan membuat pertimbangan dalam kementerian untuk tujuan tersebut.

Saya rasa secara amnya telah – Tentang TN50 ada juga, dua orang termasuk Yang Berhormat Bera yang telah membangkitkan tentang input-input daripada program-program dialog TN50 terutamanya kepada anak muda dan input tersebut terkandung dalam apa yang kita panggil Kanvas Belia TN50 oleh kerajaan terdahulu. Perkara ini juga telah saya sebut banyak kali dalam Dewan ini dan juga di luar Dewan iaitu kita mengambil kira apa sahaja input walaupun daripada kerajaan terdahulu, pentadbiran terdahulu, kita ambil input itu kerana input itu sebenar-benarnya daripada anak muda. Input itu akan digunakan oleh pentadbiran ini untuk merangka dasar-dasar dan juga program-program kita di masa hadapan nanti.

Saya rasa itu sahaja mungkin secara amnya, soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini. Seperti yang saya katakan dalam pendahuluan saya, jikalau perlu butiran-butiran secara lebih lanjut lagi, kita boleh bincang di luar sana. Terima kasih.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Pengerusi, satu, satu sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Boleh dijawab secara bertulis Yang Berhormat.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Pengerusi, satu sahaja.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Soalan yang Pasir Mas bangkit, pemakaian patuh syariah. Mohon bertulis ya Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya juga minta mengenai catur tadi itu, memang mereka didaftarkan di bawah *registrar of Sports Commissioner*. Saya minta diberikan bertulis secara terperinci kerana ia selalu ditinggalkan. Terima kasih.

Tuan Sim Chee Keong: Boleh, boleh.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, banyak soalan saya tak dijawab berkaitan lantikan politik semua ini. Jadi kalau nak jawab secara bertulis, saya faham.

Tuan Sim Chee Keong: Saya akan berikan secara bertulis.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Akan tetapi di peringkat dasar pun Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, janji nak bagi jawapan bertulis. Sampai sekarang pun kita orang tak dapat.

Tuan Sim Chee Keong: Saya minta supaya kalau ada apa-apa jawapan yang belum dapat, sila kemukakan terus ke pejabat saya.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Di peringkat dasar.

Tuan Sim Chee Keong: Ya, sila kemukakan. Mungkin ada yang tercicir, tetapi saya minta supaya kemukakan. Terima kasih.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Belajar macam mana Menteri Pendidikan.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu, kos penyelenggaraan gelanggang futsal itu yang – minta jawapan bertulis ya.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya memohon Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta satu-satu dahulu. Minta Yang Berhormat Setiu dahulu. Yang Berhormat Setiu.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu minta jawapan bertulis berkait dengan persoalan Gelanggang Futsal 1Malaysia itu yang tiada penyelenggaraan dan dalam proses penghapusan. Jadi, minta jawapan bertulis.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta jawapan bertulis Yang Berhormat. Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya minta Tuan Pengerusi buat *ruling* kerana saya banyak dijanjikan jawapan bertulis sama ada perbahasan di peringkat dasar, perbahasan di peringkat Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, dijanjikan oleh Menteri untuk jawapan bertulis tetapi setakat hari ini belum kita menerima. Jadi kalau Tuan Pengerusi boleh buat *ruling* ini mewajibkan Menteri yang tak jawab kerana kita yakin pegawai-pegawai yang dekat belakang itu mereka mencatat. Kita memahami Menteri yang ada pada hari ini, barangkali masih lagi baharu dan banyak lagi yang perlu dikuasai. Jadi, kita nak jawapan bertulis. Minta *ruling*.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Pengerusi, saya harap sangat seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pengkalan Chepa tadi. Banyak sangat soalan yang kita kemukakan di peringkat dasar, di peringkat jawatankuasa juga anggota pentadbiran berjanji untuk secara bertulis. Akan tetapi kita tinggal masa beberapa hari lagi untuk bersidang. Boleh?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Saya minta supaya kementerian...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Bukan Kementerian Belia dan Sukan sahaja, kementerian lain pun banyak.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Untuk menjawab secara bertulis mana yang tidak sempat pada hari ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Paya Besar, jangan selalu salahkan anggota pentadbiran.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Nak salahkan siapa? Yang Berhormat Jelutong?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan menjawab soalan yang telah dikemukakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM663,610,000 untuk Maksud B.45 di bawah Kementerian Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM663,610,000 untuk Maksud B.45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM377,777,800 untuk Maksud P.45 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2019 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM377,777,800 untuk Maksud P.45 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2019]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu, 5 Disember 2018. Terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 11.38 malam]